

**PUISI-PUISI
KEBANGSAAN
1913 – 1957**

PUISI-PUISI KEBANGSAAN 1913 – 1957

Diselenggarakan oleh
Abdul Latiff Abu Bakar

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1987**

KK. 891 - 73524 5101

Cetakan Pertama 1987

© Hakcipta Penyusun: Abdul Latiff Abu Bakar

Karya: penyair, Penerbitan: Dewan Bahasa dan Pustaka 1987

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, ni kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan terakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Dicaturhuruf oleh: Dewan Bahasa dan Pustaka

Muka Taip Teks: Bembo

Saiz Taip Teks: 11/12 Poin

11

891.231008

241

Dicetak oleh:

Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka

Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS

Ampang/Hulu Kelang, Selangor

\$18.00

620432

22 SEP. 1993

Perpustakaan Negara

Malaysia

KATA PENGANTAR

Sejarah Gerakan Kebangsaan (1906-1957)

NASIONALISME merupakan sentimen di kalangan penghuni sesuatu wilayah yang tertentu. Perasaan ini dapat dilihat apabila rakyat sesuatu wilayah itu menggunakan lambang-lambang tertentu seperti sempadan dan ibu kota bagi menentukan taraf negara bangsa, keperibadian kebangsaan, kewarganegaraan, bahasa kebangsaan, ekonomi, kebudayaan dan kesenian, bendera, lagu kebangsaan dan lain-lain. Patriotisme pula merupakan perasaan ketertiaan kepada negara dan menjadi unsur penting nasionalisme.¹

Secara nyata, nasionalisme adalah satu gerakan kesedaran yang menumpukan perhatian bagi menentukan nasib sendiri, bangsa dan negara untuk mencapai kebebasan dan kesejahteraan serta memupuk keperibadian sejati. Ini berpunca daripada tekanan dan pengaruh asing atau penjajah sehingga anak negeri merasa lemah dan tertinggal dalam lapangan ekonomi, sosial, politik dan kebudayaan.²

Pada awal abad ke-20, nasionalisme menjadi soal yang menonjol di Asia Tenggara. Pendidikan Barat telah memberikan makna baru pada hak asasi manusia, persamaan, kebebasan dan kemerdekaan.

Di Tanah Melayu, orang-orang Melayu telah memainkan peranan penting dalam memperjuangkan nasib bangsanya pada zaman penjajahan Inggeris. Pengertian 'kebangsaan' dihayati oleh orang-orang Melayu kerana ia dikaitkan dengan perjuangan me-

¹Lihat James P. Ongkili, 1971/72. "Perkembangan Nasionalisme", *JEBAT*, Jurnal Persatuan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bil. 1, 1971/72, hlm. 24-41.

²Elie Kedourie, 1966. *Nationalism*, London: Hutchinson University Library, hlm. 73-74.

negakkan maruah bangsa dan negara dalam menentang penjajah..

Pada umumnya, pengkaji-pengkaji sejarah membahagikan tahap perkembangan gerakan kebangsaan sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan kepada tiga peringkat:

- (i) 1906-1941 Gerakan Awal Zaman Inggeris.
- (ii) 1942-1945 Gerakan Zaman Jepun.
- (iii) 1946-1957 Gerakan Menjelang Kemerdekaan.

Pengkaji-pengkaji sejarah seperti Radin Soenarno dan William R. Roff meletakkan 1906 sebagai tahun bermulanya gerakan kebangsaan. Peringkat awal gerakan ini adalah melalui pengaruh agama. Pengaruh dari Timur Tengah telah mendorongkan kemunculan gerakan pembaharuan Islam di Tanah Melayu yang dipimpin oleh Syeikh Tahir Jalaluddin, Haji Abas Muhammad Taha dan Syed Syeikh Ahmad Al-Hadi. Mereka bergerak melalui majalah *Al-Imam* (1906), *Tunas Melayu* (1913), *Al-Ikhwan* (1926), mengeluarkan risalah-risalah, syarah-syarah agama dan mewujudkan madrasah-madrasah.

Sebelum Perang Dunia II, tanggapan orang Melayu terhadap politik berlainan daripada apa yang muncul mulai 1945. Ogos Melayu waktu sebelum perang lebih mengenali 'watan' daripada 'negara' dan 'siasat/siasah' daripada 'politik'. Cita-cita politik mereka keseluruhannya agak terbatas – mereka mahu mengekalkan pemerintahan di bawah naungan British dan taat setia yang diberikan kepada seseorang raja lebih kuat daripada perasaan 'kebangsaan' (dalam konteks yang lebih luas iaitu tertumpu kepada Tanah Melayu sebagai satu entiti politik). Walaupun dalam tahun-tahun 1920-an dan 1930-an telah muncul golongan yang bersikap radikal, iaitu menentang *establishment* dan membayangkan kemungkinan bercantum dengan Indonesia, bilangan aktivis radikal ini tidaklah besar.³

Dengan munculnya Kesatuan Melayu Singapura (KMS) pada 1926, orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu turut menyokong penubuhannya dan bercita-cita pula mewujudkan persatuan (persekituan) yang berunsur politik. Setelah diwujudkan persatuan-persatuan Melayu di beberapa negeri Melayu, me-

³Lihat Abdul Latiff Abu Bakar, 1980. "Akhbar Melayu dan Penubuhan Persatuan-Persatuan Negeri Melayu, 1926-1941", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 90-91.

reka mencadangkan supaya diadakan Kongres Melayu (diwakili oleh persatuan-persatuan negeri-negeri Melayu) dan seterusnya mewujudkan Persekutuan Melayu iaitu gabungan persatuan-persatuan negeri-negeri Melayu yang berpusat di Kuala Lumpur. Banyak juga persatuan Melayu lahir di sekitar tahun 1937-1941. Walau bagaimanapun, mereka hanya berjaya mengadakan Kongres Melayu yang pertama pada 6 Ogos 1938 di Kuala Lumpur dan Kongres Melayu yang kedua pada 25 dan 26 Disember 1940 di Singapura. Cita-cita mereka untuk mewujudkan gabungan persatuan-persatuan Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu masih menemui jalan buntu. Pendek kata, orang Melayu, sehingga tahun 1941, masih belum berjaya lagi mewujudkan satu persatuan yang merangkumi semua persatuan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu.

Pada tahun 1926, Kesatuan Melayu Singapura diasaskan. KMS ialah pergerakan separuh politik Melayu yang pertama dan dipimpin oleh Mohd. Yunus Abdullah. Antara tujuan penting KMS ialah menggalakkan ahli-ahlinya bergerak aktif dalam urusan-urusan dan pentadbiran, memperjuangkan kemajuan dan kepentingan orang Melayu dalam lapangan politik dan pelajaran, membuat permohonan kepada pihak Inggeris berhubung dengan hak dan kebebasan orang Melayu dan mengambil berat tentang pelajaran tinggi serta teknik di kalangan orang Melayu.

KMS yang aktif di Singapura itu telah mendapat perhatian penduduk-penduduk di Tanah Melayu. Kewartawanan Melayu memainkan peranan penting dengan memberi kesedaran kepada pembaca-pembaca tentang perlunya diwujudkan persatuan politik di negeri-negeri Melayu seperti KMS. Wartawan dan penulis ini tidaklah bertujuan mencabar pemerintahan Inggeris, mereka ingin menjadikan persatuan-persatuan tersebut sebagai salah satu saluran bagi membela nasib orang Melayu dalam hubungan dengan pihak Inggeris. Persatuan-persatuan tersebut hendaklah menyusun satu perlembagaan mengikut undang-undang negeri serta mentaati kerajaan Inggeris dan raja-raja Melayu.

Pada tahun 1927, pentadbiran Inggeris telah melantik empat orang wakil Melayu di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan bagi mewakili orang Melayu di dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Peluang yang diberikan oleh pihak Inggeris ini telah mendapat perhatian golongan wartawan dan para cerdik pandai Melayu ketika itu bagi memperkuatkannya kedudukan mereka dengan menu-

bukan persatuan-persatuan yang bercorak politik. Melalui persatuan Melayu yang dicadangkan ini, orang Melayu dapatlah menyampaikan hasrat mereka kepada pihak Inggeris di samping saluran wakil-wakil Melayu di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan seperti Raja Chulan, Undang Rembau dan lain-lain.

Kemasukan orang asing ke Tanah Melayu merupakan salah satu faktor yang membangkitkan kesedaran orang Melayu tentang perlunya diwujudkan persatuan politik. Bilangan orang asing yang bertambah ramai di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah menimbulkan kerisauan orang Melayu, lebih-lebih lagi orang asing, terutama Cina dan India, telah menguasai lapangan perniagaan serta bekerja di lombong, ladang getah malah di pejabat-pejabat kerajaan. Wakil-wakil asing di dalam Majlis Mesyuarat, terutama di Majlis Perundangan Negeri Selat, Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Mesyuarat di Negeri-negeri Melayu Bersekutu sering membela kepentingan orang asing di Tanah Melayu. Jika dibandingkan dengan wakil-wakil Melayu (raja-raja dan pembesar-pembesar), wakil orang asing ini lebih lantang bersuara.

Antara wakil-wakil Cina yang aktif di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan ialah Choo Kia Peng (1920-1927), Cheah Cheang Lim (1927-1934), San Ah Wing (1931) dan Lai Tet Loke. Wakil India, iaitu Subbiah Naidu Veerasamy buat pertama kalinya dilantik ke Majlis Mesyuarat Persekutuan bagi mewakili orang India di Tanah Melayu pada bulan Februari 1928.

Di Negeri-negeri Selat, Tan Cheng Lock dan Lim Ching Yan adalah di antara wakil Cina yang aktif di dalam Majlis Perundangan pada tahun 1930-an. Di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan, Choo Kia Peng pernah menentang perlaksanaan dasar desentralisasi, menggesa pihak Inggeris mengambil berat tentang nasib buruh Cina yang tidak bekerja, soal kerakyatan dan sebagainya. Pada tahun 1931, San Ah Wing telah menggesa pihak Inggeris memberi tanah dan bantuan kepada buruh Cina yang tidak bekerja supaya mereka dapat menjalankan pertanian secara kecil-kecilan. Di dalam Majlis Perundangan, Tan Cheng Lock turut membuat pembelaan terhadap kepentingan orang Cina dan beliau tidak bersetuju bahawa Melayu dijadikan bahasa rasmi dan digunakan oleh penduduk-penduduk dari bangsa asing di Negeri-negeri Selat.

Bagi mendapatkan sokongan daripada pihak Inggeris, biasa-

nya wakil-wakil Cina ini mengagung-agungkan sikap dan kebesaran bangsa Cina yang turut memajukan Tanah Melayu. Ketika pihak Inggeris hendak melaksanakan Alien Bill (iaitu peraturan bagi mengawal orang asing datang ke Tanah Melayu), wakil Cina di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan iaitu, San Ah Wing telah mensifatkan Alien Bill sebagai suatu peraturan diskriminasi terhadap orang Cina di Tanah Melayu. Bagi beliau, pentadbiran Inggeris tidak patut berbuat demikian kerana orang Cina merupakan tulang belakang yang membangunkan Tanah Melayu.

Dasar desentralisasi (yang lebih menguntungkan orang Melayu) telah mula dijalankan semasa Sir Lawrence Guillemard menjadi Pesuruhjaya Tinggi di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (1920-1927). Pada tahun 1924, pihak Inggeris telah mula melaksanakan dasar desentralisasi (secara beransur-ansur) bagi menambahkan kuasa Majlis Mesyuarat Negeri. Belanjawan di tiap-tiap negeri telah dikemukakan di dalam Majlis Mesyuarat Negeri dan tidak lagi di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan.

Pada tahun 1927, Raja Melayu tidak lagi menghadiri mesyuarat di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan. Sebagai gantinya, empat wakil Melayu telah dilantik menjadi wakil yang tidak rasmi di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan, iaitu Datuk Setia Raja Abdullah bin Haji Dahan (Undang Rembau) dan Raja Musa Udin bin Sultan Alaidin Sulaiman Syah (Raja Muda Selangor), Raja Chulan (Raja di Hilir Perak) dan Tengku Sulaiman (Tengku Besar Pahang). Di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan, Undang Rembau dan Raja Chulan sahaja yang selalu membuat pertanyaan dan mengemukakan cadangan yang berhubung dengan kepentingan orang Melayu seperti pelajaran, ekonomi, tanah simpanan, penglibatan orang Melayu dalam jentera pentadbiran dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, Raja-raja Melayu tetap menjadi simbol perpaduan bagi orang Melayu di samping menjadi ketua hal ehwal adat resam Melayu dan agama Islam. Ketaatan orang Melayu kepada raja-raja mereka tetap kekal. Para intelek Melayu sedar akan hakikat bahawa pihak Inggeris adalah bertanggungjawab tentang pemerintahan di Tanah Melayu – Raja-raja Melayu hanya menjadi 'lambang kekuasaan' dan wakil Melayu yang dilantik di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan dijadikan sebagai 'alat' untuk mewakili suara orang Melayu.

Memandangkan persatuan-persatuan Melayu yang telah wu-

jud bercorak kenegerian, Ibrahim Hj. Yaakob, (lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim) telah menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1938. KMM telah ditubuhkan secara 'bawah tanah' (berpusat di Kuala Lumpur) dan memperjuangkan nasib orang-orang Melayu pada keseluruhannya. Pada tahun 1941, Ibrahim Hj. Yaakob telah memesatkan pertubuhan KMM di peringkat negeri dan membeli syarikat akhbar *Warta Malaya* dengan mendapat bantuan kewangan daripada Jepun. Umumnya, ahli-ahli KMM telah menggunakan akhbar sebagai pentas perjuangannya, terutama sekali membela dan memperjuangkan nasib bangsa Melayu.

Semasa pendudukan Jepun (1941-45), semangat kebangsaan orang-orang Melayu tetap bergerak tetapi dalam nada yang berbeza. Kesatuan Melayu Muda (KMM) di bawah pimpinan Ibrahim Hj. Yaakob bergerak sehingga tahun 1942. KMM telah memainkan peranan menyatukan orang-orang Melayu dan bekerjasama dengan pemerintah Jepun dalam menghadapi cabaran-cabaran ketika itu. Pemimpin-pemimpin KMM seperti Ibrahim Hj. Yaakob, Mustapa Hussein, Hassan Manan dan Karim Rashid mempunyai perhubungan yang rapat dan bekerja dengan Jepun. Dan kebanyakannya daripada mereka telah dilantik menjadi pegawai-pegawai kanan dalam angkatan Gui-Gun (tentera pembela tanahair) pada tahun 1943.

Apabila Jepun mulai merasa tidak dapat bertahan lama di Tanah Melayu (1944), pemerintah Jepun telah memberi kerjasama dan sokongan moral kepada pemimpin-pemimpin KMM untuk bergerak cergas dalam politik Tanah Melayu. Pemerintah Jepun memberi sokongan kepada Ibrahim Hj. Yaakob untuk mewujudkan kerjasama dengan pemimpin-pemimpin kebangsaan Indonesia.

Pada bulan Julai 1945, Ibrahim Hj. Yaakob telah menubuhkan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) bagi menggantikan KMM. Pertubuhan ini telah mendorongkan satu pertemuan antara Sukarno-Hatta dengan Ibrahim Hj. Yaakob di Taiping pada 12 Ogos 1945. Pertemuan ini telah menjanjikan satu persetujuan untuk mengisyiharkan kemerdekaan Indonesia bersama-sama Tanah Melayu.

Gerakan kebangsaan di zaman pendudukan Jepun tidak bergerak bebas. Pemimpin-pemimpin KMM dan wartawan-wartawan, serta pegawai-pegawai Jepun sentiasa diawasi, sebaliknya

mereka dikehendaki patuh pada pemerintahan Jepun dan menjalankan propaganda untuk kepentingan Jepun. Di antaranya ialah propaganda yang berkaitan dengan pemerintahan Jepun yang sentiasa bertanggungjawab terhadap nasib bangsa kaum bumiputera. Ini memberi peluang kepada pejuang-pejuang kebangsaan mengambil inisiatif menaikkan semangat rakyat Malaysia, terutama orang-orang Melayu agar bekerja keras dan mempunyai semangat waja dalam menghadapi segala cabaran. Pada masa inilah, pejuang-pejuang kebangsaan mengambil kesempatan mengkritik penjajah Inggeris dengan lebih berterus terang.

Namun, Indonesia telah mengisyitiharkan kemerdekaan pada 17 Ogos 1945, tanpa Tanah Melayu. Pemimpin-pemimpin KMM/KRIS iaitu Ibrahim Hj. Yaakob, Hassan Hj. Manan, A. Karim Rashid telah terbang ke Indonesia untuk meneruskan perjuangan mereka di sana.

Setelah Jepun menyerah kalah pada 14 Ogos 1945, Parti Komunis Malaya (yang kebanyakannya terdiri dari orang-orang Cina) telah menguasai Tanah Melayu selama 14 hari. Dan pemerintah Inggeris mula menguasai dan menduduki semula Tanah Melayu di bawah pentadbiran ketenteraan British. Pada 10 Oktober 1945, Setiausaha bagi Tanah Jajahan telah membuat pengumuman tentang rancangan Inggeris untuk mewujudkan pemerintahan Malayan Union yang bertaraf tanah jajahan.

Umumnya, masyarakat Melayu membantah rancangan Malayan Union kerana meletakkan Tanah Melayu sebagai tanah jajahan Inggeris dan raja-raja Melayu tidak mempunyai kuasa seperti sebelum 1941. Walaupun Sir Harold Mac Michael telah mendapat tandatangan daripada raja-raja Melayu secara paksa, orang-orang Melayu tetap membantah keras perlaksanaan Malayan Union.

Pada 18 Oktober 1945, pejuang-pejuang kebangsaan yang anti penjajah Inggeris telah bersatu menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) di bawah pimpinan Moktaruddin Laso, Dr. Burhanuddin Al-Helmi, Dahari Ali, Ahmad Boestamam dan lain-lain. PKMM memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu bergabung dengan Indonesia yang membawa slogan "Indonesia-Malaya Satu".

Walaupun PKMM merupakan parti politik Melayu yang pertama selepas pendudukan Jepun, tetapi ia tidak berjaya menyatupadukan masyarakat Melayu menentang penjajah Inggeris.

Sebaliknya, perjuangan PKMM yang inginkan kemerdekaan Tanah Melayu telah tidak disokong dan disenangi oleh Inggeris.

Pembentukan Malayan Union pada 1 April 1946 telah menyemarakkan lagi semangat orang-orang Melayu bersatu di bawah satu payung perjuangan. Pada 11 Mei 1946, orang-orang Melayu telah membentuk Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), di bawah pimpinan Datuk Onn Jaafar. Perjuangan UMNO adalah semata-mata menentang pentadbiran Malayan Union yang merugikan kuasa politik dan masa depan orang Melayu. Walaupun UMNO wujud, Inggeris sanggup berunding dan bekerjasama dengan tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh UMNO. Ini berbeza sekali dengan penubuhan PKMM di mana Inggeris tidak bekerjasama dan melayan permintaan parti ini yang menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Ini mendorongkan PKMM membesarakan sayapnya, dengan mewujudkan PUTERA (yang terdiri dari API, AWAS dan PKMM) dan bergabung dengan persatuan-persatuan politik bukan Melayu yang dikenali sebagai AMCJA.

Pada 1 Februari 1948, Inggeris telah melayan permintaan UMNO untuk membatalkan pemerintahan Malayan Union dan digantikan kepada pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu. Mulai 1951, UMNO telah menjadi tulang belakang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman. Kali ini UMNO telah bergabung dengan MCA dan MIC mewujudkan PERIKATAN dan akhirnya berjaya mencapai kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.

* * *

Berdasarkan sejarah perjuangan kebangsaan Malaysia (1906-1957), umumnya penyair-penyair puisi kebangsaan mengemukakan persoalan-persoalan seperti berikut:

- (i) Cinta kepada tanahair
- (ii) Keadaan dan nasib bangsa
- (iii) Bencana orang-orang asing dan penjajah Inggeris
- (iv) Semangat perjuangan untuk bangsa, agama dan tanahair
- (v) Pemimpin bangsa.

Zaman Pemerintahan Inggeris 1906-1941

Berdasarkan semangat cintakan agama, bangsa dan negara, orang-orang Melayu telah mempelopori kesedaran ini melalui akhbar dan majalah dan seterusnya melalui pertubuhan-pertubuhan yang berunsur politik.

Bidang penulisan memainkan peranan yang penting dalam gerakan kebangsaan orang-orang Melayu. Rencana-rencana di dalam majalah dan akhbar Melayu seperti *Al-Imam* (mula terbit 1906); *Al-Ikhwan* (1926); *Saudara* (1928); *Majlis* (1931); *Malaya* (1928); *Warta Malaya* (1930) dan *Utusan Melayu* (1939) turut memberi kesedaran dan memperjuangkan nasib orang-orang Melayu di tanahairnya.

Di samping rencana (berbentuk prosa) dan puisi Melayu tradisional seperti syair, pantun, gurindam, seloka dan lain-lain, puisi Melayu moden seperti sajak yang bertema kebangsaan turut tersiar di dalam akhbar dan majalah ini. Puisi ini dijadikan sebagai alat bagi menyampaikan sesuatu pandangan, fikiran dan gagasan penyair. Puisi tradisional pula mendapat perhatian sebelum tahun 1941.

Puisi lahir dari perasaan dan hati nurani serta fikiran seseorang. Oleh itu, apabila ditatap puisi itu akan dapat menggambarkan keadaan masyarakat yang melahirkannya.

Puisi moden yang lebih dikenal sebagai sajak mula mendapat perhatian di kalangan masyarakat Melayu mulai tahun 1933. Sajak dikatakan bermula apabila "Di Tengah Segara", karya Pungguk (Mohamad Yasin Makmur) disiarkan dalam *Majalah Guru*, keluaran Disember 1933.

Penulisan sajak turut mendapat perhatian golongan guru keluaran Maktab Perguruan Sultan Idris yang lain seperti Kasmani Hj. Arif, Abu Samah Potot, Ngumba (Embong Yahya), Shaharom Husein, Abdullah Sidek dan Yusof Arshad. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Kamaruzzaman Abdul Kadir, *Nasionalisme Dalam Puisi Melayu Moden 1933-1957* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982), terdapat sebanyak 30 buah sajak yang bertemakan nasionalisme dari 123 sajak yang dikumpulkan dari tahun 1933 hingga 1941.

Tarikh sebenar penulisan sajak yang pertama di negara ini masih boleh dipertikaikan. Kajian yang dibuat oleh Pyan Husayn dan Suhami Haji Muhammad di dalam *Embun Pagi: Antologi Puisi Sebelum Perang* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981) sajak Melayu

yang pertama dikatakan ditulis oleh Omar Mustaffa bertajuk "Angan-angan dengan Gurindam" tersiar dalam akhbar *Utusan Melayu*, keluaran 18 Januari 1913. Sajak ini memaparkan masalah sosial dan ekonomi bangsa Melayu yang dianggap jauh ketinggalan dari kaum pendatang.

Harun Mohd. Amin merupakan di antara pemuka puisi-puisi yang bertema kebangsaan. Dari tahun 1929 hingga 1939, beliau telah menghasilkan tidak kurang daripada lapan buah puisi yang bertema demikian. Puisi-puisi itu ialah "Mesti Ingat" (*Jasa*, 13 Julai 1929), "Semenanjung" (*Jasa*, 11 September 1929), "Tenaga Kaumku" (*Jasa*, 10 Oktober 1929), "Seloka Harapan" (*Temasik*, 1 Mei 1930); "Rayuan Bangsamu" (*Temasik*, 10 Ogos 1930), "Oh Bangsaku" (*Al-Ikhwan*, 16 November 1930), "Mempertahankan Hak Kita" (*Warta Ahad*, 19 April 1936) dan "Perwira Melayu" (*Warta Jenaka*, 8 Jun 1939).

A. Samad Ahmad yang menggunakan nama samaran Anum turut memberikan sumbangan penting dalam perkembangan puisi kebangsaan. Beliau yang bertugas sebagai wartawan akhbar *Majlis* pada tahun 1940 telah diberikan tanggungjawab mengendalikan ruangan 'Sudut Pujangga'. Di samping menulis puisi, Anum turut menyiaran puisi-puisi yang bertemakan kebangsaan yang ditulis oleh Rajawali, Bayu (Ahmad Boestamam), Mohammad Hashim Bahalddin, Roslaini (Abdullah Hussein), Teruna Kelang, Pujangga Baru dan lain-lain.

Anum adalah di antara penulis puisi kebangsaan yang agak produktif. Dalam tempoh 5 bulan, beliau telah menghasilkan sekurang-kurangnya enam buah puisi kebangsaan yang disiarkan di dalam akhbar *Majlis*. Puisi-puisi itu ialah "Encik Onn" (2 Mac 1940), "Taraf Melayu Selepas Perang" (6 Mac 1940), "Kapal Tiada Nakhoda" (8 Mac 1940), "Serunai Pujangga" (23 Mac 1940), "Kami Sedar" (14 Mac 1940) dan "Hari Kejatuhan Kita" (10 Julai 1940).

Anehnya puisi-puisi yang membawa persoalan cintakan tanahair tidak banyak. Di antara puisi yang demikian ialah "Timang-timangan Bagi Semenanjung Tanah Melayu" tanpa nama yang tersiar dalam majalah *Malaya* pimpinan Mohd. Yunus keluaran Mei 1926 yang jelas membayangkan perasaan penulis terhadap tanahairnya:

Alangkah permai dipandang mata
Negeri Semenanjung bumi yang rata
Bukit berbarisan laksana kota
Molek dan gerun bersama serta.

Pantai menganjur kanan dan kiri
Ombak memecah membanting diri
Alunannya deras sama selari
Kapal belayar pergi dan mari.

Puisi yang bertajuk "Tanahairku!" (tanpa nama) yang tersiar dalam *Al-Hikmah*, 27 Ogos 1936 turut mengemukakan persoalan cinta kepada tanahair:

Ayuhai negeri tanahairku
kaulah tempat tumpah darahku
daripada tumbuhanmu berhidup diriku
kepadamu juga kembali aku.

Engkaulah ibu, bapa pun engkau
tempat perhimpunan kaum dan suku
kayu batu bukit dan buku
mengandungi keindahan indahnya laku
oh! engkaulah tanahairku.

Puisi-puisi yang membawa persoalan tentang keadaan dan nasib bangsa Melayu yang tertinggal ke belakang mendapat perhatian penyair-penyair seperti A. Samad Ahmad, Ibrahim Hj. Yaakob, Harun Mohd. Amin, Ahmad Ismail dan lain-lain. Seorang penyair lain, Khadam Petani dengan puisinya yang bertajuk "Mutu Kebangsaan" (*Al-Hikmah*, 23 April 1936) telah mendedahkan keadaan dan nasib orang-orang Melayu di tanahairnya sendiri:

Kalau dipandang alatan bandar
berdukalah hati hendak dikhabar
oleh tersangat kita membiar
begitu keadaannya belum tersedar.

Padahalnya kuasa kita membuat
sebarang rekaan ringan dan berat
hanya dinantikan tidak dibuat
kemudian harus juga melarat.

Sayangnya tuan bukan kepalang
adat istiadat kita yang terang

habis ditinggal serta dibuang
akhirnya kelak menumpang orang.

Begitu juga puisi yang ditulis oleh Ibrahim Hj. Yaakob yang bertajuk "Tanahairku" yang tersiar di dalam *Warta Negeri*, 3 Februari 1930:

Ayuhai Semenanjung tanahairku
Tempatku besar didiknya ibu
Ilahi ra'bi-bi tolonglah bangsaku
Tinggal di belakang memakan debu.

Ayuhai Semenanjung tanahairku
Tempatku duduk setiap hari
Bangsaku miskin sudahlah tentu
Kedaannya lemah tidak berdiri.

Ayuhai Semenanjung tanahairku
Tempat bermain di dalam puri
Tidakkah belas amboi bangsaku
Melihat harta terlepas di jari.

Puisi-puisi yang membawa persoalan tentang bencana orang-orang asing dan penjajah Inggeris turut mendapat perhatian penyair-penyair sebelum 1941. Harun Mohd. Amin dalam puisinya yang bertajuk "Mempertahankan Hak Kita", (*Warta Jenaka*, 19 April 1936), telah mengingatkan orang Melayu tentang bahayanya orang-orang asing di Tanah Melayu. Beliau tidak berpuas hati dengan sikap tauke-tauke dan wakil-wakil Cina di dalam majlis-majlis mesyuarat yang mendakwa bahawa mereka lah yang telah banyak berjasa dan memberi kemakmuran kepada Tanah Melayu. Mereka menuntut persamaan hak seperti kerakyatan, tanah dan kemudahan-kemudahan lain dengan alasan mereka telah membantu penjajah Inggeris memajukan negeri ini. Di samping itu Harun beranggapan bahawa orang Cina gembira kerana orang Melayu ketinggalan di dalam segala lapangan akibat daripada kedatangan orang asing di Tanah Melayu. Ini jelas apabila Harun menggambarkan sikap orang Cina terhadap nasib orang Melayu di dalam sajak-sajak itu:

Aku senang aku kaya
orang Melayu habis kudaya!
habis kuhalau masuk ke paya
aku bersenang di jalan raya.

Hartanya habis dapat kutipu
undurlah ia ke gunung menumpu
habislah semuanya dapat kusapu
menggeleparlah Melayu seperti kena palu.

Demikianlah perasaan si Tongsan itu
memandang kita rendahnya tentu
dikira Melayu semuanya batu
tiada bersuara walau dilutu.

Dengan sebab itu mereka bersuara
kepada pemerintah ia berkira
meminta kekuasaan menjadi perwira
kecurangan pemerintah ia nan mara.

Di dalam puisi "Sedarlah... Melayu" (*Al-Hikmah*, 16 Ogos 1936) penyairnya Nurah al-Jantan turut mengingatkan orang Melayu akan bahaya orang-orang asing yang datang ke Tanah Melayu. Ini jelas dibayangkan pada bahagian awal puisinya:

Oh bangsa! Oh bangsa!
sedarlah... cuba jaga
negeri kita porak-peranda
bangsa lain datang menggoda.

Sedarlah cuba jaga
hari dah siang matahari dah terbit
bangsa lain datang menggoda
orang dagang datang menghimpit.

Hari dah siang matahari dah terbit
cahaya memancar di celah awan
orang dagang datang menghimpit
orang Melayu hendak dilawan.

Cahaya memancar di celah awan
awan berarak di puncak kayu
orang Melayu hendak dilawan
cubalah sedar wahai bangsaku!

Puisi-puisi yang membawa persoalan terhadap semangat perjuangan untuk bangsa, agama dan tanahair turut mendapat perhatian penyair-penyair sebelum tahun 1941. Untuk membela nasib bangsa Melayu, penyair-penyair menyeru pemimpin-pemimpin, kaum belia, kaum wanita, pembesar-pembesar dan raja-raja agar bersatu tenaga menabur bakti dan berjuang dengan gigih. Di

dalam puisi "Belia Harapan Bangsa" karya Ahmad Ismail, (*Utusan Zaman*, 29 Januari 1940), penyair berkata:

Belia harapan umat dan bangsa
belia juga harapan nusa
belia harapan agama yang asa
belialah harapan sepanjang masa.

Lemah mundur sesuatu umat
lantaran belia kurang berhemat
lagi tidak cergas berkhidmat
lalai dan alpa kurang cermat.

Begitu juga di dalam puisi "Oh Watanku Melayu" karya Teruna Negeri (*Utusan Zaman*, 14 Januari 1940), penyair mengingatkan orang-orang Melayu agar bersatu dan bekerja keras bagi menjamin masa depan orang-orang Melayu. Di samping mengkritik sikap negatif orang-orang asing di Tanah Melayu, penyair juga mengingatkan orang-orang Melayu:

Nusa negara tubuhnya satu
wajib memeliharanya telah tertentu
berusalahlah kita bantu-membantu
supaya watan tertinggi mutu.

Kesatuan Melayu beransur maju
kerana kebijaksanaan pemegang teraju
menjadikan ramai orang yang bersetuju
kepada kejayaan segeralah tuju.

Wahai sekalian bangsaku Melayu
janganlah tuan leka merayu
tetapi patut berhati sayu
kerana melihatkan hidupmu layu.

Marilah kita masuk bersekutu
ke dalam persatuan kita berbantu
supaya kita jadi bersatu
membawa kepada ketinggian mutu.

Walaupun bilangannya kecil, namun puisi-puisi kebangsaan turut juga mengemukakan persoalan-persoalan tentang pemimpin bangsa. Di dalam puisi "Oh Pemimpin" (*Warta Ahad*, Mac 1940), penyairnya Arshad al-Idrus masih mengharapkan ramai lagi pemimpin-pemimpin Melayu yang akan muncul dan memainkan peranan penting membela nasib bangsa Melayu:

Oh pemimpin orang bistari
tuanlah diharap sehari-hari
puas-puas duduk kami berdiri
sebab menantikan tuan ke mari.

Oh pemimpin orang bermutu
segeralah datang bantu-membantu
tak usahlah pandang miskin piatu
supaya bangsa lekas bersekutu.

Oh pemimpin orang yang pintar
tetapkan hati jangan gentar
sekutukan bangsa di alam sekitar
supaya dagang tak dapat memutar.

Di dalam puisi "Encik Onn" karya Anum (A. Samad Ahmad), (*Majlis*, 2 Mac 1940), penyair memuji Datuk Onn Jaafar kerana memainkan peranan penting bagi membela nasib dan kemajuan orang Melayu di dalam akhbar-akhbar dan di dalam Majlis Undangan Negeri Johor. Melalui puisi ini, penyair mengharapkan agar Datuk Onn akan terus bergiat dengan lebih cergas dan membimbangi anak-anak Melayu bagi mencapai kejayaan. Hal ini dapat diperhatikan apabila penyair menyeri Datuk Onn:

Ayuha encik harapan bangsa
ke jalan bahagia anjurlah kami
jangan ditunggu esok dan lusa
belalih hak putera bumi.

Umumnya, puisi-puisi yang lahir di tahap gerakan awal kebangsaan sewaktu zaman kolonial itu banyak membawa persoalan keadaan dan nasib bangsa dan semangat perjuangan membela agama, bangsa dan negara. Pada ketika itu, orang-orang asing, terutama Cina dan India dianggap sebagai pencabar utama bagi orang-orang Melayu memperolehi kemajuan. Secara tidak langsung, penyair-penyair mula mengkritik dasar pemerintahan Inggeris yang merugikan orang-orang Melayu. Di samping itu mereka mengharapkan orang-orang Melayu di semua golongan bersatu dalam kegiatan-kegiatan persatuan yang berunsur politik.

Ini memandangkan orang-orang Melayu kurang berminat dan tidak mempunyai pemimpin-pemimpin yang sanggup ke hadapan, kecuali pemimpin-pemimpin seperti Datuk Onn Jaafar, Datuk Undang Abdullah, Raja Chulan dan wartawan-wartawan seperti Abdul Rahim Kajai, Ibrahim Hj. Yaakob dan lain-lain.

Adalah menjadi harapan penyair-penyair ini agar pemimpin-pemimpin Melayu yang sedar itu memimpin orang-orang Melayu dalam persatuan-persatuan yang berunsur politik.

Zaman Pendudukan Jepun (1942-1945)

Semasa pemerintahan Jepun di Tanah Melayu, penerbitan akhbar dan majalah dikawal dengan rapi. Setiap keluaran atau penerbitan akan ditapis oleh pegawai-pegawai Jepun. Pemerintah Jepun pula telah menggunakan penerbitan akhbar dan majalah sebagai alat propaganda dan mengutarakan slogan-slogan yang diperjuangkan oleh Jepun seperti "Asia Untuk Asia". Kehadiran Jepun di Tanah Melayu hendaklah dianggap bukan sebagai penakluk tetapi lebih merupakan penyelamat orang-orang Asia yang selama ini dijajah oleh kuasa-kuasa Barat.

Berita Malai, Semangat Asia, Fajar Asia, Sinaran Matahari, Suara Timur dan Matahari Memancar merupakan akhbar dan majalah yang memainkan peranan penting menyiaran puisi-puisi yang bertemakan kebangsaan. Memandangkan Tanah Melayu dan Sumatera telah disatukan di bawah pemerintahan Jepun yang berpusat di Singapura, maka terdapat ramai penyair dari Sumatera menyumbangkan puisi-puisi mereka di dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah yang diterbitkan di Singapura seperti Thaharuddin Ahmad dan Bachtiar Effendi. Penyair-penyair Tanah Melayu pula ialah Ahmady Asmara, Shariff Naning, Putera Melaka, Bahar Abik, Masuri S.N. (Singapura) dan lain-lain.

Walaupun pemerintah Jepun telah menjalankan tindakan-tindakan kejam terhadap rakyat, namun penulis-penulis ketika itu tidak membuat kritikan terus terang. Sebaliknya, penulis-penulis ini memainkan peranan penting menjalankan kegiatan propaganda untuk kepentingan Jepun dan menganggapkan kehadiran Jepun sebagai satu rahmat bagi rakyat Tanah Melayu.

Puisi-puisi zaman itu jelas berasas anti pemerintahan Inggeris dan memuji pemerintahan Jepun di Tanah Melayu. Puisi "Oh Malaya!!" karya Gadis Muar (*Sinaran Matahari*, 24 Ogos 1942) merupakan satu contoh puisi yang mengemukakan persoalan itu di samping menanamkan semangat cinta kepada tanahair. Ini jelas seperti yang dibayangkan oleh penyairnya:

Oh Malaya tanahairku kami berseru
Negeri yang makmur aman lagi berbahagia
Syukurlah kerajaan Nippon datang meluru

Melepaskan Melayu daripada cengkaman British yang aniaya
Oh Malaya! Bertuahlah kamu masa ini
Semenjak kerajaan Nippon datang memerintah di sini
Menjalankan tadbir yang sempurna besar dan seni
Panjangkanlah umurnya mudah-mudahan dikurniakan Rabbani

Di samping ‘mengagung-agungkan’ pemerintahan Jepun, mereka tidak pula mengabaikan persoalan-persoalan yang membangkitkan semangat perjuangan orang-orang Melayu untuk kemajuan pada zaman pemerintahan Jepun. Di dalam puisi “Sinaran Matahari”, karya Putera Melaka (*Sinaran Matahari*, 24 Ogos 1942), penyair menyeru orang-orang Melayu bersatu menyahut seruan dan slogan pemerintahan Jepun yakni ‘Perubahan Baru’ demi kepentingan orang-orang Melayu. Kata penyair:

Kaum bangsaku
Silalah bersatu
Hendaklah dituju
Perubahan baru
Di bawah anjuran pemerintahan Nippon!!!

Di dalam puisi “Kuat Sebagai Besi Waja” (Tanpa nama, *Fajar Asia*, 27 Mac 1943, penyair cuba menanamkan semangat perjuangan orang-orang Jepun:

Tengoklah kemajuan Nippon yang maha tinggi
Darahnya yang merah bersih mengalir giat sebagai
sinaran pagi
Oh! Kami menjadi perisai tanahair yang dicintai
Bersama melatih kemahuan yang kuat lagi suci
Kuat sebagai besi waja.

Puisi “Melayu Muda” karya Bachtiar Effendi (*Semangat Asia*, Februari 1943) pula menyeru umat Melayu agar bersatu, bekerjasama, dan mempunyai semangat pengorbanan untuk bangsa, agama dan negara dalam usaha mewujudkan negara ‘Malaya Raya’ bersama-sama dengan Gerakan Kesatuan Melayu Muda yang dipimpin oleh Ibrahim Hj. Yaakob. Kenyataan penyair ini dapat diperhatikan di dalam puisinya di bawah ini:

Matahari sudah terbit di Asia
Sampai masa buat kita berusaha
Mencapai mendapatkan Malaya Raya
Marilah bersama-sama
Bekerja buat Malaya
Angkat tinggi darjah bangsa

Tanahair tumpah darah
Janganlah segan lemah
Berkorban buat Malaya
Mari bersama bekerja dengan Melayu Muda!

Pemimpin Melayu yang memainkan peranan penting dalam bidang kewartawanan dan persatuan sebelum dan semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu turut mendapat perhatian. Wartawan-wartawan Melayu yang terkenal seperti Abdul Rahim Kajai, Ibrahim Hj. Yaakob dan Ishak Hj. Muhammad dianggap sebagai pemimpin kebangsaan yang banyak berjasa membangkitkan kesedaran dan membela nasib bangsa Melayu melalui pena. Mereka memang terkenal sebagai wartawan yang lantang mengkritik dasar-dasar Inggeris yang merugikan bangsa Melayu dan menyeru orang-orang Melayu bersatu dalam kegiatan persatuan politik dan kritikan semasa terhadap gejala-gejala yang membawa kehancuran bangsa Melayu di tanahairnya sendiri.

Bagi mengenang diaf membangkitkan kesedaran di kalangan orang Melayu, penyair-penyair semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu turut memberi perhatian terhadap puisi-puisi yang membawa persoalan tentang pemimpin kebangsaan. Pemimpin-pemimpin ini dianggap sebagai pahlawan yang tidak jemu-jemu membela dan membangkitkan kesedaran kepada bangsa Melayu. Persoalan ini terdapat dalam puisi "Bisikan Jiwa", karya Shariff Naning (*Matahari Memancar*, 20 Jun 1942) dan "Mengenang Jasa" karya Zubir Salam (*Berita Malai*, 26 Disember 1944). Shariff Naning, di dalam puisinya "Bisikan Jiwa" mensifatkan pemimpin-pemimpin ini sebagai:

Pujangga terkeluar bukan buatan
Ibrahim Yaakob Sri Pahlawan
Diturut Ishak setianya handalan
Tidak ketinggalan pahlawan Syonan.

Bangsaku tersedar!
Harta pusakanya terhindar!
Dibolot British ... dikendar
Kononnya!!!... sahabat handai?

Pujangga terus berkemuka
Disokong dibantu kaum bangsa
British nan lari... selamatlah Asia Raya.

Zubir Salam di dalam puisinya "Mengenang Jasa" pula meletakkan Abdul Rahim Kajai sebagai wartawan yang banyak berjasa kepada bangsa Melayu. Walaupun Kajai telah meninggal dunia, namun pengikut-pengikutnya, terutama dari golongan wartawan tetap meneruskan usahanya membangkit kesedaran dan membela nasib bangsa:

Khidmatmu tetapkan tertulis dalam sejarah
Sebagai bapa wartawan pahlawan pena
Namamu kan tetap kami puja
Sebagai perangsang dalam bekerja.

Pengikutmu ramai di seluruh Malai
Meneruskan usahamu yang terbengkalai
Membina Malai Raya yang permai
Berkakti terus dalam kewartawanan
Menyentakkan pena terus disuratkhan
Senjata bangsa mencapai kemuliaan
Namamu kan kami tulis dengan tinta mas
Sebagai perajurit pena bapa wartawan.

Terdapat juga puisi-puisi yang turut mengemukakan persoalan tentang cinta kepada tanahair. Ini jelas terdapat dalam puisi-puisi seperti "Tanahairku" (*Semangat Asia*, Jun 1943); "Tanahairku Yang Cantik" (*Fajar Asia*, Februari 1943), "Ibu dan Tanahair" (*Semangat Asia*, April 1943) dan "O, Malai...!" (*Semangat Asia*, Ogos 1943) dan lain-lain. Di dalam puisi "O, Malai...!" karya Hs. Latif, keindahan, kesuburan dan kekayaan yang berkekalan di Tanah Melayu ini dikatakan bersebab daripada kejayaan Jepun mengalahkan Inggeris. Ini dapat diperhatikan di dalam puisinya apabila beliau berkata:

O, Malai kucinta
tanahmu subur kaya-raya
hutanmu jati penuh keayuan
lautmu penuh, permata intan.

Berbilang zaman bermasa-masa
Barat memeras hasil tanahmu
Rakyat meratap hidup merana
Ibarat yatim anak piatu.

Kami, O Malai kau bahagia
Nippon perwira datang membela
hiduplah, O Malai tanah pusaka
bahagialah, O Malai selama-lamanya!

Umumnya, puisi-puisi kebangsaan pada zaman pendudukan Jepun banyak mengemukakan persoalan-persoalan semangat perjuangan untuk agama, bangsa dan negara. Kali ini, penyair-penyair tidak berani mengkritik pemerintah Jepun, sebaliknya mereka mengkritik pemerintah Inggeris. Kehadiran Jepun dianggap sebagai penyelamat orang-orang Melayu dari ditindas oleh Inggeris. Bagi melayan kehendak dasar pemerintah Jepun, penyair-penyair ini kerap memuji dan menyeru orang Melayu mencontohi semangat dan kejayaan Jepun.

Menjelang Kemerdekaan (1946-1957)

Selepas pendudukan Jepun, penyair-penyair dengan beraninya mengkritik kerajaan Inggeris, terutama sekali rancangan pembubuhan Malayan Union pada tahun 1946. Selari dengan pertumbuhan gerakan kebangsaan orang-orang Melayu, penyair-penyair ini tidak berdiam diri, malah menggunakan puisi-puisi sebagai alat komunikasi bagi mencurahkan perasaan hatinya terhadap semangat cinta, berjuang dan membela nasib agama, bangsa dan negara.

Akhbar dan majalah yang memainkan peranan penting menyiarkan puisi-puisi yang bertema kebangsaan ini ialah *Majlis*, *Majalah guru*, *Mastika*, *Hiburan*, *Kencana*, *Medan Masyarakat*, *Utusan Zaman*, *Suara Merdeka* dan lain-lain. Penyair-penyair yang muncul pada peringkat permulaan periode ini kebanyakannya sudah mencipta nama dalam menghasilkan puisi-puisi semasa atau sebelum pendudukan Jepun seperti Abdul Samad Ahmad (Anum), Embong Yahya (Ngumba), Masuri S.N., Ahmady Asmara, Ahmad Boestamam dan lain-lain. Di samping itu terdapat penyair-penyair baru seperti Tongkat Warrant, Zulkifli Muhammad, Burhan Md. Yaman, A. Samad Said, Mariam Abdul Ghani, Siti Aishah dan lain-lain.

Puisi "Memperingati Semangat Berperistiwa" karya Anum (*Majlis*, 12 Jun 1946) memperingati pembentukan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang dikenali sebagai PERKEMBAR (kemudiannya UMNO). UMNO merupakan parti politik Melayu yang pertama yang diwakili oleh orang-orang Melayu melalui pertubuhan-pertubuhan politik di tiap-tiap negeri. Di antara faktor yang mendesak penubuhan UMNO pada 1 Mac 1946 ialah dasar kerajaan Inggeris ingin menjadikan Tanah Melayu sebagai negeri yang bertaraf 'tanah jajahan' melalui Malayan Union.

Penyair puisi "Memperingati Semangat Berperistiwa" merakamkan tanda penghargaan kerana penubuhan UMNO:

Peringatilah dia
Wahai putera-puteri harapan bangsa!
Catitkanlah dengan tinta emas
Ke dalam buku sejarah
Untuk pujaanmu silang masa.

Saat yang tak lupakan dari kenangan
Saat kita menanam cita-cita dengan angan-angan
Saat kita menyusun barisan
Berjuang menuju kemenangan dan kebahagiaan
Masa, oh masa! tibalah kami kiranya
Agar memenuhi impian pujangga
Meningkat setangga demi setangga.

Melayu berparlimen
Melayu berkerajaan
Melayu raya – Melayu merdeka!

Di dalam puisi seperti "Hiduplah Melayu", karya Saidin Ahmad (*Majlis*, 13 Jun 1946), dan "Malayan Union Jikalau Datang" karya Hashim Gera (*Majlis*, 2 Julai 1940), jelas membayangkan kepada kita tentang perasaan mereka yang memperjuangkan nasib bangsa Melayu dengan menentang rancangan Malayan Union. Umpamanya, dalam puisi "Hiduplah Melayu", penyair menyeru orang-orang Melayu bersatu menentang Malayan Union yang dianggap sebagai satu pengkhianatan kepada orang-orang Melayu. Ini jelas seperti yang dinyatakan oleh penulis puisi tersebut:

Hidupkanlah nama dan bangsa
yang bersusah sepanjang masa
dapatkanlah sampai merasa
wajiblah membantah sentiasa
pada "Malayan Union" yang dusta.

Lawanlah bersungguh-sungguh hati
hapuskanlah yang telah terjadi
marilah kita bersatu
lawanlah sepanjang waktu.

Kemerdekaan yang dicapai oleh Indonesia (1945) dan Filipina (1946) turut memberangsangkan pejuang-pejuang dan penyair-penyair kebangsaan. Pernyataan ini dapat dilihat di dalam puisi

"Filipina Merdeka" karya Roslan (*Majlis*, 10 Julai 1946). Di antaranya penyair berkata:

Betapa nan lagi lebih gembira
putera-puteri yang kesateria
yang berada di tanah Filipina
hidup mengecap tanah merdeka.

Oh! rakyat Melayu
ingin hidup di alam bahagia
ambilah teladan dari Filipina
rakyatnya bersatu hidup sempurna.

Puisi "Penderitaan Kita" (*Medan Masyarakat*, Mac 1947) karya Zulkifli Muhammad adalah satu contoh puisi yang mengemukakan persoalan nasib bangsa. Dalam puisi ini, penyair menggambarkan keadaan nasib orang-orang Melayu yang tertinggal dalam zaman pemerintahan Inggeris di Tanah Melayu. Pemerintah Inggeris yang disifatkan sebagai 'penipu rakyat' dan 'penjajah keji' adalah bertanggungjawab memecah belah dan mengkucar-kacirkan masyarakat Melayu. Pernyataan ini dapat dilihat pada bahagian awal puisi karya Zulkifli iaitu:

Berkurun-kurun penjajah memijak nusa
merampus merebut kekayaan negara kehormatan bangsa
kita tertindas jatuh gugur telentang tertiarap
kucar-kacir hina-hina terayap-rayap.

Kemegahan dipuja hilang lenyap hapus pupus
darah diminum tulang dihisap hingga kurus
nusa luas riang ria kaya makmur
rosak terhempas susah pecah hancur lebur

Bercerai-cerai rakyat murba merata ceruk
"pecah-pecahan kemudian perintah" cita-cita busuk
atas penjajah menipu rakyat mendaya murba
menjadikan bangsa gah mulia budak hamba.

UMNO di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman (1951) telah menggunakan slogan "Merdeka" dalam usaha membebaskan Tanah Melayu dari jajahan Inggeris. Parti politik yang mewakili bangsa-bangsa utama di negara ini iaitu UMNO (Melayu), MCA (Cina) dan MIC (India) telah bergabung mewujudkan PERIKATAN yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman untuk memperjuangkan kemerdekaan melalui rundingan.

Kali ini penyair-penyair lebih berani mengemukakan hasratnya untuk membela nasib agama, bangsa dan negara dan dengan lantang menuntut kemerdekaan. Umpamanya dalam puisi "Berjuang" (*Majalah Guru*, April 1954) karya Mahmud Joh, penyair dengan penuh semangat menyeri orang Melayu bersatu dan berjuang menuntut kemerdekaan:

Jangan ragu-ragu dalam berjuang
buangkan semangat bosan
kita tidak sanggup lagi dikongkong
kita tak ingin lagi dijajah
kita ingin dan sanggup bebas MERDEKA
berilah kami kebebasan!
berilah kami KEMERDEKAAN!
kami tetap memperjuangkan.

Begitu juga dalam puisi "Ke arah Kemerdekaan" (*Suara Umno*, 1 April 1954) karya Affrini Adham, penyair menyeri rakyat Tanah Melayu agar tidak bosan dan bekerja keras dalam menuntut kemerdekaan dari tangan penjajah Inggeris. Di antaranya beliau mengingatkan:

Antara satu lagi cara perhitungan baru yang belum selesai
pekitan "Merdeka" sudah tak dapat disumbat lagi
antara suatu lagi caranya perjuangan berhabis-habisan
pengertian 'demokrasi' telah benar mendarah daging
seluruhnya bukanlah asing buat kita lagi
dalam tindakan mengakhiri tujuan
dalam perbuatan mengembalikan kesejahteraan
peralihan dan perdamaian
kesatuan cita-cita kebangsaan
kebangkitan dan kemerdekaan.

Pemimpin-pemimpin negara yang memainkan peranan penting dalam gerakan kebangsaan bagi menuntut kemerdekaan Tanah Melayu turut mendapat perhatian penyair-penyair. Tokoh-tokoh seperti Datuk Onn Jaafar, Dr. Burhanuddin Al-Helmi, Ibrahim Hj. Yaakob dan Tunku Abdul Rahman, diharapkan jasa dan bakti mereka untuk memimpin negara ini. Ahmady Asmara di dalam puisinya "Oh Pemimpin!!! (*Majlis*, 18 Jun 1946) mensifatkan Datuk Onn sebagai pemimpin Melayu ulung yang dapat menyatukan orang-orang Melayu melalui politik (UMNO). Oleh itu beliau berharap Datuk Onn meneruskan usahanya memimpin orang-orang Melayu, seperti katanya:

Pimpinlah kami dengan gagah
sampai kembali nama yang gah
bilakah? dengan cekang
bumiputera ada di belakang.

Ambillah gerakan penganjur bestari
membela bangsa di seluruh negeri
bagaimana pemimpin di dalam dunia
bekerja ke jurusan bahagia.

Walaupun puisi-puisi yang membawa persoalan semangat perjuangan dalam menuntut kemerdekaan mendapat perhatian, namun puisi-puisi yang membawa persoalan cinta kepada tanahair tidak dilupakan. Sebagai contoh, puisi "Oh Malaya!" (*Majlis*, 27 Jun 1946) karya Azti, Jasin dan puisi "Malaya Permai" (*Majlis*, 28 Jun 1946) karya Yusuf Rasydi menggambarkan keindahan Tanah Melayu sebagai pusaka bangsa Melayu yang sangat berharga. Dalam puisi "Oh Malaya!", penyair menggambarkan keindahan dan rasa cintanya kepada tanahair dengan menyatakan:

Oh Malaya!
Tanahairku
Yang kucinta
Tanah yang mulia
Buat bangsaku
Sebagai pusaka.

Berdasarkan puisi-puisi yang bertemakan kebangsaan ini, kita akan dapat memahami hasrat dan perasaan orang-orang Melayu memperjuangkan maruah agama, bangsa dan negara. Orang-orang Melayu telah menggunakan puisi-puisi ini untuk mencurahkan rasa hati di tanahairnya yang dijajah dan dinaungi oleh kerajaan Inggeris. Peranan penyair-penyair ini sangat penting kerana ia turut membantu orang-orang Melayu sedar, bersatu dan bergebak menyusun barisan untuk berjuang dalam gerakan kebangsaan yang menuntut kemajuan orang-orang Melayu dan seterusnya mencapai kemerdekaan.

Buku ini berhasrat merakamkan sejarah seluruh peristiwa kebangkitan semangat nasionalisme orang-orang Melayu dari tahun 1913 hingga 1957 dalam bentuk puisi. Di dalam usaha menyelenggarakan buku ini, penyelenggara telah memilih puisi-puisi kebangsaan yang membawa persoalan-persoalan yang terang dan jelas serta mudah difahami. Sebanyak 420 buah puisi telah dipilih

dan keseluruhan pernah tersiar dalam berbagai akhbar dan majalah Melayu dari tahun 1913 hingga 1957. Berdasarkan tahap perkembangan gerakan kebangsaan di Malaysia, puisi-puisi itu telah dibahagikan kepada tiga bahagian:

- (i) Puisi-puisi kebangsaan zaman Inggeris (1913-1941) — sebanyak 156 buah.
- (ii) Puisi-puisi kebangsaan zaman Jepun (1942-1945) — sebanyak 52 buah.
- (iii) Puisi-puisi kebangsaan menjelang kemerdekaan (1946-1957) — sebanyak 212 buah.

Puisi pertama yang ditemui oleh penyelenggara bertajuk "Angan-angan dengan Gurindam" karya Omar Mustaffa, tersiar dalam *Utusan Melayu*, 8 Januari 1913. Kemudian di sepanjang kajian untuk buku ini, penyelenggara hanya menemui puisi kebangsaan seterusnya pada tahun 1926. Walaupun dalam buku ini terdapat puisi-puisi kebangsaan yang mengkritik atau menegur sikap sesuatu kaum, tetapi ia bukanlah bertujuan untuk menghasut. Sebagai satu kajian yang berbentuk ilmiah, puisi-puisi ini dikumpulkan untuk penyelidik-penyelidik memahami perasaan masyarakat Tanah Melayu di zaman penjajah.

Menyentuh tentang sistem penyusunan puisi-puisi di dalam buku ini, ia disusun secara kronologi dan bukannya mengikut susunan abjad nama penyair. Ini untuk memudahkan pembaca memahami perkembangan semangat kebangsaan di kalangan orang Melayu.

Akhir sekali, sebagai tanda penghargaan, penyelenggara ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak Arkib Negara, Dewan Bahasa dan Pustaka, Universiti Malaya, British Library, London, teman-teman penulis, penyair-penyalir kebangsaan dan orang perseorangan yang telah membantu sama ada dalam bentuk sokongan moral atau material sehingga antologi puisi-puisi kebangsaan (1913-1957) ini dapat diterbitkan dalam bentuk buku khususnya Saudara Kassim Tukiman dan Puan Norimah Bajuri. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh penyair-penyalir kebangsaan yang telah pulang ke rahmatullah.

Abdul Latiff Abu Bakar
Ketua Jabatan Penulisan
Universiti Malaya.

KANDUNGAN

Kata Pengantar

v

Puisi-puisi Zaman Pemerintahan Inggeris: 1913-1941

Angan-angan dengan Gurindam	3
<i>Omar Mustaffa</i>	
Timang-timangan bagi Semenanjung Tanah Melayu I (<i>Tanpa Nama</i>)	4
Timang-timangan bagi Semenanjung Tanah Melayu II (<i>Tanpa Nama</i>)	7
Sedarlah	10
<i>Mahmud Ahmadi</i>	
Semenanjung	21
<i>Harun Aminurrashid</i>	
Tenaga Kaumku	
<i>Harun Aminurrashid</i>	
Ingatkan Semenanjung Tanahairku	26
<i>IBHY</i>	
Sedarlah Kita	
<i>Hasnah Brahim</i>	
Seloka Harapan	
<i>Harun Aminurrashid</i>	
Sedar Sekarang!	31
<i>Harun Aminurrashid</i>	
Rayuan Bangsamu	
<i>Harun Aminurrashid</i>	
Nasihat kepada Pemuda	35
<i>Zainal Rashid</i>	
Oh! Bangsaku	
<i>Harun Aminurrashid</i>	

Buah Percintaan	39
<i>Rahimu Yakubi</i>	
✓ Seruan Kebangsaan	41
<i>IBHY</i>	
Oh Saudara	42
<i>IBHY</i>	
Wahai Bangsaku di Semenanjung	44
<i>Yaakub Mohd. Amin</i>	
Seruan Kebangsaan	46
<i>Dolfatram</i>	
Syair Kemajuan Melayu	47
<i>Shamsudin Muhamad Yunus</i>	
Mempertahankan Hak Kita	49
<i>Penulis Khas Tanjung Malim</i>	
Mutu Kebangsaan	56
<i>Khadam Petani</i>	
Perempuan Mesti Bangun	58
<i>Zainun Nasir</i>	
Persekutuan Melayu	61
<i>Abas al-Johari</i>	
Merenungi Wajah Tanahair!	63
<i>Misbaha</i>	
Anak Negeri	64
<i>Apa</i>	
✓ Sedarlah ... Melayu	65
<i>Nurah al-Jantan</i>	
Tanahairku!	67
(<i>Tanpa Nama</i>)	
Sedarlah	68
<i>H.A. Rahman Ibrahim</i>	
Faedah Kita Bersekutu	69
<i>Nurah al-Jantan</i>	
Oh Semenanjung! Tanahairku!	71
<i>Tamalasa al-Haji Omar</i>	
Tanah Melayu dan Orang-orangnya	73
<i>Penyair al-Hikmah</i>	
Askar Melayu	75
<i>Misbaha</i>	
Semenanjung Tanah Melayu	77
<i>Dzimul Aqib Darul Aman</i>	

Tanahairku	80
<i>Adram</i>	
✓ Persekutuan	81
<i>Apa Buluh Kasap</i>	
Seruan Kebangsaan	84
<i>Melati Pahang</i>	
Pertanyaan Sukma	88
<i>Kasmani Haji Arif</i>	
Mengapa Umat Islam Terkebelakang?	89
<i>Penulis Khas Kita</i>	
Kemajuan Umat Melayu di Hari Ini	92
<i>Ahmad bin Haji Taib Darul Takzim</i>	
Indonesia-Malaya	94
<i>Yalazagh</i>	
Harapan Kita	96
<i>Zamroed</i>	
Bahasa Melayu	98
<i>Zamroed</i>	
Ketamadunan Timur ... ke Barat	101
<i>Danial Din</i>	
Oh Chulan! Oh Chulan!	102
<i>IBHY</i>	
Apalah Nasib Bangsaku!	104
<i>Ros Hamadi</i>	
Wahai Pemimpin Fikirlah Panjang	106
<i>Yasmin</i>	
Utusan Melayu	107
<i>Seri Ketapang</i>	
Pesanan Utama	109
<i>Abdul Majid Datuk Syahbandar</i>	
✓ Oh, Tanahairku!	112
<i>Buang Umar</i>	
Oh! Utusan	114
<i>A. Yahya</i>	
Perwira Melayu	116
<i>Harun Mohamad Amin</i>	
Semenanjung	117
<i>Mir Hamzah</i>	
Ayuhai! Malaya – Watanku	124
<i>Mohamad Ali Mohamad</i>	

Rakanku Pemuda	125
<i>R. Sinu Abdul Rahman</i>	
Wahai Dagang Penumpang Malaya	129
<i>Risik</i>	
Sokongan Anak Timur	132
<i>Habka</i>	
Senjata Kehidupan	135
<i>J.M. Tan Melaka</i>	
Malaya	137
<i>Samidun</i>	
Capailah Kemajuan	140
<i>Harun Putih</i>	
Oh! Bangsaku Melayu	142
<i>Osman bin Andim</i>	
Semasa Muda	144
<i>Long Muar</i>	
Persekutuan Kita	146
<i>Ahmad al-Qaf</i>	
Oh! Watanku Malaya	148
<i>Teruna Negeri</i>	
Belia Harapan Bangsa	150
<i>Ahmad Ismail</i>	
Oh Pemimpin	152
<i>Arshad al-Idrus</i>	
Encik Onn	154
<i>Anum</i>	
Taraf Melayu Lepas Perang	156
<i>Anum</i>	
Kapal Tiada Nakhoda	159
<i>Anum</i>	
Keadaan Melayu	161
<i>Mohd. Hashim Baharuddin</i>	
Nasib Melayu	162
<i>Rajawali</i>	
Kobarkanlah Semangat Muda	165
<i>Bayu</i>	
Aku Berpesan dengan Terus Terang	166
<i>Mohd. Hashim Baharuddin</i>	
Oh Belia!	168
<i>Roslani Ashikin</i>	

Yang Kurusuhkan	170
<i>Nijar Abdul Hamid</i>	
Kami Sedar!	171
<i>Anum</i>	
Masa yang Telah Silam	173
<i>Bayu</i>	
Hati Melayu	174
<i>Rajawali</i>	
Taraf Melayu	176
<i>Melan Abdullah</i>	
Sedih Hatiku	178
<i>Rajawali</i>	
Serunai Pujangga	180
<i>Anum</i>	
Tuntutan Melayu	182
<i>Rajawali</i>	
Mahulah Sedar	185
<i>Teruna Kelang</i>	
Semenanjung Melayu Tanahair Bapaku	187
<i>Mohamad Dali</i>	
Kesatuan Melayu	189
<i>Marbi</i>	
Cantik Terkecek	191
<i>Ahmad Kadnaf</i>	
Oh Penganjur	192
<i>Ahmad Ismail</i>	
Bangsaku Melayu	194
<i>Perawan Kampung Kota Tinggi</i>	
Oh Watan?	198
<i>Shamsuddin Salleh</i>	
Pesan kepada Dinda	201
<i>Ngumba</i>	
Lambaian Jiwa	202
<i>Ngumba</i>	
Oh Malaya!	203
<i>Abin Kidin</i>	
Kaum Melayu Cuba Kuseru	205
<i>Arshad al-Idrus</i>	
Oh! Wartawan	208
<i>Kumasi</i>	

Seruan Mestika	210
<i>Mohd. Isa Rawi</i>	
Darah Perwira	212
<i>Abbas</i>	
Majlis Akhbar Melayu	214
<i>Roslani Ashikin</i>	
Oh Pemimpin	215
<i>Roslani Ashikin</i>	
Nasib Melayu	218
<i>Abin Kidin</i>	
Pusaka	220
<i>Abahmad</i>	
Kebangsaan	221
<i>Abahmad</i>	
Ke Mana ...?	223
<i>Roha</i>	
Hari Kejatuhan Kita	224
<i>Anum</i>	
Wahai Bangsaku!	229
<i>M. Jadi Melaka</i>	
Tidakkah Insaf ...?	231
<i>Kalam Jusla</i>	
Takrif Kita	234
<i>Pengingat Bangsa</i>	
Bersama-sama	236
<i>Penar Duri</i>	
Pahlawan	239
<i>Abbas</i>	
Mengingatkan	240
<i>Mas Selangor</i>	
Hari Perasaan Kebangsaan Melayu	242
<i>Kamaluddin</i>	
Malaya	246
<i>Roha</i>	
Oh Watan	248
<i>al-Jabtis</i>	
Hatiku Lara ... Ra	249
<i>Ismail Ahmad K.S.</i>	
Langkah Kita	251
<i>Ismail Ahmad K.S.</i>	

Oh Bangsaku	252
<i>Nurani</i>	
Orang Kita Akan Datang	254
<i>Selat</i>	
Kita	257
<i>Ismail Ahmad K.S.</i>	
Oh Bangsa	258
<i>Roslani Ashikin</i>	
Perhatikanlah	260
<i>Asam Sin</i>	
Jika	261
<i>Emas</i>	
Kebahagiaan	262
<i>Ismail Ahmad K.S.</i>	
Kamulah	263
<i>Asmazas</i>	
Kumas	264
<i>Mas</i>	
Teringatkan Bangsaku	265
<i>Kamarudin Ali Budiman</i>	
Bumi Malaya	267
<i>Ngah</i>	
Bantu! Tolong! Sokong!	269
<i>Melayu Tulen Rembah</i>	
Matahap	271
<i>Kapa al-Johari</i>	
Kuingatkan!	272
<i>M. Jadi Melaka</i>	
Kebangsaan Melayu	275
<i>M. Jadi Melaka</i>	
Ubat Jera	278
<i>Mahanom Hj. Abdul Razak</i>	
Takrif Melayu	280
<i>Zainal Abidin Hj. Alias</i>	
Aidilfitri	282
<i>Shamsuddin Salleh</i>	
Kebangsaan	284
<i>Abha</i>	
Mestilah Kita	285
<i>An Arbi</i>	

Seruanku	287
<i>Abu Kalam – Mutir</i>	
Bersatu Hati	290
<i>Perawan Kampung Kota Tinggi</i>	
Rayuan Tanahair	293
<i>Ngumba</i>	
Bangkitlah Kaumku	294
<i>Perawan Kampung Kota Tinggi</i>	
Tanah Melayu	298
<i>Hadhiri – al-Maarfi</i>	
Berjuanglah Wahai Penganjur	300
<i>Ngumba</i>	
Tanahairku	301
<i>Abu Samah</i>	
Marilah Kaum Bangsaku!	303
<i>Haji Talib</i>	
Idaman Mengidam	304
<i>Yatim Piatu</i>	
Semangat Kebangsaan	306
<i>Ahmad Ismail</i>	
Oh Dagang! Sampainya Hatimu	309
<i>Mimia Cha</i>	
Darah Muda	312
<i>Cintati</i>	
Kedudukan Melayu di Malaya	313
<i>Cintati</i>	
Indah Malaya	314
<i>Belia Lenggung</i>	
Sengsara Kaumku Melayu	316
<i>Miba</i>	
Terkenangkan Bangsaku	318
<i>Putera Kolam</i>	
Oh Pemuda	320
<i>Abrani</i>	
Seruan Pemuda	322
<i>Mashur Malaya</i>	
Marilah Taja	324
<i>Mustika</i>	
Ayuhai Watanku	326
<i>M. Nurani</i>	

Sepuluh Wasiat Tanahair	328
<i>Selat</i>	
Marilah Bangsaku	330
<i>M. Nurani</i>	
Kota-kota Malaya	332
<i>Pancaran Wau</i>	

Puisi-puisi Zaman Pendudukan Jepun: 1942 - 1945

Bisikan Jiwa	337
<i>Shariff Naning</i>	
Oh Bangsaku di Muar ...!	338
<i>Ninu al-Muari</i>	
Oh Malaya!!	340
<i>Gadis Muar</i>	
Bahasa dan Bangsa	341
<i>Muhammad Hassan Abdul Wahab</i>	
Sinaran Matahari	342
<i>Putera Melaka</i>	
Ibarat Kebangsaan	343
<i>Abdul Abbas</i>	
Kenang-kenangan	345
<i>Ros Melaka</i>	
Oh Cinta!	346
<i>Bahar Abik</i>	
Kesenian Alam ...!	347
<i>Hamzah Tajuddin</i>	
Suara Timur	349
<i>Shomar Jaya</i>	
Permenungan di Tengah Malam	351
<i>Amsal</i>	
Sinar Bahagia	352
<i>Asba</i>	
Penghidupan Baru	353
<i>Mahmud Ahmad</i>	
Fajar Asia	355
<i>Pinang Muda</i>	
Tanahairku yang Cantik (<i>Tanpa Nama</i>)	356

Pura Pustaka	357
<i>Bachtiar Effendi</i>	
Melayu Muda	359
<i>Bachtiar Effendi</i>	
Pemuda Malai	361
<i>Husbana</i>	
Terbuka Pintu	363
<i>Bachtiar Effendi</i>	
Fajar Menyingsing	366
<i>Ahmady Asmara</i>	
Kewajipan Kita	367
<i>Bachtiar Effendi</i>	
Fajar Asia	369
<i>Lomak</i>	
Hiduplah Malai Baru	371
(<i>Tanpa Nama</i>)	
Kuat Sebagai Besi Waja	372
(<i>Tanpa Nama</i>)	
Masih Berperang	373
<i>Bachtiar Effendi</i>	
Di Pagi Hari	375
<i>Juita Murni</i>	
Ibu dan Tanahair	376
<i>Thaharuddin Ahmad</i>	
Kepada Semangat Asia	377
<i>Zuhara</i>	
Di Telapak Ibu	378
<i>Thaharuddin Ahmad</i>	
Ke Taman Asia	379
<i>Thaharuddin Ahmad</i>	
Lagu Malaya Mara	380
<i>Bachtiar Effendi</i>	
Tanahairku	382
<i>B.S. Tebing Tinggi</i>	
O, Malai ...!	383
<i>Hs. Latif</i>	
Tenaga Muda	384
<i>R. Warganegara</i>	
Bunga Harapan	385
<i>M. Kidin</i>	

Lagu Tentera Pembela (Giyu Gun)	386
<i>Keimin Bnnka Sidosyo</i>	
Semangat Perwira	387
<i>R.A. Karim (Karimon-to)</i>	
Cinta Pemuda	389
<i>A.S. Naga</i>	
Ros Kupuja	390
<i>Masuri S.N.</i>	
Perajurit Negara	391
<i>Masuri S.N.</i>	
Darah Perjuangan Hang Tuah	392
<i>Sharif Sukar</i>	
Suara Azan	393
<i>Rashid Taha</i>	
Majulah Perang	394
<i>Masuri S.N.</i>	
Marilah Bersatu	395
<i>Masuri S.N.</i>	
Membela Nusa	396
<i>Masuri S.N.</i>	
Bisikan Arwah Hang Tuah	397
<i>Masuri S.N.</i>	
Mengenang Jasa	398
<i>Zubir Salam</i>	
Korban Sejati	399
<i>Masuri S.N.</i>	
Tempat Mengabdi	400
<i>Masuri S.N.</i>	
Kepada Perajurit Tanahair	401
<i>Masuri S.N.</i>	
Niatku	402
<i>Masuri S.N.</i>	
Bakti Putera Timur	403
<i>Masuri S.N.</i>	

Puisi-puisi Menjelang Kemerdekaan: 1946-1957

Memperingati Semangat Berperistiwa	407
<i>Anum</i>	

Hiduplah Melayu!	409
<i>Saidin Ahmad</i>	
Oh Pemimpin!!!	410
<i>Ahmady Asmara</i>	
Darah Pemuda	411
<i>Rosmah Zain</i>	
Kebangkitan Kaum Bangsaku	412
<i>Abu Samah</i>	
Hidup Melayu	414
<i>Ibrahim Abdullah</i>	
Oh Malaya ...!	415
<i>Azti</i>	
Malaya Permai	417
<i>Yusuf Rasyidi</i>	
Malayan Union Jikalau Datang	419
<i>Hashim Gera</i>	
Memang Kehendak Ilahi	422
<i>Ahmady Asmara</i>	
Perkembar	423
<i>Yusuf Rasyidi</i>	
Hidup	424
<i>Ahmady Asmara</i>	
Rayuan Ibu Pertiwi	425
<i>Hatam</i>	
Marilah Kita	427
<i>M. Hashimi</i>	
Filipina Merdeka	428
<i>Roslan</i>	
Berjuang!	429
<i>Hatam</i>	
Oh Bulan	430
<i>Hatam</i>	
Oh Bangsaku	431
<i>Ismaun bin Mohd. Yunus</i>	
Tanahairku	432
<i>Asmara Jaya</i>	
Marilah Kaumku	433
<i>Nuruddin</i>	
Mengenangkan Masa Akan Datang	435
<i>Pena Muda</i>	

Memetik Bakti	436
<i>Patamorgana</i>	
Oh Ibuku!	437
<i>Ramli Sahir</i>	
Penganjur	438
<i>Putera Melayu</i>	
Marilah Segara	439
<i>Patamorgana</i>	
Pucuk Kelapa	440
<i>Patamorgana</i>	
Pemuda	441
<i>Ibrahim Abdullah</i>	
Apakah Ertinya	443
<i>Roslan</i>	
Persembahan kepada Dol Said Pahlawan Naning	444
<i>Asmara Jaya</i>	
Pemuda Sateria	445
<i>Asmara Jaya</i>	
Semangat Perwira	446
<i>Ramli Sahir</i>	
Bangunlah Pemuda	447
<i>Patamorgana</i>	
Siapakah Pemuda	448
<i>Patamorgana</i>	
Alangkah Indahnya	449
<i>Zulkifli Muhammad</i>	
Seruan Pemuda	450
<i>Zulkifli Muhammad</i>	
Edaran Dunia	451
<i>Zulkifli Muhammad</i>	
Melayu Tak Akan Hilang di Dunia	452
<i>Asmara Jaya</i>	
Kenangan kepada Panglima Hang Tuah	453
<i>Mazida</i>	
Malaya Subur!	454
<i>Harun Aminurrashid</i>	
Marilah!	455
<i>Harun Aminurrashid</i>	
Tahun Baharu	456
<i>Zulkifli Muhammad</i>	

Menyeru Hidup	457
<i>Setia</i>	
Merdeka	458
<i>Putera Melayu</i>	
Cinta Pemuda	459
<i>Zain</i>	
Penderitaan Kita	460
<i>Zulkifli Muhammad</i>	
Perkembar	461
<i>Mila</i>	
Mahligai Persatuanku "Perkembar"	462
<i>Adi Mas</i>	
Datuk Onn Berdiri	463
<i>N. Latif</i>	
Hiduplah Melayu, Hang Tuah	464
<i>Hatam</i>	
Angkatan Baru	465
<i>Masuri S.N.</i>	
Harapanku	466
<i>Adimasan</i>	
Itulah Pemuda ...!!!	467
<i>Syahba</i>	
Kemerdekaan Malaya	468
<i>Zain</i>	
10 Julai	469
<i>Mohd. Yusuf Bakar</i>	
Panggilan Tanahair	470
<i>Ros Hamadi</i>	
Kaulah Pemudi	472
<i>Syahba</i>	
Oh Pemuda	473
<i>Garisan Abang Sersing</i>	
Darah Perwira	474
<i>Khaidir Razali</i>	
Hang Tuah	475
<i>Ahmad Nordin</i>	
Gundah	476
<i>Rosmera</i>	
Oh ... Malaya Tanahairku	477
<i>Abdullah Sanggura</i>	

Di Nyiur Melambai	478
<i>Ghazali Hassan</i>	
Pelita yang Tak Padam-padam	480
<i>Keris Mas</i>	
Hidup Bekerja	481
<i>Hajah Zain Sulaiman</i>	
Rakyat Bersatu	482
<i>Hajah Zain Sulaiman</i>	
Jiwa Hamba	483
<i>Tongkat Warrant</i>	
Oh!!! Pujangga	484
<i>Yahya al-Thani</i>	
Kehidupan	485
<i>Ghazali al-Jadidi</i>	
Askar Melayu	486
<i>Yazid Jaafar</i>	
Pusaka Datuk	488
<i>Multalati</i>	
Negaraku Malaya	489
<i>Mohd. Nor bin Ahmad</i>	
Sedar	491
<i>Double S.</i>	
Saya Berazam	492
<i>Double S.</i>	
Nasib Orang Perjuangan	493
<i>Rayuan Sukma</i>	
Rakan Seperjuangan	495
<i>A.T. Othman</i>	
Kenanganku	496
<i>Aishah</i>	
Pujangga Baru	497
<i>Awam il-Sarkam</i>	
Kerbau Lagu	498
<i>Shafie Abdullah</i>	
Untuk Perwiraku	499
<i>Rayuan Sukma</i>	
Seribu Harapan	500
<i>Masuri S.N.</i>	
Melaksana Cita-cita	501
<i>Azam Murni</i>	

Sekarang	502
<i>Pemuda Merdeka</i>	
Rela Membela	503
<i>Burmy</i>	
Mari Menyanyi	504
<i>Malihan</i>	
Sandiwara Hidup	505
<i>S. Said bin S. Muhammad</i>	
Pujaanku	506
<i>Gustam Negara</i>	
Mara	507
<i>Wan Chu</i>	
Ingatkah Kau?	509
<i>Muhibah Asmara</i>	
Tanahairku	510
<i>Hiwah Johor</i>	
Pemuda! – Seruanku	511
<i>Burmy</i>	
Fajar Pembangunan	512
<i>Rasmida</i>	
Melangkahlah Sekarang	513
<i>Masuri S.N.</i>	
Tekad	514
<i>Aishah Norida (Abdul Ghani Ishak)</i>	
Perjuangan yang Belum Selesai	515
<i>Masuri S.N.</i>	
Peduli Apa	516
<i>Halim Anuar</i>	
Tunggu Apa	517
<i>Abdul Ghani Rokambul</i>	
Dalam Zaman Demokrasi	518
<i>Noor S.I.</i>	
Kami Anak Zaman Ini	519
<i>Masuri S.N.</i>	
Mara	520
<i>Sahara S.N.</i>	
Putera Negara Malaya	521
<i>Asas</i>	
Aku	522
<i>Ibkar</i>	

Ribut-ribut Sahaja	523
<i>Hasnan Shuib</i>	
Tidak untuk Menyala	524
<i>Kamal</i>	
Semua Mesti Berani	525
<i>Zulastry</i>	
Dugaan	526
<i>Halim Anuar</i>	
Ke Sinar Nan Cerah	527
<i>Hambar</i>	
Awas! Bangsaku!	528
<i>Kura Mas</i>	
Ikutlah	529
<i>Salmy</i>	
Rantai 10 Huruf	530
<i>Pangeran Derma</i>	
Pedati Ini Tetap Berjalan	532
<i>Aishah Norida (Abdul Ghani Ishak)</i>	
Jasa	533
<i>Halim Anuar</i>	
Matlamat yang Dituju!	534
<i>Matlob</i>	
Ke Medan	535
<i>Anuar Waspi</i>	
Kalau Berani Juga	536
<i>Noor S.I.</i>	
Pengakuan Sudah Diberi	537
<i>Zulastry</i>	
Keluhanku	538
<i>Rosnam Kalam</i>	
Kau Berjanji	539
<i>Jasney Asmara</i>	
Jiwa Merdeka	540
<i>Tomo Malaya</i>	
Berkas ...! Bunuh ...!	541
<i>Amsab R.</i>	
Berjuang	542
<i>Mahmud Joh</i>	
Ke Arah Kemerdekaan	543
<i>Affrini Adham</i>	

Minta Jawapan	544
<i>Halim Anuar</i>	
Lembu Kurus	545
<i>Hasbima</i>	
Jejaklah ke Bumi	546
<i>Halim Anuar</i>	
Lambang Kota Melaka	547
<i>Burmy</i>	
Penjajahan	548
<i>Amin</i>	
Kekurangan	549
<i>Kamal</i>	
Kepada Dia	550
<i>Shaharil Manaff</i>	
Kerahan Manusia	551
<i>Compass A.</i>	
Memuja Cita	552
<i>Hasnan Supardi</i>	
Patriot Bunga Bangsa	553
<i>Petra Salmi</i>	
Azam dan Cita-cita	554
<i>Amrasetia</i>	
Kini	555
<i>Amin</i>	
Masyarakat Merdeka	556
<i>Johari Alias</i>	
Menungan di Pagi Hari Raya	557
<i>Abkas</i>	
Ilmu Hisab Politik	558
(<i>Tanpa Nama</i>)	
Setapak Lagi	559
<i>Halim Anuar</i>	
Jangan Undur Wahai Barisan Pemuda Melayu	560
<i>Shaaba</i>	
Berjuang Terus	561
<i>M. Ghazali Bidi</i>	
Kemerdekaan Abadi	562
<i>M. Ismail al-Rashidi</i>	
Pergi dan Kembali	563
<i>Noor S.I.</i>	

Lepaskanlah Aku	564
<i>Yu Mamat</i>	
Aku Bersimpati	565
<i>Amin Afandi</i>	
Umno Hari Ini	566
<i>Matlob</i>	
Mengenang Jasa Tunku	567
<i>Anak Pak Daud</i>	
Untuk Malaya Merdeka	568
<i>Asmahan</i>	
Wahai Pemuda-pemudi	569
<i>Pena Zu</i>	
Tuntutlah ... Pemuda	570
<i>Nor Hana</i>	
Manifesto Palsu	571
<i>Burmy</i>	
Aku Menangis	572
<i>Taharim</i>	
Melati Pertwi	573
<i>Moshba</i>	
Menuju ke Zaman Kemerdekaan	574
<i>Ahmad Hj. Hussain</i>	
Biarlah Aku Berjiwa Merdeka	575
<i>Delima Hamidi</i>	
Kepada Orang Perjuangan	576
<i>Othman Ngah</i>	
Merdeka	577
<i>Musa</i>	
Penganjur	578
<i>Burmy</i>	
Puncak Cita	579
<i>M. Ghazali</i>	
Pemuda Bangsa	580
<i>Harun Aminurrashid</i>	
Pengembara yang Mengaku	581
<i>Zulastry</i>	
Marilah Kawanku ...!!	582
<i>M.S. Ramzi</i>	
Mahu Sama Bebas	583
<i>Ahmad bin Hj. Yusuf</i>	

Ingin Kemerdekaan	584
<i>Roslan bin Sulaiman</i>	
Untuk yang di Luar Pagar	585
<i>M. Ghazali Yaidi</i>	
Penganjur Tiga Serangkai	586
<i>Pemuda Wanma</i>	
Damai	589
<i>Tongkat Warrant</i>	
Aku Siapa?	590
<i>Harun Aminurrashid</i>	
Yang Hidup dan yang Mati	591
<i>S.M. Ghazali Talib</i>	
Sikap Pura-pura	592
<i>S. Tamin</i>	
Malaya Pasti Merdeka	593
<i>Affrini Adham</i>	
Sekali Berjuang Tetap Berjuang	594
<i>Demak</i>	
Aku dan Rakan Perjuangan	595
<i>A.S. Ally</i>	
Sekali Merdeka Tetap Merdeka	596
<i>M. Ismail</i>	
Darurat	597
<i>Dahlia M.A.</i>	
Untuk Lagu Kebangsaan Tanah Melayu	598
<i>Hasbiha</i>	
Jangan Percaya, Kasihku	599
<i>Musa Jalil</i>	
Titisan Darah di Tanah Indah	600
<i>A. Samad Said</i>	
Jiwa Merdeka	601
<i>A.S. Amin</i>	
Berjuanglah	602
<i>Pena Merdeka</i>	
Cetusan dari Hati	603
<i>A.S. Amin</i>	
Lagu dari Rakyat	604
<i>A.S. Amin</i>	
Kepulangan Perahu Layarku	605
<i>A. Samad Said</i>	

Tidak Mengenangkan Jasa	607
<i>Seri Jelur</i>	
Rindukan Malaya yang Merdeka	608
<i>Kaman</i>	
Tanahair	609
<i>Tongkat Warrant</i>	
Pada Tanah yang Indah	610
<i>A. Samad Said</i>	
Bertindak	611
<i>Nahmar Jamil</i>	
Irama Hati	612
<i>Abhan</i>	
Pusaka Tercinta	613
<i>Suria Negara</i>	
Teruskanlah!	614
<i>S. Nuri</i>	
Titik Kepastian	615
<i>M. Ghazali</i>	
Semboyan	616
<i>Seri Brunei</i>	
Kehampaan	617
<i>T. Pertawi</i>	
Nyanyian Pahlawan	618
<i>Nor B.D.</i>	
Antara Manifesto dan Janji-janji	619
<i>Salmi</i>	
Kenangan Pada Medan Darah	620
<i>Ariffin Mahmud</i>	
Harapan Doa Ibunda	622
<i>Rahmud Johor</i>	
Maraklah Api Kesedaran!!!	623
<i>Suria Negara</i>	
Madah dari Kecapi Hati Anakanda	624
<i>Ariffin Mahmud</i>	
Kami Rakyat	626
<i>Suria Negara</i>	
Kisah oleh Sepanjang Zaman	628
<i>Suria Darma</i>	
Mengapa Begini?	629
<i>M.S. Yatim</i>	

Hasrat	630
<i>Suria Negara</i>	
Pertama dan Terakhir	632
<i>A. Samad Said</i>	
Selamat Belayar	633
<i>Mas Mawi</i>	
Bonda	634
<i>Manja</i>	
Janji	635
<i>Wijaya Asmara</i>	
Tenang	636
<i>Salmi Manja</i>	
Antara Pidato dan Janji-janji	637
<i>Ariffin Mahmud</i>	
Sebuah Harapan	638
<i>Hasni Jaya</i>	
Khabar dari Dada	639
<i>Mesra Hati</i>	
Bangun-Maju-Merdeka	640
<i>Ibu Zain</i>	
Tanah Melayu Kekal Merdeka	641
<i>Ibu Zain</i>	
Lampiran	643
Bibliografi	645

**PUISI-PUISI
ZAMAN PEMERINTAHAN INGGERIS
1913-1941**



Angan-angan dengan Gurindam

Omar Mustaffa

Bangkitlah bangkit!
mengapa tidur lama sangat?
di mana dapat mencari negeri yang sekaya negeri kita!
bangkitlah bangkit!
timah dimasak sudahlah hangat
mengapa dibiarkan bangsa lain mengambil bijih kita?
bangkitlah bangkit!
tidakkah ingin menjadi kaya dengan bangat?
mengapa dibiarkan bangsa lain bertanam getah di tanah kita?
bijih dan getah! bijih dan getah!
inilah jalan kekayaan yang tentu
hasil negeri kita yang besar dapat di situ
bijih dan getah! bijih dan getah!
dari sebab itu bangkitlah bangkit!
janganlah asyik dengan berjoget
lihatlah kekayaan Loke Yew Chow Kit!
hartanya beribu bermilion ringgit
segeralah tuan jangan lengah
segera berbudi kepada tanah
kerana tanah baik budinya
lambat-laun usaha dan penat kita dibalasnya.

Utusan Melayu, 18 Januari 1913

Timang-timangan bagi Semenanjung Tanah Melayu I (Tanpa Nama)

Alangkah permai dipandang mata
negeri Semenanjung bumi yang rata
bukit berbaris laksana kota
molek dan gerun bersama serta.

Pantas menganjur kanan dan kiri
ombak memecah membanting diri
alunnya deras sama selari
kapal belayar pergi dan mari.

Pulau berjejer di tengah lautan
jauh dan dekat tampak kelihatan
seumpama dinding tanah daratan
tampak bersela di celah hutan.

Apabila ditilik diamat-amati
negeri Semenanjung tanah yang sakti
di sebelah jawi besarlah hati
ke benua besar umpama titi.

Negeri Semenanjung tanah yang elok
berkenaan letak rantau dan teluk
segenap daerah jajahan takluk
besarlah jasa kepada makhluk.

Tanah menganjur tampak terbentang
ke sisi Sumatera hala melintang
menjadikan selat seumpama batang
tempat pelayaran pergi dan datang.

Alangkah molek kejadian alam
ditakdir Ilahi Khaliq al-alam
terjadilah selat lautan dalam
tempat pelayaran siang dan malam.

Jika boleh diambil kira
tanah Semenanjung dengan Sumatera

menjadi pintu sama setara
ke laut jawi bandar negara.

Jika difikir seketika masa
takdir Tuhan yang Maha Kuasa
sangat besar kegunaan jasa
selat terbuka sentiasa.

Apabila diperhati ke dalam peta
keadaan alam benua yang rata
sebelah Timur negeri semata
tanah Semenanjung menjadi kota.

Kota yang kukuh gunung berbatu
dengan Sumatera jadi sekutu
bagi kebaikan bantu berbantu
kerana selat menjadi pintu.

Wahai Semenanjung tanah bertuah
besar jasamu dikurniai Allah
menganjur ke laut sebelah-menyebelah
kepada dunia besar faedah.

Betapalah Semenanjung tiada tertawa
melihat keadaan di dalam benua
putera bekerja tiada kecewa
sama sepakat muda dan tua.

Patutlah Semenanjung sangat murahnya
memberi kehasilan di dalam perutnya
timah dan emas sangat mewahnya
demikian pula tumbuh-tumbuhannya.

Patutlah Semenanjung ibu yang gahara
sangat mengasihi kepada putera
memandang dagang sama setara
sedikit tidak diberi cedera.

Dagang dan putera sama dikasihi
sekalian khazanah sama diserahi

rajin usaha lebih-melebihi
sedikit tidak selisih kelahi.

Berapa luas hutan belantara
rimba belukar gunung segara
telah bertukar pekan negara
menjadi perkebunan nur dan para.

Berjenis nika boleh dilihat
usaha pekerjaan segenap rakyat
subur dan makmur di segenap tempat
memperoleh kehasilan berlipat-lipat.

Patutlah Semenanjung berbesar hati
segenap kehasilan boleh didapati
memberikekayaan beribu kati
kepada dagang 'putera dan jati.

Malaya, Mei 1926

Timang-timangan bagi Semenanjung Tanah Melayu II

(Tanpa Nama)

Sungguhlah Semenanjung negeri yang mulia
khazanahnya makmur sangatlah kaya
kepada makhluk memberi bahagia
senang sentosa bersuka ria.

Negeri pun aman bertambah ramai
bandar pelabuhan sangatlah permai
rakyat bernaung rukun dan damai
laksana benih baru disemai.

Perintah pun adil dengan sempurna
masyhurlah warta ke mana-mana
kaya dan miskin serupa kana
tiada berbeza mulia dan hina.

Patutlah negeri aman sentosa
rakyat mundur beribu laksa
saudagar berhimpun berbagai bangsa
perniagaan maju berpanjangan masa.

Demikian pula perusahaan tanah
berbagai hasil memberi khazanah
ada yang emas ada yang timah
menjadi perniagaan sepanjang sunah.

Demikian juga kebun dan bendang
menjadi perusahaan ahli peladang
sangatlah subur mata memandang
ada yang luas ada yang sedang.

Sungguhlah Semenanjung tanah berbudi
memberi kemakmuran barang yang sudi
segala perusahaan sangatlah jadi
istimewa berkebun bersawah padi.

Kebun getah kebun kelapa
segenap daerah boleh berjumpa

kesuburan hidupnya nampak terupa
memberi kehasilan tiadalah alpa.

Patutlah Semenanjung negeri terbilang
murah dan makmur tiada berselang
ramailah dagang datang berulang
mencari kehidupan tiada berhalang.

Kedatangan dagang menumpangkan diri
berbuat usaha sepanjang hari
beramah dengan anak negeri
kasih dan mesra sama sendiri.

Alangkah manis dipandang orang
daripada dahulu sampai sekarang
berkasih sayang nyatalah terang
bertambah-tambah bukanlah kurang.

Apabila Semenanjung melihat keadaan
putera dan dagang bersuka-sukaan
bersama-sama membuat perusahaan
besarlah hati dengan kegembiraan.

Wahai Semenanjung negeri yang masyhur
tanahmu luas sangatlah makmur
datanglah dagang Barat dan Timur
menumpang hidup sentiasa umur.

Wahai Semenanjung negeri pusaka
masyhur namamu tanah Melaka
wangi sebut sebilang ketika
tempat dagang menumpang suka.

Payah dicari sebagai jasamu
sangat meraikan sebarang tamu
dagang senteri tiadalah jemu
segenap bangsa boleh bertemu.

Patutlah engkau tanah berjasa
menjadi sebutan sebilang masa

kasih sayang segenap bangsa
datang menumpang berkampung desa.

Wahai Semenanjung tanah yang bahari
masyhur namamu ke sana ke mari
banyak berhimpun dagang senteri
tumpang berteduh panas matahari.

Malaya, Jun 1926

Sedarlah

Mahmud Ahmadi

Sedarlah kaumku mulai sekarang
susah nan tidak kena seorang.

Jika ya ingat sekarang masa
bilakah lagi kita berjasa?

Sinar kemajuan keliling rata
pandanglah jiran berhampiran kita.

Umum Asia maju bergerak
hanya Semenanjung jauh berjarak.

Bilakah masa bilakah waktu?
bekerja membelah gunung dan batu.

Bekerjalah tuan muda teruna
ribut kesukaran datang menyerang
melainkan semua derita tak kurang.

Kesenangan negeri istimewa bangsa
dunia wei tuan sudah dewasa
Eropah, Amerika jangan dikata.

Jepun Afghan berarak-arak
fajar kemajuan belum terarak.

Kaum kita jadi bersatu
asyik bersingkit satu-persatu.

Sama berampuk mencari guna
muslihat kebijikan janganlah lena.

Ayunlah langkah segala pemuda
sebarang haluan boleh dilanda.

Umpama bekerja mengarang cetera
undur jangan, biarlah mara.

Ingatkan bacaan bangsa kita
tidakkah tuan beradu ke cita.

Bacaan kurang kitab sedikit
meranalah kemajuan menanggung sakit.

Bekerjalah teman muda sejawat
tunjukkan tenaga seberapa kuat.

Janganlah takut karang-mengarang
pedulikan cela segala orang.

Ketengahhan fikiran semasa kini
demikianlah sifat bangsawan insani.

Bangkitlah tuan, bangkitlah tuan!
kerja bersama ayuhai ikhwan.

Bekerjalah kita sebarang ketika
bersama masuk janganlah leka.

Supaya hidup jangan merana.

Bekerjalah kita jangan tiada!
asalkan himat dapat ditunda.

Patut dibuat dengan segera
supaya hasilnya lekas ketara.

Sangatlah kurang tambahan kata
mengenangkan nasib Melayu semesta?

Di manakah pengetahuan dapat diungkit
lambatlah kita baharu bangkit.

Karang-mengarang rawat-merawat
ladang kemajuan kita nan buat.

Masuklah tuan walau seorang
kita bekerja benar dan terang

Sama ada kasar ataupun seni
iaitulah kemenangan di dunia ini.

Tetapkan fikiran satukan haluan
kumpulkan kekuatan serta pengetahuan.

Selagi pintu sedang terbuka
janganlah tinggal cita-cita belaka.

Bangunkan syarikat kecil dan besar
ikatan yang teguh jangan dikisar.

Mulia hati bangunlah cepat
jerih dan penat jangan terdapat.

Pergaulan kita dampingkan sekarang
keluarkan fikiran bersama terang.

Modal himpukkan seberapa ada
hujan Julai buatlah reda.

Fikiran lama tinggalkan dahulu
haluan sekarang sangat kelulu.

Ikutlah persatuan bangsa Barat
jika diikut segala syarat.

Kemajuan manusia jika diperhatikan
segala maksud dapat disampaikan.

(Pertama) pengetahuan alam segala
(ketiga) modal ialah kepala.

Adapun akan kita sekarang
tambahan modal bilangan jarang.

Talentang terbalik setiap hari.

Walau di kampung atau di pasar
susah dan senang janganlah gusar.

Supaya kebajikan bertambah rapat
pergaulan kita sempurna sifat.

Daripada seorang kepada seorang
timbang bersama pelik dan larang.

Bekerja wei teman bersama muda
kebajikan datang terlipat ganda.

Bukannya kita menjadi malu
patut diikut hilir dan hulu.

Sekarang ke timur sudah melarat
hilanglah segala susah dan berat.

(Tiga) rakannya yang menjadikan
dunia ini dapat ditaklukkan.

(Kedua) usaha sebarang hala
umpama himat di dalam gemala.

Pengetahuan sedikit usaha pun kurang
bilakah kita menyamai orang?

Fakir berfikir seorang diri
air mata keluar sebagai dicucuri.

Habis timbang fakir yang hina
tiadalah lain yang lebih sempurna.

Oleh yang demikian fakir berseru
muslihat kebajikan kita nan tiru.

Bersatulah kita tenaga himpukkan
kecil dan besar cuba lakukan.

Jika tuan suka bermiaga
kekuatan sahaja patut diduga.

Kompeni Limited tentu tak mudah
asal pekerjaan ada berfaedah.

Di atas sudah fakibar berkata
modal tenaga ada serta.

Lihatlah Cina datang ke mari
kerana kekayaan hendak dicari.

Semenanjung ini katakan semua
kekuatan usaha modal pun jua.

Membuka ladang kepala pelayaran
ketat memandang ternganga jiran.

Mengenangkan nasib bangsa dan negeri.

Mencari upaya yang lebih berguna
iaitulah bersatu barang ke mana.

Wahai pemuda janganlah keliru!
kenallah sendiri hijab dan biru.

Segala pekerjaan kita bangunkan
kelak diperoleh nikmat kebajikan.

Sekarang pun ada peluang yang lega
supaya diketahui had dan hingga.

Sungguh demikian kita tak gundah
sekalipun kecil ataupun rendah.

Jika sungguh bersama kita
sampailah maksud dengan cita-cita.

Susah payahnya meninggalkan negeri
beribu kongsi sekarang terdiri.

Tenaga Cina ibarat nyawa
tiada halangan sebarang dibawa.

Segala pesawat jentera kisaran
melihat Tiongkok di dalam kebesaran.

Segala pekerjaan Cina nan buat
susah sengsara jika melawat.

Cita-citanya sampai barang ke mana
singgah diikutnya kebangsaan Cina.

Kerana persatuan teguh dan kuat
dapat dihilangkan sekali sebuta.

Berkata tenaganya cukup sempurna
maksudnya jaya tujuannya kena.

Lihatlah pula Keling Benggali
sekarang banyak kaya sekali.

Pandanglah bumi berniaga mula
sebuah beg dibuka pula.

Sekarang wei lihat bumi berniaga
bagaimana jalannya cubalah duga.

Itulah tuan persatuan yang jaya
pusatnya itu di dalam India.

Mengapakah kita tak boleh jadi?
cubalah gerakkan anggota sendi.

Cubalah kita demikian itu
walau tak dapat sekarang waktu.

Daripada sedikit asal pertama
janganlah jemu kerana lama.

Schelai benang setiap hari
jika ditenun berperi-peri.

Sedikit bermiaga banyak berkuli
Semenanjung ini dapat dibeli.

Di tepi jalan duduk tersila
jualannya butang, jarum dan nila.

Perniagaan Eropah dapat dilaga
anti selidik di mana juga!

Ahlinya teguh lagi setia –
makin lama semakin bahagia.

Padahal kita berakal budi
bekerja memilih intan dan pudi.

Tolong-menolong bantu-membantu
kemudian hari hasilnya tentu.

Baharulah besar kelak menjelma
pekerjaan kita tidak percuma.

Umpama kata orang bahari
menjelmalah kain wajah berseri.

Demikianlah kita ayuhai tuan!
apabila ada keras kemajuan.

Victor Hugo seorang pengarang
cita-cita manusia tiadalah kurang.

Titiklah tuan segala ikhwani
walau sedikit maksudnya sini.

Kita sekarang demikianlah jua
sabar dan tekun tiada dibawa.

Tambahan syarikat tiada sekali
ibarat layang-layang putus tali.

Wahai pemuda kaum bangsawan
bergeraklah kiranya segala tuan-tuan.

Pimpinlah pergerakan pemuda yang ada
tuanlah memberi mana yang tiada.

Tunjukkan hati mulia raya
jika demikian tentulah jaya.

Jika tuan-tuan sama menentang
ibarat bulan di pagar bintang.

Jika tuan-tuan tak insaf diri.

Berniaga berladang sebarang haluan
sampailah maksud sebarang tujuan.

Telah berkata ertinya terang
hanya kebanyakan sampainya jarang.

Akan perkataan pujangga ini
menjadi cermin kepada insani.

Hati perajuk selalu kecewa
akhir cita-cita hilang semua.

Bercerai-berai sudahlah lali
entah di mana jatuh tajalli.

Istimewa pula kaum hartawan
tunjukkan hati mulia setiawan.

Maju kendi berlipat ganda
jangan dibiarkan porak-peranda.

Kepada bangsa miskin dan kaya
sekaliannya mengikut lagi setia.

Hasil pergerakan segeralah datang
cahayanya terang kelihatan terbentang.

Tidak memandang kanan dan kiri
hanya ingat sedap sendiri.

Di Surabaya kudengar khabar
memikul kelentong tiadalah ghubar.

Oleh usaha setumu perwira
laki-laki perempuan sama gembira.

Demikianlah pergerakan yang mendapat sokongan
dapatlah berjalan dengan kelapangan.

Syarikat Mahmudiah ambil umpama
mengapakah ia masyhur nama?

Kaum bistari ada sedia
supaya pergerakan menjadi jaya.

Cuka kita ada begitu
kaum terpelajar pula bersatu.

Wahai (ibu bapa) di Semenanjung rata
ayah dan ibu bukalah mata.

Pandanglah ayah di mana jua
kerana ibu bapanya pandai membawa.

Sekarang pemuda di Semenanjung ini
di manakah pergerakan hendak berdiri.

Kaum bangsa sama bertebar
kerana kemajuan hendak disebar.

Kaum di sana bergerak segera
tenaganya kuat sebang perkara.

Kaum bangsawan empunya pertolongan
segala maksudnya beroleh kemenangan.

ialah syarikat yang lebih utama
kerana sokongannya sangat saksama.

Menyokong membantu sebarang daya
bagi keselamatan miskin dan kaya.

Kaum bangsawan ada membantu
baharulah pergerakan bertambah tentu.

Dengan hormatnya anak-anakmu meminta
anak-anakku duduk berduakacita.

Pemuda mereka bekerja semua.
sekalian anak-anaknya tiada kecewa.

Kekuatannya ada sikap berani
hanya ibu bapa kurang mengasihani.

Jika ibu bapa membuat teladan
tentu tak asyik bersolek denda.

Wahai ibu bapa hartawan bangsa
berilah modal usul periksa.

Gunakan harta secara mulia.
namamu masyhur seluruh dunia.

Janganlah kikir harta sedikit
dengan kasihanmu kemajuan terungkit.

Tolonglah hartawan tolonglah segera
tidakkah ingin tuan nan mara.

Dengan dermamu sedikit itu
tempat pelajaran juga begitu.

Sampai di sini kalam berhenti
bilakah masanya Melayu jati.

Wassalam maaf akhir dipinta
terutama pengarang ikhwan kita.

Maka anak-anaknya jadi begini.

Tentu pemuda menurut padan
melain digunakan kekuatan badan.

Berilah anak-anak membuat lawa
supaya anak-anakmu beroleh sentosa.

Sebagai Rockefeller bangsawan kaya
istimewa bangsa mengingatkan dia.

Bagi kegunaan bangsa yang sakit
Itulah masanya kita nan bangkit.

Supaya bangsa jangan sengsara
menaikkan bangsa ke atas udara.

Banyak perusahaan dapat dibantu
pengetahuan bertambah satu-persatu.

Hanya fakir ternanti-nanti
pergerakannya pekat lagi berpati.

Kepada pembaca sekalian rata
kerana fakir mengurangkan warta.

Al-Ikhwan, 16 Jun 1929 dan 16 Julai 1929

Semenanjung

Harun Aminurrashid

Penulis termenung suatu hari
kepada Semenanjung yang difikir
tanahairku tumpah darah sendiri
mengenangkan halnya zaman yang lari.

Ayuhai Semenanjung buah hatiku
mengapakah kamu demikian laku
membiarkan puteramu duduk berteleku
bersenang-lenang belia berpangku?

Bukankah sekarang sampai masanya,
mengejutkan puteramu daripada tidurnya
sedarkan ia mengenalkan dirinya,
tunjukkanlah sekarang akan Semenanjungnya.

Tidakkah tuan lihat sekarang
puteramu asyik disuap orang!
cakapnya banyak kerjanya kurang
malas pula meninggalkan sarang.

Semenanjung, Semenanjung negeri yang kaya
puteranya berketurunan darah yang mulia
hatinya keras sama sebaya
sebarang kemahuannya maju dan jaya.

Tetapi, tetapi ayuhai Semenanjung
mengapakah puteramu tinggal di hujung
dahulunya bersatu kemasyhuran dijunjung
sekarang melata di bawah anjung.

Bukankah semasa zaman Melaka
kaum Melayu jadi penaka
sekaliannya takut bertentang muka
kuasanya luas tiada berjangka.

Berjual beli perintah-memerintah
sesama kaum tak pernah berbantah

mengikut suruhan dari perintah
lain puak susah mematah!

Tetapi alangkah sebal dan sayu
hal sekarang kaum Melayu
porak-peranda dipuput bayu
umpama pokok semakin layu.

Hiduplah Semenanjung bangkitkan puteramu
suruh bekerja janganlah jemu
segala ceruk suruhlah ramu
lebih-lebih lagi mencari ilmu.

Ayuhai Semenanjung ingat sekarang
watanmu sudah terang-benderang
sekalian bangsa datang bersarang
merebut hasilmu dengan girang.

Jangan didiamkan mereka melarat
menghalau kita jauh ke darat
mengisi dompetnya sehingga sarat
kemudian dihantar jalan ke Barat.

Masa sekarang patutlah pula
suruhkan puteramu mengembangkan jala
kemudian kemajuan menuju hala
sekatlah kaum yang maharajalela.

Lihatlah! Lihatlah! Masa sekarang
Cina nan ramai datang menyerang
majunya ada undurnya jarang
merebut hasilmu dengan girang.

Segala pekerjaan di dalam tangannya
berniaga – bertanam serta lainnya
tiada diendahkan susah payahnya
asalkan berhasil yang ditujunya.

Sedarlah — sedarlah masa ini
bangsaku yang terpuji gagah berani

lihatlah tanahairmu jadi begini
penuh segala bangsa insani.

Marilah, marilah bergerak ke hadapan
ke medan kemajuan pedoman harapan
tunjukkan tenagamu janganlah simpan
kerana bangsaku pun manusia yang tampan!

Penulis berseru penutup madah
bergeraklah kita jangan gundah
ayuhai kaummu tinggi dan rendah
kelak tercapai maksudmu yang indah.

Jasa, 11 September 1929

Tenaga Kaumku!

Harun Aminurrashid

Oh tanahairku! Oh bangsaku!
oh Semenanjung tumpah darahku.
mengapalah kamu diam terkaku
umpama permata tidak laku?

Hai kaumku Semenanjung yang mulia
kamu mempunyai tenaga sama sebaya
seperti juga sekalian manusia
mengapa tidak mencari upaya?

Wahai bangsaku? Tanahair serta
tenagamu kuat sama sekata
sama seperti kaum bertakhta
mengapakah kamu hidup melata.

Hai! Hai! Kaumku yang merana
carilah lekas jalan berguna
gunakan tenagamu barang di mana
supaya dipandang oleh kaum Barat yang bijaksana.

Barat dan Timur tidak apa bezanya
kesedaran sahaja yang membatasnya
kemajuan juga sama mendindingnya
dengan sebab itu singkaplah tirai yang melindungnya.

Tenaga kaumku bukannya lemah
sama juga seperti kaum yang berhemah
boleh bekerja dan berumah
apalagi melebur timah!

Wahai! Wahai! Wahai! Bangsaku!
hiduplah bangsaku sedarlah sekarang
marilah kita meninggalkan sarang
bekerjalah kita kemajuan diserang
supaya sesaing dengan kaum kita di tanah seberang.

Bangkitlah lekas kaumku Semenanjung
bersatu bertolong-tolongan sama dijunjung
gunakanlah tenaga kita dengan segera
ke medan kemajuan kita nan mara!

Jasa, 10 Oktober 1929

Ingatkan Semenanjung Tanahairku IBHY

Ayuhai Semenanjung tanahairku
tempatku besar dididiknya ibu
Ilahi Rabbi tolonglah bangsaku
tinggal di belakang memakan debu.

Ayuhai Semenanjung tanahairku
tempatku duduk setiap hari
bangsaku miskin sudahlah tentu
keadaannya lemah tidak berdiri.

Ayuhai Semenanjung tanahairku
tempat bermain di dalam puri
tidakkah belas amboi bangsaku
melihat harta terlepas di jari.

Ayuhai Semenanjung tanahairku
tempat kucita malam dan siang
putera Semenanjung hina dan kaku
haknya sendiri dibiarkan melayang.

Ayuhai Semenanjung tanahairku
timah emas dapat di daratan
amboi pilu rasa hatiku
hasil Semenanjung menyeberang lautan.

Ayuhai Semenanjung tanahairku
tempat bermimpi semasa malam
segala dagang hampir berkuku
umat yang asal hampir tenggelam.

Ayuhai Semenanjung tanahairku
tempat kududuk menanggung rayu
Semenanjung maju dagangannya laku
puteranya sahaja semakin layu.

Ayuhai Semenanjung tanahairku
galian timah raksa gangsaan

umat Semenanjung cubalah bersekutu
supaya kembali hak kebangsaan.

Ayuhai Semenanjung tanahairku
tempat bekerja mencari nafkah
ya! pemuda segala kaumku
ikutlah perusahaan kemajuan Eropah.

Ayuhai Semenanjung tanahairku
istana raja di dalam negeri
bangsa dagang asing dan suku
tolong dan bantu bangsamu sendiri.

Ayuhai Semenanjung tanahairku
tempatku duduk menghisap rokok
carilah ilmu wahai pemudaku
darjah kemuliaan akan bertokok.

Ayuhai Semenanjung tanahairku
tempat menangis dipangku ibu
ilmu kepandaian walau sekutu
tinggi harganya beribu-ribu.

Ayuhai Semenanjung tanahairku
tempatku duduk tidaklah jemu
dipesan kepada pemuda kaumku
cintailah akan tanahairmu.

Ayuhai Semenanjung tanahairku
tempat berjalan setiap hari
cintalah akan tanahairmu
serta sekalian bangsa sendiri.

Ayuhai Semenanjung tanahairku
dilawat juga oleh orang Jepun
hingga inilah serunya aku
apa yang salah harap diampun.

Sedarlah Kita

Hasnah Brahim

- S Sedarlah encik sedarlah tuan
bangun berjalan mencari haluan.
- D Dalam dunia hendaklah ditawan
biar jadi sampai ketentuan.
- R Rajin bekerja tiap-tiap perkara
duduk senang tidak kecewa.
- L Layangkan pemandangan serata-rata
supaya mata jangan dibuta.
- H Ha! Sekarang sudahlah nyata
betapakah gerangan negeri kita.
- K Ke bangsa asing bersukacita
membuat pekerjaan tidaknya leta.
- Y Ya! Sungguh bangsaku bekerja
seumpama tanah tak berbaja.
- T Tahan cuba tahan diwaja
Malu benar bangsaku bekerja.

Lidah Benar, 22 April 1930

Seloka Harapan

Harun Aminurrashid

Bumiku! Bumiku! Bumiku!!! yang permai
bangsaku! bangsaku! bangsaku!!! yang ramai
dengarlah saudara kami bermadah
kepada bangsaku tinggi dan rendah
lihatlah sekarang watanmu yang indah
buminya luas masih terdedah.

Tidakkah sedar kaumku sekarang
tanahmu gelap menjadi terang
banyak manusia datang bersarang
melainkan kita sahaja yang kurang.

Bukankah sekarang kaumku Melayu
orang memandang kamu nan layu
tidakkah mesti insaf dan sayu
kita umpama tunggul kayu.

Ayuhai kaumku yang kaya-raya
marilah sekarang kita berupaya
cari jalan yang tiada bahaya
supaya tercapai ke dunia jaya.

Bilakah saudara masanya lagi
kerana hari dah terbit pagi
mesti ke ilmu yang tinggi
supaya terkira untung dan rugi.

Sekarang lihat saudaraku tuan
Cina nan ramai berkawan-kawan
ke dunia perniagaan yang ditawan
kerana itulah punca bangsawan.

Sekarang-sekarang ayuhai bangsaku
tinggi dan rendah jadi junjungku
dunia persatuan ikat dan paku
itulah asas kehidupan bangsaku.

Kita sekarang jatuh terhempas
segala cawangan habis melepas
dengan sebab itu marilah lekas
wang dan tenaga jadikan perkakas
bangsaku! bangsaku!! hidup sekarang
kerana bumimu dah terang-benderang.

Temasik, 1 Mei 1930

Sedar Sekarang!

Harun Aminurrashid

Sewaktu kami di zaman sari
buminya penuh hutan duri
waktu itu kalau dikenang
ialah zaman bersenang-senang.

Tetapi apa hendak dikata
melainkan duduk dengan sukacita
harta di tangan semakin kurang
malas nan memang sudah bersarang.

Cubalah masa di zaman itu
perniagaan pekerjaan dengan sekutu
tentu sekarang kita dapati
wang pun banyak di dalam peti.

Tetapi sekarang apa hendak buat
Semenanjung nan sudah penuh pelawat
pelawat ramai segala bangsa
memungut hasil dengan sentosa.

Melainkan Melayu tinggal terkapa
malas dan lalai datang menerpa
dari sekarang patut beringat
pulihkan semula roh semangat.

Perniagaan pekerjaan ilmu pengetahuan
malas dan lalai mesti dilawan
sedarlah kita dari sekarang
seperti juga bangsa-bangsa yang garang.

Semenanjung belum menjadi negeri
tempat segala binatang berlari
air mata jatuh berlinang
sebelum Cina sewenang-wenang.

Sungguhpun Melayu sudah bertakhta
setiap masa menghabiskan harta

bumi yang gelap mulai terang
akhirnya menjadi hamba orang.

Melayu kita hidup bersatu
wang dan ilmu bantu-membantu
orang Melayu sehidup semati
sekalian bangsa sedia menghormati.

Masa itu sudah terlewat
membangunkan kota dengannya kuat
datang daripada segenap desa
sedikit pun tidak lagi bersisa
semakin hari semakin papa
akhirnya, kelak jatuh terlepa.

Sebelum kita terjatuh sangat
bergerak kita dengannya bangat
hendaklah segera kejar dan tawan
supaya tercapai kemajuan bangsawan
kerana Melayu punya sebangsa 'orang'
ke tamadun marilah serang.

Temasik, 1 Jun 1930

Rayuan Bangsamu

Harun Aminurrashid

Dengarlah bangsaku adi pahlawan
dengarlah madah kami yang rawan
perkara yang besar kami nak kata
pengetahuan dan ilmu kekayaan berserta.

Ayuhai kaumku muda bistari
perasaan kebangsaan di sanubari
ketinggian bangsa jikalau diperhati
seperti Amerika jikalau dituruti.

Inggeris pula lain jalannya
dunia bekerja dimajukannya
di bangsa Jepun pula terutama
ketinggian bangsanya kerja bersama.

Orang Cina lain pula
merasa ceruk menyembah berhala
tetapi Islam lain sekali
tolong-menolong sangat dikenali
sebab itu ayuhai kaumku
tidak menegah kemajuan dilaku
bergeraklah sekarang ayuhai Melayu
hiduplah kita! janganlah layu.

Sedarlah kita ayuhai saudara
turutlah ia walaupun sedera
ilmu perniagaan ilmu bekerja
ilmu ekonomi jalan belanja.

Hiduplah! Hiduplah ayuhai bumiku
miskin kaya serta bangsawan
kepada sekalian saudara dan kawan
kemajuan yang dicita-cita
kerana itulah tangga mahkota.

Adapun perkara yang mesti dicari
ialah persatuan kita kejari

dasarnya banyak memberi bukti
mengumpulkan harta beribu keti.

Ialah pengetahuan yang dikehjarnya
tenaga otak besar baginya
di hati selalu datang menjelma
mengumpulkan kekuatan dengan saksama
persatuan ketekunan yang dibela
supaya persatuannya semakin bernyala.

Hidup bersatu simpulan tai
itulah dasar dari asli
agama kita sudah mengaku
tidak menyuruh duduk berteleku
janganlah kamu seperti kayu
ikutlah kemajuan pergerakan bayu.

Sehingga tercapai yang diura-ura
persatuan kesedaran juga dipuja
itulah yang kita mesti taja
sedarlah! sedarlah! ayuhai bangsaku !!

Temasik, 30 Ogos 1930

Nasihat kepada Pemuda

Zainal Rashid

1. Pendahuluan syair saya berkata ke hadirat budiman pemuda yang pokta maksud saya menzahirkan cita bulan menunjuk bijak pendeta
2. Saya bukan bijak bistari mengarang syair tak pandailah diri sebarang kesalahan yang ada terperi dipohonkan maaf mengangkat jari.
3. Pemuda-pemudaku sekalian bangsa Melayu tidakkah dengar pendetamu merayu suaranya keras mendayu-dayu hatimu mengapa tak menaruh sayu.
4. Pemimpin berseru ajak bergerak kumpulkan bangsa mana yang berserak gebar kemalasan segeralah orak tak usah leka tengkar bersorak.
5. Tetapi pemuda kebanyakkan tak endah membaca seruan sedikit tak berpadah kemajuan bangsa dipandang mudah akhirnya bangsa menjadi rendah.
6. Hairan sekali saya memandang kebanyakkan pemuda berotak udang mendengar seruan ia memberang muh rupanya ia menendang.
7. Pemuda kita zaman sekarang kepandaianya banyak sedikit tak kurang ilmu kira-kira ilmu mengarang keluaranya sekolah sudahlah terang.
8. Kegunaan ilmu banyak yang tak tahu menjalankan perniagaan dia tak muh

- kerja tak dapat ia melahu
ke sana sini mengangkat bahu.
9. Kalau dah dapat memakan gaji
kelakuannya tak dapat lagi dipuji
ke sana sini mengenakan taji
sebagai pahat di celah bajji.
 10. Memajukan bangsa, jangan diharap
dibiarkannya sahaja terlukup tiarap
penatlah sahaja akhbar memerap
mengajak maju sama sederap.
 11. Adapun sekalian kesalahan itu
salah didikan sudahlah tentu
perasaan hatinya tidak dibantu
dibiarkan sahaja menjadi batu.
 12. Ayuhai pemuda yang amat kukasih
perangai tak elok segeralah bersih
ikutlah perintah Tuhan llahi
pekerjaan terlarang elok jauhi.
 13. Seruan pendeta di suratkhabar
bacalah dia dengannya sabar
selidik siasat di serata lembar
mana yang tak baik hendaklah bubar.
 14. Kalau kita membanyakkan leka
di serata hotel guru jenaka
akhirnya bangsa tak ada berbaka
habis diselap hantu puaka.
 15. llahi Rabbi Tuhan Rabbana
bilakah bangsaku dapat sempurna
dapat mengalahi bangsa Cina
sebarang pekerjaan jadi berguna.

Lidah Benar, 23 September 1930.

Oh! Bangsaku

Harun Aminurrashid

Dapatlah sedikit kami berdoa
iaitu dengan hati yang gundah
kepada bangsaku tinggi dan rendah
suatu perkara yang besar faedah.

Perkara yang hendak kami katakan
kisah peruntungan ayuhai rakan
kerana jikalau kita perhatikan
bangsa kita tidak bersepakatan.

Semakin hari semakin nampak
bangsa kita bertendang bersepak
setiap saat berpuak-puak
tiada menginsafkan sesama awak.

Berpecah belah kami lihati
semakin lama semakin sebat
sedikitpun tidak ia berhati
memikirkan hidupnya tidak bererti.

Kelakuan ini memang dimanti
oleh bangsa asing yang melihat
kalau tuan rusuh berpeti-peti
tentu tetamu bersuka hati.

Insaflah sekarang ayuhai bangsaku
janganlah berperasaan berengkau beraku
kalau dikekalkan demikian laku
akhirnya kelak menggigit kuku.

Lagipun sekarang bukanlah masa
kerana ber kaum atau bernusa
ialah zaman meninggikan bangsa
serta zaman membuat jasa.

Patutlah sekarang kita ingati
Islam itulah agama sejati

Indonesia Semenanjung kita angkati
marilah kita sehidup semati.

Fikirkan! Fikirkan! Ayuhai saudara
marilah kita bersatu dan mara
bergeraklah kita ke medan sejahtera
supaya terjauh dunia sengsara.

Al-Ikhwan, 16 November 1930

Buah Percintaan

Rahimu Yakubi

Air matakku berlinang ya mak inang
ke manalah kelak badan terhantar
bertambah lama hatiku terkenang
biarpun jiwaku hilang melontar.

Biarpun jiwa hilang melontar
kasih hatiku tetap tertanam
darah kebangsaan tidak berputar
mencintai Semenanjung sudah terbenam.

Putera Semenanjung muda teruna
si jantung hati jangan merana
cinta bangsamu hingganya fana
angkatlah dia ke atas singgahsana.

Buahnya hati marilah tuan
cinta hatiku bukan gurauan
roh nasional marilah ke pangkuan
angkatlah Semenanjung hingga mengawan.

Oh Semenanjung jiwaku sayang
bangkitlah lekas awang dan dayang
kebinasaan kita hampir terbayang
harus pula kebangsaan melayang.

Semenanjung ayuhai nyawa
buahnya hati bangunlah segera
malam termimpi aduhai jiwa
persatuan bangsaku rasanya mara.

Buahnya hati penghibur lara
si jantung hatiku Melayu putera
ke manalah kelak kita melara
lamunnya kita tak dapat mara.

Ayuhai jiwaku pandanglah negara
jinanya kita tidak terkira

hak kebangsaan hampir cedera
buahnya hati ingatlah segera.

Hingga inilah Rahim berkata
salam nasional tulus mesra
kasih muhibah sama serta
kehormatan nasional Allah pelihara.

Warta Negeri, 8 Disember 1930

Seruan Kebangsaan IBHY

Wahai bangsa Melayu putera sejati
memiliki Semenanjung wahai gusti
ke manakah tuan buahnya hati
marilah lekas kemajuan uliti.

Usahlah tidur amboi wei! Bangsa
bukalah mata lihatlah desa
keluarkan gagah dengan perkasa
supaya bangsa tinggal sentosa.

Bangunlah kaum bangunlah asmara
bangun bekerja dengan segera
carilah kemajuan bangsa negara
berpeluk kita bersatu saudara.

Kejar-kejar aduhai bangsaku
bangun bangkit bersatu
jangan leka duduk berpaku
kejarlah kemajuan tinggikan mutu.

Ikut-ikut kemajuan negeri
bangkitlah lekas segeralah cari
kejar dan hambat dengan berlari
kita dah tinggal amatlah ngeri.

Biarlah jauh kejarlah segera
biarlah sampai binasa jiwa
lamun bekerja kerana negara
jangan sekali berhati kecewa.

Warta Negeri, 28 Jun 1931

Oh Saudara

IBHY

Ayuhai sahabat kenalan setia
empat saudara sama sebaya
janji diikat sebagai rahsia
mahu bekerja sehabis upaya.

Ke manalah tuan ayuhai jiwa
hatiku rindu tidaklah dua
janganlah bimbang serta kecewa
harapkan tuan setia semua.

Setia IBHY tidak berubah
selagi jiwa dikandung tubuh
bukannya surut sebagai bah
malahan tetap tak dapat roboh.

Amboi sahabat amboi saudara
bangunlah tuan dengan segera
di manakah tuan hidup jenera
tidak mengendahkan sebarang kira.

Pandanglah sekarang hal negara
hampir kelak dapat cedera
ke mana dibuangkan perasaan saudara
sebagai tak sudi bersama mara.

IBHY rindu bukan buatan
penat rasanya menulis suratan
biarpun badan di dalam kesakitan
lamun persetiaan teguhkan ikatan.

Bangkit-bangkit sahabatku lama
jangan leka duduk bercengkerama
susah dan sukar kita terima
kemaraan bangsa kerjakan bersama.

Wahai saudara empat sekawan
mari-mari kita berjalan

janganlah tuan berhati rawan
pahlawan nasional itu handalan.

Salam hormat penutup rencana
kepada saudara muda teruna
Ismara dan HAMAU jangan merana
tetapkan hati supaya sempurna.

Bentong

Warta Negeri, 28 Jun 1931

Wahai Bangsaku di Semenanjung

Yaakub Mohd. Amin

Salam takzim dari kebangsaan
menghadap Tengku, encik-encik dan tuan
marilah bersama mengejar kemajuan
siasat selidik segala pengetahuan.

Ayuhai bangsaku muda remaja
jimatlah wang buat belanja
ingatkan susah kita bekerja
seperti itulah hendak berbelanja.

Makan dan pakai biar sederhana
supaya duit jadi sempurna
dibelanjakan benda tidak berguna
akhir hidupmu jadi merana.

Waktu hidup gunakan masa
daripada itulah beroleh jasa
ke laut ke darat ke padang desa
supaya tidak keputusan asa.

Memang pendeta sudah berkata
masa itulah duit berjuta
lamun digunakan nampaklah nyata
jika tidak ghaib semata.

Wahai bangsaku usul bangsawan
ingatkan bangsa jangan tertawan
jangan termakan racun penawan
pusaka kebangsaan peliharalah tuan.

Di suratkhabar segeralah belek
petik isinya mana yang pelik
bila dapat segeralah kelek
supaya perasaan menjadi celik.

Kepada bangsa hendaklah ingat
apa kehendaknya segeralah taat

sepanjang jam sepanjang saat
supaya bersama dapat manfaat.

Inilah ketikanya bangsaku bangkit
nama negeri hendak diungkit
janganlah takut payah dan sakit
supaya kehinaan tidak melekit.

Dari semasa ke suatu masa
wahai kaumku tunjukkan jasa
atas kebijakan kasihkan bangsa
itulah firman Tuhan yang Esa.

Had inilah syair ditamatkan
atas kesalahan minta betulkan
kekhilapan yang ada harap maafkan
salam pembaca saya ucapan.

Pahang

Majlis, 22 September 1932

Seruan Kebangsaan

Dolfatram

Melayu-Melayu putera kandungan
di mana-mana tuan gerangan
puas kupujuk intan kesayangan
supaya kemajuan digenggam tangan.

Tetapi Melayu oh Melayu
mengapa diam duduk merayu
sedih hatiku berserta sayu
melihatkan kau makin layu.

Sedarlah kau sedarlah bangsa
inilah waktu inilah masa
bangunlah tuan membuat jasa
kita nan hampir menjadi sisa.

Melayu-Melayu cermatlah fikir
supaya tidak kena kelikir
jikalau lengah pedikir
nasib kelak menjadi fakir.

Laju-laju perahu laju
laju sampai ke Surabaya
maju-maju Melayu maju
maju kepada tinggi upaya.

Lumba-lumba perahu lumba
lumba sampai ke Tanjung Jati
Cuba-cuba Melayu cuba
cuba kepada bersatu hati.

Majlis, 1 Januari 1934

Syair Kemajuan Melayu

Shamsudin Muhamad Yunus

Kalimat kemajuan tidaklah asing
di alam Melayu bunyinya bising
ke mana juga kita berpusing
"kemajuan!" diseru suara melangsing.

Sungguhpun demikian kemajuan dicita
oleh tiap-tiap umat kita
laki-laki perempuan muda dan renta
tetapi tidak nampak di mata.

Apakah sebabnya ayuhai gusti?
kemajuan tak dapat kita punguti
adakah kita kurang mengerti?
akan makna maksud yang pasti.

Makna kemajuan ayuhai tuan
kata pendeta orang yang bangsawan
maju, mara, bekerja, berpengetahuan
berilmu, berusaha di segenap tujuan.

Bersungguh-sungguh menuntut ilmu
segala pengetahuan semuanya ramu
kemudian biakkan kepada kaummu
bahkan berusaha janganlah jemu.

Tetapi umat kita sekarang
makna kemajuan lain dikarang
jikalau ditilik dengannya terang
bezanya jauh daripada orang.

Erti kemajuan di bangsa kita
pada pakaian, tutur dan kata
pada kejolian membuang harta
pada permainan yang leta-leta.

Fesyen pakaian setiap-tiap masa
berubah-ubah tidak sentosa

dan bercakapan pelita bahasa
semuanya meniru Barat bangsa.

Walaupun tidak sepatah mengerti
bahasa yang ditirunya bermati-mati
orang yang mendengar merasa meluati
tetapi ia tak malu di hati.

Demikianlah sangkaan kaum kita
kepada kemajuan yang dicinta
jikalau dibandingkan dengan nyata
bezanya jauh beribu juta.

Sungguhpun begitu ada harapan
kemajuan bangsaku di hari hadapan
walaupun sekarang kemajuan celupan
kemudian kelak bergemerlapan.

Kerana kaumku bersungguh hati
menuntut kemajuan yang mereka ingati
walaupun lain daripada erti
tetapi 'kesungguhannya' wajib diperhati.

Keusahaan mereka pada sesuatu
yang difikirnya kemajuan perkara itu
walaupun bukan kemajuan begitu
tetapi 'kesungguhannya' kelak bermutu.

Penulis berdoa kepada Rabbana
kaumku mencapai kemajuan yang sempurna
berkat 'kesungguhan' yang besar sempena
had inilah madah kalam yang hina.

Ayuh! Majulah kaum!! Maju bagai dicita!!!

Tanah Melayu, Julai 1934

Mempertahankan Hak Kita

Penulis Khas Tanjung Malim

Seruan yang ikhlas kita kirimkan
kepada sekalian saudara dan rakan
laki-laki perempuan tidak dibezakan
kerana keselamatan yang hendak dikatakan.

Ibu bapa saudara-mara
marilah kita sama bicara
perkara keselamatan yang hendak dikira
supaya kita jangan cedera.

Perkara keselamatan yang kita kata:
ialah "mempertahankan hak kita"
daripada dibinasakan oleh bangsa melata
yang datang menumpang membuat kota!

Bangsa yang menumpang kita katakan
menuntut hak minta dipersamakan
dengan kita tak mahu dibezakan
meminta kekuasaan yang diharapkan.

Bangsa itu ialah Cina
Keling – Yurasyian sama membina
sama berserta jantan betina
mencari jalan kasihan sana.

Mereka menuntut sangat bijaknya
mula-mula alam dipelajarinya
selok-belok habis disiasatnya
tempat perjejakannya lalu dibernanya.

Setelah mereka tahu sekarang
orang Melayu mudah menggerang
alat tak ada senjata pun kurang
lalu mereka datang menyerang!

Mula-mula Cina datang bertempik
mengatakan dirinya bukan 'apek'

ialah orangnya yang sangat rapik
menolong kerajaan di waktu sompek.

Lagi katanya dengan garang
akulah yang berusaha berterus terang
menjadikan Tanah Melayu sekarang
makmur masyhur disebut orang.

Sebab itu ayuhai kawan
patutlah saya menjadi 'tuan'
semua perusahaan habis kutawan
tiada siapa yang akan melawan.

Aku senang aku kaya
orang Melayu habis kudaya!
habis kuhalau masuk ke paya
aku bersenang di jalan raya.

Hartanya habis dapat kutipu
undurlah ia ke gunung menumpu
habislah semuanya dapat kusapu
menggeleparlah Melayu seperti kena palu.

Demikianlah perasaan si Tongsan itu
memandang kita rendahnya tentu
dikira Melayu semuanya batu
tiada bersuara walau dilutu.

Dengan sebab itu mereka bersuara
kepada pemerintah ia berkira
meminta kekuasaan menjadi perwira
kecoangan pemerintah ia nan mara.

Keling begitu pula
kecoangan pemerintah sama dihala
mereka berkhidmat kepada berhala
supaya mereka jadi 'kepala'.

Mereka berseru di dalam mesyuarat
meminta pertimbangan ringan dan berat

jikalau tidak jadi melarat
kecoongan pemerintah menuju hasrat.

Ia berkata kepada sang nata
mereka sekarang bukannya buta
hemahnya penuh bijak berserta
apalagi kelayakan ataupun harta.

Semua jawatan mereka dah landa
menanggung kesusahan tidak berjeda
memajukan Malaya berpada-pada
demikianlah pengakuan mereka bersenda!

Pengharapan mereka minta pertimbangan
kepada sekalian dewa-dewa kayangan
cita-cita mereka yang diangan-angan
kekuasaan Melayu supaya di tangan!

Yurasyian pula membuat hunar
kepada pemerintah kepada benar
ia juga bangsa yang tenar
kepada Malaya anak sebenar.

Dan lagi ia berkata:
'ayahnya' kuat lagi bertakhta
'ibunya' berasal Melayu nyata
sebab itu Malaya ia punya harta!

Demikianlah Nasrani membuat pengakuan
baik di padang atau di dewan
mereka bersekutu berkawan-kawan
kekuasaan Melayu hendak ditawan.

Tambahan pula mereka nan rajin
semua alam habis ditajin
otaknya cair seperti enjin
alam yang tinggi habis dipunjin.

Mereka mengaku darjat penghidupannya
lebih tinggi daripada Melayu semuanya

sebab itu mereka bertanya
tidakkah layak dilebihkan gajinya?

Mereka meminta dengan berani
ia sekalian bangsa Nasrani
darjah ditinggikan maksud yang seni
menjadi 'tuan' bukan kerani!

Mereka sendiri punya pengakuan
darjahnya setara dengan 'tuan'
ilmunya tinggi menyaput awan
takkan rupa Melayu melawan.

Sebab itu mereka berseru
meminta kepada betara guru
persamaan hak yang mereka buru
dengan Melayu semua penjuru.

Demikianlah keadaan ayuhai kaumku
masa kita asyik berteleku
Cina – Keling – Yurasyian bersuku
Tanah Melayu hendak diaku.

Sebab itu dari sekarang
janganlah kita leka mengerang
bangkitlah sekarang hari dah terang
Tanahair kita dipenuhi orang.

Marilah kita kerja bersungguh
jangan lagi bertangguh-tangguh
membuat persatuan dengan berteguh
asuhaul anak supaya bersungguh.

Miskin kaya jangan dikira
hina mulia sama setara
kecil besar bujang dan dara
bersama-sama kita nan mara.

Tuntutlah ilmu jangan berlengah
supaya kita lekas ke tengah

jangan dikira penat dan mengah
cita-cita yang tinggi hendak dijengah.

Sudahlah waktunya kita sekarang
sedar dan ingat tak boleh kurang
menyediakan kesiapan seperti berperang
kerana kekuasaan kita direbut orang.

Adapun persediaan yang hendak disiapkan
meriam senapang itu nan bukan
ialah ilmu yang dimaksudkan
bersatu berikat minta disertakan.

Tolong-menolong — ajar-mengajar
pangkat yang tinggi hendaklah dikehjarnya
dari siang hingga ke fajar
bangsa yang maju kita sebanjar.

Bersungguh-sungguhlah segala cawangan
ajar-mengajar bertolong-tolongan
miskin kaya berpimpin tangan
kita bergerak ke jalan kemenangan.

Di kampung di pekan sama sejalan
kerani — guru — askar handalan
saudagar — pekerja sama bertaulan
masing-masing tujuan haluan.

Khianat-mengkhianat jauhkan sekali
kata-mengata jangan diamali
persaudaraan yang kukuh payah dibeli
peliharalah persaudaraan janganlah khali.

Tuan-tuan yang berhormat ahli mesyuarat
kepadanya lah tanggungan yang berat
harapan kaumnya laut dan darat
minta dilindungkan daripada melarat.

Keselamatan kaum — keselamatan negeri
itulah semua mesti difikir

jerit lolong bangsa sendiri
harap dilayan janganlah ngeri.

Kita sekalian rakyat Melayu
janganlah lagi tinggal bersayu
janganlah duduk mendayu-dayu
menunjukkan kita bangsa yang Melayu.

Mahulah kita sekarang bergerak
bersatu kita jangan berserak
hemah yang tinggi kemajuan yang marak
ke jalan keselamatan kita berarak.

Tunjukkan kebolehan dengan sesungguhnya
supaya bangsa dagang semua bertanya
siapakah itu dia orangnya?
kaya mulia tinggi hemahnya?

Tentulah kemudian datang jawapan
ialah Melayu bangsa yang tampan
yang punya 'Malaya' belakang hadapan
bangsa yang berani penuh harapan.

Bangsa yang taat berani mati
mempertahankan Malaya daripada direbuti
oleh Keling – Cina berketi
yang kemudian pula Nasrani menuruti.

Had ini kita berseru
kepada bangsaku' semua penjuru
jalan yang baik hendaklah tiru
kerana membina jalan yang baharu.

Jalan baharu yang kita maksudkan
'Melayu Maju' yang dicitakan
baik di kampung atau di pekan
perasaan kebangsaan yang didirikan.

Perasaan kebangsaan jikalau tersemat
"mempertahankan hak kita" itulah semangat

tolong-menolong sesama umat
majulah kita di dalam selamat!

ditagih oleh umat
dalam selamat

Warta Ahad, 19 April 1936

adalah sebuah surat yang ditulis
oleh seorang datuk dan dia
menulis tentang peristiwa ini

sebuah surat yang pada
atasnya bertuliskan halaman
terakhir yang ditulis oleh
orang yang masih hidup

ini adalah sebuah surat
yang ditulis oleh seorang
orang yang masih hidup
dan dia menulis tentang

sebuah surat yang ditulis
oleh seorang orang yang masih
hidup dan dia menulis tentang
sebuah surat yang ditulis

sebuah surat yang ditulis
oleh seorang orang yang masih
hidup dan dia menulis tentang
sebuah surat yang ditulis

sebuah surat yang ditulis
oleh seorang orang yang masih
hidup dan dia menulis tentang
sebuah surat yang ditulis

oleh seorang orang yang masih
hidup dan dia menulis tentang
sebuah surat yang ditulis
oleh seorang orang yang masih

tolong-menolong sesama umat
majulah kita di dalam selamat!

Mutu Kebangsaan

Khadam Petani

Ayuhai kaumku yang mulia
apalah kiranya hendak diberita
tanah kita ialah Malaya
kalau diperhatikan teramat nyata.

Sana sini saya pergi
banyaklah perkara saya perhati
satu pun tiada yang sejati
semuanya orang begitulah erti.

Kalau dipandang alatan bandar
berdukacitalah hati hendak dikhabar
oleh tersangat kita membiar
begitu keadaannya belum tersedar.

Padahalnya kuasa kita membuat
sebarang rekaan ringan dan berat
hanya dinantikan tidak dibuat
kemudian harus juga melarat.

Sayangnya tuan bukan kepala
adat istiadat kita yang terang
habis ditinggal serta dibuang
akhirnya kelak menumpang orang.

Dari itu renunglah kita
tanah yang pijak merata-rata
daging tuk nenek yang sangat nyata
sungai yang mengalir darah yang punya.

Tanah kita buahan di bumi
kemudian makan anak isteri
meminum membasah tangan dan kaki
tidakkah semuanya darah sejati.

Keadaan yang demikian suakah tuan
bangsa asing berkawan-kawan

bumi dipijak bersuka-sukaan
sedikit tidak kita nan hairan.

Biarkan tuan orang asing
datang mengacu mari memusing
meminum memakan darah dan daging
kita berlapis berhati runsing.

Allahu Rabbi ya Tuhanku
bukakanlah pintu hati kaumku
dengan-Nyalah dapat dilaku
menyubur semula daripada layu.

Bangsa lain menjadi persatuan
masing-masing membangun Rumah Persekutuan
makan dan minum dengan bersukaan
kita nan juga mendapat rawan.

Di bandar Patani masa sekarang
senang melihat adik abang
menggunakan pengetahuannya lebih kurang
mencari kemaslahatan malam dan siang.

Bersungguhlah wahai saudara-saudara
apa yang patut sila segera
jangan dinanti-nantikan masa sesia
ke hadapan juga patut bicara.

Al-Hikmah, 23 April 1936

Perempuan Mesti Bangun

Zainun Nasir

Bangunlah saudara wahai perawan
bangunlah Mak Cik Mas tempawan
lihatlah sana di kaki awan
rembangan suluh fajar pengetahuan.

Mak cikku tuan janganlah tidur
berikan perangsang anakmu lekas
di sini bukannya tempat berkubur
tetapi tempat menunjukkan cergas.

Agaknya mak cik bukan tak sedar
dunia pengetahuan sudah benderang
tetapi pak cik selalu menggusar
bila mak cik nak meninggal sarang.

Wahai perempuan emas juita
janganlah lekas kena perdaya
mendengar perkataan penganjur buta
engkau tak boleh berhari raya.

Wahai perempuan ayuhai bonda
buangkan penakutmu dari kenangan
engkau bukannya seekor kuda
semata gunanya bikin tunggangan.

Tetapi engkau kejadian yang mulia
bersamaan haknya dengan lelaki
tuntutlah lekas suluh bahagia
supaya tidak ketinggalan lagi.

Apakah mak cik tidak melihat
negeri yang maju apa dipangkunya
bukankah mereka sudah berehat
dengan pertolongan kaum ibunya.

Sekarang mak cik janganlah rentan
melihat Inggeris punya buatan

menjadikan laut itu daratan
darat bertukar menjadi lautan.

Padahalnya mereka tidak bergerak
barang sejari dari bangkunya
tetapi ilmunya sentiasa bergerak
dengan berangsang kaum ibunya.

Sekarang engkau sudah ketahuan
akan kegunaan dirimu tuan
lantaran itu tidakkah rawan
mengenangkan nasibmu diselaput awan.

Wahai mak cik ayuhai perempuan
engkau bukannya sekuntum bunga
gunanya semata kerana bauan
pemuas nafsu si kumbang banga.

Cik puan jangan fikir begitu
keadaan engkau bunga sekuntum
dijadikan Tuhan dirimu itu
gunanya tempat hidup mencium.

Juga nan jangan jadi manisan
atau jadi bunga di pasu
menggunakan dirimu semata perhiasan
kepada pak cik maharaja nafsu.

Sangkaan begini maha celaka
ingatlah cik puan jangan ditamu
sungguh kepulihannya tersangat celaka
di lautan kebinasaan engkau tersemu.

Marilah cik puan ayuhai rakan
dengarlah dengar rayuanku ini
perhatikan cermat kemudian maknakan
atau perkataan di bawah ini.

*Saida fi al-watan jika tersenyum
Taib al-adba' penawar bisa*

nur al-sati' memberi maklum
dialah penerang kehormatan bangsa.

Al-Hikmah, 7 Mei 1936

Persekutuan Melayu

Abas al-Johari

- P Penulis mengarang berhati duka melihatkan bangsa di dalam suka tiada sedikit menaruh duka melihatkan kemajuan bangsa kita.
- R Remuk-redam di hatiku memandangkan kelakuan bangsa-bangsaku baik yang diharap serta daku semuanya itu berhati tiada tentu.
- S Sungguhpun ia orang berbahagia tempat mengadu diharapkan jaya tetapi tiada sempurna jaya semuanya dengan jalan tipu daya.
- K Kalau kita bercakap mengadu kepada lain daripada bangsaku tatkala itu ia pun malu kerana ada saudara boleh diaku....
- T Tuan tahu Persekutuan Melayu di situ tempat muafakat bersatu dibangunkan dia oleh Melayu berjalanlah ia dengan maju.
- W Wahai hairan di dalam hati tiada lama Persekutuan berjalan mesyuarat muafakat setiap hari sekarang ke mana wahai tuan?
- A Akhirnya Persekutuan sudah lenyap wang dan harta ke mana pergi? ketua yang adakah membuat senyap? wang berasa dibawa joli?
- N Nahu dan al-Quran hilang sekali kerana kelebihan wang tersebut

wang yang ada dibawa berjudi
tiada sedikit menanggung takut.

- M Murkalah agaknya Allah Taala
akan perbuatan hambanya itu
sekiranya orang tiada terpelajar
baharulah puas rasa hatiku.
- L Lagi satu Persekutuan dibangunkan
di Kampung Kamariah tempat didirikan
tolong-menolong sama Islam dinamakan
dikemudikan orang yang bangsawan.
- I Ini sekarang ke mana perginya?
namanya itu sudah dihilangkan
ke mana pula wang khairatnya?
kepada yang mati tiada terpulangkan?
- Y Ya Allah ya Tuhanku!
bukakanlah hati kaumku
jauh daripada yang tersebut itu
tekap kembali apa yang layu.
- W Wang habis maksud tak bertemu
akhirnya berseteru pula mendapat
perkara yang baik dekat olehmu
supaya mendapat sifat manfaat.

Al-Hikmah, 4 Jun 1936

Merenungi Wajah Tanahair!

Misbaha

Inilah dia tanahairku
semenjak Madagaskar ke Pulau Meluku
bertompok-tompok tanah yang baku
di sanalah tempat tumpah darahku.

Tetapi masa zaman yang silam
aku jumpai di dalam kelam
berkeliling engkau lautan yang dalam
terapung-apung timbul tenggelam.

Ketika itu apalah daya
hendak kurenung tiada upaya
hendak kuseru tiada kan jaya
melainkan tangisku tersia-sia.

Hingga pun setelah hari cuaca
matahari bersinar terang-benderang
hanya pesanmu dapat kubaca
engkau sudah dimilik orang.

Persahabatan, 21 Julai 1936

Anak Negeri

Apa

- A Adapun umat yang sebenar-benarnya
kasihkan sekotah tanahairnya
muslihat kemajuan pula dikehjarnya
supaya negeri terang sinarnya.
- N Negeri Melayu nama sebutan
harumkan namanya bersatu pakatan
maju! maju!! juga tuntutan
cita-cita yang tinggi kenang ingatan.
- K Kaum Melayu wahai bangsaku
bangunlah berkhidmatkan negeri daku
cintakan negeri silalah pangku
supaya maksud segera berlaku.
- N Nasib Melayu kita bincangkan
hemahnya rendah tolong tinggikan
amarahkan bumi minta majukan
kerjasama hidup kita mustahakkan.
- G Gerak kemajuan nyatalah sudah
zaman kuno telah berpindah
ke zaman kini jangan permudah
tidak seyoga tunduk tengadah.
- R Rahmat dan rahim daripada Tuhan
segera pohonkan jangan tertahan
berkhidmat negeri dan watan
mudah-mudahan maju segala langkahannya.
- Y Ya Allah! Kabulkan segala peri
dipohonkan bangsa juga dengari
berbuat amalan jasa sendiri
baharulah dikatakan 'anak negeri'.

Sedarlah ... Melayu

Nurah al-Jantan

Oh bangsa! Oh bangsa!
sedarlah...cuba jaga
negeri kita porak-peranda
bangsa lain datang menggoda.

Sedarlah...cuba jaga
hari dah siang matahari dah terbit

bangsa lain datang menggoda
orang datang datang menghimpit.

Hari dah siang matahari dah terbit
cahaya memancar di celah awan
orang dagang datang menghimpit
orang Melayu hendak dilawan.

Cahaya memancar di celah awan
awan berarak di puncak kayu
orang Melayu hendak dilawan
cubalah sedar wahai bangsaku!

Awan berarak di puncak kayu
menurunkan hujan menderu-deru
cubalah sedar wahai bangsaku!
saya cuba tumpang berseru.

Menurunkan hujan menderu-deru
berserta ribut terlalu azimat
saya cuba tumpang berseru
mudah-mudahan mendapat rahmat.

Berserta ribut terlalu azimat
habis tumbang segala kayu
mudah-mudahan mendapat rahmat
kepada sekalian kaum Melayu.

Habis tumbang segala kayu
hujan teduh hari pun malam
kepada sekalian kaum Melayu
tiba di sini direbahkan kalam.

Hujan teduh hari pun malam
hilang malam berganti pagi
tiba di sini direbahkan kalam
mana yang salah jangan dikehji.

Melaka

Al-Hikmah, 16 Ogos 1936

Tanahairku!

(*Tanpa Nama*)

Ayuhai negeri tanahairku
engkaulah tempat tumpah darahku
daripada tumbuhanmu berhidup diriku
kepadamu juga kembali aku.

Engkaulah ibu, bapa pun engkau
tempat perhimpunan kaum dan suku
kayu, batu, bukit dan buku
mengandungi keindahan indahnya laku.
oh! engkaulah tanahairku?

Al-Hikmah, 27 Ogos 1936

Sedarlah

H.A. Rahman Ibrahim

Hai umat sedarlah umat
jangan lena bangkitlah bangat
dunia kita nak hampir kiamat
eloklah kita beringat-ingat.

Diumpamakan hari hampirlah malam
wajiblah bersedia tiap-tiap Islam
mana yang kering hendak di dalam
daripada fikiran ataupun faham.

Usahlah leka berbuang masa
jangan menanti besok dan lusa
beramallah kita dengan sentiasa
di akhirat kelak dapat sentosa.

Al-Hikmah, 27 Ogos 1936

Faedah Kita Bersekutu

Nurah al-Jantan

Oh! Malaya tanahairku
tempat berkumpul putera dan puteri
cubalah bangun dari tidurmu
pandang kanan serta kiri.

Tempat berkumpul putera dan puteri
dari Asia Eropah serta seberang
pandang kanan serta kiri
kemajuan Malaya tertinggal ke belakang.

Dari Asia, Eropah serta seberang
semuanya ke Malaya datang berpusu
kemajuan Malaya tertinggal ke belakang
sebab bangsanya tidak bersekutu.

Semuanya ke Malaya datang berpusu
kerana di Malaya menumpang duduk
sebab bangsanya tidak bersekutu
suka hendak tertunduk-tunduk.

Kerana di Malaya menumpang duduk
menghabiskan kuatnya serta tenaga
suka hendak tertunduk-tunduk
dari masa ini cubalah jaga.

Menghabiskan kuatnya serta tenaga
baik di pasar ataupun di pekan
dari masa ini cubalah jaga
tabiat bersekutu cubalah tanamkan.

Baik dipasar ataupun di pekan
separuh bermiaga pula dibuatnya
tabiat bersekutu cubalah tanamkan
pekerjaan yang susah dapat didirikannya.

Separuh bermiaga pula dibuatnya
mana yang kaya balik ke watannya

pekerjaan yang susah dapat didirikannya
laut yang dalam dapat diharunginya.

Mana yang kaya balik ke watannya
mereka yang tinggal bantu-membantu
laut yang dalam dapat diharunginya.

Mereka yang tinggal bantu-membantu
tidak hiraukan gelap dan kelam
begitulah faedahnya kalau bersekutu
tiba di sini direbahkan kalam.

Tidak hiraukan gelap dan kelam
baikpun malam ataupun pagi
tiba di sini direbahkan kalam
mana yang canggung jangan dikeji.

Al-Hikmah, 3 September 1936

Oh Semenanjung! Tanahairku!

Tamalasa al-Haji Omar

Oh Semenanjung!...tanah Malaya!
duduknya menganjur selatan Asia
negeri makmur serta kaya
rakyatnya sentiasa di dalam ria.

Oh Semenanjung tanah yang aman!
sudah terbuka beberapa zaman
ditumpui dagang berteman-teman
datang membuat kampung halaman.

Oh Semenanjung tanah yang cantik!
kamu dipuja setiap detik
jasamu sentiasa dapat dipetik
oleh bangsa yang pandai politik!

Oh Semenanjung tanah yang indah!
martabatmu tinggi bukanlah rendah
tetapi bangsaku tak ambil gundah!
kamu dibiarkan sahaja terdedah!!!

Oh Semenanjung tanah yang permai
sekalian bangsa datang beramai!
hidup mereka bagai disemai
kepadamu...ia berdamai!

Oh Semenanjung kelilingnya berpantai!
sekalian bangsa ada mengintai!
perbendaharaan bumimu habis dibantai
bangsaku juga lagi terantai.

Oh Semenanjung tanah yang subur!
hatiku hancur bagai dilebur
pemandanganku terang menjadi kabur
mengenangkan nasib bangsaku terkubur!

Oh Semenanjung tanah yang molek!
bilakah agaknya bangsaku celik?

supaya kamu dapat dikelek!
jasa faedahmu dapat dimilik!

Oh Semenanjung tanahairku!
marilah kita sama-sama mengaku
janganlah lagi kita berteleku
supaya tidak tinggal kaku!

Oh Semenanjung Tanah Melayu!
bangkitlah kaumku yang telah layu!
janganlah lagi mendayu-dayu
umpama lelayang kematian bayu.

Oh Semenanjung! Tanah Semenanjung!
dapatlah jasamu kami nan junjung!

Al-Hikmah, 24 September 1936

Tanah Melayu dan Orang-orangnya

Penyair al-Hikmah

Malay Peninsula atau Semenanjung tempat Melayu mendirikan anjung segala bangsa datang mengunjung kapal tongkang bahtera dan jong.

Pantainya cantik datarnya sempit daksina paksina lautan menghimpit Cina Jepun Indian berkepit menumpang beras Melayu sesumpit.

Sekoyarnya sempit hasilnya kaya masyhur di Eropah hingga ke Asia datang berhimpun segala manusia kecil besar hina mulia.

Kejadian tabii berbukit-bukit tumbuh-tumbuhan bukan sedikit keindahan alamnya kegemaran membangkit dagang masuk tidak bertikit.

Hasil tanaman terutama getah anyur pinang ikan yang mentah orang Melayu tidak membantah Cina Jepun menjadi lintah.

Galian banyak besi dan timah hasilnya diambil tanah dan pamah tetapi perusahaan Melayu lemah gigi yang lain tolong memamah.

Tanahnya subur kebun dan sawah menanam pokok jemala buah tetapi Melayu jatuh ke bawah hasil yang dapat disambar sewah.

Pendapatan Melayu tak banyak boleh betul begitu tak usah berdalih

mereka bekerja peluh meleleh
mencari tebu teberau terpilih.

Nasib Melayu tidak beruntung
pisang memendak terukai jantung
ombak bertepuk alun bergantung
membanting Semenanjung tidak terhitung.

Nasib Melayu sangat tak mujur
buah masak tak sempat gugur
laksana pemikat burung tekukur
denak berkокok lawannya undur.

Nasib Melayu sangatlah malang
hidup scumpama sejenis helang
memanggil hujan berulang-ulang
hujan tak mari dahaga tak hilang.

Ya Allah Tuhan yang Esa
Semenanjungku suci tidak berdosa
apakah takdir-Mu datang memaksa
ke bawah taring bota raksasa.

Al-Hikmah, Oktober 1936

Askar Melayu

Misbaha

- A Amal faedah kepada kita taatkan raja Malaya serta setengah bangsa pula berkata jadi hiasan semata-mata.
- S Sedia syukur kepada Allah janganlah pula membuat holah biar dikeji hingga berlelah berani benar takutkan salah.
- K Kerana adat memang begitu nama yang harum hendak dikutu tak ingat mula berbantal kayu datang merayap umpama kutu.
- R Raja Melayu telah bermegah disebabkan askar namanya gah hingga penakluk habis dijajah melimpah umpama air yang bah.
- M Mengumpat itu senanglah memang sebab tuan macam umang-umang tempat orang habis digelumang lebih dari Sakai dan Semang.
- L Lunas tuan lebihkah Malaya dahulu telah menghadap bahaya kepala dipusing senapang dihalau menembak helang kena buaya.
- A Ayuhai saudara muda bangsawan sila ke Port Dickson memegang jawatan jangan difikir hina permulaan mulia kelak di hari kemudian.
- I Iaitu menjadi seorang soldadu di dalam pasukan askar Melayu

harumkan nama tambahkan mutu
supaya payah musuh melutu.

W Watan kita mesti di kota
jangan hiraukan kata dan nista
penat kelak ia berkata
berhenti sendiri tak payah dironta.

P Penyudah seru saya ucapkan
kejanggalan syair harap dibetulkan
umpat dan keji yang bukan-bukan
bintang maha kelak menyeksakan.

Warta Malaya, 3 Januari 1937

Semenanjung Tanah Melayu

Dzimul Aqib Darul Aman

- S Sembilan negeri nama terpeta
Perak Selangor Negeri Sembilan serta
Kedah Perlis Johor dikata
Kelantan Terengganu di timur nyata.
- M Melayu bangsa Semenanjung
menduduki segala ceruk dan tanjung
taatkan raja pemerintah dijunjung
dari pangkal hingga ke hujung.
- N Negeri diperintah beberapa zaman
tambahan sekarang bertambah aman
naungan British jadi pedoman
jadilah Malaya sebagai taman.
- N Nasib Melayu menjadi malang
bangsa dagang datang menggalang
sekarang terdesak macam dipalang
tinggallah Melayu berhati walang.
- J Jelas sekali kelemahan bangsa
alah di bandar undur ke desa
kesenangan kekayaan tak dapat dirasa
leka bertangguh esok dan lusa.
- W Wah! Kayanya negeriku
getah emas bijih berbuku
mula disangka itu tak laku
diambil orang ke dalam saku.
- N Negeri Melayu memandang dagang
di sini datang membuat lagang
segala perusahaan habis diregang
bangsaku langsung tak masuk gelanggang.
- T Tuannya ialah Melayu jati
ramai hampir bilangan keti

setiap masa bersenang hati
kemakmuran negerinya nyatalah pasti.

- A Asal Melayu mula terdiri
dapat hidup dengan bersendiri
beraja memerintah mengawal senteri
berkenaan dengan muslihat negeri.
- N Nama Melayu hampir terbenam
perasaan kebangsaan tidak tertanam
setengah lebur terus jahanam
ibarat tembaga sudah bersenam.
- H Hubaya! Hubaya! Melayu Islam
jagalah kamu peredaran alam
kalau terlalai suatu malam
kamu dibuat timbul tenggelam.
- M Malayan membuat Melayu terbelahak
dengan bersungguh menuntut hak
Melayu Malayan hendak disepihak
tuntutan tak jaya jadi terkahak.
- L Lasykar Melayu menjaga negara
dengan panduan British dura
kaum Melayu hendak dipelihara
dipimpin Melayu menjadi tentera.
- I Inggeris memerintah dengan cermat
sekalian bangsa Melayu umat
tiada terbalas hingga kiamat
Inggeris Melayu harap selamat.
- Y Yakin Melayu kepada pemerintah
apa disuruh tidak dibantah
sedarlah kaumku jangan melatah
ubatkan penyakit supaya betah.

W Watan adat bahasa agama
hendaklah itu dijadikan utama
supaya tersuluh Melayu nama
sebutan kekal selama-lama.

Warta Ahad, 31 Januari 1937

Tanahairku

Adram

Masyhur khabar Pulau Karkatū
di sebelah selatan sempadan lampung
meskipun badan jauh di rantau
tidaklah kulupakan kampung.

Bandar Maharani di Penggaram di Johor Barat
Tanjung Ketapang lautnya tenang
walaupun badan jatuh melarat
kampung halaman selalu terkenang.

Tanjung Penyabung di Teluk Sari
Tanjung Apa? di Pulau Sibu
memandang awan berlari-lari
teringatlah ayah serta ibu.

Pulau Tinggi Pulau Tioman
tempat orang bertanam kelapa
habis musim berganti zaman
tanahairku tidakkan lupa.

Pulau Tekung di Belakang Mati
di Selat Johor adanya itu
kusimpan, kutaruh di dalam hati
laksana intan bertatah mutu.

Pulau Perca di Pulau Jawa
Tanah Melayu sama dibilang
bercerai badan dengan jiwa
tempat tumpah darahku tidakkan hilang.

Kota Tinggi

Warta Ahad, 17 Januari 1937

Persekutuan

Apa Buluh Kasap

Lafaz bersekutu empunya sebutan
terlebih berharga daripada intan
muhibah teguh bersimpul ikatan
berkat sekutu empunya buatan.

Sementara hidup baik berpakat
tegur-menegur jalan berkat
hukum keadilan sama disukat
kemajuan kaum sama tingkat.

Walau di mana tinggal duduk
jangan malu mengaku tunduk
jangan seperti ular senduk
atau kerbau suka menanduk.

Bukan begitu makna bersekutu
terkam-menerkam lutu-melutu
salah dan benar tiada bertentu
seperti Keling mabuk cerutu.

Tidak berguna sumpah-seranah
sama sekaum sama setanah
kelak dikatakan pecah amanah
atau dihina bagi si ternah.

Bercerai-berai patut ditegah
juga sompong bermegah-megah
menggayakan legham berleguh-legah
di tempat persekutuan tak muhu singgah.

Marilah kita bersama tujuan
bercampur sebicara dalam Persekutuan
menyambung semula tali pertemuan
menyegarkan subur daripada kelayuan.

Sekarang bangsa disuruh maju
ketinggian darjah hala dituju

yang mana lambat disuruh laju
gelangan kemajuan cubalah tinju.

Makna Persekutuan ayuhai tuan
bersemuafakat sejahtera kemudi haluan
berunding sebicara berkawan-kawan
membahaskan segala jerit seruan.

Tolong-menolong juga dikira
di atas kesusahan sanak saudara
bahaya kemalangan ditepi segera
supaya terlepas daripada sengsara.

Bukankah Persekutuan dikasihi ramai
tempat menanam benih dan semai
menambahkan kasih meneguhkan damai
di sanalah diadakan majlis permai.

Tiap-tiap bangsa yang telah maju
persekutuan bangsa taja diperlu
ibarat wau dengan teraju
dipegangnya kukuh setia dahulu.

Berbagai ikhtiarnya kita lihati
buat muafakat bersatu hati
tidak berganjak setia sejati
dianjak layu dilanggur mati.

Jikalau kita tidak berdamai
mereka kelak bertambah ramai
kemakmurhan kita hendak dicapai
akhirnya kita terkapai-kapai.

Sementara belum mereka mendesak
kemakmurhan kita segeralah gasak
janganlah muda dinanti masak
kelak kita juga nan sesak.

Baik pun bermiaga atau berkedai
atau menternak kuda dan keldai

kitalah sepatutnya terlebih pandai
ikhtiarkan sebelum mereka berdedai.

Itulah sebabnya dikehendaki bangat
persekituan bangsa punca semangat
tolong-menolong ingat-beringat
supaya kaum sedarkan penyengat.

Dahulu di hilir penyengat menyelit
ibarat ular hendak membelit
pohon yang lurus sengaja dililit
tidak peduli duduk terselit.

Bisa penyengat ayuhai tuan
terlebih daripada sengat tabuan
ke sana ke mari terbang mengawan
pokok berbunga madu ditawan.

Marilah! Marilah ayuhai mek
tinggalkan duduk asyik berbeka
kerjakan cita-cita yang telah direka
supaya hidup sejahtera merdeka.

Lalai dan leka jangan dikenang
di lautan duka kelak berenang
seolah-olah sekarang hendak ditunang
bencana sengsara sengaja dipinang.

Jika diperhati bangsa dagang
kapak beliung di tangan memegang
harta kita hendak diregang
akhirnya saudagar pangkat ditagang.

Disudahi segala syair termazkur
kepada pengarang beribu syukur
mengapa pada pembaca yang tafakur
yang mana khilaf tegur-menegur.

Warta Ahad, 17 Januari 1937

Seruan Kebangsaan

Melati Pahang

Sedih dan pilu saya nan tanggung
habis bulan tahun bersambung
melihat pergerakan pemuda kampung
tidak juga perasaan melambung.

Perasaan melambung yang disebutkan itu
bukannya megah berumah batu
duit banyak di kocek baju
atau memakai linard sepatu.

Ialah fikiran hendak sempurna
gunakan akal jangan lena
buat berikhtiar sebarang guna
nama Melayu tidak hina.

Mencari itu hendaklah beringat
selidik dahulu dengan cermat
pilih mana barang yang manfaat
yang boleh menolong kaum dan umat.

Janganlah pula seperti orang gila
mengusahakan segala pekerjaan yang bala
ataupun cuba cela-mencela
ke mahkamah kelak tuju dihala.

Ingat-ingatlah saya berperi
jangan dibuat belakang hari
buruklah nama tuan sendiri
serta nama kampung dan negeri.

Oleh yang demikian fikirlah tuan
carilah segera ilmu pengetahuan
di situlah terbitnya punca kemajuan
yang boleh menghidupkan roh kemajuan.

Carilah akal kata pendeta
kerana ia raja anggota

memelihara segala nama yang leta
kesejahteraanlah hidup di mana melata.

Apakala akal telah sempurna
fikiran pula hendaklah kena
kerana ia menteri yang bijaksana
menjalankan segala perkara yang berguna.

Penghabisan sekali baharulah ikhtiar
kerana hulubalang yang besar
membongkar segala kedai dan pasar
atau memecah kubu lasykar.

Setelah ketiga tertambat sudah
dari hati sampai ke lidah
diberi makan jangan dimudah
supaya rupanya bertambah indah.

Memberi makan roh tiadalah lainnya
ilmu juga yang diumpannya
cemerlanglah cahaya keadaan hidupnya
dunia dan akhirat kedua-duanya.

Belajarlah ilmu dengan segera
jikalau kita orang mulia
tinggilah pangkat lagi bahagia
barang yang dihajati dapat dikira.

Jikalau kita orang kebanyakan
tidaklah hina di mana pekan
atau di majlis minum dan makan
sejahteralah kita di dalam kehidupan.

Ilmu ibarat elektrik pesawat
memberi karannya dawai dan kawat
memancar cahaya timur dan barat
buat suluh kaum yang sesat.

Dialah khazanah pintu kemajuan
yang dikehjari setengah orang-orang dermawan

bagai mengangkat kekayaan dan kemuliaan
serta kebesaran dan kemegahan.

Ayuhai sekalian pemuda bangsaku
berilah roh makanan yang laku
seperti membaca apa-apa buku
yang memberi faedah di anggota yang kaku.

Beryuranlah kamu dengan majalah dan akhbar
kerana ia panduan yang besar
fikiran yang pendek boleh dilebar
beritahu yang jauh boleh dikhabar.

Majalah dan akhbar bukannya dangkal
cahaya gemala fikiran akal
pati buah kebebasan pangkal
situlah guru pertunjukan yang kekal.

Pendeknya tak dapat saya nak kata
kelebihan kedua empunya cerita
jikalau kurang percaya semata
cubalah baca dengan nyata.

Orang-orang Inggeris punya kemajuan
waima miskin atau hartawan
majalah dan akhbar itulah panduan
yang boleh melebarkan lunas pengetahuan.

Tidaklah mereka jemu melihat
segala perkataan yang disebutti
senyum dan manis dihormat-hormati
laksana mendapat makanan roti.

Sebab itulah mereka tinggi akalnya
mercu kemuliaan dapat didudukinya
sekalian yang ajaib dapat dibuatnya
separuh dunia ditaklukinya.

Betapalah hal kita orang Melayu
sentiasa di dalam duka dan sayu

kemajuan dan perusahaan semuanya layu
laksana rumput ditimpa kayu.

Sehingga ini ditamatkan kalam
berharaplah saya kepada kaum Islam
bersihkan tubuh luar dan dalam
baharulah tahu nikmat alam.

Warta Ahad, 31 Januari 1937

Pertanyaan Sukma

Kasmani Haji Arif

Sedih...
bagaimana air
tak mendidih?
sedang tenang
dalam tempayan
dilumba api
setiap petang.

Bagaimana hati
tak sedih?
buah lebat
dalam taman
habis dijolok
orang datang.

'Apa gerangan...?'
apa gerangan....
sebab kerananya
bunga melati gugur layu
kena timpa cahaya matahari.

Apa gerangan....
jadi sebabnya
hati yang suka menjadi sayu
kerana terkenang nasib diri.

Apa gerangan...
liat sebabnya
terkuncup layu kembang kejora
kerana terik panas memancar.

Apa gerangan...
sebab kerananya
hatiku sedih tidak terkira
korban ingatan suratan sial.

Warta Jenaka, 1 Februari 1937

Mengapa Umat Islam Terkebelakang

Penulis Khas Kita

Umat Islam zaman dahulu
kemajuannya tinggi amat terlalu
Selat Gibralta dapat dahulu
bangsa Eropah habis dibulu.

Di zaman gelap Benua Eropah
kemajuannya difikir takah *trooper*
orang Islam ke sana menerpa
menyiarkan ilmu berbagai rupa.

Di bandar Andalas Islam memerintah
berpuluh-puluh universiti dapat ditatah
beratus ulama menunjukkan keletah
bersyarah ilmu dengan petah.

Kalau tak tahu kemajuan Islam
silalah tawarikh siasat diselam
di sana dapat pengetahuan yang dalam
laksana pelita di waktu malam.

Sekarang mengapa Islam jatuh
laksana dahan ditebang ditutuh
kota yang teguh habislah runtuh
mahligai yang molek tak dapat disentuh.

Sepanjang penulis empunya siasat
sebab pun Islam menjadi bangsat
kebanyakan ulama berperangai kesat
sama sendiri berdengki berhasad.

Kebanyakan ulama tak ambil endah
kemajuan Islam dipandang mudah
mereka leka di tikar sejarah
mulut menggerinyaah tangan tertadah.

Kebanyakan ulama cakap sahaja
ke sana ke mari ilmu dijaja

perintah Tuhan tak muh dikerja
tumbuhkah pokok tidak berbaja?

Kebanyakan si jahil akalnya bodoh
hukuman Islam dipandang hodoh
cuma dikerjakan masa berjodoh
kewajipan yang lain dia tak gaduh.

Ajaran Islam bersopan bersantun
habis tercabut terbantun
ada yang memotong ada yang meruntun
ulama-ulamanya cuma pandang menonton.

Kebanyakan si jahil Islam dinama
sebenarnya bukan Islam agama
pengajaran Quran tidak utama
dengan sagi hampir menyama.

Kalau tak percaya cakap sahaya
selidik siasat dengan ceria
apakah beza Islam dan peria
kebanyakan pakaian sama bergaya.

Ayuhi ulama ayuhai pendeta
janganlah marah saya berkata
cubalah si dia membuka mata
pandanglah umat bangsanya kita.

Tak dapatkah kita mencari akal
kepada Allah sama bertukal
menolong bangsa yang tidak berbekal
supaya sesat balik ke pangkal.

Jadikah kita hidup begini
cuma leka menggilirkan bini
tidakkah malu kepada Rabbani
menjadikan tuan pimpin insani.

Sekarang wajib kita nak mula
menetapkan haluan tuju dihala

agama kita mesti dibela
pekerjaan demikian besar pahala.

Akhir al-kalam saya berkata
menaruh harap saya yang lata
ke hadapan ulama alam pendeta
janganlah gusar ataupun mata.

Warta Malaya, 18 Februari 1937

Kemajuan Umat Melayu di Hari Ini

Ahmad bin Haji Taib Darul Takzim

Semua manusia bercita-cita
hendak yang bagus daripada lata
sekalipun kubu atau berkota
hendak dirempuhnya semata-mata.

Tujuannya itu kemajuan dicari
hingga berusaha sehari-hari
ke hulu ke hilir pergi mari
bagi mendapatkan kemuliaan diri.

Semua kaum atau bangsa
akan kemajuan hendak dirasa
tidak peduli meskipun bisa
dicarinya juga di serata desa.

Terutamanya umat Melayu sekarang
setiap hari duduk memberang
sifat kemajuan hendak diserang
tetapi kasihan tak nampak terang.

Kerana mereka kurang perusahaan
asyik duduk di dalam kelekaan
tidak dijaga lubuk kebinasaan
akhirnya terlepas semua kebahagiaan.

Sungguhpun umat Melayu begitu
dapat juga menaikkan mutu
ialah syarat kemajuan yang tertentu
dapat ditirunya satu-persatu.

Kemajuan Melayu sekarang ini
ada tertimbul tetapi seni
hendak keluar belum berani
kurang alat langkah jalani.

Pada perusahaan atau pengetahuan
tidak tertinggal daripada mengawan

sebagai bangsa sudah kemajuan
begitu jua ia menawan.

Semuanya itu sedikit sahaja
seperti barang tak dapat dijaja
cuma mencukupi sendiri sahaja
itulah perusahaan kurang berpuja.

Cuba kiranya kita jagai
perusahaan kita mana mengenai
tentulah jaya apa sukari
kelak kemajuan dapat memulai.

Pengetahuan pula mesti dipelajari
jangan jemu jangan ngeri
manakala ia telah berdiri
insya-Allah kemajuan berseri.

Inilah kemajuan umat Melayu
siapa melihat berhati sayu
tidak subur tidak layu
sebagai mata yang telah kuyu.

Janganlah pula kita berhenti
manakala pekerjaan tak nampak pasti
cari berusaha kerja hajati
supaya jaya dengan berbakti.

Di sinilah akhir kesudahan rencana
menerangkan kemajuan yang dalam makna
umat Melayu di sini sana
dapat berpandu dengan sempurna.

Al-Hikmah, 25 Februari 1937

Indonesia – Malaya

Yalazagh

Indonesia – Malaya baik bersatu
elok berdama i bantu-membantu
buang yang keruh tinggalkan tentu
jangan dikenang sebarang waktu.

Perkara yang lepas sudah terlanjur
usahlah lagi kita nan anjur
siumangkan hati petiklah binjur
serahkan diri kepada penganjur.

Simpulkan balik muhibah terorak
hati yang muram bawa bersorak
mari rapatkan yang telah berjarak
kumpulkan semula barang berserak.

Siramkan lekas daun yang layu
yang menjadi arang balikkan kayu
ingat! ingatlah! nama Melayu
sama-sama jangan biarkan kuyu.

Sama sendiri jangan berperang
ataupun mudah menghunus parang
baiki perasaan jangan berkurang
buangkan sifat sompong dan garang.

Mestilah kita sedarkan diri
alam Melayu kawasan sendiri
nama kebangsaan patut diiri
silalah kita sama berdiri.

Indonesia Malaya keduanya sama
di bawah naungan Eropah panglima
dialah memberi timbangan saksama
diharapkan aman beberapa lama.

Sungguhpun kita berlainan perintah
janganlah pula mahu berbantah

kerana sama menjunjung titah
sama-sama kenalkan masak dan mentah.

Usahlah kita berumpat berkeji
menunjukkan tinggi pengetahuan dikaji
ataupun suka meminta puji
perasaan demikian jangan disaji.

Lagipun wahai Indonesia
penduduk tuan ramai di Malaya
adat bahasa resam dan gaya
cara Semenanjung dituntutnya raya.

Setengahnya pula sudah sebatи
dengan Semenanjung bersatu hati
kiranya Indonesia murah pekerti
orangmu juga melawan nanti.

Di Malaya ramai orangmu tuan
bekerja bermiaga bermacam tujuan
perjalanan Semenanjung diikuti haluan
dipelajari segala ilmu kemelayuan.

Dari itu elok berdamai
mudah-mudahan Melayu raya dan ramai
arah kesatuan patutlah semai
supaya kita bertambah permai.

Jika kita berdendam lama
tentulah rosak perjalanan agama
porak-peranda bangsa dan nama
akhirnya lemahlah akan diterima.

Warta Ahad, 18 April 1937

Harapan Kita

Zamroed

Harapan kita kepada penganjur
duduklah dahulu kemudian berlunjur
ibarat menjahit mulakan jelujur
sebarang pergerakan tidaklah membujur!

Harapan kita kepada wartawan
seyogialah cermat menabur pengetahuan
tunaikan kewajipan hatta berlawan
kerana bangsa berkehendak panduan!

Harapan kita kepada pendeta
kiranya gelap berilah pelita
supaya bangsa memandang nyata
mencari pengetahuan dan harta!

Harapan kita kepada yang bijak
kiranya semak seyogialah ditajak
kerja dibuat bangsa diajak
baharu sesuai makna sajak!

Harapan kita kepada yang pandai
silalah bermiaga membuka kedai
berjual beli hatta membuat bidai
insya-Allah disokong oleh sahabat handai.

Harapan kita kepada guru
asuolah murid biasa cemburu
teladan baik disuruh tiru
tetapi jahat elok diburu.

Harapan kita kepada yang berkuasa
memajukan rakyat seluruh desa
bercucuk tanam digalakkan sentiasa
supaya rakyat tidak puasa!

Harapan kita kepada penghulu
baik di hilir atau hulu

melatih rakyat usah malu
bekerja berusaha serukan selalu.

Harapan kita kepada bangsa
inilah ketika inilah masa
kita membuang malas kelesa
kita nan hampir menjadi sesia.

Hendaklah kaum bersatu rata
berusaha dengan bersungguh cita
kerana si dagang menyerang kita
menakluki iktisad jahat semata.

Muar

Warta Malaya, 16 September 1937

Bahasa Melayu

Zamroed

Heboh didengar terbit perbahasan
bahasa Melayu mengapa tak berkesan?
baik percakapan hatta tulisan
kebanyakannya cenderung kelnggerisan!

Setengah menjawab memberi pendapat
bahasa Melayu tidak kebilangan
di majlis mesyuarat atau persidangan
bahasa Melayu di luar hitungan!

Uraian mimsai di *Warta Malaya*
mengapa Persekutuan Melayu raya
yang zahir di Perak enggan mengguna kandi
konon kerana menjauhkan sesia!

Bahasa Melayu menurut uraianinya
jika diguna di mesyuarat Persekutuannya
bunyinya sahaja berjela-jela panjangnya
tetapi kosong dan sesia akhirnya!

Katanya banyak pepatah ibarat
lapis-melapis sirat-menyrat
hajat ke laut dikias ke darat
zahir bercakap batin nan menjerat!

Ada setengah menjawab pula
bahasa Melayu bahasa purbakala
seyogia kita beramai-ramai membela
itulah punca bangsa terala!

Hidup bahasa hiduplah bangsa
begitulah seterus setiap masa
bahasa hilang bangsa binasa
meskipun kita gagah perkasa!

Demikianlah zahir dua pendapat
setengah ke timur setengah ke baratan

sungguhpun demikian tiadalah keberatan
memakan batu dikata intan!

Tiadalah bersetuju fikiran raya
bahasa Melayu dikata sesia
sudahlah kaum tiada yang kaya
hatta bahasanya pun tidak bercahaya?

Panjang berjela jangan dikhuatir
kita bermesyuarat bukan berleter
terangkan sahaja biji butir
masakan kilat dikata petir!

Panjang berjela boleh dipendek
boleh diringkas menurut kehendak
kita berakal bukannya budak
masakan nangka dikata cempedak!

Mengeluarkan hujah biarlah munasabah
waima mencurah air di pelimbah
atau mengambang air bah
mesti difikir apa yang munasabah!

Bahasa Melayu usah disesalkan
enggan dipakai sila tinggalkan
usah dihina atau direndahkan
sayangkan Inggeris jemput gunakan!

Bahasa Melayu tiada berdosa
jangan dirosak jangan dibinasa
jika tidak sesuai dengan rasa
sila tinggalkan bila-bila masa!

Bahasa Inggeris bahasa molek
jemputlah ditimang dan dikelek
bahasa sendiri biarlah tergolek
kerana bangsanya sudah celik!

Begitulah hal zaman sekarang
sedikit sakit banyak mengerang

sedikit benar banyak temberang
inilah dia zaman berperang!

Wahai saudaraku bangsa Melayu
keadaan kita memang layu
sekarang ditimpa pula kayu
tidaklah kita terasa sayu?!

Bangsa kita memang begitu
betul-betul cerut dikatanya cerutu
telah tetap Esa dikatanya satu
bagaimanakah kita hendak bersekutu!

Warta Malaya, 7 Oktober 1937

Ketamadunan Timur ... ke Barat

Danial Din

Di barat matahari terang
alam yang tadinya kelam
kabus yang sedang berbalam
telah terang-temerang
pagi hampir tiba
unggas berterbangan
menunjukkan keriangan
keluar mencari laba
makhluk bersuka ria
menyambut kedatangan bahari
alam bertambah berseri
mengalukan tetamu dia
matahari hampir rembang
tamadun dunia Barat
mercu ketinggian tingkat
sepenuh bulan mengambang
di Timur umat mengeluh
kemajuan beransur loput
kekuatan bagai tercabut
nun! ...kemajuan tersangat jauh.

Majalah Guru, November 1937

Oh Chulan! Oh Chulan!

IBHY

Oh Chulan ke mana Tengku
meninggalkan bangsa sedang dipangku
amatlah besar jasamu itu
Chulanlah pemimpin berdarah ratu.

Oh Chulan pembela bangsa
dikenal oleh segenap desa
sudah kehendak Tuhan Yang Esa
mangkatlah sudah meninggalkan jasa.

Oh Chulan! Oh Chulan yang berjasa
berbuat budi sepanjang masa
bakti daripada raja yang syuhada
mengapakah Malaya lupakan baginda?

Oh Chulan pemimpin yang berani
belum berganti sehingga ini
mengapakah Melayu begitu sekali
budi tidak diambil peduli.

Oh Chulan yang sudah kembali
Tengkulah pemimpin yang berani mati
budi dan jasa wajib diingati
roh yang kudus Ilahi berkat.

Oh Chulan! Oh Chulan
di sanalah sekarang beradunya Chulan
lepas berkhidmatkan kerajaan sultan
tinggalkan kawan berserta watan.

Oh Chulan belum berganti
pemimpin Melayu belum didapati
sebagai Chulan empunya hati
tekun dan sungguh telah sebat.

Oh Chulan! Oh Chulan!
sejahteralah roh dalam peraduan

menghadap ke hadrat Khaliq al-Manan
tinggallah dunia fana ketahuan.

Oh Chulan! Oh Chulan!
jasa diingatkan oleh taulan
di sinilah jasa dapat disebutkan
roh berpisah dengan kesejahteraan
oh Chulan!

Majlis, 18 November 1938

Apalah Nasib Bangsaku!

Ros Hamadi

Aku berjalan menuju ke pasar
mencari ikan dan sayuran
di situ kulihat beraneka semuanya Cina
bangsaku seorang pun tiada.

Aku beredar ke tepi laut
melihat pekerjaan menangkap ikan
di situ kulihat terlebih banyak Cina
padahal bangsaku seorang berdua.

Aku menuju ke kedai perniagaan
rumah batu yang besar elok terdiri
tetapi sangat sedih hatiku
semuanya bermiaga daripada bangsa yang lara.

Aku menghala ke kedai gunting
lengkap cermin dan kerusi yang besar-besar
tetapi pengguntingnya bukan bangsamu
ialah Cina dan Keling juga.

Aku singgah di kedai nasi
bermacam nasi tersedia
alatan cukup lagi sempurna
tetapi dipunyai bangsa asing semua.

Aku bersiar di taman kesukaan
orangnya bermacam-macam pakaianya
di sutilah baru kelihatan matakku
bangsaku ramai muda dan tua.

Aku cuba naik ke pejabat
PWD Town Board dan hospital
di situ kulihat bangsaku Melayu
tapi banyak pula Hindu dan Cengkuar.

Aku masuk ke dalam kabaret
kulihat orang sedang berdansing

sedih hatiku lagi sekali
bangsaku di sini sama-sama tergoda.

Aku lihat perubahan pakaian moden
aku jumlahkan dengan kiraan akalku
aku bandingkan dengan bangsa yang lain
nampaknya bangsaku deras benar meniru tentang melawa.

Aku menghibur hatiku di suatu malam
di sebuah panggung wayang gambar
rupanya di situ kelihatan di mataku
bangsaku terlebih ramai dan selalu berada.

Aku berjalan ke dalam kampung
di situ bangsaku rajin bercucuk tanam
hasilnya banyak didapati tiap-tiap hari
tetapi terjual beli dengan Cina.

Saudagar yang kaya sudah kudapati
daripada bangsa asing sebahagian besarnya
tetapi miskin fakir susah kelihatan
kebanyakannya daripada bangsaku juga.

Hal perkebunan kebanyakannya bangsaku
bangsaku rajin usaha bertenaga
tetapi kebun yang besar dipunya oleh bangsa asing
dipunya oleh bangsaku yang kecil sahaja.

Pegawai dan ketua-ketua pejabat
kebanyakannya daripada bangsaku lagi
tetapi kerani-kerani mandur-mandur kebanyakannya bangsa asing
bangsaku yang layak tinggal kecewa.

Sekiranya dari sekecil-kecil pekerjaan
sehingga sebesar-besarnya pekerjaan
semuanya terlepas ke tangan bangsa Asia dan Eropah
pada masa itu apabila nasib bangsaku!!!
'hiba'.

Wahai Pemimpin Fikirlah Panjang

Yasmin

Wahai pemimpin fikirlah panjang
pandanglah jauh perhati betul
ke Mesir Eropah belayarlah pandang
di hadapan Tuhan tuanlah masul.

Barat memerintah demikianlah Timur
Timur bercogan matahari terbit
orangnya senang negerinya makmur
enggan ditindih atau dihimpit.

Lelaki bekerja perempuan menolong
selagi khidmat negeri dan bangsa
baik bersiput atau berpotong
asalkan jangan menjadi mangsa.

Agama memimpin tidak menindih
menggalak kita dengan rela
khidmatlah sungguh jangan berdalih
agama didik moden dibela.

Kebebasan itu kurnia Tuhan
bukannya kami maharajalela
itulah bezanya ayuhai insan
boleh dipimpin jangan dihala.

Bulan Melayu, 24 Mac 1939

Utusan Melayu

Seri Ketapang

*Utusan Melayu akhbar kebangsaan
akhbar Melayu serba kelolaan
usaha dan modal sama bersertaan
ahli pekerja sama seperasaan!*

Walaupun banyak akhbar di Malaya
warta, lembaga dan sahabat setia
warnanya gilang-gemilang bercahaya
wartawan-wartawan Melayu belum bersuka ria!

Terang-benderang terbit cahaya
tertawa gelak isi Malaya
terdengar Melayu mengumpul upaya
tinggi rendah miskin kaya!

Wah "syer" sangat laris
wang ringgit datang berbaris
warkah "syer" hampir tiris
walhal masanya baharu terguris!

Sekarang terbitlah akhbar kebangsaan
seluruh Semenanjung senyum kesukaan
sini sana bersorak kejayaan
selamat! jaya! ucapan kegembiraan!

Marilah wahai teruna perawan
menyambut 'utusan' jadikan kawan
menyokong kezahirannya tetapkan belanjawan
mulalah berlanggan dengan setiawan.

Langganlah 'utusan' wahai teruna
lidah kebangsaan dialah sempurna
langkah pergerakannya mengandungi makna
lagi kemajuan Melayu terbina.

Aturlah pesanan dari sekarang
Utusan Melayu sudah terang

usaha sendiri bukan sebarang
ikutlah ramai janganlah keseorangan.

Ya Allah! Tuhan yang Maha Berkuasa
yang Maha Adil lagi Esa
yakin dan ikhtiar kurniaan sentiasa
yakni rajin bukan kelesa.

Wahai bangsaku Melayu handalan
“Wake-up!” jangan kerap ketinggalan
“Wait and see” itulah kesalan
“Well come” *Utusan Melayu*

Utusan Melayu, 29 Mei 1939

Pesanan Utama

Abdul Majid Datuk Syahbandar

Nasihat itu memang utama
menurut kehendak Islam agama
menyuruh yang adil lagi saksama
supaya hidup sejahtera sama!

Lihat lagi pada hadis kuat
sabdanya "*Baddin al-nasihat*"
wahai Muslimin ikutlah nasihat
beramallah dengannya jangan berehat!

Cubalah perhati tarikh Islam
iaitu dewasa mana yang silam
siapa pemerintah semesta alam
mempunyai kerajaan luar dalam?

Ialah kerana berasaskan nasihat
kepada umat sentiasa dipahat
terutama sekali kepada yang jahat
jadi semuanya berperasaan sihat.

Sampai sekarang begitu jua
masih nasihat menjadi ketua
tetapi entah bagaimana petua
umat semakin bertambah kecewa!!

Agaknya begitulah semakin mundur
kerajaan Islam sangat mundur
menggunakan nasihat kerap bersadur
seperti berkuli tak betul mundur.

Tambahan pula pergaulan sekarang
nasihat itu terpakai jarang
kau dibuat sebarang-barang
nescaya dikatanya kita temberang!

Tetapi jika orang itu kaya
sebarang nasihat orang percaya

hatta masuk ke mulut buaya
katanya itu bukan aniaya?!

Demikianlah keadaan umat Melayu
nasihat agama dibawa layu
bahkan leka dengan merayu
jarang insaf dan sayu.

Cuba tanya orang yang menyesal
apa sebab ataupun pasal
hidup seperti terkena basal
duduk pun bercampur di tempat gasal.

Tentu jawabnya dari dahulu
mendengar nasihat tak ambil perlu
hanya asyik ke hilir ke hulu
akhirnya menerima aib dan malu.

Begitu jua kepada negeri
pemerintah hendaklah bijak bestari
kalau tak kena gerak dan geri
habislah rakyat bertabur lari.

Oleh itu Melayu raya
bernasihatlah kita sama sebaya
lebih-lebih lagi mentua-taya
janganlah beza miskin dan kaya.

Hendaklah juga berperasaan tulus
memberi nasihat seyogia berhalus
menghuraikan yang mana larang dan lurus
demikianlah kehendak Islam yang halus.

Jika berlainan dari yang tersebut
hanya tujuan hendak merebut
tak usahlah yang akan datang hendak disambut
kerana sekarang sudah kelam-kabut.

Masihkah lagi kita begitu?
sedikit tak insaf terkena kutu

berilah nasihat ataupun bantu
dengan bepadu agama yang satu.

Sekiranya! Leka jua bersempang
agama dan watan tidak disimpan
di dalam hati sedikit tak bimbang
nescaya semua habis terbang.

Jadi tak gunalah dipanjangkan kalam
membuat air mata jatuh ke dalam
fikirlah sendiri wahai orang Islam
syair berhenti dengan ucapan salam.

Utusan Melayu, 5 Jun 1939

Oh, Tanahairku!

Buang Umar

Ayuhai encik ayuhai tuan
ayuhai saudara serta rakan
berikhtiar kita berkawan-kawan
bersama-sama berbantu-bantuan.

Kepada Melayu kaum bangsaku
cubalah kesemuanya kita bersatu
bawalah kepercayaan ingatan bersekutu
supaya maksud segera berlaku!!

Dari sekarang mulalah mencita
watan sendiri hendaklah dipinta
kita berhak menerima harta
ingat-ingatlah kesusahan kita!!

Pandangkan negeri nama sebutan
tenunglah ia dengan ingatan
dagang merampas berbuat-buatan
segeralah bangsaku bersatu pakatan!!

Mesti cuba jangan ditakutkan
perasaan rendah tolong tinggikan
segan malu hendaklah dijauhkan
kebolehan kita mesti tunjukkan!

Kota Melayu bangsa jati!
penduduk Semenanjung yang sebatи
bukan kita bergirang hati
memajukan watan supaya pasti.

Teraju keadilan segeralah timbang
tidakkah kita berasa bimbang?
kemajuan sekarang sangatlah kembang
hatta kita hendak dirempang.

Dipendekkan kata inilah masa
ayuhai kaum ayuhai bangsa

jangan ditunggu esok lusa
tunjukkanlah kita umpama jasa!!!

Watan Melayu, 6 Jun 1939

Oh! Utusan

A. Yahya

- O Oh! *Utusan* akhbar ternama di bandar Singapura tuan menjelma tuanlah yang dinanti-nanti beberapa lama bagi memimpin Melayu utama.
- W Wah! Bertuah sungguh kami-kami sekalian serasa mendapat gunung berlian menggerakkan kami lelaki perempuan supaya bangkit menuju ke hadapan.
- H Harapan kami tidaklah dua kepada *Utusan* yang remaja muda taburkan seruan ajaran petua supaya kami jangan kecewa.
- U *Utusan Melayu* jadi idaman umpama bunga-bungaan di dalam taman kepada tuanlah kamijadikan pedoman jaya dan maju zaman-berzaman.
- W Walaupun banyak akhbar-akhbar Melayu ada yang lemah ada yang maju membawa perkhabaran lama dan baharu tetapi kami tak pernah jemu.
- T Teman dan rakan tuanlah jua masa keseorangan ataupun berdua kawan bercakap ataupun ketawa menghiburkan hati muda dan tua.
- W Wahai bangsaku saudara sendiri meracunkan *Utusan* jauhkan diri baca dan doakan setiap hari biar *Utusan* bertambah-tambah seri.
- S Setia, bersatu, muafakat berbantuan akhbar *Utusan* empunya haluan

ketua-ketua, pengarang-pengarang, Melayu dermawan tak pernah jemu mengeluarkan pengetahuan.

- N Nama *Utusan* sudahlah tentu membela rakyat umat Melayu menyuruh bersetia lagi bersekutu jangan diperlembu Cina dan Hindu.

Utusan Melayu, 8 Jun 1939

Perwira Melayu

Harun Mohamad Amin

Sewaktu kerajaan Melayu Melaka
seorang pahlawan Melayu berbaka
ialah Hang Tuah namanya nyata
sealam Melayu masyhur dikata.

Hang Tuah pahlawan yang bijak
ialah perwira Melayu yang gagah
menentang musuhnya tidak beranjak
tidak gentar terkena sergah.

Di antaranya lagi perwira kita
sungguhpun ia kakinya lumpuh
Bendahara Lubuk Batu kisah yang nyata
kepada musuh minta ditempuh.

Askar Melayu satu contohnya
inilah semua memberi ketahuan
pegawai Melayu apa kurangnya?
Melayu itu perwira bangsawan!

Warta Jenaka, 8 Jun 1939

Semenanjung....

Mir Hamzah

Semenanjung mula reka sebutan
asal dipenuhi rimba dan hutan
binatang yang buas berlompat-lompatan
dari pun timur sampai selatan.

Semenanjung sungguhpun begitu
hutan rimba dewasa itu
penduduknya aman setiap waktu
senang sentosa anak menantu.

Semenanjung dahulu bukan sekarang
penduduknya makmur bukan sebarang
berat padi haram tak kurang
tidak berharap ke negeri orang.

Semenanjung sesungguhnya besar
sungguhpun hutan berpekan pasar
tetapi dunia memang berkisar
dagang pun banyak datang bersasar.

Semenanjung termegah ke mana-mana
beransurlah datang Hindu dan Cina
mencari kehidupan mula kerana
sampailah jadi kaya beristana.

Semenanjung sebagai mutiara
segala ternakan Melayu memelihara
kehidupan mewah senang sejahtera
si dagang datang pandai bercura.

Semenanjung masyhur bukannya sunyi
ke serata alam kedengaran bunyi
datang si dagang diulit dinyanyi
Melayu menelan haram tak genyi.

Semenanjung sekarang sudah berubah
sebab desakan dagang bedebah

bukit diruntuh ditimbun ke lembah
Melayu disilap fikir tak cambah.

Semenanjung ini masa sekarang
banyak perubahan bukan sebarang
dari gelap sampai ke terang
sekarang Melayu tinggal mengerang.

Semenanjung British menakluk
anak negeri lalai berpeluk
orang dagang beristana elok
awak kemiskinan kosong tembolok.

Semenanjung ada beraja-raja
masyarakat kaum belum ditaja
walaupun ada terbiar sahaja
ibarat tanaman tidak berbaja.

Semenanjung ada raja dan ratu
sekadarkan umat tidak bersatu
jadilah Melayu tiada bermutu
nasib bangsa jadi terketu.

Semenanjung ada pula bersultan
masyhur makmur timur selatan
di mana persatuan menjaga watan?
di mana pengajur menyeru keselamatan?

Semenanjung ada berdesa-desa
di mana si kayà penolong bangsa?
mana si pintar mengorbankan masa
mana pujangga menunjukkan jasa?

Semenanjung bukannya suntuk
ada pembesar ada berdatuk
tetapi penduduknya lalai mengantuk
nama bangsanya Melayu totok.

Semenanjung ini Tanah Melayu
penduduknya muram dan layu

masyarakat kaumnya malap dan kuyu
bulu sehelai dipuput bayu.

Semenanjung masyhur lagipun mewah
hasil mahsul banyak teruah
mutu umatnya jatuh ke bawah
haram sedikit tak ada maruah.

Semenanjung aman lagipun makmur
dari barat sampai ke timur
tetapi Melayu kering terjemur
sebab si dagang datang mencamur.

Semenanjung ini tempatnya luas
tetapi si dagang amatlah buas
menyebabkan umatnya menjadi tewas
hendaklah ingat! jaga! awas!!!

Semenanjung sungguhnya besar
perniagaan maju di pekan pasar
masyarakat kaum tidak berdasar
kemakmuran terbolot halus dan kasar.

Semenanjung ini negeri siapa?
umatnya bagaimana rupa?
sebab-sebabnya sebutkan apa?
orang Melayu menjadi papa!!!

Semenanjung ini macam mestika
menganjur ke laut Selat Melaka
makmur aman segenap ketika
sekadarkan Melayu nasib celaka.

Semenanjung ini tempatnya lebar
segala tanaman tumbuhnya subur
umatnya lemah bukannya sabar
sifat bersendiri perangai takbur.

Semenanjung kita hawanya sederhana
panas tak terik sejuk tak kena

makmurnya masyhur ke mana-mana
kasihan...! umatnya merana.

Semenanjung terutama ada bertimah
tetapi umatnya tidak berhemah
menjadikan dagang datang meramah
memunggah hasil tak tinggal remah.

Semenanjung juga banyak bergetah
hanya Melayu lalai keletah
sifat takbir degil pembantah
jadilah dagang bagai pemerintah.

Semenanjung masyhur pula berpinang
kelapa kering didapat senang
anak negeri simpang-perenang
orang dagang bersenang-lenang.

Semenanjung ada pulak berotan
berguna besar di seberang lautan
penduduknya papa terhalau ke hutan
iktisad dagang tegak kekuatan.

Semenanjung semuanya mencari
subur belaka ubi keladi
pohon buahan jagung dan padi
sayang!... umatnya bagai abdi.

Semenanjung inilah negeri kami
tumpah darah ihilah bumi
bukannya tempat Si Kupusami
bukan juga tongsan tiuniami.

Semenanjung luas bukannya kecil
hutannya ada rusa dan kancil
tetapi dagang datang memencil
anak negeri jauh terpencil.

Semenanjung permai lagipun elok
laut dan pantai berteluk-teluk

si dagang gila mengisi tembolok
bumiputeranya makan belolok.

Semenanjung banyak bergunung-ganang
Selat Melaka airnya tenang
berlumba kemajuan daganglah menang
anak negeri siapa nak kenang.

Semenanjung sungguhpun berhutan rimba
subur ditanam pisang dan tuba
tetapi dagang datang melumba
anak negeri teraba-raba.

Semenanjung ini masyhur berdarjat
hanya khazanahnya habislah sejat
dihisap dagang sebagai pijat-pijat
bumiputeranya terpinjat-pinjat.

Semenanjung ada berantau arah
masyhur di dunia serata daerah
sekadar khazanahnya habislah kerah
dipunggah oleh penghisab darah.

Semenanjung masyhur serata alam
umatnya Melayu agama Islam
tetapi bengkok hati di dalam
menjadikan senang iblis menyulam.

Semenanjung memang tempatnya majlis
dari Johor sampai ke Perlis
Melayunya bodoh nama tertulis
dikeji si dagang yang macam iblis.

Semenanjung banyak ada berbatu
kayu dan damar ada di situ
mengapa umatnya tidak bermutu?
sebab lalailah! dagang melutu.

Semenanjung masyhur negerinya aman
kurun-berkurun zaman-berzaman

dagang menyamar menyerupai teman
hak penduduk jadi idaman.

Semenanjung tiada pula beribut
umat Melayu perangainya lembut
dagang bangsat datang berkabut
hak Melayu hendak direbut.

Semenanjung makmur beruntung
umatnya tidak tempat bergantung
tegal desakan Indian Kwantung
khazanah direbut masuk ke kantung.

Semenanjung Melayu yang punya
mengapa! Saya tumpang bertanya
apa sebab apa kerananya?
khazanah diambil tauke dan nyonya.

Semenanjung ini sebenarnya kaya
dipunyai oleh Melayu raya
menyesal!!! terpedaya!!!
papa ... tetapi bergaya.

Semenanjung kita tak ada kurang
bijih, besi, batu telerang
umatnya lalai kena temberang
akhirnya rosak sakit mengerang.

Semenanjung apa yang tidak
kelapa kabung manggis cempedak
umatnya suka bermain tandak
menjadilah hidup sebagai dedak.

Semenanjung ini tempatnya lega
sekadar umatnya tak pandai bermiaga
jadilah kita kupang tembaga
satu sen tak ada berharga!!!

Semenanjung Melayu sekarang waktu
penduduknya terkena keteguran hantu

sebabnya iaitu tidak bersatu!
sebagai kaca terhempas ke batu.

Semenanjung! Oh kenapa
semuanya itu salah siapa
awak lalai orang menerpa
inilah natijahnya alpa!!!
habis perkara!!!

Perak

Warta Ahad, 25 Jun 1939

Ayuhai! Malaya – Watanku

Mohamad Ali Mohamad

Oh! Malaya! Malaya! Watanku!
tanah tumpah darah kaum bangsaku
masyhurlah namanya tanah bumi ini
bukannya sahaja ketika ini! dari pun dahulu terkenali.

Apatah tidak dikatakan demikian perinya?
Lihatlah mewah – makmur – kaya – aman – senang dan lenang
sukanya kaumku duduk – tidur –
makan dan minum, semuanya dengan hati yang lapang dan te-
nang.

Ayuhai! Watanku Malaya, Malayalah tumpah darahku!
lihatlah betapakah halnya – malangnya –nasibnya –
deritanya putera jatimu – ketika ini.

Bekerja sukar – pencarian sempit –
dagang menghimpit laksana di dalam tersepit.
mengenangkan hal yang demikian larilah kami
sekalian dari bandar mengarah ke bukit.

Ya Allah! Itu pun susah – azab – seksa – hidup pun menjerikit.
di manakah lagi tempatnya yang akan kami sekalian bermukim?
tak ada tempatnya! tak ada hartanya! hampirlah hilang daya upa-
yanya!
sungguhpun demikian bukannya kami hendak beradu untung!
berserah tawakal!
oh tidak! Tidak sekali-kali ayuhai Malaya!
insya-Allah – putera-puteramu sekalian akan menumpahkan te-
naga
kerana menimbulkan ikhtiar tak mahulah melihatkan
watanku terbiar.

Melaka.

Warta Ahad, 9 Julai 1939

Rakanku Pemuda

R. Simu Abdul Rahman

Dunia wei! Pemuda bereka-reka
suratan tengah tak dapat mu teka
putaran dunia jangan mu leka
saat ke saat berubah belaka.

Hidup ibarat bahtera di lautan
menahan ombak mara ampasan
panduan telingkah bawaan kapten
kekarang tercebur parahmu rakan.

alunan ombak mara berbalun
keteguhan kapal diduga selulun
sebolehnya kekarang hendak diperlun
sebagai akiah galian seghulun.

Berubah haluan kapalmu sahabat
terlambung tercebur kapalmu terbit
semoga berharap pertolongan kudrat
musnah dan tidak sudah tersurat.

Beginilah hidupmu di dunia pasti
maksiat berpekkik sahabat sejati
jika nan kamu kurang mengerti
kebinasaan hidupmu sudah termesti.

Kutahu enaknya hidup di muda
mengganas nafsu tidak berpada
tetapi ingat wei! syaitan menggoda
diayuhmu ke duri agar terlanda.

Meskipun hidupmu diulit kebajikan
siang malam mu hadapi Tuhan
dadamu berkobar dengan amalan
tetapi takbir pengaruhnya bukan.

Hilang amalan disegong takbur
kebajikan yang terang berganti kabur

akhirnya lelalu pokokmu yang subur
boleh jadi lantar ke liang kubur.

Kuingatkan sahabat seperkara lagi
hidupmu biar menjulang bakti
bangsa dan nusa junjunglah tinggi-tinggi
itu dia sahabat wei! pemuda bererti.

Kelemahan bangsamu tahuolah amat
di kamulah tertumpah pembela umat
tugas berani di hatimu semat
kebaikanmu kelak terpandang hikmat.

Beginilah selalu nasib pemuda
diucuh nafsu amalan tergoda
pelajaran sendiri balik mempersenda
dik kebolehanmu kurang berpada.

Fikir kepada saksama menajuk kerja
agar kebahagiaan dapat ditaja
kecekalan hati bermula dipuja
buktinya kesenangan itulah raja.

Hidup mudamu biar bermakna
sebagai dikenang pemuda pembina
kelemahan kaumnya yang meleset merana
terjulang semula ke kemuncak rawana.

Kenanglah sahabat ibumu Malaya
dialah pemangkumu, di dunia maya
padanya jugalah nikmat tersiar
pimpinlah dia ke pintu bahagia.

Alangkah ringan kelak dipandang kamu
tidak sesia melahirkanmu
berbudi juga rupanya kamu
mu kenangkan kepadanya tak jemu-jemu.

Sambutlah pemuda wei! Ibumu yang indah
kepadamu kelak dicurah juadah

kepadamu juga hendak dimadah
peri kelelahanmu di zaman yang sudah.

Kecantikan ibumu tak ada bandingan
mentarafkan darjat dewa kayangan
segar dan sihat di tempoh berzaman
sekalipun begitu mu khayal berpanjangan.

Baldu menghijau menghampar membidang
tidak kenal pagi dan petang
tengkujuh kemarau tidak berpantang
mahupun di zaman gelora terbentang.

Pakaian bumimu sememang-memang indah
kekayaan tersembunyi di belakang purdah
orang di jauh tuju menadah
kita anaknya menghampa mengadah.

Pandanglah lagi pemuda wei rakanku
betapakah cantiknya kunang-kunang ibumu
menghijau membubung sebagai baldu
tidakkah demikian kepadanya mu rindu.

Pandanglah pula awan di bumbung rumahmu
berarak mengayun menunjukkan laku
kepadamu dipandang luyu bersayu
sebagai membayang kesedihan ibumu.

Pun begitu kesedaranmu tidak
dadanya pula mu tari mu tandak
hatimu sudah iblis menggodak
lantaran kasihnya tak juga ibu merontak.

Patutkah begitu pekerti kita pemuda
tidak dikenang kebajikan bonda
pemberian yang makmur dimaknakan tiada
dikit terpandang laksana penggoda.

Kekayaan ibu tidak mu hiraukan
direbut hambat yang bukan-bukan

kecantikan dunia itu yang ditajukkan
itu konon kemajuan dikatakan.

Penutup leterku maaflah rakan
kini dah sedar kita dari buaian
landasan bersatu pemudalah binakan
oh! bukankah kita harapan di hari kemudian
keuzuran yang silam kita perterangkan.

Warta Ahad, 9 Julai 1939

Wahai Dagang Penumpang Malaya

Risik

Wahai dagang penumpang Malaya
berkediaman di Semenanjung bersuka ria
asal kamu di rimba raya
hidup melarat di segenap paya.

Di bukit tinggi di gunung-ganang
tak pernah merasai kehidupan yang tenang
tanah Semenanjung pula terkenang
berlumbalah datang bersenang-lenang.

Kedatangan ke Malaya mencari faedah
pencarian di Malaya makmur terdedah
setiap-tiap hari datang tak sudah
dengan kebebasan beriuuh-rendah.

Ketibaannya ramai bersuka-suka
bertocang bercawat ada belaka
Melayu terima bermanis muka
diharap nak buat kawan berbeka.

Kamu dipandang sebagai piatu
dagang yang jauh datang melutu
kesukaran kamu nyatalah tentu
Melayu berikhlas tolong membantu.

Di pinggir kampung disuruh duduk
diikhtiar ramuan dibuat pondok
makanan diberi bersenduk-senduk
tidak disangka kamu nan kaduk.

Selain dari itu perkakas dibeli
cangkul dan kapak serta penggali
pencakar dan golok berserta tali
cemar dan timba semua sekali.

Diasuh dibela seperti budak
diberi sahaja apa kehendak

faedahmu dapat mengenang pun tidak
penolongnya pula hendak diradak.

Pertolongan orang ianya lupa
kebaktian Melayu menjadi hampa
berjenis-jenis senjata mereka menerpa
nak tikam Melayu tak kira siapa.

Senjata yang mula 'nak' dituntut
menyamakan 'hak' katanya patut
hak Melayu sudah terbantut
senjatanya sampai Melayu terkentut.

Mengikut alasan yang telah diberi
merekalah layak memerintah negeri
merekalah kononnya membuka negeri
jika tidak rimba berduri.

Ingatlah ingat ayuhai dagang
bangsa bercawat kain di pinggang
beginikah sahaja alasan dilagang
jika begini tak usahlah pegang.

Sejenis lagi penumpang yang bangsat
makanan bertujuh berak dikesat
kepada Melayu ialah penyesat
penipu pembelok jika disiasat.

Ayuhai dagang bangsa pendesak
kamulah parasit di Malaya terpasak
kekayaan Semenanjung habis digasak
Melayu yang tinggal tersangat sesak.

Nyatalah mereka penumpang yang hina
tak lain daripada Indian dan Cina
hak dituntut apa makna
dengan kamu tak kena-mengena.

Bukanlah Melayu tidak bersemangat
hak dituntut Melayu tak ingat

Melayu pun tahu kamu penyengat
teringatkan itu hati pun bangat.

Jangan difikir Melayu ke tepi
segala teringat kami bertepi
kesan dan jejak terang berapi
ke tempat berlindung kami harapi.

Kiranya tak kuat tempat berlindung
sebagai dipagut si ular tedung
kuasa teringat di dalam bedung
jempullah kamu sediakan gedung.

Kalau gendong difikir susah
ikhtiarkan jalan berbahagi resah
mahupun kontang walaupun basah
Melayu bangkit cubalah sesah.

Kamu datang Melayu tak panggil
atau mempelawakan sesama berjegil
sengajanya datang sendiri berdegil
pakaian sehelai keadaan bogel.

Lihatlah pakaian mula mendatang
orang Melayu malu menentang
berseluas jarang bercawat lintang
sedikit tak sopan seperti binatang.

Ke negeri Semenanjung kamu menerpa
kemakmuran di sini baharu berjumpa
baharulah dagang beralih rupa
tetapi kulaknatnya kacang dah lupa.

Kedah

Warta Jenaka, 13 Julai 1939

Sokongan Anak Timur

Habka

217 bilangan *Warta Ahad*
terbaca saya suatu rayuan
syairnya panjang beberapa had
siapa membaca berhati rawan.

Terbaca saya suatu rayuan
berkepala "ketua Melayu mengeras"
siapa membaca berhati rawan
kerana Melayu hampir tewas.

Berkepalakan ketua Melayu mengeras
rangkapnya ringkas satu-persatu
kerana Melayu hampir tewas
perangai kebangsaan tidak bertentu.

Rangkapnya ringkas satu per satu
perkataannya bersusun amatlah nyata
perangai kebangsaan tidak bertentu
dijadikan ketua namanya leta.

Perkataannya bersusun amatlah nyata
supaya difahamkan taulan dan rakan
dijadikan ketua namanya leta
perangai yang demikian mudah-mudahan jauhkan.

Supaya difahamkan taulan dan rakan
mana-mana yang baik jadikan teladan
perangai yang demikian mudah-mudahan jauhkan
mana yang tak baik ambil sempadan.

Mana-mana yang baik jadikan teladan
mudah-mudahan jaya cita-cita Melayu
mana yang tak baik ambil sempadan
supaya kemajuan tinggi merayu.

Mudah-mudahan jaya cita-cita Melayu
di zaman kemajuan tiada ketinggalan

supaya kemajuan tinggi merayu
ke akhir zaman ia berkekalan.

Di zaman kemajuan tiada ketinggalan
Melayu menaikkan bangsa Melayu
ke akhir zaman ia berkekalan
majukanlah bangsaku janganlah layu.

Melayu menaikkan bangsa Melayu
dapat mencapai pangkat ketinggian
majukanlah bangsaku janganlah layu
kepadamu telah dibahagikan.

Dapat mencapai pangkat ketinggian
serta keharusan kebangsaan serta
kepadamu telah ada bahagian
carilah dengan bersukacita.

Serta keharuman kebangsaan serta
supaya bangsamu memandang ria
carilah dengan bersukacita
buangkan segala perangai cendekia.

Supaya bangsamu memandang ria
melihat kejayaannya bangsa sendiri
buangkan segala perangai cendekia
bongkak dan sombong membesar diri.

Melihat kejayaan bangsanya sendiri
wah! sukanya bukan kepalang
bongkak dan sombong membesar diri
buangkanlah perangai janganlah walang.

Wah! Sukanya bukan kepalang
melihat kejayaan Melayu berkibar
buangkanlah perangai janganlah walang
mudah-mudahan perangai membawa iktibar.

Melihat kejayaan Melayu berkibar
umat Melayu hatinya girang

mudah-mudahan perangai membawa iktibar
dapat dibezaikan bengis dan garang.

Umat Melayu hatinya girang
durjanya terbuka bibirnya tersenyum
dapatlah dibezaikan bengis dan garang
lantaran itulah pangkatnya harum.

Durjanya terbuka bibirnya tersenyum
aduh! sukanya bukan sebarang
lantaran itulah pangkatnya harum
di sana sini disebut orang.

Aduh! Sukanya sebarang
sambil tersenyum lalu tertawa
di sana sini disebut orang
demikianlah adanya kebesaran ketua.

Had inilah direbahkan kalam
diiringi maaf salam disertakan
berdoalah saya siang dan malam
apa-apa tersilap harap maafkan.

Diiringi maaf salam disertakan
kepada tuan pengarang dan pembaca yang budiman
apa-apa tersilap harap maafkan
terima kasih diucapkan aman.

Johor

Warta Ahad, 16 Julai 1939

Senjata Kehidupan

J.M. Tan Melaka

Dunia sekarang dunia baharu
senjata hidup mestilah ada
sebab dagang datang mengharu
mencari untung dia berpada.

Sebab itu ingatlah kita
rampaslah kemajuan kerana bangsa
tinggilah nama tambahlah mata
daripada kita hidup terseksa.

Syaratnya senjata hendaklah ada
untuk teman ke medan kemajuan
supaya untung datang berganda
daripada tersesat tak tentu haluan.

Senjata ke medan hendaklah lengkap
iaitu ilmu hendaklah sedia
daripada kita hendak diperangkap
kerap hilanglah nama yang mulia.

Tahukah tuan apa senjatanya
untuk ke medan yang telah dikatakan
tanyalah pendeta apa katanya
ialah pengetahuan yang diutamakan.

Pengetahuan juga senjata kehidupan
bagi pergaulan di zaman sekarang
daripada kita hilang harapan
umpama melangkap kita dilarang.

Pengetahuan maknanya ialah kepandaian
percaturan hidup dialah kelengkapan
daripada kita di dalam kelalaian
dibodohkan orang kita diperangkapnya.

Jika kita banyak pengetahuan
disegani orang sebilang waktu

kita juga jadi hartawan
pencarian senang memang dah tentu.

Pengetahuan juga satu pedoman
ke jalan yang bahagia dialah ketuanya
umpama rakan jadi peneman
menunjukkan kita apa petuanya.

Senjata kehidupan nyatalah sudah
ilmu kepandaian itulah dia
untuk kemajuan dia berfaedah
membawa kita ke jalan yang mulia.

Warta Ahad, 30 November 1939

Malaya

Samidun

Bumi Malaya tanahairku
hutannya tebal berlapis-lapis
termenung berlinang air mataku
kedatangan dagang tak dapat ditepis.

Hutannya tebal berlapis-lapis
hijau daunnya umpama intan
kedatangan dagang tak dapat ditepis
penuh sesak berhimpit-himpitan.

Hijau daunnya umpama intan
dipandang di waktu terang bulan
penuh sesak berhimpit-himpitan
berkampung halaman berniaga jualan.

Dipandang di waktu terang bulan
pungguk berbunyi bersahut-sahutan
berkampung halaman berniaga jualan
pekan kampung hingga ke hutan

Pungguk berbunyi bersahut-sahutan
dari senja hingga ke subuh
pekan kampung hingga ke hutan
ibarat kapal sudah berlabuh.

Dari senja hingga ke subuh
hingga fajar terbit matahari
ibarat kapal sudah berlabuh
payah dapat ditempuh langgari.

Hingga fajar terbit matahari
unggas terbang ke sini ke situ
payah dapat ditempuh langgari
ibarat kerasnya seperti batu.

Unggas terbang ke sini ke situ
kumbang menyeri bunga di taman

ibarat kerasnya seperti batu
sampai jadi tempat kediaman.

Kumbang menyeri bunga di taman
waktu petang baharu berhenti
sampai jadi tempat kediaman
lepas anak cucu berganti.

Waktu petang baharu berhenti
menyambut pula ke malam hari
lepas anak cucu berganti
sampai berkehendakkan faedah sendiri.

Menyambut pula ke malam hari
gunung berbanjar nyatalah sudah
sampai berkehendakkan faedah sendiri
lihatlah! Malaya tunduk tengadah.

Gunung berbanjar nyatalah sudah
dari utara hingga ke selatan
lihatlah! Malaya tunduk tengadah
gulunglah ia menjadi bulatan.

Dari utara hingga ke selatan
pemandangan langgak dari laut
gulunglah ia menjadi bulatan
faedahnya segera bangsaku kaut.

Pemandangan langgak dari laut
ombak mengalun berlari-lari
faedahnya segera bangsaku kaut
supaya senang kemudian hari.

Ombak mengalun berlari-lari
dari tengah datang ke sini
supaya senang kemudian hari
tidak seperti semasa ini.

Inilah sahaja rayuan kami
kepada bangsaku awal utama

cungkil gali ke dalam bumi
Inilah pekerjaan buat pertama.

masukanif dulu pada
walaupun

Majalah Guru, Disember 1939

“... dan untuk mengalih
dari hal-hal yang tidak
bererti dan tidak
berguna, dan untuk
menemui hal-hal
yang benar dan
berguna.”

“... dan untuk
menemui hal-hal
yang benar dan
berguna.”

“... dan untuk
menemui hal-hal
yang benar dan
berguna.”

“... dan untuk
menemui hal-hal
yang benar dan
berguna.”

“... dan untuk
menemui hal-hal
yang benar dan
berguna.”

“... dan untuk
menemui hal-hal
yang benar dan
berguna.”

“... dan untuk
menemui hal-hal
yang benar dan
berguna.”

Capailah Kemajuan

Harun Putih

Capailah kemajuan wahai bangsaku
gunakan akal pada berikhtiar
janganlah leka duduk berteleku
akhirnya kelak mati terbiar.

Sungguhpun Semenanjung negeri sendiri
jika kelesa susah padahnya
jauhkan malu kerana mencari
kelak beruntung pula sudahnya.

Sebarang kerja patutlah buat
kecuali mencuri mendaya orang
orang yang tekun berusaha kuat
darjatnya tinggi nyatalah terang.

Usaha tekun pada sesuatu
disertakan pula oleh tenaga
kerja sendiri tidak berwaktu
mendapat kesenangan itulah tangga.

Orang yang hidup mestilah berusaha
membuat kerja bertugas hati
jauhkan daripada perangai mulha
sebarang yang dicita beroleh nanti.

Sesuatu kerja yang dibuat bertekun
tentu jaya dengan sempurna
walaupun lama hampir bertahun
pada akhirnya tentu berguna.

Capailah kemajuan seberapa boleh
gunakan tenaga dengan selesa
bangsa asing cubalah kelih
di alam kemajuan senang sentosa.

Lihatlah hal zaman sekarang
di tanah Semenanjung yang telah tentu

rumah yang besar pekan yang terang
siapakah punya sekaliannya itu?

Wahai Melayu kaum bangsaku
insaflah sekarang di zaman kita
lamun tidak diubah laku
tentulah kita tinggal cerita.

Buatlah kerja apa yang dapat
jauhi daripada tipu dan curi
tunjukkan kemahuan sampai mendapat
baharulah faedah datang berlari.

Usaha dibuat bersungguh hati
diumpamakan kita hidup selamanya
baharulah hasilnya dengan seperti
demikianlah pula bandingan zahirnya.

Begitulah pula berbuat ibadat
mahulah tekun dengan seperti
umpamanya kita dikatakan dekat
katalah esok kita nan mati.

Bangsa asing di sini senang
sebab mereka tekun bersungguh
kaya-rayu bersenang-lenang
kerana kerjanya tidak bertangguh.

Perak

Utusan Zaman, 10 Disember 1939

Oh! Bangsaku Melayu

Osman bin Andin

- O Oh! Bangsaku bangsa Melayu
begitulah nama peri dirayu
manakala terkenang hatiku sayu
bunyinya indah hidupnya layu.
- W Wahai Melayu wahai bangsaku
mengapalah tuan demikian laku
dikatakan dagang, ada bersuku
tetapi lemah seperti kaku.
- H Hatiku sedih bila terkenang
air mataku jatuh berlinang
nasib bangsaku perempuan dan lanang
watannya makmur hidup tak senang.
- B Bangsa Melayu bangsa terpuji
taat setia Tuhan diuji
rajin dan usaha di hati tersaji
lekas mendapat sebarang dikaji.
- N Ngilu sungguh rasanya hati
bangsaku sekarang bila diperhati
pokok kebangsaannya hampir nak mati
dihinggap benih dagang yang sakti.
- S Satu dalilnya dapat diperi
di dalam bandar atau negeri
segala gedung tinggi berdiri
semuanya kepunyaan dagang senteri.
- A Ada lagi suatu alamat
menunjukkan bangsaku tak boleh selamat
mari perhatikan perbancian umat
apa bangsanya yang terlebih amat?
- K Kebangsaan Melayu yang nampak terwaja
cumalah Melayu ada beraja

tinggal itulah satu sahaja
buat naungan tempat bermanja.

- W Wahai ratu junjungan bermutu
rakyat Tuanku ialah satu
bangsa Melayu namanya tentu
bangsa yang taat setiap waktu.
- M Marilah bangsa kita berbantu
jangan lengah di ini waktu
ke dalam persatuan masuklah bersekutu
supaya dapat kita bersatu.
- L Lamalah sudah wartawan menjerit
sehingga tegaknya naikkan perit
menyuruh bangsa bersatu berderet
baharulah sekarang hendak bergarit.
- I Itu pun ada juga yang lena
lagi tidur sangat jenderana
"bukalah mata!" berseru pena
bangkitlah segera persatuan dibena.
- Y Yakinlah tuan kepada bersatu
buatlah beramai meninggikan mutu
nama watan dianjurk ratu
keselamatan kebangsaan di zaman tentu.
- W Wasiat habis pena pun rebah
bahagian adanya yang dapat digubah
jagalah kebangsaan jangan terubah
sekalipun watan hancur dan rebah.

Utusan Zaman, 10 Disember 1939

Semasa Muda

Long Muar

Aduhai pemuda Melayu bestari
'semasa hidup' kepala diberi
gunakan masa mudanya hari
apa dilihat atau didengari.

Masa mudamu sangat gembira
badan sihat sudah ketara
tuntutlah ilmu segala perkara
walau jauh di China negara.

Carilah ilmu tanam di hati
dunia akhirat sama diberati
nilainya tinggi tiada seperti
dari hidup sampai mati.

Bekerjalah tuan ayuhai lanang
walaupun di lautan mahu direnang
susah payah jangan dikenang
akhir kelak beroleh senang.

Keling Cina bangsanya dagang
Arab pula sama berlenggang
datang ke Malaya sehelai sepinggang
pekerjaan Melayu habis disagang.

Senangnya mereka sudahlah nyata
baik di kampung atau di kota
rumahnya besar di hadapan mata
harta disimpan milion juta.

Mengapa dagang jadi begitu
hatinya keras seumpama batu
mereka bekerja satu-persatu
'hidup bekerja' itulah mutu.

Wahai pemuda Melayu bangsawan
teladan datang tirulah tuan

bekerjalah tuan gunakan pengetahuan
supaya hidupmu ada tujuan.

Taatkan Allah serta sultan
memerintah lautan atau daratan
pemuda Melayu kekal sebutan
membela kaum sertanya watan.

Ayuhai saudaraku mahupun teman
tetapkan hatimu berzaman-zaman
sabda Nabi akhir al-zaman
kasihkan watan setengah iman.

Utusan Zaman, 24 Disember 1939

Persekutuan Kita

Ahmad al-Qaf

- P Perkara bersekutu selalu disebut patutlah memang kita menyebut perdirian Persekutuan segeralah rebut perselisihan kelak senang dihumbut.
- R Rupa kesenangan boleh dicari riak kewataman sama mengembari rukun damai juga dikehjari riuh persengketa tentulah lari.
- S Sekalian kemajuan boleh dijangka sentosa aman setiap ketika subur kebangsaan kelak terbuka semuanya bersekutu empunya rangka.
- K Kesatuan bangsa sangat berguna kelak dianya menolak bencana kebangsaan akhirnya elok sempurna kehilangan kelak fitnah pesona.
- W Walau menempuh berbagai gelora wajiblah Persekutuan terdiri segera watan terselamat direbuti pengembala waktu yang baik sambutlah kira.
- T Taman dan rakan marilah bersekutu tetap kejayaan diperolehi tentu tenaga kuatkan sebarang waktu tentukan keamanan terbuka pintu.
- W Watas kebenaran dasarnya kita wabak terputus kebangsaan di kota wakafkan negeri tidak dicita warta kebengisan tolakkan serta.
- U Umat Melayu kucuba seru inilah masa kelalaian diburu

untuk menahan dagang pengharu
asaskan kebangsaan tolakkan seterus.

- N Nikmat keamanan tentu terbuka
nekadkan hati melawan puaka
niat yang baik segeralah jangka
nusa dibangkitkan janganlah leka.
- K Kemajuan kelak dapat dirasa
kehidupan kita boleh berjaya
kebahagiaan didapati sepanjang masa
kalau bersekutu sahaja sentiasa.
- Y Yang membawa kita beredar
ialah Persekutuan sudah ditindar
yakkut keamanan tempat bersandar
yaum kebahagiaan tidak terhindar.
- T Teruna perawan ibu dan bapa
tetapkan hati Persekutuan disapa
tidakkan kekacauan kelak menyerupa
tentukan kemajuan lekas berupa.

Utusan Zaman, 7 Januari 1940

Oh! Watanku Malaya

Teruna Negeri

- O Oh watanku Semenanjung Malaya tanahmu subur lagipun kaya disebutkan juga tanah yang bahagia tetapi sayang umatmu terpedaya.
- W Walau bagaimanapun budimu tuan kepada dagang diperbuat kawan tetapi budimu menjadikan rawan kerana kamu dilawannya berseteruan.
- H Hatiku pilu apakah teringat akan perbuatan dagang penyengat diberi ia akannya pingat tetapi dibalasnya dengan menyengat.
- W Wahai umat beringatlah sekarang jangan diberi tabuan bersarang lambat bangatnya kita diserang akhirnya kita juga mengerang.
- T Taat setia hendaklah pelihara supaya terjauh daripada melara masanya hampir akan terdera kepada kita yang masih berbicara.
- N Nusa negara tubuhnya satu wajib memeliharanya telah tertentu berusahaalah kita bantu-membantu supaya watan tertinggi mutu.
- K Kesatuan Melayu beransur maju kerana kebijaksanaan pemegang teraju menjadikan ramai orang yang bersetuju kepada kejayaan segeralah tuju.
- W Wahai sekalian bangsaku Melayu janganlah tuan leka merayu

tetapi patut berhati sayu
kerana melihatkan hidupmu layu.

- M Marilah kita masuk bersekutu ke dalam persatuan kita berbantu supaya kita jadi bersatu membawa kepada ketinggian mutu.
- L Lalai dan malas jangan dicika kerana membawa kejatuhan juga janganlah pula malu berniaga supaya kemajuan dapat diperaga.
- A Akan kemajuan segeralah rebut supaya kejayaan tidakkan luput janganlah mulut sahaja menyebut tetapi hati tidak mengikut.
- Y 'Yakin' percaya maknanya sama salah bawaan membawa hama fikirkanlah dengan fikiran yang saksama janganlah gajah dikatakan tuma.
- A Akan syair telah dihabiskan bahasa terkasar dipohon maafkan mana yang khilaf harap betulkan maklumlah baharu teruna digelarkan.

Utusan Zaman, 14 Januari 1940

Belia Harapan Bangsa

Ahmad Ismail

- B Belia harapan umat dan bangsa
belia juga harapan nusa
belia harapan agama yang asa
belialah harapan sepanjang masa.
- L Lemah mundur suatu umat
lantaran belia kurang berhemat
lagi tidak cergas berkhidmat
lalai dan alpa kurang cermat.
- Y Yakinlah ayuhai belia dermawan
yakni belialah jadi tumpuan
yang akan diharapi bergunawan
iaitu menggembirakan kaum yang rawan.
- O Oh! Belia Melayu utama
ingatlah kewajipanmu selama-lama
aturkan barisan agar menjelma
untuk berjuang bekerjasama.
- H Hendaklah belia berhati cekal
hati tetap berserta tawakal
hujan ribut taufan dan sakal
haluan tegakkan biarlah cekal.
- I Inilah zaman dikatakan indah
apa-apa perjalanan semuanya mudah
alur dan gunung tak payah meredah
ikut sahaja di hadapan terdedah.
- R Rajin usaha pangkal kemajuan
rebutlah dia sampai berketauhan
renungkanlah jangan tak keruan
runtunan malas usah berkawan.
- F Fikirlah oh belia saudara
perihal tuan semangat negara

pujalah kebolehanmu biar ketara
pikullah bebanan dengan bergembira.

- N Nusa Malaya indah cemerlang
nurnya terserlah gilang-gemilang
nampaknya cantik bukan kepalang
nama pun masyhur lagi terbilang.
- B Bergeraklah tuan belia budiman
betulkan haluan serta pedoman
badanmu sihat akalmu nyaman
binalah kebolehan dengan senyuman.
- N Ngeri dan takut patut dilanda
ngerang dan resah jangan tergoda
ngadah ke hadapan dengan mendada
ngapa lagi asyik bersenda?
- S Semangat belia seyogia kobarkan
semaikan lagi agar berkebajikan
sayangkan watan sangat dikehendakkan
saban masa sila gunakan.
- A Akhir al-kalam penyudah kata
insaflah tuan-tuan dengan serta
akan kewajipanmu dengan nyata
oh! belia muda pokta!!

Sungai Ara

Utusan Zaman, 29 Januari 1940

Oh Pemimpin

Arshad al-Idrus

Oh! Pemimpin orang pendeta
tuanlah harapan Melayu kita
wajahmu tak hilang di ruangan mata
gemerlapan cahaya umpama permata.

Oh! Pemimpin orang budiman
tolonglah bangsa tolonglah teman
supaya bangat dapat senyuman
supaya bangsa cepat aman.

Oh pemimpin orang perkasa
tuanlah umpama mestika bangsa
jemputlah mara ke dalam desa
janganlah nanti esok dan lusa.

Oh pemimpin orang pilihan
tuan umpama lampu suluhan
kepada bangsa tolong kasihan
supaya dapat darjah kelebihan.

Oh pemimpin orang mulia
tolonglah bangsa yang ada di dunia
walaupun besar kecil sebaya
supaya bangat boleh bergaya.

Oh pemimpin orang berhemah
tolonglah bangsa jangan dilemah
pimpinlah cepat dengan istikamah
supaya terselamat hingga kiamat.

Oh pemimpin orang bestari
tuanlah diharap sehari-hari
puas-puas duduk kami berdiri
sebab menantikan tuan ke mari.

Oh pemimpin orang bermutu
segeralah datang bantu-membantu

tak usahlah pandang miskin piatu
supaya bangsa lekas bersekutu.

Oh pemimpin orang yang pintar
tetapkan hati janganlah gentar
sekutukan bangsa di alam sekitar
supaya dagang tak dapat memutar.

Tangkak

Warta Ahad, Mac 1940

Encik Onn

Anum

Nun, di hujung tanah sana
kedengaran bunyi suara mendayu
suara Encik Onn yang bijaksana
membela hak bangsa Melayu.

Hak Melayu yang hampirkan luput
dikupas digubal masa terlena
patinya hilang tinggal selaput
agar tidak memberi guna.

Sudah lama rahsia ketara
tiada siapa berani mengorak
akhirnya bangun seorang perwira
maju ke muka melukis corak.

beliau, memang asal utama
mempunyai semangat Melayu jati
bukannya berhajat termegah nama
tetapi, tulus ikhlas di hati.

Tulus kerana bangsa dan watan
insaflah bangsanya hampir kecewa
bukan kerana godaan syaitan
tetapi, dasar yang menurut hawa.

Ayuhai encik harapan bangsa
ke jalan bahagia anjurlah kami
jangan ditunggu esok dan lusa
belalah hak putera bumi.

Dari jauh hamba berseru
umat Melayu hamba wakili
hajat tidak mencari seterus
dengki khianat jauh sekali.

Hanya kamu musykil di hati
pintu Malaya masih terbentang

dagang masuk tidak berhenti seolah sengaja dijemput datang.

Majlis, 2 Mac 1940

Barisan pemimpin dan ahli-

parlimen yang hadir

dan undangan

Taraf Melayu Lepas Perang

Anum

Satu di antara perkara mustahak
kepada Melayu masa sekarang
bersuara merayu menuntut hak
tentang tarafnya selepas perang.

Akhbar *Majlis* lidah kebangsaan
mula mengorak masalah ini
bukan sebagai punca persengketaan
tetapi, kerana benar maka berani.

Suara *Majlis* diberati juga
oleh setengah pujangga Melayu
ada berfikir patut diharga
ada menyangka bunga yang layu.

Akhbar yang lain tidak mengendah
begitu juga kesatuan bangsa
seolah perkara yang tiada faedah
tidak setara dengan dewasa.

Sungguhnya hamba musykil di hati
mengapa demikian rendahnya hemah?
belumkah juga lagi pasti
pendirian Melayu semakin lemah!

Lemah dikalang serba perkara
dihimpit didesak dagang mendatang
tidakkah walang kira bicara
“nasib Melayu masa yang datang?”

Jika dikenang zaman yang sudah
masa *treaty* ditandatangani
pembesar Melayu menghamburkan madah
kepada British minta naungan.

Besarnya harap kebawah Duli
minta pimpinan ke jalan bahagia

hak Melayu minta kawali
tadbirkan negeri aman dan jaya.

Pihak penaung sedia mengaku
umpama ikan sudah ditaut
tetapi dasar tidak terpaku
laksana pasir di tepi laut.

Wakil penaung kerap berganti
masih membawa dasar baharu
jarang menurut kehendak *treaty*
hak Melayu makin terharu.

Meski berlaku hal begini
Melayu sentiasa taat setia
berserah ke hadrat Tuhan Rabani
mudah-mudahan beroleh bahagia.

Kini Britain menghadap perang
menentang musuh batin dan zahir
setia Melayu semakin terang
sekalipun titik darah yang akhir.

Wakil British sekarang ini
mengaku benar Melayu setia
tetapi bolehlah kekal begini
jika yang lain menggantikan dia?

Melayu berharap naungan British
kepada yang lain tidak dicita
bukan khianat dalam ingatan
bahkan taat setia semata.

Taraf Melayu hanya bernaung
di bawah panji British utama
sudah menderita pahit dan maung
sedikit dasar kurang saksama.

Bangsa asing bertambah ramai
memenuhi bumi Tanah Melayu

sungguhpun negeri bertambah permai
tetapi Melayu bertambah layu.

Bangsa asing pandai bermuka
menuntut hak putera bumi
membentangkan helah berbagai niaga
semuanya itu membimbangkan kami.

Itulah maka kami berseru
mohonkan taraf selepas perang
supaya kami tidak keliru
hak jangan dicabul orang.

Mana dia penganjur bangsa?
mengapa berlaku bema tak bema!
adakah menunggu ke lain masa
ataupun sedang tidur terlena?

Bangun, bangun, penganjur bakti
perelokkan taraf wujud bangsamu
kita yang hidup tunangnya mati
watan dan bangsa kelak tersemu!

Majlis, 6 Mac 1940

Kapal Tiada Nakhoda

Anum

Oh bangsaku, umat Melayu!
yang memang mengalir darah panglima
mengapa! mengapa! semakin layu
masihkah leka bercengkerama?

ke manakah lenyapnya sifat terbilang
pusaka keturunan Melayu jati?
yang penuh dengan semangat hulubalang
yang sedikit tidak gentarkan mati.

Patutkah kita membuang baka?
baka pengasih bangsa dan watan
baka termegah tidak derhaka
baka setia kepada sultan.

Oh bangsaku bangunlah cepat
sementara peluang ada sedia
putuskan azam dalam makrifat
atur barisan ke medan bahagia.

Mari, mari, bangsaku tuan
mari ke puja semangat panglima
marilah kita bersatu haluan
ke medan bahagia kita bersama.

Sekarang – kedengaran suara gempita
menyahutkan seruan bersatu hati
“kami yang seramai dua juta
reda bersamamu hidup dan mati”.

Tetapi, apa dia ikhtiar
bagaimanakah laut hendak dilanda?
sungguhpun lengkap dayung dan layar
betapa hal kapal tiada nakhoda!

Bangun, bangun, penganjur juita
bila bangsamu yang hampir melarat

anjurlah kami sebagai dicita
darjatmu mulia dunia akhirat.

Majlis, 8 Mac 1940

Keadaan Melayu

Mohd. Hashim Baharuddin

Manakala dilihat keadaan Melayu
timbullah perasaan sehabis sayu
kerana mengenangkan pekerjaan layu
sebarang maksud belum payu.

Orang Melayu makin berpuples
kerana perasaan telah mampus
ibarat tanaman tidak berjirus
lain bangsa telah menghapus.

Orang Melayu semakin ke tepi
lain bangsa telah mendesaki
hak Melayu mereka rebuti
sebarang kehendaknya semua menjadi.

Anak Melayu berperasaan dagang
sebarang maksud telah sumbang
pembesar Melayu belum bergirang
asyik menilik pangkat yang dipegang.

Rakyat Melayu cuba menegah
di dalam akhbar dirayukan sudah
tetapi belum mendapat ubat
masa bilakah gerangan entah?

Ayuhai pembesar Melayu Malaya
insaflah kepada rakyat mala
janganlah asyik pangkat dibela
kepada rakyat mestilah diselenggara.

Majlis, 9 Mac 1940

Nasib Melayu

Rajawali

Wahai penduduk janganlah lengah
singsing lengan mara ke tengah
usahlah lagi leka mengangah
akhirnya mati orang yang mengah.

Patut sudah kita nan jaga
carilah akal dengan tenaga
lautan dora silalah duga
jangan hiraukan lapar dahaga.

Marilah tuan kita bersama
memelihara kaum serta agama
turut-menurut mula pertama
itulah amal yang saksama.

Lamun tidak perangai begitu
sebarang tuntutan tidak bersatu
ialah pedoman yang nombor satu
supaya jauh syaitan dan hantu.

Jangan bimbang kepada mara
kerana memelihara kaum saudara
zahirkan kasih supaya ketara
jangan seperti memegang bara.

Hati lelaki segera tunjukkan
akal ikhtiar jangan tinggalkan
syarak dan kanun wajib peliharakan
mana-mana yang salah campak buangkan.

Hendak diingat ayuhai ikhwan
jangan lupa kepada kawan
walau duduknya di kaki awan
umpamakan dia di atas pangkuhan.

Belumkah sedar kepada diri
serasa duduk di atas duri

diharap di kanan lepas di kiri perkara yang sia-sia jangan dihampiri.

Begitu nasib dengan tanggungan sekalian pekerjaan lucut di tangan sedikit tidak menaruh kenangan serasa jatuh dari kayangan.

Kampung halaman ghaib ke mana disapu oleh ceti dan Cina sebarang dijamah semua tak kena patutlah ingat muda teruna.

Tanah Melayu siapa yang punya? adil dan kasih mentadbirkannya halus dan kasar terserah kepadanya minta pelihara kepada dianya.

Setengah kurun lebih dan kurang dari semak menjadi terang penduduk ramai daripada seberang waris negeri demam mengerang.

Bumiputera dipandang tidak terlebih hina daripada duduk baik makan ataupun tidak hingga menangis seperti budak.

Jerit dan pekik hinggakan tenar minta dirikan neraca benar dikatakan kita gila dan nanar tuntutan patut dikatakan hunar.

Di mana kiranya bangsawan bangsaku janganlah duduk tangan dipangku tidaklah nampak segala yang berlaku bukannya anggota sudah nan kaku.

Jika dikenang barang yang jadi laksana perahu tiada kemudi

penduduk disuruh bertanam padi
ladang dipenuhi ubi keladi.

Pekerjaan yang lain usah disebut
biar berkain separuh lutut
pelajaran lain belumlah patut
jika dikemukakan dikatakan karut.

Bila gerangan masanya itu
sebeginu lama belumkah tentu
Melayu belumkah dapat mutu
nyatalah intan dikatakan batu.

Allah Taala Maha Kuasa
tidak reda hamba-Nya diseksa
tidak di dunia di akhirat merasa
tidak dihiraukan gagah perkasa.

Diburu dihambat seperti rusa
tidak dipandang pangkat dan bangsa
tilik keadilan berdiri sasa
sifat amanah berdiri sentiasa.

Sekiranya tidak ada demikian
dunia akhirat dapat bahagian
nikmat yang sedikit menjadi aman
seksa yang pedih di hari kemudian.

Ya Ilahi Tuhan Yang Ghani
bukakanlah hati hambamu ini
hilangkan takut datangkan berani
tangan ditadah minta kasihani.

Majlis, 11 Mac 1940

Kobarkanlah Semangat Muda Bayu

Wahai belia harapan bangsa
sedar insaflah bangun berdiri
semangat muda kobarkan sentiasa
kerana membela bangsa dan negeri.

Tugaskan hati tetapkan pedoman
ikut haluan tujuan yang satu
di ketika mustahak wajib siuman
bangsa yang lemah seyogia dibantu.

Jangan cuma berfikiran singkat
pandai berkata "belum masanya"
tuntutan yang hak pula disekat
perbuatan demikian tak ada gunanya.

Zaman sekarang zaman bergerak
bukan lagi zaman terlena
zaman bangun mengukir corak
empayar bangsa mesti dibina.

Tetapi ... wajib ingat di hati
tujuan demikian takkan disandang
selagi perwira tak remuk mati
menyabung nyawa menentang pedang.

Dengan demikian saya berseru
kepada sekalian Melayu jati
semangat muda kobarkan selalu
namun undur mohonkan pasti.

Majlis, 12 Mac 1940

Aku Berpesan dengan Terus Terang

Mohd. Hashim Baharuddin

Dengarlah sedikit aku berpesan
akhbar *Majlis* buat utusan
minta disampai kaumku sekalian
supaya mereka menaruh keinsafan.

Apakah hal kita sekarang?
hidup dengan berhati walang
kerana desakan kaum dagang
datang ke Malaya tidak berlarang.

Jika ditanya siapakah salah
ialah juga pihak pemerintah
kerana pintu Malaya dedah
dengan tidak mengambil endah.

Tetapi ingatlah kaumku Melayu
carilah ikhtiar seberapa payu
inilah masa wajib bersekutu
cadangan yang hak segeralah bantu.

Sekarang apakah wajib dikuatkan
ialah menyokong suatu cadangan
yang tersangat patut jadi permintaan
taraf Melayu lepas peperangan.

Pengarang *Majlis* mula mengesyorkan
kemudian penulis-penulismya memberi sokongan
lain-lain wartawan apakah ingatan?
tidakkah pula memberi persetujuan?

Persatuan-persatuan Melayu apakah kata?
tidakkah layak campur serta?
inilah masa yang patut berkota
supaya Melayu jangan melata.

Taraf Melayu lepas peperangan
bukanlah pula menuntut kemerdekaan

hanya juga yang di bawah naungan
kerajaan British yang maha keadilan

Taraf inilah patut ditentu
supaya tetap hak Melayu
daripada serangan dagang melulu
yang sangat girang setiap waktu.

Aku menjemput sama sekali
wartawan-wartawan yang telah dikenali
persatuan-persatuan di serata negeri
marilah bersama! hak dituntuti.

Majlis, 12 Mac 1940

Oh Belia!

Roslani Ashikin

Oh belia di ini ketika
kamu berseru bertalu-talu
mengeluarkan cakap berbagai aneka
tetapi bangsamu masih lagi malu.

Sayang belia hilang jasamu
tetapi jangan berserik hati
pekerja berusaha dengan tenagamu
supaya seruan mengandung erti.

Jika kamu berseru sahaja
siapakah yang akan ambil peduli
jadilah kamu umpama penjaja
beruntunglah kamu jika ada pembeli.

Oh belia sedih hatiku
melihat usahamu terbengkalai
penjualan kamu tidakkah laku
kepada orang yang tak suka beli.

Belia wei kamu pandai bercinta
mengeluarkan perkataan "*I love you*"
adakah kebangkitan bangsa dapat dipeta
dengan perkataan itu kamu merayu.

Oh belia aku tahu kamu pandai
dengan segala tutur katamu
tetapi belia suaramu tersidai
umpama kain di atas kayu.

Oleh belia kerja kamu
jangan duduk leka bersuara
hingga nampak akan jasamu
baharulah bangsamu mari berdura.

Tetapi belia kamu mesti mendapat
daripada fitnah hamun dan maki

sebelum perbuatanmu keluar kerapat
itulah sahaja yang kamu dengari.

Oh belia jangan berhenti
dengan tawakal teruskan cita-citamu
apabila sudah nampak bukti
di situlah baharu bangun namamu.

Di ketika itu kamu dipuji
dikata kamu rajin usaha
di sana sini namamu terwangi
kamulah sahaja mereka berbeka.

Oh belia tak guna lagi
kamu berseru bangunlah bangsa
bekerjalah dengan berkata sekali
baharulah memancar keluarnya jasa.

Majlis, 13 Mac 1940

Yang Kurusuhkan

Nizar Abdul Hamid

Hanyalah sebuah yang kurusuhkan
tergambar selain di dalam kalbu
bilakah masa ataupun zaman?
yang bangsaku ... Melayu boleh maju!

Di mana kududuk ataupun baring
hanyalah itu yang kurusuhkan
biarpun di mana hening dan tenang
yang bangsaku tinggal berzaman-zaman!

Bagaimanakah tidak hatiku pilu
dalam masa yang gilang-gemilang
kaum bangsaku mahu bersatu!
sama setia dalam berjuang!

Tetapi apa hendak dikata
ibarat nasi dah jadi bubur
selama kita tidak sekata
di dalam kehinaan kita berkubur!

Majlis, 13 Mac 1940

Kami Sedar!

Anum

Bila masa, bila kalanya?
kami tidak dapat pasti
apakah sebab mula puncanya
kami terlena bagaikan mati.

Kami terlena semakin nyedor
dipuput bayu berdasar Barat
kini baru kami tersedar
tetapi ... sudah hampir melarat!

Ke kanan ke kiri kami menoleh
memahamkan hal yang telah jadi
mengundang ingatan sehingga pulih
kedapatan nyata merosak puak dia.

Segala rahsia nyata terbentang
bukan kiasan sengaja direka
sebabnya dagang mencurah datang
melemahkan kami menuntut pusaka.

Kami sedar, kami kecewa
hak kami dicabul orang
kami bukan tunggul bernyawa
semangat kebangsaan tidak berkurang.

Kami sedar, kami tersemu
kerana dipujuk digula-gula
sungguh demikian kami tak jemu
masih dijunjung di atas jemala.

Kami sedar, kena perdaya
oleh muslihat dasar yang halus
sungguhpun faham helah dan gaya
tetapi, kami sentiasa tulus.

Kami sedar, ranjau dipasang
rasanya sudah kami tertempuh

mulut kami disuap pisang
buntut dikait duri beripuh.

Semua sudah kami tersedar
tetapi taat setia terpaku
sungguh menderita pahit dan pudar
nama derhaka mustahil berlaku.

Hanya kami pohonkan pasti
bangsa Melayu seyogia diutama
dasar naungan mengikut *treaty*
baharulah diakui adil saksama.

Majlis, 14 Mac 1940

Masa yang Telah Silam *Bayu*

Di suatu masa yang telah silam
masa yang tak dapat diambil kembali
Melayu masyhur ke serata alam
hidup mewah gagah sekali.

Pahlawan Melayu nama terbilang
ditakuti oleh lain-lain perwira
melawan musuh tidak membilang
remuk mati kerana negara.

Tetapi sekarang jauh bezanya
kemasyhuran yang demikian tak ada lagi
nasib Melayu tak tentu halanya
penganjurnya mabukkan pangkat yang tinggi.

Sungguh sedih sungguh kasihan
Melayu sekarang lemah dan layu
nasib diserahkan kepada Tuhan
sedikit ikhtiar pun tak dibuat lalu.

Dengan demikian bagaimanakah daya
umat Melayu nak mengecap kemajuan?
manakala pemimpinnya tiada berupaya
memimpin bangsanya mengikut haluan.

Sekarang jalan tinggal satu
untuk membangunkan Melayu yang ada
bangsa Melayu mestilah bersatu
bergerak berdasarkan semangat muda.

Majlis, 15 Mac 1940

Hati Melayu

Rajawali

Bangsa Melayu bumiputera
di bumi Melayu negeri perwira
naungan British sudah ketara
menjadi dekat tempat yang dura.

Tempat bernaung masyhurlah sudah
tidaklah dilupa dengannya mudah
sekalian penduduk mendapat faedah
hanyalah Melayu berhati gundah.

Bagaimana tidak saya menyebut
keadaan Melayu berhati sibut
sekalian pencarian habis direbut
laksana kelapa tinggallah sabut.

Tidakkah Melayu berhati mutu
susah payah sama sekutu
miskin kaya dibilang satu
taat setia kepada ratu.

Sudah tabiat semula jadi
Melayu nan tidak lupakan budi
walau diperbuat seperti abdi
setia tak bergerak walau sepadi.

Cuba ditilik dengan teliti
hingga dilalui daripada *treaty*
sedikit tidak bosan di hati
taat setia berbuat bakti.

Hati Melayu dikata lurus
menahan sabar hinggakan kurus
laksana jambangan tidak didirus
ke tengah ke tepi dipukul arus.

Menahan hati bukannya mudah
air mata bagai dicurah

kepada Allah tempat berserah
zalim aniaya akan berpadah.

Hak kita pada mulanya
dipujuk rayu serta digulanya
kerana Melayu lembut hatinya
sebiji pisang cukup upahnya.

Hendaklah ingat adik dan abang
patut sangat berhati bimbang
sukakah jadi burung terbang
baik hanyut dipukul gelombang.

Jangan lalai kira bicara
kita nan bukan ahli pengembara
ialah memiliki rimba belantara
marilah kita bersama mara.

Tuntutan yang hak tidak dilarang
daripada dahulu hingga sekarang
yang dituntut wei bukan hak orang
pusaka sendiri sudahlah terang.

Cari-cari tempat percaya
supaya terlepas daripada bahaya
mulut yang manis umpama gula
akhirnya kita kena perdaya.

Saudara sekalian janganlah lalai
usahalah leka gelak mengilai
sila tunjukkan bijak dan pandai
habis nyawa harta digadai.

Keselamatan kaum tuntut selalu
jangan pandang hilir dan hulu
tak usah dibuat tidak kelulu
disebabkan kebangsaan jauhkan malu.

anggah (1921)
no. 1, 1921

anggah (1921)
no. 2, 1921

anggah (1921)
no. 3, 1921

anggah (1921)
no. 4, 1921

anggah (1921)
no. 5, 1921

anggah (1921)
no. 6, 1921

anggah (1921)
no. 7, 1921

anggah (1921)
no. 8, 1921

Majlis, 15 Mac 1940

Taraf Melayu

Melan Abdullah

Sebelum diperbuat elok berfikir
supaya perbuatan jadi sempurna
jika fikiran macam kelikir
alamat maksud jadi merana.

Berfikir dahulu elok kemudian
segala cita-cita jadi berjaya
jika gelap pasanglah dian
carilah suluh seberapa upaya.

Jika perbuatan tidak berasas
segala maksud takkan jadi
ibarat barang tak cukup perkakas
ibarat sakit terkena badi.

Taraf Melayu memang idaman
tetapi wajib kita mengingat
fikirkan dengan akal siuman
ibarat kumbang buangkan sengat.

Taraf Melayu memang sedia
di dalam kelam belum ternampak
bersedialah kita seberapa daya
supaya taraf jatuh ke bapak.

Janganlah kita berfikir gusar
kelak perbuatan semua tak jadi
lihatlah tuan matahari berkisar
bukan seperti tepung di pundi.

Taraf Melayu di mana terletak
tentulah terletak kepada kejayaan
jika di barat di mana kotak
tentulah batu di sangka berlian.

Menuntutkan taraf bukannya mudah
pada kejayaan sudahlah tentu

jika mengharap gigi dan lidah
segala cita-cita jadilah buntu.

Dalam sedemikian patut beringat
carilah kejayaan seberapa dapat
jika kejayaan sudah bersengat
tentulah taraf boleh dirapat.

Perbah kalam wahai bangsaku
elok bersedia sebelum dimeterai
supaya taraf masuk ke saku
tidaklah terjatuh 'taraf anak tiri'.

Warta Jenaka, 21 Mac 1940

Sedih Hatiku

Rajawali

Hatiku sedih bercampur bimbang
pencarian susah makanan sukar
jika ku burung harus terbang
mana yang ada habis kubakar.

Kampung halaman beralih tuan
isi bumiku digali habis
rupanya musuh kusangka kawan
pilu hatiku bagai dihiris.

Hasilnya banyak ribu dan juta
perkataan benar tidaklah dusta
disangka kita semuanya buta
bersifat tamak kepada harta.

Hasil bumiku banyak didapat
walau dibungkus diikat rapat
punggah diangkut dengannya cepat
kita seperti ikan dilengkung belat.

Sungguhnya aku anak negeri
jerit pekik tidak didengari
taraf Melayu minta diberi
seru bergemuruh kanan dan kiri.

Sekiranya benar berhati iblis
lamun payah dengannya keras
tetapi payah lagi dipulas
tidak berjawab tidak berbalas.

Adakah adil namanya itu
kesempitan kita tidak dibantu
belumkah kenal intan dan batu
jika ikhlas adakah begitu?

Kita nan bukan orang yang cerdik
mengenal juga lurus dan belit

kerana aku terkurang didik
kenal juga perahu dan rakit.

Belumlah sedar muda belia
kita nan sudah terkena perdaya
sila habiskan daya upaya
supaya lepas daripada bahaya.

Setakat ini kalam direntikan
kepada yang berwajib aku halakan
umat Melayu minta peliharakan
pintu Malaya harap kuncikan.

Pintu Malaya tutuplah segera
janganlah banyak kita bicara
jangan didengar halus suara
akhirnya kita juga bermara.

Sepatutnya kita sudahlah ingat
umat Melayu lemah semangat
hatinya merajuk terlalu bangat
kerana tidak mempunyai sengat.

Majlis, 21 Mac 1940

Serunai Pujangga

Anum

Kauambil serunai lalu kutiup
ragam pujaan tanahairku
merayu, mendayu, menggerakkan sukma
dibawa angin bunyinya sayup
untuk memuja semangat bangsaku
semangat yang penuh darah panglima!

Tidak kuhirau ataupun bosan
meskipun menentang muncung meriam
lagu kutiup semakin mendayu!
kepada suara sambil kuplesan
membidikkan soal "mengapakah diam?"
kepada bangsaku umat Melayu.

Suara mengimbang di awang-awangan
serta menerusi sudut pujangga
menggerakkan kalbu Melayu raya
supaya bersama berbimbing tangan
bersama melangkah meningkat tangga
untuk menaiki mahligai bahagia.

Percaturan zaman hampir beredar
suara serunaiku makin melangsing
darah mudaku makin gembira
bangsaku sudah insaf dan sedar
desak himpitan si bangsa asing
di hutan, di laut, di pekan pusara.

Syukur aku ke hadrat Izzati
bangsaku sedar dari terlena
haknya sudah dipercabul orang
dasar penaung tak memuas hati
nasib bangsaku hampir merana
darjah kemuliaannya makin berkurang.

Suara serunaiku masih merawan
merayu-rayu menggerakkan sukma

supaya membela watan negara
dua juta bangsaku setiawan
reda berkorban mati bersama
tetapi ... siapakah yang memandu mara?

Majlis, 23 Mac 1940

Tuntutan Melayu

Rajawali

Wahai kaum jauh dan dekat
marilah kita berikat rapat
bukankah dikata muafakat itu berkat
jangan hiraukan masam dan kelat.

Betulkan pedoman segeralah tuju
betulkan tambang tali teraju
jika kita sama setuju
dapat disekat mana yang maju.

Kalau kita tidak sekata
jadilah kita bangsa yang lata
kita nan bukan orang yang buta
asalkan benar tuntutan kita.

Janganlah kita berdiam diri
jalan keselamatan tentu telah cari
walaupun penuh semak dan duri
tak usah bimbang ataupun ngeri.

Patut sudah begitu lama
asyik mengilai duduk bercengkerama
bangsa dan watan tinggallah nama
perubatan lain akan menjelma.

Keselamatan umum tuntutlah segera
kerana kita anak negara
bulatkan sekalian kira bicara
gunakan ikhtiar serba perkara.

Kepada siapa hendak diharap
jika tidak sama setaraf
sama sejalan sama sederap
jangan dihiraukan telentang tiarap.

Pengarang *Majlis* muda bersifat
membentangkan syaratnya ialah empat

taraf Melayu tentukan cepat
jika adil wajah makrifat.

Satu daripada permintaan itu
Malaya wajib menutup pintu
jika tidak diperbuat begitu
tiadalah ramai dagang melutu.

Kerana dagang ramainya sungguh
kesenangan Melayu ialah musuh
ribut bencana tidaklah teduh
bangsa luar empunya pengaruh.

Yang kedua disebutkan terang
bahasa Melayu rasmikan sekarang
bahasa lain tidak dibilang
bencikan padi dihidupkan lalang.

Bahasa lain kalau digunakan
bahasa negeri diketepikan
tidaklah elok agaknya demikian
seolah-olah ada rahsia disembunyikan.

Sekarang digunakan bahasa Inggeris
bahasa Melayu tidaklah laris
di pejabat dipenuhi Hindu Singlis
bangsa dan watan lenyaplah nyaris.

Yang ketiga penulis sebutkan
kepada Melayu saya hamparkan
pelajaran Melayu minta tinggikan
pintu perusahaan minta tadbirkan.

Keempat rayuan yang diakhiri
kesihatan Melayu minta peliharai
jika sebenarnya adil berdiri
kelemahan kita sokong diberi.

Tuntutan ini perlu disokong
daripada pekan terus ke kampung

berat dan ringan sama ditanggung
ikutlah jalan tolong-menolong!

Sekalian arif ada membilang
pekerjaan wei jangan alang-kepalang
ditahan mati bertindih tulang
begitulah sifat pahlawan hulubalang.

Lamun sebenarnya kasihkan bangsa
jangan takut azab dan seksa
pahit maung mesti dirasa
ikut dan sedar edaran masa.

Belumkah cukup ayuhai bangsaku
kaki dan tangan hinggakan kaku
pujuk dan rayu selalu berlaku
tujuan menghabiskan wang di saku.

Bilakah bangun daripada tidur
menantikan bertanduk kucing di dapur
bangsa dan watan hampirlah lebur
bukannya ini bersifat syukur.

Majlis, 27 Mac 1940

Mahulah Sedar

Teruna Kelang

Malaya seumpama bunga di taman
wanginya semerbak seperti ambar
badanku lesu mengenangkan zaman
mengenangkan Malaya pintunya lebar.

Pintu Malaya selalu terkembang
petang dan pagi tidak berkeputusan
Melayu sendiri menggalikan lubang
habis tergadai harta kawasan.

Pasarnya besar dipagar bunga
indahnya terlalu dipandang mata
harta habis kita ternganga
bukan diambil dengan senjata.

Mesti ingat putaran zaman
malam bertukar menjadi terang
cabaret terdiri metrosakkan iman
lamun tidak diri dilarang.

Malaya ini tumpuan dagang
mengambil manisan setiap hari
kalau Melayu tak kuat berpegang
ke hutan balik ia lari.

Apa sebab jadi begitu?
kerana tidak sedarkan diri
orang Melayu ibarat kutu
hidup selalu menumpangkan diri.

Ayuhai kaumku orang Melayu
bangsa kita ada bermaya
jangan meniru pokok yang layu
akhirnya kelak kena perdaya.

Kita mesti bangun berjaga
buatlah kerja dengan cepat

sementara dunia masih lega
rebutlah pekerjaan mana yang dapat.

Majlis, 29 Mac 1940

Semenanjung Melayu Tanahair Bapaku

Mohamad Dali

- S Semenanjung Melayu seperti dikata sememang tarikhnya telah ternyata sungguhpun banyak rakyat melata seperti Cina, Hindu Calcutta.
- M Mereka tersebut menumpang jua mana setengahnya melarikan jiwa mahupun berlindung daripada kecewa menempik di tanahku seperti sawa.
- N Nah! Sekarang kita telah ketahuan nakal mereka bukan keluluan nampak sungguh nak jadi tuan Nana pun sama nak jadi pahlawan.
- N Naik benar muka si bedebah Nur mereka selalu digubah nama Melayu ditaruh ke limbah naungan Melayu cuba dirubah.
- J Julung kali telah tertera jangan tak hirau apa yang ketara Jimat-jimat jangan tercedera jembalang asing membuat angkara.
- W Wahai kaumku Melayu jati Wan dan Mek sama sebat walaupun apa jangan ternanti walang sungguh jika meliputi
- N Ngangkan hati jangan terketar ngingkan telinga teraju diputar ngeri di jantung segera dilontar ngauim harimau tidak menggentar.
- M Melayu berhak punya bersebab moyang kita berbasah lembap

membuka menduduki Semenanjung berbab
mana boleh percaya si muka sembab.

- L Lama sudah kita kecewa
lamun selalu kita ketawa
lain bangsa punya petua
lainnya kita seperti burung kakak tua.
- A Anjuran Melayu tersangat cekap
angkara demikian sudah diserkap
utusan pula pandai menangkap
apa! sekarang cubalah cakap.
- Y Ya! Dahulu bolehlah dibuka-buka
yu di laut dikatakan unga
yoh dipohon disebut seloka
yang mana sekarang jangan disangka.
- W Wahai Melayu kaum bangsaku
wah! Semenanjung itulah tanah bapaku
waswasnya tiada tersimpul berbuku
wangnya ambillah masuk di saku.

Utusan Zaman, April 1940

Kesatuan Melayu

Marbi

- K Kesatuan persatuan satu erti
kaya miskin boleh bersekutu
kekal kebangsaan Melayu jati
kemajuan didapat dengan bersatu.
- S Sekarang Melayu tersedar nyata
setelah lalai beberapa lama
soal kebangsaan wajib diperkata
supaya Melayu ketinggian nama.
- A Abang adik segeralah bersatu
ibu bapa tak dikecualikan
agar keselamatan Melayu tertentu
itulah sebab kesatuan didirikan.
- T Tujuan kesatuan semenjak terbina
tunjang kebangsaan hendak dipelihara
tuan encik perawan teruna
tuntutlah kemuliaan watan negara.
- W Wahai kaumku satu per satu
wujud kesatuan memegahkan kica
waktu inilah mustahak bersekutu
walaupun dagang bersakit mata.
- I Insaf kaumku bersungguh hati
alat kemajuan ialah bersatu
utamakan kebangsaan Melayu jati
usaha bangsa tolonglah bantu.
- N Nasib Melayu kalau dikenang
nama saja anak negeri
naga besar di laut berenang
nikmat kita hendak dicuri.
- M Melayu! Melayu! Janganlah leka
masuk jadi ahli kesatuan

masa yang datang di depan muka
minta Melayu bercergas lawan.

- L Lekaslah kaumku bersatu hati
lelaki perempuan sama bersekutu
lakukan pekerjaan jangan dinanti
lamun Melayu ketinggian mutu.
- I Ini harilah juga bersatu
untuk meninggikan darjah bangsa
esok lusa barang tak tentu
usahlah kita bertangguh masa.
- Y Ya kaumku Melayu raya
yang baik segeralah tuju
yakin kaumku kot percaya
iaitu kita berdaya maju.
- W Wei Melayu ketahuilah tuan
garis Semenanjung ialah kita
faham karut segeralah lawan
wassalam – maaf dipinta.

Cantik Terkecek

Ahmad Kadnaf

Bila dikenang kepada cantik
sayu hatiku bagai digeletek
air mata berlinang bertitik
fikiran resah bercakap getik.

Sedang cantik aku dilantik
insan memandang mabuk tergetik
ia berkata ayuhai jelatik!!
mari gusti abang nak cotek.

Riang hati bertambah detik
badanku serah kepada pelantik
digodanya aku hingga lentik
habis madu dibuangnya petik.

Sekarang aku berjalan terkatik
membawa untung ke Laut Baltik
berenang berkawan sama itik
sengsaranya badan hingga lotek.

Rupanya aku dikecek rentik
disangka hujan turun tik-tik
bertudunglah aku dengan batik
tetapi yang menimpa putik.

Oleh itu ayuhai tetek (susu)
jagalah diri daripada dipetik
jangan umpama buah betik
dibuat orang halwa politik.

Hidupku sekarang main otek
timbul tenggelam di dalam cetek
insan memandang seperti jejentik
akhirnya mati kerana belentik.

Oh Penganjur

Ahmad Ismail

Oh! Penganjur pemimpin umat
adalah tuan terkenal amat
lagi dimulia serta dihormat
untuk mengadu pelbagai maklumat.

Oh! Penganjur yang kaya senang
kehidupan bangsa tuan tunang-tunang
bila diingat atau dikenang
air matanya titik berlinang.

Oh! Penganjur ke mana bersengap
berapakah lama mengambil ngap
kewajipan tuan kenapa dipengap
bangsa tuan hampirlah tungap.

Oh! Penganjur bangsa Melayu
ke manakah hilang disambar jentayu
riuh bangsa tuan sedang merayu
hai kebangsaannya berhati sayu.

Oh! Penganjur silalah celik
bukakan mata lantas membelek
pandang dan renung serta menilik
masyarakat bangsa tuan hampir tergolek.

Oh! Penganjur bilalah masa
membela kaum serta nusa
serta menunjukkan gagah sasa
kenapa melengah dengan kelesa.

Oh! Penganjur janganlah bosan
menolong bangsa biar berkesan
korbankan tenaga untuk balasan
memimpin bangsa ke alam insan.

Oh! Penganjur yang kaya-raya
sedarkah tuan bumi Malaya

bangsa dagang telah memperdaya
macam manakah ikhtiar fikiran yang selia.

Oh! Penganjur segeralah bangat
pertolongan tuan dikehendaki sangat
supaya bangsa kembali bersemangat
dengan cukup segar dan hangat.

Oh! Penganjur yang berpangkat tinggi
tolonglah bangsa petang dan pagi
lamun tiada pertolongan dibagi
akhirnya bangsa rosak dan rugi.

Oh! Penganjur harapan bangsa
pertolongan juga hendak dirasa
di kala kaum sedang seksa
menderita azab setiap masa.

Oh! Penganjur janganlah marah
walaupun hanya sebesar zarah
penulis berseru tak tentu arah
kerana keresahan datang mencurah.

Sungai Ara

Warta Ahad, 14 April 1940

Bangsaku Melayu

Perawan Kampung Kota Tinggi

Bangsaku Melayu bangsa sejati
yang sudah termasyhur berkurun keti
iaitu satu bangsa yang amat sakti
taat setia berkeras hati.

Bangsaku Melayu berbaka pendekar
menentang musuh gagah dan dakar
juga terbilang bertukang belanga lekar
nyiru badang bakul dan sangkar.

Bangsaku Melayu memang bijak
berkebun berhuma berladang membajak
ke darat ke laut sama berajak
nasihat dirinya tak pernah dipajak.

Bangsaku Melayu bangsa yang cerdik
boleh bertanam tebu pisang ubi keledek
oleh sebab dagang empunya herdik
hidung bangsaku dicucuk ditindik.

Bangsaku Melayu termasyhur pandai
menganyam tikar rompong bidai
kalau dimajukan kejayaannya bersidai
apa boleh buat! dagang mengkeldai.

Bangsaku Melayu tak boleh diperkonon
berkebun berniaga bahkan bertenun
malahan berjaya menghapus lanun
sekalipun di tengah lautan ... nun.

Tetapi disebabkan penganjurku lena
'putera bumi' dagang bersempena
tak sedar ditaburinya ubat guna
jadilah bangsaku hidup merana.

Kalau dahulunya penganjurku berjaga
tuntutan dagang kot dicek

bangsanya sendiri patut diharga
tentulah bangsaku nun ... di pucuk nangka.

Oh! Sekarang nan apa nak kata
bangsaku Melayu sudah melata
bangsa-bangsa dagang juga bermahkota
adakah dapat diperkembalikan hak-hak kita?

Ya! Soalan inilah menyempitkan akal
iaitu kepada yang tak berhati cekal
tetapi kalau sudah kota tukul
insya-Allah dapat diperkembalikan pukul.

Tetapi hendaklah diadakan syarat
seia sekata ikatan erat
pikul bebanan sesama berat
tentulah dijayakan Ilahi ke hadrat.

Hendaklah segera buangkan gebar
kejadian yang dahulu jadikan iktibar
bangsamu yang lain kejut dan khabar
di pantai tuntutan segera ditebar.

Janganlah bangsaku berputus asa
mengembalikan hak tak dapat dirasa
satukanlah hati Melayu sebangsa
cantumkan saudara di bandar di desa.

Tetapi kalau bangsaku masih meleka
di kalangan bangsa buat tak peka
tentulah Melayu sehabis-habis celaka
dihentam dibedal si dagang puaka.

Kehidupan bangsaku ditimpa tangga
sedang menggeletek kelaparan dahaga
menantikan pemimpin tidak berhingga
iaitu pancuran anjuran pujangga.

Bangsaku Melayu bila kukenang.
hatiku sedih air mataku berlinang

kehidupannya dahulu senang-lenang
sekanan tercampak lawanan tak dapat direnang.

Sebab pun Melayu jadi begitu
pertama Melayu dilapangkan pintu
kedua akuan dagang – sahaja ditentu
tak sedar rupa-rupanya menjelma hantu.

Semenjak didatangi bangsa bersepit
kehidupan bangsaku mula terhimpit
di kiri di kanan semuanya dikait
sebagai dijadikan nasinya apit.

Mengapakah begitu ayuhai dagang
hak bangsaku semua mu pegang
adapun yang baki hajat direpang
Semenanjung Malaya hendak ditunggang.

Bangsamu bukan bangsa dijemput
di tanahairku duduk terjelepk
padahal hakikatmu seperti lintah siput
menyedut darah bangsaku sehingga semput.

Sekarang ayuhai bangsaku layu
dengarlah perawan kampung kemukakan rayu
dagang disifatkan seperti ikan yu
yang mana kesegaran kita hendak dilayu.

Sudahlah sampai di masa sekarang
bangsaku Melayu bersemangat girang
kemalasan kita ditebas diterang
jagalah agas kepaluan menggigit menyerang.

Tetapi ...! Melayu tak boleh mara
selagi kesatuan tidak ditara
lamun bangsaku masih bercempera
selama itulah kemajuan terburu.

Sebaliknya ayuhai Melayu bangsawan
wang ya, wang – utama dikawan

lamun ikhtisas disapu awan
sesuatu bangsa tak boleh berkemajuan.

Kedudukan wang ialah di *millionair*
dialah tergenggam kemajuan membenar
tetapi kalau muslihat sahaja dilatar
oh! mundur sebutan melatar.

Sebab kemajuan termesti berpandu
dua perkara sama diadu
pengetahuan – wang seyogia dipadu
yang demikian baharulah dirasai madu.

Pendeknya tidak boleh dikira
memajukan bangsa banyak syarat perkara
umpama membersih hati yang berpura
juga tolong-menolong penghidupan melara.

Pandang-memandang wajib diutamakan
kehidupan melarat mahu diperbetulkan
yang berkepandaian seyogia dimodalkan
yang meminta – lekas didermakan.

Demikianlah saudara perawan menggubah
kalau kurang harapkan ditambah
ampun dan maaf perawan menyembah
salam terima kasih sama direbah.

Warta Ahad, 27 April 1940

Oh Watan?

Shamsuddin Salleh

Oh, watan Tanah Semenanjung
adakah engkau membawa erti?
kugubah syair nyanyian sanjung
adakah itu bernama bakti?

Oh, watan Kepulauan Melayu
adakah kelak membawa makna?
kukarang syair ratapan sayu
adakah itu memberi guna?

Oh, watan Sumatera dan Jawa
Selibis Borneo Bali Sembawa
kunyanyikan lagu tangisan jiwa
adakah pula memberi kecewa?

Oh, watan tanah yang jumbang
adakah kelak kamu merdeka?
kususun nyanyi, syair, kutimbang
adakah itu mendatangkan suka?

Oh, watan bukit dan gunung
laut sungai hutan yg lebat
kurangkap syiar nyanyian menung
adakah itu menjadi ubat?

Oh, watan bandar dan kota
segenap daerah kampung halaman
kunyanyikan sendu, di susunan kata
adakah itu membawa aman?

Oh, watan bendang dan huma
adakah hasil mencukupi diri?
kunyanyikan ratap bisikan sukma
adakah itu mendatangkan seri?

Oh, watan kebun dan dusun
adakan hasil mendatangkan kaya?

kugubah syair, lagu kususun
adakah itu menjadikan jaya?

Oh, watan impian jiwa
kepadamu hati terlalu cinta
terserah tubuh tenaga dan nyawa
asal kemuliaan tetap di takhta.

Oh, watan ibu pertiwi
kepadamu hati terlalu kasih
menunjukkan cinta nyanyi kurawi
menjadi amalan yang sangat bersih.

Oh, watan tanah persada
cukup lengkap jagung dan padi
mempunyai binatang lembu dan kuda
serta tanaman ubi keladi.

Oh, watan tanah yang berharga
mempunyai logam besi dan timah
mengeluarkan emas perak tembaga
hanya umatnya bersemangat lemah.

Oh, watan tanah yang mulia
mempunyai anak bangsa Melayu
menaruh logam emas geliga
hanya umatnya bersemangat layu.

Oh, watan tanah yang kaya
hasil dipungut orang menumpang
anakmu tidak bernasib jaya
kerana pintumu dibuka lapang.

Oh, watan tanah yang sakti
di perutmu emas beribu kati
tetapi anakmu bersakit hati
kerana si dagang punyai pekerti.

Oh, watan tanah bertuah
hasilmu banyak tidak terperi

segala dagang berhidup mewah
harga diangkut ke lain negeri.

Oh, watan tanah yang handal
kekayaan padamu tidak terkira
tetapi dagang telah membedal
tinggal anakmu hidup sengsara.

Demikianlah watan ratapan anak
tangisan sedu setiap masa
tidak mendapat senang sejenak
sebilang saat berpilu rasa.

Jika diturut kesedihan hati
mahu menangis seumur hidup
kerana dagang punya pekerti
anakmu bernasib gelap dan redup.

Hingga ini ratapan sedu
menunjukkan kasih telah terpadu
merasai mewah berasa rindu
hanya menangis tersedu-sedu.

Urusan Zaman, 4 Mei 1940

Pesan kepada Dinda

Ngumba

Sudilah dengar wahai puteri
serangkap sajak pesanan beta
bukan niat membesar diri
hanya nyanyi hiburan semata.

Pesan beta bukan pernama
bukan pula Hadis dan kias
cuma pengasuh hati budiman
hidup suci jadi perhias.

Kepada segala juita pemudi
kepada teman peringkat dinda
hidupmu biar hidup berbudi
tinggi hemah menjadi tanda.

Fahamlah tafsir hidup mulia
bukannya pakaian emas berpeti
tetapi 'budiman' terang bercahaya
perasaan tinggi menyuluhan hati.

Berani bersyarah penenang suara
membela bangsa hidup melarat
tampil ke muka wajah gembira
tidak takut menentang jerat.

Kalau dinda sungguh berani
kakanda turut sama berjuang
biarpun diri hancurlah pani
asalkan tenaga sudah kubuang!!
mari dinda! ... kita berkurban!!!

Utusan Zaman, 31 Mei 1940

Lambaian Jiwa

Ngumba

Oh pemuda! Wahai pemudi!!
mari kita berikat jiwa
mari bersama mengasuh budi
agar bangsa tidak kecewa!

Di sana, nun! Di pantai bahagia
nampaknya tuan jiwaku melambai
menjemput teman berikat setia
mengorban diri jangan diabai!

Sambil melambai aku menyanyi
mengirim sembahyan kepada bayu
adakah rakan mendengar bunyi
suara keluhan laguan sayu!

Itulah bingkisan dari semangatku
mengajar pemuda-pemudi ternama
itulah lambaian dari jiwaku
menyeru umat bekerjasama!!

Utusan Zaman, 31 Mei 1940

Oh Malaya!

Abin Kidin

Oh Malaya! Tanahairku
mengapa kamu begitu laku
menerima dagang di setiap suku
tidakkah kasihan kepada aku.

Oh Malaya! Si buah hati
tanahair yang kuingati
pemandangan cantik menarik hati
bumiputeranya bersuka hati.

Oh Malaya! yang kucinta
tanahairku muda yang pokta
kayanya kamu tidak terkata
mengapa diberi dagang yang leta.

Oh Malaya! Semenanjung yang kecil
dirimu jauh di selatan terpencil
sukanya dagang besar dan kecil
datang hendak menjadi sang kancil.

Oh Malaya! Sedarlah kamu
janganlah asyik dagang diramu
anakmu nanti jadi tersemu
semuanya salah daripada kamu.

Oh Malaya! Belahan jiwa
hasrat hatiku tiadalah dua
janganlah asyik duduk tertawa
perhatilah anakmu yang sedang kecewa.

Oh Malaya! Yang cantik molek
anakmu mesti selalu dibelek
janganlah kamu asyik bersolek
anakmu nanti tenggelam di kolek.

Oh Malaya! Oh Malaya!
hasilmu jangan jadi sesia

mengapa kamu terkena perdaya
bangsa lain yang jadi kaya.

Oh Malaya! Semenanjung yang permai
bangsamu bukan main ramai
boleh bekerja di dalam damai
mengapa dagang pula meramai?

Oh Malaya! Negeri yang cantik
mengapa akalmu tersangat cetek
menjadi nyamuk asalnya jentik-jentik
begitulah dagang hendak mencantik.

Segamat

Warta Ahad, 2 Jun 1940

Kaum Melayu Cuba Kuseru

Arshad al-Idrus

Wahai kaumku ibu dan bapa
teruna dan gadis juga kusapa
jangan kita lalai dan lupa
buatlah kewajipan sebarang apa.

Sedar dan ingatlah wahai kaumku
bayangkan tingkah dengannya laku
sifat khianat jangan dipaku
baharulah kelak kebenaran terpangku.

Bersama bangsa membuat bakti
bertolong-tolongan teguh sejati
ramah mesra baikkan pekerti
dari hidup hingga ke mati.

Bersifat ikhlas serta bersekutu
kepada bangsa bantu-membantu
amatlah mulianya sifat begitu
dihargai bangsa tatkala waktu.

Wahai jauh pergi didapat
setia muhibah teguhkan rapat
jauhkan sekalian fitnah dan umpat
mudah-mudahan rahmat turun berlipat.

Sama sebangsa bersatu hati
susah senang sama menguliti
moga-moga Tuhan Rabbul Izzati
menurutkan rahmat beribu keti.

Hendaklah sedar putera dan puteri
pandanglah dunia serta negeri
jikalau tidak bijak bestari
menyesallah kelak empunya diri.

Nyesal sesalan jangan dikata
dirampas orang haknya kita

dari sekarang sudahlah nyata
separuh orang berputih mata.

Dari itu wahai bangsa
sedarkan diri buatlah jasa
membuat bakti setiap masa
supaya senang kekal sentiasa.

Dunia sekarang dunia kemajuan
antara satu berlawan-lawan
tidak menanti sahabat dan kawan
kepada maju tujukan haluan.

Majunya itu Melayu kita
khianat dengki pupuskan serta
tinggalkan sifat cahaya permata
itulah baharu masyhur berita.

Kemajuan itu kehendak sekarang
tidak memilih sebarang-barang
asalkan cukup tidakkan kurang
majulah namanya kepada orang.

Seruanku seperkara lagi
kepada pemuda kaumku ranggi
hidup kita biar berbahagi
supaya kaum tidakkan rugi.

Yang sudah itu sudahlah
mari kita ambil sebelah
kepada kerajaan jangan dicelah
bekerja sendiri cuma digalah.

Bekerja sendiri serta bersekutu
bersama kaum bertolong bantu
itulah sifat bangsa bermutu
dikehendaki zaman seini waktu.

Bekerja sendiri sifat merdeka
dapat meniup serunai merdangga

bangsa sendiri terlalu suka
sekiranya Melayu dapat mestika.

Merdeka itu mestika bangsa
semua manusia hendak merasa
sifat terpuji lagi sentosa
dikejar orang setiap masa.

Sebahagian sifatnya bekerja sendiri
jangan malu janganlah ngeri
buatlah seperti di zaman sari
kekalkan hingga di belakang hari.

Wahai sahabat rakanku sekalian
carilah sifat intan berlian
bermakna gaji jangan dilayan
bekerja sendiri sifat kepujian.

Bermakan gaji sifat yang hodoh
bermakna kita meminta teduh
dengan merdeka sifat bergaduh
sifat begitu orang yang bodoh.

Warta Jenaka, 13 Jun 1940

Oh! Wartawan

Kumasi

- O Oh! Wartawan mula disuara
ayunkan tangan jangan terburu
ambil yang berfaedah segera dimara
agar bangsa jangan tersengsara.
- W Wahai wartawan kaum bangsaku
wirakan betul karangan dipangku
wangikan harum biar dilaku
watan dijaga jangan terkaku.
- H Halaman akhbar tempat bermadah
handalkan betul jangan tersudah
hamburan nasihat biar diendah
hargakan dia supaya berfaedah.
- W Wartawan berguna kerana berseru
wirakan kaum jangan terburu
waima ia bersifat baharu
wang dihambur di serata penjuru.
- R Resmi wartawan jangan bergusar
ratakan cakap biarlah besar
rayakan kaum halus dan kasar
rajinkan diri mesti disasar.
- T Tetapkan hati apa dikata
tanda yang baik itu dirata
tunjangan salah apa di mata
terangkan betul biar terberita.
- O Oh wartawan kamu merdeka
apa dibuat boleh direka
angkatkan kalam apa dibeka
ingatkan kaum jangan terleka.
- W Wahai wartawan kaum Melayu
waima kamu di puncak kayu

walangan bangsa segera dirayu
warakkan nama jangan tersayu.

—
—

- N Nisbah wartawan asal menawan
niatnya susah ada di tujuan
neraca dibuat sama di seruan
negeri dan bangsa sama dikawan.

Teluk Kerang

Utusan Zaman, 29 Jun 1940

Seruan Mestika

Mohd. Isa Rawi

Seruan mestika tulisan disaji
di ruang *Majlis* akhbar permai
menyeru kaumku Melayu yang dicintai
masalah watan patut dikaji.

Itali Jerman damping sepakat
menakluk dunia amприya hajat
umat Melayu patut berikat
darah perwiraan segera disemat.

Oh sedih hatiku
melihat apa-apa yang sedang berlaku
di medan peperangan disebut pilu
ayuh segera kita bantu.

Bertanam padi itulah dia
kewajipan kita perlu utama
keuntungan kelak kepada kita
umat Melayu disebut nyata.

Bangsa dagang tekun setia
terhadap raja *King* Baginda
menunjuk keberanian konon ini masa
taraf kita seyogia dijaga.

Bangsa dagang tidak siuman
menyentuh taraf empunya angan-angan
di kalangan masyarakat mereka nan terkanan
mengapa Melayu mahu kempunan?

Wang ringgit disebut tentu
kepada mereka semua tertumpu
sebab mereka sesama bersekutu
muslihat bangsa sememang dibantu.

Pena digaris memberi semboyan
terhadap persatuan-persatuan serta wartawan-wartawan

bakti yang baik segera ditawan
taraf bangsa itulah tuntutan.

Sangat ketika sudi sampai
Melayu raya jangan lalai
mutu kerja sesama wajib disemai
kemajuan kelak laris dicapai.

Darul Ridzuan

2 Julai 1940

Majlis, 2 Julai 1940

Persekutuan Melayu
Bersatu dan Melayu
Bersatu

Darah Perwira

Abbas

Darah perwira handal berani
degil melawan ke sana sini
dapat bersenjata besi Khursani
dada terbuka berpantang pani.

Orang Melayu masa dahulu
alah berlawan tersangat malu
alat senjata di pinggang di baju
ada tersisip menantikan waktu.

Rajin pula membuat kerja
ramai setuju sepakat sekata
raja bertitah ilmu ditaja
rempuhan datang bersedia senjata.

Handal pendekar lagi pahlawan
hantu syaitan tak berani melawan
hati berani musuh ditawan
hidup dengan membuat kenamaan.

Perempuan-perempuan di zaman kala
perangai adab sangat dibela
penutup kepala ada tersedia
pakaian elok kepandaian ada.

Rawan pilu aku mengerang
rupa tersingkap zaman sekarang
bangsaku membuat pekerjaan dilarang
ragam moden diikut dikarang.

Wahai kaumku sanak saudara
walau teruna ataupun dara
wangikan kaum di dalam negara
waras, adab, agama dipelihara.

Yakin hati semuafakat hidup
yaum yang panas menjadi redup

yakkut intan emas zamrud
ya! mari kita sama berebut.

Roh jasad hidup bersatu
ragam perwira meninggikan mutu
ramai berpakat bantu-membantu
reda bertawakal lekat terpaku.

Ayuhai kaumku perempuan lelaki
adakah menengok di masa kini
orangmu miskin serba-serbi
aduh! siapakah datang membantui!

Majlis, 3 Julai 1940

Majlis Akhbar Melayu

Roslani Ashikin

- M Majlis akhbar Melayu
- J Johan perjuangan suara bangsa
- L Lembaga kebangsaan tidak dilayu
- S Soal dikemuka untuk nusa
- O Orang Melayu bersukacita
- K Khabar warta sama dirasa
- B Berjuang membela pusaka harta
- R Rencana bersemangat menambah perkasa
- M Marilah tuan tolong memaju
- L lembaran *Majlis* silalah pegang
- A Anjuran kebangsaan biarlah laju
- Y Yang mana baik jangan direnggang
- W Wahai Melayu ... bangsa yang dicinta!

Majlis, 3 Julai 1940

Oh Pemimpin

Roslani Ashikin

Mari ikut aku
ke hadapan kita mara
jangan takut jangan kaku
bergerak bekerja dengan gembira.

Demikianlah ujar seorang pemimpin
kepada bangsanya mengajak maju
angkat tangan sentengkan kain
singsing segala tangan baju.

Mari kita bekerja dan bergerak
ke medan kemuliaan kita menghampiri
kemajuan biarlah seperti api yang marak
jangan takut dan jangan ngeri.

Kepada bangsa kita berfaedah
kepada negara membuat kebajikan
perbuatan yang tak baik silalah mudah
supaya dapat kita rundingkan.

Aku tahu kamu semua orang pendiam
kamu menerima apa dititih
padahal kamu terseksa seperti ayam
dikejar dipukul kepala dipatah.

Aku tak boleh melihat
dan aku tak boleh dengarkan
segala perbuatan yang amat jahat
mari sekarang kita pohonkan.

Kemiskinan kamu aku tahu
miskin dari segala barang
kerana desakan dagang bersentuh bahu
keinsafan kepadamu diberi jarang.

Sekarang marilah jalan
ikut aku jangan lari

ajaklah segala kawan dan taulan
ke segenap desa kita edari.

Right turn pusing kanan
hendak mulai kanan kiri
quick march jangan kempunan
ke hadapan silalah berlari.

Berjalan pujangga berderet-deret
mengikut pemimpin yang cintakan bangsa
hatinya tulus tidaklah senget
berani gembira sepanjang dewasa.

Di sana sini orang berteriak
di tepi jalan sesak berdiri
oh pemimpin ... oh pemimpin ...!
kehidupan kami sudah koyak.

Padahal kami di negeri sendiri
sabar-sabar nanti aku periksa
aku akan rundingkan dengan teliti
ini siapakah empunya desa?
ujar pemimpin dengan seperti.

Ini desa kami Melayu
tanahair tempat tumpah darah
kehidupan pencarian kami dah layu
dibolot dagang habislah cerah.

Oh, kalau begitu janganlah susah
marilah bersama kita bertaubat
kezaliman mereka silalah sesah
ke tanah orang masuk menceroboh.

Terima kasih tuan ... oh pemimpin
sekarang senanglah kami di sini
kepada tuan kami nan yakin
pembela bangsa pencinta watani.

Jangan susah jangan memuji
kepada Tuhan tempat bersyukur
bekerjalalah untuk sesuap ruji
beribadatlah supaya bertambah makmur.

Oh pemimpin bangsa Melayu!!
oh pemimpin cubalah pandang
oh pemimpin bangsamu layu
oh pemimpin silalah adang!!

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

Majlis, 4 Julai 1946

Nasib Melayu

Abin Kidin

Nasib Melayu tersangat nyata
iaitulah malang selalu dikata
negeri Malaya berubah peta
dagang telah berkubu berkota.

Bangsa Melayu tersangat malang
padi ditanam tumbuhnya lalang
anak bangsanya sentiasa walang
mengenangkan dagang seperti hulubalang.

Dagang telah kaya-rayu
datang menumpu sekalian manusia
ke tanahairku negeri Malaya
sayang bangsaku terkena perdaya.

Dagang ramai nyata ketahuan
kekayaan Malaya hendak ditawan
sekejap miskin menjadi hartawan
bangsaku juga disengat tabuan.

Bangsaku! Bangsaku sedarlah kita
dari sekarang bukalah mata
kekayaan Malaya mesti dicinta
supaya jangan terubah peta.

Malang sungguh nasib bangsaku
harta yang banyak tinggal sesuku
diambil dagang taruh di saku
Melayu juga yang jadi kaku.

Kasihan Melayu menjadi papa
menangis meratap berbagai rupa
wang dicari payah berjumpa
hendak mengadu kepada siapa?

Oh! Bangsaku mengapa malang
setiap hari menanggung walang

dagang dah banyak menjadi helang
harta Melayu hampirkan hilang.

Malaya! Negeriku yang kecil
diamnya jauh di selatan terpencil
Melayu bangsaku hampir terkucil
dari tua membawa ke kecil.

Melayu! Melayu Sedarlah kamu
jangan asyik dagang diramu
kamu bekerja janganlah jemu
supaya terselamat hak bangsamu.

Segamat

Warta Jenaka, 4 Julai 1940

Pusaka

Abahmad

Oh! Pusaka
kaulah harapan kami
peninggalan ayah dan ummi
kehilanganmu di manakah hendak kuselami.

Pusakaku hampir luput
ke bangsa asing yang kujemput
kusangkakan persetiaannya tak mudah reput
tetapi rupanya aku dibiarkan melata seperti rumput.

Oh! Pusaka!!
adakah kamu membawa daka
yang menyebabkan aku mendapat celaka
janganlah sampai aku terbuang baka.

Kamilah Melayu yang berhak kepadamu
berilah peluang supaya tidak tersemu
bilakah agaknya permintaan itu akan bertemu
kami telah meminta dengan tidak berasa jemu.

Di manakah tempat naungan yang hendak kucari
bagi menyelamatkan pusakaku yang hampir nak lari
di manakah hendak kutoleh kanan atau kiri
oh! berserah sahajalah aku ke Tuhan Malikul Bahri.

Kuala Selangor

Majlis, 6 Julai 1940

Kebangsaan

Abahmad

Kebangsaan kita wajib dibela
biarkan hidup panjang berjela
ke sekitar Malaya tujuhan hala
musuhnya sekalian segeralah hela.

Kebangsaan kita segeralah pupuk
jangan dibiarkan sampai berlapuk
bagailah dia walau berkepuk
supaya keselamatan dapat dikapuk.

Persatuan kebangsaan segeralah bantu
supaya hidupnya tinggi bermutu
jangan nantikan ini dan itu
balasnya kebahagiaan teranglah tentu.

Sokonglah persatuan sampai berjaya
supaya kebangsaan hidup bermaya
kebolehan kita tunjukkan gaya
musuh persatuan sama ditoya.

Jangan peduli kebangsaan asing
hati mereka memang pemusing
kita hendak dibuatnya gasing
segala hasutannya segeralah asing.

Bangsa asing suka mendaya
mereka sebagai yukia-yukia
topeng Islam kalau dipercaya
kita melarat mereka yang kaya.

Wahai bangsaku wajiblah ingat
persatuan kita bantulah bangat
sementara belum kena penyengat
kukuhkan kebangsaan tetapkan semangat.

Apabila persatuan tegaknya kukuh
tak gentar ditarik atau dirangkuh

segala kemajuan baharulah bertokoh
kejayaan pun dapat di segenap selekoh.

Kuala Selangor

Majlis, 8 Julai 1940

Ke mana ...?

Roha

Ke mana oh ... bangsaku
berjalan segak ... menyeluk saku
ke hulu ke hilir ... membuat laku
tetapi harap sesen tak laku.

Sebab apa maka begitu ...?
kerja tak pandai berakal batu
berpanas berembun menjadi kutu
di sisi masyarakat menjadi hantu.

Pemalas ... sekali lagi pemalas!!!
kerja sedikit selalu culas
pergi ke pulau ... batu digalas
berpenat lelah ... tidak berbalas.

Mengapa ... oh ... mengapa?
lupakah ... lupa?
hidup kamu sebagai tak berbapa
rabalah carilah kemajuan hingga berjumpa.

Majlis, 8 Julai 1940

Hari Kejatuhan Kita

Anum

Sepuluh Julai hari yang malang
membawa sempena bala-petaka
kuasa Melayu mulai hilang
luput daripada makna merdeka.

Seyogia diingatkan hari ini
wahai umat Melayu jelata
kejatuhan Melaka daulat sultani
bermakna 'hari kejatuhan kita'.

Iaitu menurut riwayat yang terang
429 tahun masa yang lalu
inilah harinya Peringgi menyerang
Melaka dibedilnya bertalu-talu.

Kerajaan Melaka yang masyhur gah
sampai masanya jatuh melarat
hilang kekuasaan, kemuliaan dan megah
negeri dipengaruhi kuasa Barat.

Sungguhpun Melaka terpaksa menyerah
bukan maknanya dapat percuma
bahkan setelah pertumpahan darah
serta menyabung jiwa panglima.

Alfonso de Albuquerque panglima Peringgi
sesungguhnya merasa gerun dan bimbang
pihaknya banyak menderita rugi
sehingga fikirannya hampir bercabang.

Umat Melaka bersifat berani
taat setia kepada sultan
mereka reda sekalipun fani
kerana mempertahankan bangsa dan watan.

Sungguhpun Peringgi bersenjata api
hati Melayu tidak bergoncang

negeri dan gerun habis ke tepi
peluru disifatkan buah membacang.

Seminggu lamanya perang berlaku
belum juga Melaka alah
pertahanan masih kekal terpaku
fikiran Albuquerque serba salah.

Akhirnya ia memutuskan cita
hendak melancarkan serangan besar
azamnya merempuh melanggar ke kota
tetapi hatinya masih bergusar.

Sepuluh Julai waktu pagi
berlakulah peperangan gemuruh azmat
antara Melayu dengan Peringgi
negeri Melaka bagai kiamat.

Sultan Ahmad Putera Mahkota
mengepalai tentera gagah berani
dua orang hulubalang mengiring serta
Tun Ali Hati Seri Udani.

Oleh kekerasan Peringgi menyerang
tentera Melaka undur berbahagi
Sultan Ahmad tinggal seorang
dikelilingi oleh soldadu Peringgi.

Waktu beradak-radakan tombak
tangan baginda beroleh luka
darahnya tiris tidak bertambak
baginda bertitah "Hai anak Melaka".

Lihat, lihatlah sekalian kamu
kita sudah mendapati luka!
masihkah lagi menghargakan jiwa kamu?
cis, sesia, kamu membuang baka.

Mendengarkan titah Putera Negara
rakyat Melaka tampil melawan

semangat mereka makin gembira
seolah tidak membilang lawan.

Tun Sallehuddin hulubalang bakti
tampil ke hadapan gajah baginda
tetapi sudah ajalnya pasti
ditombak Peringgi tepat di dada!

30 orang lagi hulubalang pilihan
telah terbunuh di medan perang
langgaran Peringgi berlebih-lebihan
semakin keras mereka menyerang.

Sudah takdir Tuhan Rabani
pecahlah perang orang Melaka
bertempiaran lari ke sana sini
menderitai azab berbagai neka.

Tetapi sesungguhpun Melaka alah
suatu riwayat patut diingat
sifat keperwiraan sedia terjumlah
menandakan Melayu memang bersemangat.

Datuk Bendahara Paduka Raja
"Datuk Lubuk Batu" nama tersebut
pembesar yang berhati besi waja
kerana watan – reda nyawa tercabut.

Datuk itu konon berita
tepok tak berdaya lagi berjalan
tua dan lemah segala anggota
tetapi hatinya terbilang handalan.

Tatkala Melaka pecah perang
ia ditandu Selamat gagah
hendak dibawa lari ke seberang
tetapi bersungguh-sungguh ia menegah.

Balik! Balik! Wahai Selamat
langgarkan aku kepada Peringgi

remuklah aku luluh dan lumat
oh! mengapa kamu berlengah lagi?"

"Perintah nenda jangan diikut!"
cucu-cucunya berseru bersebulat suara
kerana bermakna menempah maut
ayuh – Selamat, larilah segera.

Bendahara mengeluh mengurut dada
perkataan cucunya lalu disampuk
"ceh cabarnya sekalianmu orang muda-muda
apakah dayaku yang sudah tepok.

Jikalau ku boleh lagi menapak
mustahillah aku membuang baka
tidak kuundur walau setapak
bahkan matilah aku dengan Melaka!

Demikian pembesar Melayu sejati
bukan pembesar cuma buatan
ianya tidak hiraukan mati
tulus berkhidmat kerana watan.

Tatkala Melaka tewas berperang
Peringgi pun masuk ke dalam kota
melakukan perbuatannya tidak berlarang
tidak mengenal mulia dan lata.

Sultan Mahmud Tengku Ahmad
ke hulu muara berlepas diri
negeri Melaka habislah lumat
semuanya kehendak Khalikul Bahri.

Semenjak negeri Melaka jatuh
lenyaplah darjah kemuliaan Melayu
seumpama mahligai mercunya runtuh
lemah umpama bunga yang layu.

Akhirul-Kalam hamba berseru
kepada kaum tolan dan handai

mari! mari membina ikatan baharu
menebus semula pedang tergadai.

Majlis, 10 Julai 1940

Wahai Bangsaku!

M. Jadi Melaka

Wahai bangsaku kaum budiman
hidup kita biar beriman
sepanjang masa mendapat iman
turun-temurun beberapa zaman.

Wahai bangsaku kaum Melayu
dengarlah seruan merayu-rayu
seperti pungguk di pucuk kayu
tidakkah kamu hiba dan sayu.

Sedarlah bangsaku dari sekarang
sila menuju ke tempat terang
peganglah segera kapak dan parang
baharulah bangsamu tidak mengerang.

Buatlah kerja bersatu hati
kasih mesra sama sejati
paya diharung sungai dititi
baharulah kelak mendapat bakti.

Buatlah kerja bertolong-tolongan
beramai-ramai berpegang tangan
hasad dan dengki dibuat jangan
baharulah jaya apa diangan.

Kurangkan cakap banyakkan kerja
baharulah hasil apa ditaja
buatlah segera masa rumaja
namamu kelak dipuji dipuja.

Jangan sahaja pandai berkata
tetapi kerja tidak berserta
tahu memerintah cuma semata
akhirnya kelak jatuh melata.

Jangan sekali menyalahkan orang
pahulah selidik dengannya terang

jika benar apa yang kurang
tunjukkan dengan hati yang girang.

Jangan leka duduk berbual
kelak bangsamu terkena jual
periksalah segera akhir dan awal
bangsamu sekarang laksana kawal.

Wahai bangsaku lanang dan dara
buatlah kerja dengan segera
bantulah bangsamu yang sedang mara
supaya namamu masyhur ketara.

Wahai bangsaku! Wahai bangsaku!!
jangan leka duduk berteleku
renunglah sekarang apa berlaku
itulah patut ke hati dipaku.

Utusan Zaman, 13 Julai 1940

Tidakkah Insaf ...?

Kalam Jusla

Tidakkah insaf ayuhai bangsaku
memandang watan intan sebuku
didesak dagang yang kosong saku
ringgit dibolot negeri diaku.

Dagang mendesak di segenap arah
mahupun di bukit atau di lurah
mandur masuknya bagai dicurah
kita tinggal kekeringan darah.

Tidakkah insaf memandang rupa
watan yang subur bagai ditempa
ditumbuhi pokok entah berapa
tetapi sayang! – tanaman siapa?

Kalau dilihat nyatalah sangat
tanaman kita tidak bersemangat
dagang menindih wajiblah ingat
lantaran itu sedarlah bangat.

Tidakkah insaf masa sekarang
melihat rimba terang-benderang
dimasuki dagang sifat pencurang
tidak siapa hendak melarang.

Hutan negeriku habis dirapah
tak hirau batang atau pelepas
dagang melompat sungai melimpah
mengapa kaumku hanya menyumpah?

Tidakkah insaf wahai saudara
melihat dagang punya angkara
memegang perniagaan di pasar pesara
merapu keuntungan tidak terkira.

Kedai dan gedung jangan dikata
bangunan tersergam menyakitkan mata

begitu juga gereja dan wat
tujuan dagang tampaklah nyata.

Tidakkah insaf memandang lagi
tanahairku hendak dibahagi
membuka lombong dagang yang ranggi
katanya "kasilah lu tatak lugi".

Nampaklah dagang bermaharajalela
mengecek bangsaku tidak bersela
cakapnya manis seperti gula
tak sedarnya bersepit seperti kala.

Tidakkah insaf memandang bangsa
dicerca orang setiap masa
lantaran takrif kurang periksa
D.K.K. pembelit bangsa.

Lihatlah dagang punya pekerti
membelit bangsaku macam belati
tarbus dibuang songkok diganti
menyamar sebagai 'Melayu Jati'.

Tidakkah insaf memikirkan peri
dagang berk Kokok ke sana ke mari
Arab Keling Cina Malbari
seperti bercengkerama di tempat sendiri.

Senang sungguh nampaknya dia
ke mana pergi malar mulia
dipanggil tuan, tauke dan aya
tak kira sengkek atau paria.

Tidakkah insaf tidakkah kasihan
melihat dagang punya olahan
hak bangsaku hendak dibaham
sayang tak siapa hendak menahan.

Dagang membaham mana yang sempat
habis di pantai ke daratan dirapat

hak Melayu lamun tak dapat
banyak bangsanya nanti mengumpat.

Tidakkah insaf memandang teruna
ke sana sini hidup merana
pekerjaan tak dapat walau di mana
akuhan pelajaran apah tak guna.

Ke sana ke mari penatlah sudah
ada yang langsung terus berpindah
mencari kerja bukannya mudah
sijil diunjuk tangan ditadah.

Tidakkah insaf tuan dan lanang
kebesaran 'Melaka' bila terkenang
kerajaan Melayu yang sentiasa senang
tetapi habis perak perinang.

Empayar Melayu dahulu dah ada
bukan cakapku mengada-ada
tetapi Peringgi datang menggoda
empayar pun runtuh tidak berjeda.

Darul Ihsan

Utusan Zaman, 13 Julai 1940

Takrif Kita

Pengingat Bangsa

Kalau kita berkehendakkan maju
supaya pergerakan berjalan laju
sama sebangsa mestilah setuju
seia sekata memegang teraju.

Seia sekata tidakkan dapat
selagi takrif tak sama rapat
darah kebangsaan mestilah mampat
bersihkan dari segala selupat.

Darah Melayu mestilah bersih
dari D.K.K. ataupun Sikh
supaya pakatan tidak selisih
di sebarang kemajuan yang kita kasih.

Kalau tuan kasihkan bangsa
darah anakmu mestilah paksa
jadikan Melyu yang gagah perkasa
memimpin bangsanya di segenap desa.

Darah D.K.K. jangan percaya
walaupun dia kaya-raya
mulutnya manis cuma pada gaya
tetapi batinnya sebagai buaya.

Hajat mereka siang dan malam
kita hendak dibuatnya ulam
bila manisnya habis diselam
tinggallah kita timbul tenggelam.

Ayuhai bangsaku perempuan dan lanang
fikirkanlah nasihatku di masa senang
nasib anakmu mestilah dikenang
jangan jadi simpang-perenang.

Ketewasan kita tuntutlah bela
darah kebangsaan pulihkan semula

takrif Melayu segeralah bela supaya musuhnya dapat disula.

Majlis, 16 Julai 1940

Bersama-sama

Pena Duri

Bersama mengorak senyum suka
melipurkan hati yang telah duka
mendapat penawar hati yang luka
senang dan sembah menurut jangka.

Bersama saudara Melayu bangsa
muafakat kerjasama serasa
tunjukkan Melayu baka perkasa
di sekitar alam terkenal jasa.

Bersama cenderung bekerjasama
bercucuk tanam berkebun berhumra
hidup mewah adil saksama
di dewasa tamadun Melayu bercengkerama.

Bersama Melayu dan perwira
bersatu kemahuan sebulat suara
terkenal bangsa perasaan gembira
tempik sorak berkibar bendera.

Bersama Melayu sedar dan ingat
hapuskan hidup yang bahang hangat
panaskan darah girangkan semangat
menentang musuh yang sentiasa menyengat.

Bersama Melayu hidup bersatu
tolong-menolong bantu-membantu
teguhkan pendirian takrif disertu
supaya Melayu bersih mutu.

Bersama Melayu memegang teraju
anjurkan bangsa julang dan anju
punahkan alpa hadaplah maju
cita-cita bersih jayanya laju.

Bersama Melayu kesatuan hala
hidupkan api hingga menyala

pohon tanaman bersama membela
dewasa yang luput bersama membela.

Bersamalah Melayu menghabiskan tenaga
gunakan purbakala buntut geliga
bangsamu itulah sebenar-benar pujangga
perjalanan hidup sentiasa dijaga.

Bersamalah Melayu bekerja di otak
janganlah takut uban dan botak
binalah pendirian yang telah retak
sempurna tegap peraturan letak.

Bersamalah Melayu mengasah senjata
cangkullah tanah mengandungi permata
kumpulkan sekalian emas harta
untuk menebus pusaka jelata.

Bersamalah Melayu selidik perhati
asalnya Melayu bangsa sakti
manakala diharuk Punjabi dan ceti
ranaplah harta kemaraan terhenti.

Bersamalah Melayu duduk berfikir
senjata yang tumpul asah dan kikir
Arab dan Keling janjinya mungkir
di leher Melayu hendak dikelirkir.

Bersamalah Melayu duduk termenung
kehidupan bangsa tilik dan renung
pandangan darah paya dan gunung
kasihan dan insaf siapa merenung.

Bersama balik menapis kembali
bangsa Melayu takrif tajalli
jangan dibiarkan Malbari Benggali
menurunkan benih membuta tuli.

Bersamalah Melayu perasaan sedar
bangsa sendiri jadikan *leader*

jemulah merasa maung dan pudar
di lain takrif empunya *order*.

Bersamalah Melayu di serata Malaya
mengambil faedah hasil yang kaya
teguh muafakat maju dan jaya
lambat bangat jelah mulia.

Bersama Melayu sama Melayu
segarkan semula pohon yang layu
cedoklah air di permatang bayu
jiruskan ke pangkal pohon yang kuru.

Utusan Zaman, 27 Julai 1940

Pahlawan

Abbas

Pahlawan Melayu digelar askar
masa ini telah ditempatkan
payah dibanding dicari sukar
menjadi teladan orang kemudian.

Halus pekerti dengan tingkahnya
merata negeri susah dibanding
gagah perkasa dengan beraninya
membawa tegak negeri tersanding.

Latihan yang kuat telah diberi
kerana menyelamatkan harta sendiri
terpaksa meninggalkan anak isteri
membuat jasa tidak terperi.

Orang memandang berhati gembira
melihatkan latihannya sangat sempurna
baik di selatan mahupun di utara
disebabkan ianya sangat berguna.

Wahai sekalian rakan pemuda
cuba pula dibuat begitu
besar kecil dihitung sebaya
menambahkan maju hidup bangsaku.

Negeri Sembilan negeri tempatnya
Port Dickson pula nama kawalannya
berbaju putih hijau songkoknya
berkain hijau segak rupanya.

nasib penggalan
nugraha

Majlis, 27 Julai 1940

Mengingatkan

Mas Selangor

Ibu dan bapa yang berhemah tinggi
masa sekarang hendaklah ingat
menantu D.K.K. jangan terima lagi
kerana mereka ibu penyengat.

Masa sekarang hendaklah ingat
baik janda atau perawan
kerana mereka ibu penyengat
jangan sekali dibuat kawan.

Baik janda atau perawan
kepadamu kuberi ingati
jangan sekali dibuat kawan
kerana mereka busuk hati.

Kepadamu kuberi ingati
sungguh Melayu jangan percaya
kerana mereka busuk hati
hak Melayu habis diperdayai.

Sungguh Melayu jangan percaya
cuma itu jadi akuan
hak Melayu habis diperdaya
banyak mereka jadi hartawan.

Cuma itu jadi akuan
buat tanda...Melayu
banyak mereka jadi hartawan
pusing belit pandai terlalu.

Buat tanda...Melayu
segenap tangga membaca selawat
pusing belit pandai terlalu
membawa sumpit kerap dibuat.

Segenap tangga membaca selawat
doa selamat pula disertakan

membawa sumpit kerap dibuat
apa...makan.

Doa selamat pula disertakan
kononnya ia baik hati
apa...makan
mengaku pula Melayu jati.

Kononnya ia baik hati
pakaian indah tidak gemar
mengaku dirinya Melayu jati
ke dalam takrif hendak menyamar
hubaya!!hubaya!!!

Majlis, 1 Ogos 1940

Hari Perasaan Kebangsaan Melayu

Kamaluddin

Hari ini semangat dipuja
darah sejati sebagai dibaca
walaupun banyak tipu ditaja
hari kebangsaan mesti disuja.

Enam Ogos pertama kalinya
di Kuala Lumpur mula diadakannya
enam persatuan ada bersertanya
merundingkan kebangsaan itulah namanya.

Hari ini hari perjumpaan
kerana mengulangi hari tajaan
hari kebangsaan wajib dimuliakan
umat Melayu bersuka-sukaan.

Perjumpaan persatuan kerana menggubah
dari Kuala Lumpur ke Singapura diubah
maksudnya hendak memanjangkan muhibah
Brunei Sarawak menjadi tambah.

Umat Melayu berbesar hati
melihatkan kemajuan persatuan sebatи
dipohonkan kepada Tuhan Izzati
supaya Tuhan sama memberkati.

Pujaan kebangsaan mahu diutamakan
bermacam fikiran akan dikemukakan
kerana mengingatkan hari kejayaan
hari tajaan sama dimuliakan.

Api kebaIgsaan terlalu marak
dari Kuala Lumpur ke Singapura bergerak
inilah masanya persatuan bersorak
menggembirakan ahlinya jangan berpihak.

Persatuan Selangor mula asalnya
peguam Melayu itulah ketuanya

banyak percubaan telah dibawanya
derma Alam Syah satu tandanya.

Dengan pimpinan persatuan bergerak
dari Selangor terus ke Perak
Sultan Abdul Aziz derma diarak
itulah kesedaran putera Perak.

Negeri Pahang sama bergembira
derma rajanya sedang dikira
kerana membela isi negara
supaya selamat bumiputera.

Kesatuan Singapura membina bangsa
bagi Semenanjung ataupun nusa
miskin kaya sama merasa
itulah tanda persatuan bangsa.

Lain persatuan wajib dikaji
baik lama ataupun baharu
kesedaran Melayu wajib dipuji
adakah takrif tidak keliru.

Apa sebab takrif diketatkan
mutu kebangsaan hendak ditinggikan
umat Melayu sudah kerosakan
kerana bercampur darah peranakan.

Kejatuhan Melayu kerana keliru
wang disuakan jadi pengaruh
sekarang penganjur sedang berseru
kesedaran Melayu menjadi seteru.

Apa salah mengaku kebangsaan
tanda Melayu sudah berperasaan
kalau dagang membawa resan
apakah fikiran darah titisan?

Hari kebangsaan dipandang tinggi
ingatan tak lupa petang dan pagi

ikhlas hati boleh diuji
melepak seumpama air perigi.

Kesatuan kebangsaan telah ditempa
perjumpaan Pau Emas datang menggoda
jangkanya di Kuala Lumpur Pau Emas berjumba
alih-alih di Pinang tak semena-mena ada.

Melayu jadi sudah ketara
dan peranakan empunya angkara
kerana perbuatan jawatankuasa sementara
mengubahkan perjumpaan tidak berbicara.

Di sini Melayu sudah terkena
perjumpaan wartawan di nusa terbina
jikalau Melayu lelap terlena
kesudahannya kita tidak berguna.

Hari kebangsaan jangan dilupakan
terlampau tinggi jika diertikan
Gunung Tahan tak boleh disamakan
begitulah bandingan kita maksudkan.

Melayu dah ingat masa yang silam
ibarat sabut timbul tenggelam
kalau tidak semangat disulam
akhirnya mengangguk seperti balam.

Takrif Melayu meninggikan mutu
mengajak bangsanya bersekutu
kebangkitan Melayu jangan dicatu
tunjuk ajar lekas dibantu.

Bangsa asing empunya bual
dikatakan kebangsaan telah dijual
penyiasat utusan ditual-tual
peranakan tak tahu takrif dikawal.

Kebangsaan Melayu sedarkan diri
Arab masuk sudah pun negeri

jika diketahui Melayu tak mencampuri
peranakan memang menarik diri.

Begitulah bunyi suara yang datang
perjumpaan wartawan Melayu berpantang
ibaratkan Melayu melukut di gantang
18 Ogos perjumpaan terbentang.

Orang Melayu di tempoh kini
ikhtiar diluaskan di dunia yang pani
jikalau dibuat gaya begini
azab sengsara balasan Rabbul Rabbani.

Umat Melayu jangan waswas
berkeledarlah lekas dunia nan muas
ibarat buku bertemu ruas
hidup kita hendaklah lawas.

Marahan orang kepada kita
sama seperti dapat mahkota
kalau mereka membuat sengketa
jangan dipandang sebelah mata.

Setakat ini saya berkata
diharapkan selamat persatuan kita
supaya dapat khabar cerita
di tahun hadapan gahnya nyata.

Disudahi dengan salam muhibah
kepada bangsaku di nusa ghalabah
teguh setia biar bertambah
baharulah dapat hajat digubah.

Allah! Allah! Selamatkan bangsa
di segenap tanah negeri dan nusa
dipohonkan kebangsaan aman sentosa
cahayanya gemerlap di jelata desa.

Allah selamatkan hari kebangsaan Melayu!

Majlis, 6 Ogos 1940

Malaya

Roha

Malaya kaya beraneka
pinang ... kelapa
getah ... para
besi ... waja
emas ... penaka
bijih ... pusaka

tetapi ada tetapnya
bumiputera tidak punya
sentiasa ... berduka
duka ... nestapa.

Miskin ... papa
sungguh tidak ketara
tidak banyak yang melara-lara
hanya di dalam seni
miskin tidak berbunyi.

Di dalam batin hati
bumiputera sudah mati
segala kerja kecewa
kemahuan tidak bernyawa
ini itu tidak pandai
hanya makan sebagai punai.

Kalau kita ingat-ingat Malaya
rasa ajaib tetapi sedih
bumiputera Malaya sudah tidak berdaya
kemahuan hanya tinggal kemahuan.

Ilmu bumiputera sangat tiada
keyakinan hati sudah ternoda
payah dibalik sukar hendak mengubati dia.

Dukun yang pandai belum ada
supaya mengubati penyakit bumiputera
Malaya ... oh! Malaya! Nasibmu terlara-lara.

Malaya!! Malaya!! Apa bangsa pun
kenal mela ... terutama bangsat pacat
penghisap darah biak sungguh di Malaya

Majlis, 7 Ogos 1940

Oh Watan

al-Jabtis

Oh watan kekasihku
tempat tumpah darah yang asli
yang tak luput di ingatanku
umpama cinta sudah tajalli.

Aku minta dengan gembira
kehidupanmu subur serta makmur
khazanahnya banyak tidak terkira
mahupun di darat atau di sumur.

Engkau kutilik dengan saksama
hancur hatiku bagai terhempas
melihatkan hutan baikpun huma
habis semuanya terkena rampas.

Bangsa dagang datang berkejar
berebut segala harta kemewahan
tidak payah ditunjuk ajar
hak watanku timpas perlahan-lahan.

Kasihan sungguh nasib watanku
dagang senteri datang mendesak
bukannya salah-salah pada dirimu
kaumku juga empunya kehendak.

Wahai kaumku yang setiawan
lihatlah nasib watan sendiri
tidak engkau insaf kasihan
mengapa malang dicari-cari.

Bangkitlah bangkit oh! Kaumku
maju ke hadapan dengan segera
jangan asyik dengan berjemu
ditirin malam madu segara.

Majlis, 12 Ogos 1940

Hatiku Lara ... Ra

Ismail Ahmad K.S.

Petang hari hatiku lara
mengenangkan seteruku punya angkara
bangsaku sentiasa hendak didera
menurut kehendaknya yang sedang berselera.

Di hadapan bangsaku ia berpura
menunjukkan gaya sebagai perwira
kononnya memimpin bumiputera
ke jalan keselamatan supaya sejahtera.

Tetapi batinnya berlainan cara
hak Melayu hendak dikira
dari selatan hingga ke utara
supaya Melayu habis bercempera.

Sungguhpun halus muslihat ditera
Tuhan tak berkenan segala mantera
tembelang musuh diketahui segera
sehingga mukanya berasa bera.

Melayu sekarang sudah ketara
tipu musuhnya mendatangkan cedera
terkejut mereka dari cendera
segera berlari mengumpulkan saudara.

Ke sana sini membawa cetera
membina persatuan di serata negara
membersihkan darah membuatkan selara
supaya pergerakan segera mara.

Pujangga Melayu mengadakan bicara
menyiasat selidik segenap pada kara
membetulkan haluan membulatkan suara
menuntut haknya dengan gembira.

Pujangga Melayu mengumpulkan tentera
menebus kaum membela bendera

kebangsaan berjalan ke puncak menara
keselamatan Melayu cuba disara.

Kalau kita datang dari jauh menuju ke Malaya nanti
kita disambut oleh suatu suara sayup terngiang-ngiang
suara itu sungguh menyedihkan hati rasa-rasa
tak tercurah air mata kita dengan sejadi-jadi ... suara
itu minta kasihan ... mengeluh merata.

Majlis, 13 Ogos 1940

Langkah Kita

Ismail Ahmad K.S.

Kebangsaan berjalan mara
persatuan air yang bersama
menuju ke tengah negara
di situlah takrif menjelma.

Kebangsaan berjalan gagah
hingga ke budak sekolah
di situlah Melayu megah
kejayaannya nyata terserlah.

Takrif ada di hadapan
membetulkan langkah berjalan
yang lain janganlah rampan
kalau hendak bertaulan.

Takrif mustahak dahulu
menapis darah Melayu
yang lain janganlah pilu
persahabatan takkan layu.

Persatuan telah bergerak
pemimpin senyum tergelak
kekusutan habis diorak
membela dengan galak.

Persatuan sedia terjulang
oleh Melayu sekarang
penganjurnya takkan pulang
sebelum urusannya terang.

Perdagangan di
negara

Perdagangan
di negara

Perdagangan
di negara

Perdagangan
di negara

Perdagangan
di negara

Perdagangan
di negara

Majlis, 22 Ogos 1940

Oh Bangsaku!

Nurani

Oh! Bangsaku gadis dan belia
oh! bangsaku di bumi Semenanjung
watan dan agama hendaklah selia
pengaruh agama hendaklah dijunjung.

Jagalah diri dengan semulia
haram seperti si bunga tanjung
supaya hidup tidak sesia
kelak membawa kita ke anjung.

Oh! bangsaku yang sedang saksama
oh! bangsaku gadis yang gusti
jagalah watan serta agama
kepada perawan mahupun Siti.

Seranglah moden yang datang menjelma
di peperangi moden dengan teliti
di takuk moden membawa hama
jangan segera tuan turuti.

Oh! Bangsaku di bumi Malaya!
oh! bangsaku janganlah lena
moden jangan diberi mulia
seranglah moden di sini sana.

Saudaraku sedang sama sebaya
jangan tersampai jadi merana
kelak moden menjadi bahaya
jatuh kepada ke lembahan hina.

Oh! Bangsaku hendaklah ingat
oh! bangsaku yang sangat mulia
pandanglah terus dengan cermat
janganlah kamu menurut hawa.

Mengejar agama marilah bangat
kepada moden jangan diselia

mudah-mudahan mendapat selamat akhir kelak kita kecewa.

Oh! Bangsaku muda kesuma
oh! bangsaku yang sedang remaja
lihat moden sedang menjelma
watan dan agama hendak dibaca.

Jaga diri bersama-sama
jangan dibiarkan moden menjelma
pegang kukuh pengaruh agama
akhirnya habis kita terpuja.

Oh! Bangsaku kaum Melayu
oh! bangsaku jauh dan dekat
pengaruh moden jangan ditiru
hendaklah faham sama sepakat.

Maruah jangan diberi layu
pengaruh moden segeralah sekat
akhir kelak kita terburu
watan agama menjadi berkat.

Bekuk

Warta Jenaka, 22 Ogos 1940

Orang Kita akan Datang

Selat

Syair direkakan bahasan jejak
orang kita ke mana berpijak
adakah membawa rupa dan sajak
atau adakah berkorban bertajak.

Syair bandingan kemudian hari
apa teringat terpandang terlari
kepada kaum jalan dicari
supaya berkat membolot kediri.

Zaman berlumba nyatalah sudah
kepada sekalian bangsa berpadah
menebuskan tenaga di mana terdedah
tidak masanya melangkah terngadah.

Membawa kemasukan membaiki bangsa
supaya kelak manis dirasa
kaum tersurat dengan berpaksar
menunjukkan kelebihan membetulkan rasa.

Bila disebut Melayu raya
semua mengenal miskin dan kaya
boleh dituntut bangsa bergaya
tetapi nama sahaja, tidak bermaya.

Kaum yang senyap kaum terlalai
sebarang pekerjaan menjadi bengkalai
boleh pun kami hidup tersalai
terkapar di dahan apa dilalai.

Kesalahan yang besar telah dilakukan
dari dahulu telah dipakukan
malas dan culas itulah diakukan
suka memandang sahaja ditokokkan

Mudah hairan memandang sebarang
tak mahu mengusik atau melarang

berhari bermalam mereka membبورونج
hingga tak sedar serkap jarang.

Kehairanan itu mereka tergelak
mengatakan hanya pandai membalak
tetapi tak mahu menurut pulak
dalam tak sedar itulah balak.

Akan datang Melayu menderita
hanya yang tinggal hanya berita
kisah Melayu alam pendeta
halnya itulah musuh cerita.

Tak ada lagi tempat berpegang
kerana semuanya telah diregang
oleh bangsa yang dahulu memegang
imbasnya pun sudah tak nampak disengkang.

Kesemua perkara boleh diteka
menjadikan hidup bertarikh celaka
mengurangkan darjat saka baka
pintu teradang semuanya belaka.

Kaum kurang sebarang tenaga
hingga pun susah membuat raga
kita terkutuk kita terlaga
tak usah pun kalau hendak berniaga.

Ke padang ke laut semuanya tumpat
oleh kaum yang dahulu melompat
mereka menoreh mereka menyapat
tak dapat lagi diumpat-umpat.

Di segala kuala lukahnya terpasang
menyauk kemewahan Malaya terusang
biak kala hingga pun musang
tak usah dikata bertanam pisang.

Di pejabat di gudang tak usah disebut
kaum mereka yang kelam-kabut

membuat itu, sambut-menyambut
hingga tak kosong selai rambut.

Kalau begitu apa nak buat?
tentu kita menunjukkan jeluak
di ketika ini kita berkhawat
mereka akan apa diikat di cawat.

Tak boleh lengah kita berkejar
menebuskan nama supaya sejajar
hidup bersama menunjuk ajar
hendak bersama duduk selanjar.

Warta Jenaka, 22 Ogos 1940

Kita

Ismail Ahmad K.S.

Kebangsaan berjalan mara
persatuan air yang bersama
menuju ke tengah negara
di situlah takrif menjelma.

Kebangsaan berjalan gagah
hingga ke budak sekolah
di situlah Melayu megah
kejayaannya nyata terserah.

Takrif ada di hadapan
membetulkan langkah berjalan
yang lain janganlah rampan
kalau hendak bertolan.

Takrif mustahak dahulu
menapis darah Melayu
yang lain janganlah pilu
persahabatan tak akan layu.

Persatuan telah bergerak
pemimpinnya senyum tergelak
kekusutan habis diorak
membela dengan galak.

Persatuan sedia terulang
oleh Melayu sekarang
penganjurnya tak akan pulang
sebelum urusannya terang.

Majlis, 22 Ogos 1940

Oh Bangsa

Roslani Ashikin

Air mataku jatuh berlinang
oh bangsa! bila nasibmu ku terkenang
hidup berpecah simpang-perenang
banyak sengsara dari yang senang.

Hatiku remuk bagai diramas
umpama kaca ke batu terhempas
mengenang bangsa dadaku cemas
sakit sedikit memakan upas.

Bangsaku sengsara – bangsaku miskin
bangsaku sengsara – makan berpakaian
oh bangsa! sudah nasibmu
kehidupan sudah tersepu.

Sehingga sudah kedatangan jemu
tetapi adakah kesalahanmu?
ya, dahulu mu sangka negerimu mewah
kamu bekerja bersambil lewa.

Hutan padang ladang dan sawah
mu sangka subur benih diluah
tetapi bangsa – dunia beredar
dahulu bercahaya sekarang berpudar.

Bangsa asing yang telah sedar
ke negerimu tempat mencari keledar
hal yang lepas tak guna gaduh
perubahan di hadapan mesti ditempuh.

Biar kuangkat jari sepuluh
kepada bangsaku yang senang hendak kungeluh
oh tuan – orang hartawan
berilah bantuan – supaya bangsamu jangan keruan.

Harap tuan belas kasihan
kepada bangsamu miskin

kebaikan tuan dibalas Tuhan
walaupun jasa hanya sekomen.

risitadilis/194
maka

Buka perusahaan – buka syarikat
di mana bangsamu mendapat pekerjaan
di mana kemajuan akan dapat ditingkat
adakah akan kamu sayang.

Harta kamu yang akan kamu tinggal
mungkin kamu dapat membawa ke liang
walaupun emas beribu bongkal
insaf dan kasihan.

Majlis, 24 Ogos 1940

Perhatikanlah

Asam Sin

Perhatikanlah kaumku sekalian
atas perbuatan dikatakan adil
perbuatan apakah dikatakan demikian
rupanya senjata, sendiri membedil.

Malaya kita negeri terkaya
baik bijih serta kelapa
tetapi alangkah hiba
satu pun tak ada di tangan bangsa.

Perhatikanlah! Perhatikanlah
dari sehari kepada sehari
nama Malaya pulanya diubah
British Malaya namanya diberi.

Khazanah Malaya semuanya dicambah
untuk kekayaan mereka sempadan
betullah! kata pepatah
susu lembu, sapi dapat nama.

Kalau begini jua selama-lamanya
haruslah Malaya mendapat bencana
elakkan mengata seboleh-bolehnya
supaya selesai segala bahana
perhatikanlah, perhatikanlah.

Majlis, 26 Ogos 1940

Jika
Emas

Jika dikenang zaman dahulu
hulubalang Melayu amat terbilang
bersenjata lembing, bedil pengatu
dengan musuh bersua pantang.

Tambahan pula dengan handalnya
sihir dan ilmu menjadi permainan
ambilah satu daripada ianya
Hang Tuah! hilang budiman.

Tetapi sekarang di manakah lagi?
kerana campuran bermaharajalela
semuanya itu hampirlah mati
sebab mengikut peredaran masa.

Sungguhpun begitu dikenang pula
di waktu itu siapa pemerintah
raja Melayu maha perkasa
sedikit tidak mendapat bantahan.

Bagaimana tidak jadi demikian
kerana dagang belumlah datang
tetapi sekarang apa hendak dikatakan
sudah pula mereka memegang.

Teraju kebangsaan hampirlah terbelah
demikian jua selain lagi
baiklah bela sebagai bidalan
patah tumbuh hilang berganti.

Majlis, 26 Ogos 1940

Kebahagiaan

Ismail Ahmad K.S.

Nun! Di sebalik gunung yang hijau
nampak berbayang kebahagiaan kita
dari sini dah dapat ditinjau
bila kubuka pelupuk mata.

Tetapi masih jauh lagi
sungguhpun kita mara mendapatkannya
kepenatan kita tak akan berasa rugi
jika telah dapat memperolehinya.

Jangan putus harap wahai saudaraku
kita mesti tekun dan tawakal
walau menempuh sebarang liku
manakala dapat itulah kebahagiaan yang kekal.

Kebahagiaan yang dicita-cita
kebahagiaan yang diingini sentiasa
kebahagiaan untuk Melayu rata
kebahagiaan yang mendatangkan sentosa.

Itulah yang dicita siang dan malam
yang tak dilupai setiap saat
moga-moga dapat berkecimpung di dalam
kebahagiaan yang dicari dengan taat.

Majlis, 30 Ogos 1940

Kamulah

Asmazas

Kepada kamulah kami bersandar
memohon hadrat di kalbu
hendak berkuasa tidak berkeledar
tambahan lagi jarang bersemu.

Wahai segala kaum sebangsa
kepada pembesar sangat terutamanya
harapan kami sepanjang masa
bagi menghidupkan tanah watan kita.

Kalau tak kamu siapakah lagi
untuk membela harta sendiri
lain tak ada lagi diharapi
kamulah! kamulah! kami bantui

Kalau kamu lalai alpa
pacat lintah masuk menggoda
tanah watan kita dibuatnya roda
belit pilitnya habislah ditenggala.

Harapan kami tumpahlah sekali
dari bawah membawa ke kepala
pacat itu jangan diberi
baik sebarang apa jua.

Majlis, 4 September 1940

Kumas

Mas

- K Kemudikanlah bahtera Melayu
ke pantai bahagia segeralah tuju
kebangsaan kita takkan layu
kiranya bahtera berjalan laju.
- W Wartawan Melayu kelasi terpuji
waras akalnya boleh diuji
wirakan bangsa sentiasa dikaji
watan dijaga jangan terkeji.
- M Melayu jati mula berseru
membela bangsa jangan terburu
mahupun ia bersifat baharu
menghamburkan nasib segenap penjuru.
- S Semangat bangsa seyogia kobarkan
semaikan takrif akan kebajikan
sayangkan nusa memang dikehendakkan
seruan wartawan sila gunakan.

Majlis, 4 September 1940

Teringatkan Bangsaku

Kamarudin Ali Budiman

Di suatu masa aku terkenang
air mataku jatuh berlinang
terkenangkan bangsaku yang simpang-perenang
ke sana ke sini terenang-renang.

Melihatkan bangsaku berhati sebalan
nasi kutelan berlelan-lelan
kaumku bersepah merata jalan
dihimpit si dagang hingga ke pangkalan.

Bangsaku tidak sedarkan diri
ditipu didaya dagang senteri
merupakan kasihnya berperi-peri
tetapi hatinya tersangatlah iri.

Kulihat bangsaku terlampaui lajai
membuang masa merata kedai
suka terbawa gelak mengilai
akhirnya harta habis tergadai.

Buangkan kelakuan demikian pekerti
suka duduk merata titi
baik bekerja taatkan hati
nama kebangsaan bila uliti.

Ayuh!!! Ayuh!!! Wahai bangsaku
bangun segera janganlah kaku
ke medan kemajuan bersatu bersuku
kehendak si dagang supaya tak laku.

Bila!!!? Bila!!!? Lagi dinanti
segera!!! segera!!! wahai
bantinglah kerja apa dihajati
usahlah malas keraskan hati.

Jangan segan ataupun malu
membuat kerja ke hilir ke hulu

kalau dinanti tidak kelulu
akhirnya kelak sesak bertalu.

Buatlah kerja apa yang patut
naik ke hutan atau ke laut
buangkan fikiran yang karut-karut
buatlah kerja ukir dan raut.

Bangsa Melayu sememang malang
sentiasa dihimpit si puaka jembalang
kekayaan Malaya habis dijulang
dibawa ke negerinya haram tak pulang.

Kaumku jua yang susah payahnya
harta benda habis dipunggahnya
diibaratkan nangka isi diambilnya
kita tinggal mendapat kulitnya.

Hiba dan sedih rasa hatiku
melihatkan sekalian kaum keluargaku
ke hulu ke hilir terkaku-kaku
akhirnya sesen haram tak laku.

Hamba berseru setiap masa
bukannya sekalian bahkan selaksa
memberi ingat kepada bangsa
supaya hidup senang sentosa.

Maju!!! Maju!! Wahai Melayu
segera!!! segera!!! janganlah layu
janganlah kaku seperti kayu
naikkan nama kebangsaan Melayu.

Utusan Zaman, 21 September 1940

Bumi Malaya

Ngah

1. Terang-benderang sinaran cahaya
purnama bulan wajahnya seri
berhati girang bumi Malaya
menjunjung tuah datang mengindari.
2. Bulan menjelma sebagai silu
di balik tabir mega saksama
tujuh berjujuh bertalu-talu
datang memenuhi bumi utama.
3. Bulan terhias bintang bertabur
di langit yang tinggi duduk bertakhta
bumi Malaya tanahnya subur
kaya menjulang makmur serata.
4. Wajahnya seri gilang-gemilang
penghulu sejati di waktu malam
tuan melambung menjulang-julang
tetapi sayang hampir nak silam.
5. Oh bulan alam cakerawala
mengapakah wajahmu hampir tak siuman
celaka membumbung ke balik semula
menimpa ke serata putera berzaman.
6. Sayang! Sayang nyawa dan gusti
bertukar muram pula jadinya
oh! putera zaman sejati
nasib apakah mula asalnya.
7. Apakah racun apakah upas
menjadikan gusti gundah-gulana
zaman keemasan hampir terlepas
hampir tersudu emas kencana.
8. Oh gusti mengapakah beredar
ke bilik tabir peraduan selaku

oh zaman! bilakah sedar
puputan bayu masin bertalu.

9. Segala insan berhati gundah
kehilangan penghulu dini saksama
bayu berpuput akan berpindah
matahari di timur hampir menjelma.

Idaman, 1 Oktober 1940

Bantu! Tolong! Sokong!

Melayu Tulen Rembah

Bantu! Bantu!! Bantu!!!
bersama-sama kita bersekutu
jangan sampai lewat waktu
Melayu raya terutama bersatu.

Bila kita sudah bersekutu
sukarlah musuh datang melutu
beramai-ramai kita membantu
tentulah si zalim fikirannya buntu.

Khabar kita terlewat waktu
sengsaralah kita hingga tentu
musuh mara berbatu-batu
tak boleh lagi menutup pintu.

Melayu raya terutama bersatu
hunuskan keris pusakamu
tikam si zalim bersifat hantu
bila remah tindihkan batu.

Tolong! Tolong!! Tolong!!
di halaman akhbar kerap dilolong
di sana sini berbunyi calung
kerana nazi diserap polong.

Di halaman akhbar kerap dilolong
inilah masanya kita menolong
layar dunia hampir bergulung
tak disangka Hitler rupa pencorong.

Di sana sini berbunyi calung
bangunlah bantu bongsu dan sulung
halaukan segera Hitler berpolong
supaya negeri tidak terlelong.

Oh! Nazi rupanya berpolong
hambat dan buru supaya terkelong

tambat lehernya diberi berkalung
Hitler dajal di dunia yang julung.

Bantu! Tolong!! Sokong!!!
kerana musuh hampir melengkung
Hitler terutama patut dipangkung
tak usah dipuja laksana topekong

Bantu maha Britain dengan ikhtiar
jangan sampai kita membiar
lamun zalim dapat berkeliar
negeri tertawan sukar ditebus atau dibayar.

Tolong dengan wang dan harta
waima nyawamu hendak dipinta
terpaksa kamu mesti menyerta
kemenangan maha Britain kesenangan kita.

Sokong hatta jadi askari
mesti kita hadirkan diri
kerana memelihara watan negeri
kemenangan diharap Tuhan memberi.

Warta Jenaka, 3 Oktober 1940

Matahap
Kapa al-Johari

- M Menebus watan hendak disaksama
marilah Melayu masukkan sama
matahap persatuan tempat diutama
mudah-mudahan Melayu hidup ternama.
- T Tanahair dan juga harta
telah patut dipegang oleh kita
tentang seteru biar menderita
tetapkan hati jangan bersengketa.
- A Air yang diminum seteru bangsa
ini hari cukuplah masa
akan seteru hendak berkuasa
ingatlah sekarang kamu merasa!!!
- H Harta benda Melayu banyak terserah
hisapan kamu muntah kedarah
habislah terlucut banyak tercurah
handalan kamu empunya tarah.

Utusan Zaman, 5 Oktober 1940

Kuingatkan!

M.Jadi Melaka

Wahai Melayu kaum bangsaku
nashatku sedikit cubalah paku
kerana hatiku rasa berbuku
melihat bangsaku hampir tak laku.

Dengarlah kanak-kanak muda bestari
belajarlah kamu setiap hari
ilmu berfaedah kamu pelajari
supaya menjadi belia jauhari.

Kuingatkan pula kepada perawan
masa dirimu masih rupawan
jangan tertipu kumbang di awan
jagalah dirimu cukup setiawan.

Kunashatkan pula kepada teruna
bangunlah segera daripada terlena
bangsamu sekarang hampir terkena
keselamatan bangsamu hendaklah bina.

Kepadamu kuberi seruan
asuh anakmu dengan pengetahuan
tanamkan semangat tinggi mengawan
biar mengerti manusia dan haiwan.

Kuseru pula kepada bapa
asuolah anakmu jangan alpa
penuhkan dadanya janganlah hampa
supaya kesusahan tidak menimpa.

Kepada pemimpin penyedar bangsa
ialah harapan negeri dan nusa
nasib bangsamu mesti diperiksa
rebutlah kemajuan dengan paksa.

Nasib Melayu ini sekarang
terkena tipu di tengah terang

bangsa kita nak dibeli orang
dengan harga ringgit berderang.

Belum masanya Melayu terjual
keselamatan bangsanya cukup dikawal
bukan seperti ikan bawal
boleh dibeli dengan berbual.

Bangkitlah Melayu dengan segera
pandanglah bangsamu azab sengsara
sekarang kita bersama mara
keselamatan bangsa biar sejahtera.

Tugaskan hati masa bekerja
keraskan kemahuan seperti waja
buatlah segera apa dijaja
pokok yang kurus bubuhlah baja.

Kebangsaan kita mesti dibantu
walaupun kita dikaji dilutu
biar dikata syaitan dan hantu
tetapi kita mesti bersekutu.

Musuh Melayu mesti dipunahkan
nak mengaku Melayu jangan dibenarkan
takrif Melayu mesti diketatkan
supaya Melayu dapat kebajikan.

Berjuanglah kerana keselamatan bangsa
untuk memelihara negeri dan nusa
bangkitlah Melayu ceruk dan desa
supaya bangsamu hidup selesa.

Hasad dan dengki mesti buangkan
fitnah pesona jangan gunakan
itulah punca yang melemahkan
berpecah-belah kaum dan rakan.

Inilah masanya kita berjuang
sementara lagi ada peluang

ambil pati hampas dibuang
supaya bangsa tidak merewang.

Utusan Zaman, 12 Oktober 1940

Kebangsaan Melayu

M. Jadi Melaka

Syar kebangsaan cuba kugubah
kerana hatiku sangat gelabah
memberi fikiran agak munasabah
supaya tidak jatuh ke limbah.

Kebangsaan Melayu baharu nak bangkit
baharu betah dari penyakit
cuba berjalan sedikit-sedikit
banyak pula yang sudah mengungkit.

Kebangsaan Melayu dikeji mereka
dikatanya Melayu hendak menderhaka
dituduhnya komunis setiap ketika
Melayu menerima tentulah murka.

Yang bukan Melayu teraku-aku
dirinya Melayu hendak diaku
dengan menggunakan wang di saku
supaya Melayu hidup tak laku.

Yang bukan Melayu bersakit hati
kepada kebangsaan yang sangat sakti
bekerja membersihkan Melayu jati
yang di luar takrif habis dicamti.

Kebangsaan Melayu tetap membela
nama Melayu hendak dibela
supaya Melayu hidup semula
bebas, merdeka, bermaharajalela.

Kamu berkeras mengaku Melayu
dengan suaramu pekik mendayu
bukannya Melayu bermata kayu
tertipu dengan pujuk dan rayu.

Pergerakan Melayu mengapa digalang
dicerca pula tidak berselang

cahaya kebenaran bertambah gemilang
kebangsaan Melayu tetap menjulang.

Sekarang Melayu sudahlah sedar
daripada lena yang sangat nyedar
segenap ceruk serata bandar
kebangkitan Melayu hendak dikeledar.

Umat Melayu dipimpin penganjur
bangsa Melayu hendak dianjur
supaya kemajuan menjadi mujur
walau melintang atau membujur.

Penganjur Melayu cukup teliti
memimpin bangsanya cukup perhati
supaya si dagang nampak dan pasti
kebangsaan Melayu hidup bersakti.

Kebangsaan Melayu tetap berdiri
kerana membela bangsa sendiri
mengasuh Melayu putera dan puteri
ke jalan keselamatan hendak dicari.

Kebangsaan Melayu tetap menjulang
cahaya kebenarannya cerah cemerlang
berdiri seperti panglima hulubalang
mengawal hak bangsanya jangan hilang.

Kebangsaan Melayu tidak berganjak
perjalanannya makin bertambah lajak
sikap perwiranya makinlah sajak
kerana penganjurnya orang yang bijak.

Tujuan kebangsaan sangatlah dalam
menebus bangsanya hampir tenggelam
berbagai nasihat juga disulam
supaya hilang kabut berbalam.

Menebus harta disamakan juga
dengan seberapa daya dan tenaga

hak yang sedia sama dijaga
supaya tidak terkena duka.

Harga kebangsaan sangatlah tinggi
tak dapat disukat tak boleh dibahagi
jika tersemai payah nak pergi
hanya mengetahui untungkah rugi.

Bersama-sama lah kita doakan
panjang umur sangat diharapkan
kebangsaan bekerja kerana kebijikan
hak bangsanya dapat dibelakan.

Utusan Zaman, 19 Oktober 1940

Ubat Jera

Mahanom Hj. Abdul Razak

Tak guna saya berpanjang kata
kepada Melayu memang dah nyata
musuh telah mengangkat senjata
hendaklah kita membuka mata.

Janganlah lagi asyik dik bual!
takrif Melayu mesti dikawal
kuatkan kebangsaan itulah awal
supaya Melayu tidak terjual!

Cukup rasanya yang telah sudah
memberi peluang dengan terdedah
Arab India bebas meredah
bangsa Melayu jadi juadah.

Lain bangsa belum dikira!
ada sentiasa membuat angkara
kemajuannya semakin bertambah mara
tetapi Melayu azab sengsara.

Bukankah hairan di dalam hati?
yang punya hak separuh mati
sudahlah digasak Benggali dan ceti
"Musuh dalam selimut" pula mencemeti.

Hal demikian wahai bangsaku
usahlah leka duduk berteleku
ayuh! bangun sesama mengaku
melumba musuh bangsa cendaku.

'Ubat jera' segeralah telan
penawar mustajab lagi handalan
menguatkan semangat akal berjalan
badan pun sihat hilang bahalan.

Kalau tidak berubat itu
tak usahlah diharap akan membantu

bahkan sentiasa terkena lutu
menjadikan Melayu tidak sekutu.

Maka itulah sifat hendak dibuang
supaya musuh tak dapat peluang
bahkan sama bangkit berjuang
membela takrif Siti dan Awang.

Kita dah tahu takrif songkok
lidahnya lurus hatinya bengkok
dalilnya lihat Si Pak Pecokok
bangsa Melayu hendak dipakok!

Hendaklah juga lagi terkena?
oleh anta ana dan nana!
mengaku konon bangsa bertahna
dapat kahwin Melayu betina.

Insaflah insaf wahai Melayu
jangan jua asyik merayu
jaringmu sudah dilanggar yu
kalau dibiarkan nanti terkayu.

'Ubat jera' itulah amalkan
supaya tidak sebagai ikan
dibuat orang lauk makan
atau dijualnya merata pekan.

Utusan Zaman, 19 Oktober 1940

Takrif Melayu

Zainal Abidin Hj. Alias

- T Tujuan takrif terang dan nyata
titisan kaum hendak dikota
turun-temurun dikehendaki sekata
tulen Melayu bukan penyerta!
- A An Wajal menurunkan syarak
ulama sedunia bahkan ijmak
adat manusia mengambil perak
'Arab bapa, 'Arab ra'.
- R Rakan kebangsaan sendi bersandar
rat keturunan bukan sekadar
raja rakyat bersama sedar
roh kebangsaan jangan beredar!
- Y Yang 'sudah' biarkan dia
yang 'akan' tunjukkan upaya
yakni jagalah tipu daya
yang terutama puak yang mulia!
- P pendapatan dunia sama serupa
pengambilan takrif dari bapa
Punjabi bapa Punjabilah 'apa'
pesankanlah begitu hatta siapa!
- M Makna takrif laksana purnama
menerangkan kesamaran cukup lama
Melayu hendak membersihkan nama
menjauhi diri daripada penjelma!
- L Lelaki Melayu keras berkawal
lilitan gunung dibongkar awal
'luar takrif' begitulah bual
larikan diri sebelum terjual!
- U Umat Melayu girang gembira
anjuran kebangsaan nyata mesra

ikatan masyarakat cermat pelihara
itulah asas diketapakkan segera!

Y Yang mengerti berpura-pura tak mengerti
menuduh takrif serba 'anti'
yakni berpecah dengan bangsa 'ana intai'
yang selama-lama ini Melayu menghormati!

W Wallah! takrif bukan begitu
walau seteru datang melutu
walau mereka membawa batu
wajiblah Melayu memelihara mutu!

Utusan Zaman, 2 November 1940

Aidilfitri

(kepada semua umat Melayu raya)
Shamsuddin Salleh

Dengan kudrat yang Maha Kuasa
khatham Ramadan tamat puasa
Aidilfitri datanglah masa
berhari rayalah kita dengan sentosa.

Berhari raya marilah kita
lupakan segala silang sengketa
mana terkhilap tutur dan kata
dengan ikhlas maafkan serta.

Berhari raya marilah saudara
lenyapkan segala hati angkara
mana yang salah kata bicara
berilah maaf dengan segera.

Berhari raya marilah gusti
hilanglah segala luka di hati
tali muhibah ikat sebatи
dari hidup sampai ke mati.

Berhari raya marilah semua
hapuskan segala hati kecewa
bersatulah umat pulau – benua
Semenanjung, Sumatera, Borneo dan Jawa.

Bersatulah umat semua sekali
Selibis, Ternati, Lombok dan Bali
kasih muhibah ikatan tali
bangsa tak boleh dijual beli.

Berhari raya mari segala
untuk bersatu tujuan hala
Sembawa, Ambon, Benda, Manila
nusa dan bangsa sama dibela.

Dengan berkat berhari raya
persatuan umat diharap jaya
supaya Melayu hidup bermaya
mari bersatu! miskin dan kaya.

Hapuskan segala hasad dan dengki
bersihkan hati jangan berdaki
sama menurun sama mendaki
perkara yang benar jangan bertaki.

Hilangkan adat bersuku puak
supaya persatuan jangan terkuak
lenyapkan adat bernegeri luak
supaya umat tidak tersuak.

Hapuskan perasaan meninggi diri
segala cakap tutur dan peri
hormat dan ramah sehari-hari
kasih muhibah bagai termeterai.

Bertekunlah tuan pada bekerja
semangat bangsa mesti dipuja
sehari-hari taruhlah baja
taat kepada negeri dan raja.

Dengan sempena Aidilfitri
diharap kemajuan tambah berseri
bekerjalah kita sehari-hari
untuk keselamatan bangsa dan negeri.

akhir al-kalam harapan saya
berdoa kepada Tuhan yang kaya
bekerjalah kita seberapa daya
untuk keselamatan Melayu raya.

Utusan Zaman, 9 November 1940

Kebangsaan

Ahha

- K Kebangsaan kukuhkan tak usah leka
kebenaran yang tetap kesampaian dijangka
keberanian berasas jauh mendahaka
kemahuan mutu kebangsaan ke muka.
- B Bandinglah kebangsaan di dunia cuba
bangkitan sesuatu tidak meraba
berpuak di alam kehidupan berlaba
betapakah kita disalahkan serba.
- N Ngongop tak terngap bertukar selang
ngeluh menahani bersebatи menggalang
ngerang hapus berteguh menjulang
ngadah kebangkitan jauhi berwalang.
- S Semua fakat sebangsa kejayaan deras
simpulan bangsa membahanakan pemurias
simpaian yang teguh dapat diaras
saksama binaan mewarisi waras.
- I Idaman kebangsaan subur ketara
anjuran sebangsaku meracup gembira
isyarat halanya mengandungi cura
insaflah kita! peredaran mara!
- I Insan di alam berbagai bangsa
ada yang berpenawar ada yang bisa
umpama ikan dikuasai kisa
empangan darjah bergesa-gesa.
- N Nelayan seruangan junjungan kebangsaan
niat yang bersih ramuan persetiaan
nistia pemburuk rangka persengketaan
nun! oleh hakim kejayaan.

Utusan Zaman, 2 Disember 1940

Mestilah Kita

An Arbi

Mestilah kita semua bersekutu
sesama bangsa hendaklah bersatu
janganlah dipandang hamba dan ratu
Melayu keturunan bangsanya satu.

Mestilah kita di ini hari
nama kebangsaan hendaklah didiri
jangan membuat seseorang diri
kerana kebangsaan hendak dicari.

Mestilah kita bersatu hati
nama kebangsaan dijadikan titi
selagi tak jaya jangan berhenti
dari hidup sampai ke mati.

Mestilah kita bersatu tujuan
walau di laut ataupun di awan
kerana kebangsaan mesti berlawan
janganlah lekas mengaku tertawan.

Mestilah kita bersatu fikiran
barang yang pelik jangan dihairan
walaupun datang dari negeri Iran
buatlah kita walau berkaran.

Mestilah kita bertolong-tolongan
sesama bangsa jangan berlarangan
dengki hasad usah berpanjangan
itulah racun itulah warangan.

Mestilah kita mula bekerja
kerja yang berguna hendaklah ditaja
pokok kemajuan segeralah dibaja
nama kebangsaan menjadi raja.

Mestilah kita di ini masa
kerana kebangsaan buatlah jasa

walaupun di bandar atau di desa
supaya Melayu bertambah perkasa.

Mestilah kita banyak membuat
janganlah angan-angan sahaja dirawat
umpama menulis tidak berdakwat
adakah kebangsaan menjadi kuat.

Mestilah kita memegang senjata
bukannya melanggar memecah kota
tidak! bukan itu yang dikata
melainkan kemajuan hendak dilata!

Mestilah kita membuang malu
malu bekerja di hilir di hulu
malu ini tidak berkelulu
licinkan dia jangan berbulu!

Mestilah kita membuka perniagaan
cerdik bodoh itulah dugaan
atau membiak binatang peliharaan
itulah sebaik-baiknya perusahaan.

Mestilah kita ingat dan sedar
bangsa dagang banyak mengedar
janganlah biasa duduk bersandar
bekerjalah tuan walau berkandar.

Utusan Zaman, 28 Disember 1940

Seruanku

*(Bersatu Bersekutu – Berbantu-bantu
Tertinggi Mutu – Kejayaan Tentu)
Abu Kalam – Mutir*

Bersatu dikehendaki di sini
menyempurnakan perintah Tuhan Rahmani
bersekutulah wahai insani
berkat syafaat Tuhan pohoni.

Menyempurnakan perintah Tuhan Rahmani
wahai peladang atau tani
perjalanan kebajikan kita jalani
yang berpangkat hatta yang seni.

Bersekutulah wahai insani
yang bujang waima yang berbini
moga-moga Allah pohonkan ihsani
di akhirat diharap beroleh amani.

Berkat syafaat Tuhan pohoni
syurga yang aman mari tuntuti
ialah yang dimaksudkan selama ini
kemurkaan Allah usah ampuni.

Yang utama memegang agama Allah
jauhi daripada berpecah-belah
 kaum Muslimin jangan berbalah
 hapusi yang beriktiad salah.

Jauhi daripada berpecah-belah
 barang yang benar tak usah diolah
 ataupun kita mahu berhelah
 penyudahnya menerima celakalah.

Kaum Muslimin jangan berbalah
 supaya kemajuannya nampak terserlah
 yang berfaedah sebaik-baik tuntutlah
 sekalipun berkubur jasad hamba Allah.

Hapusi beriktikad salah
hatta sebesar debu sekiranya adalah
segeralah kamu hindarkanlah
tetapkanlah haluan kesalahan jagalah.

Nikmat Allah patut ingatkan
jangan sampai kamu lupakan
barang yang berupas jangan termakan
jaga, jagalah!!! wahai rakan.

Jangan sampai kita lupakan
Tuhan kita menjadikan
segala perintahnya jangan disesiakan
nerakalah tempat kita dimasukkan.

Barang yang berupas jangan termakan
di dalamnya bisa tidak tertahanhkan
jika kamu sentiasa utamakan
azab sengsara ketemulah akan.

Berjaga-jagalah!!! Wahai rakan
tempat kesalahan yang dijanjikan
carilah jalan kita menjauhkan
sentosa di akhirat kita pohonkan.

Jauhi daripada segala perseteruan
lagi satu sifat cemburuan
bersama-sama perkara percaturan
lenyapkan segera sebarang pertengkaran.

Lagi satu sifat cemburuan
berbantah-bantah sesama kawan
kuharap sekaliannya bersehaluan
tiap-tiap yang dibuat sama tujuan.

Bersama-sama perkara percaturan
jika ia jadi kebiaran
inilah menyebabkan keciciran
kerananya berlain-lain fikiran.

Lenyapkan segera sebarang pertengkaran
cuba kampungkan saki yang bertaburan
dengan agama suci berilah pelajaran
wahai penganjur yang bijak hartawan.

Manakala kaum Muslimin telah bersatu
tak ada sempadannya rakyat yang ratu
sekalian Islam sama menyekutu
sukarlah dirasuk jin dan hantu.

Had inilah gubalan syair ditamat
pembaca-pembaca patut mengamat
mana berguna ke hati semat
kami Sudahi dengan hormat.

Warta Ahad, 12 Januari 1941

Bersatu Hati

Perawan Kampung Kota Tinggi

Dengarlah saudaraku perawan teruna
serta adik kakak ibu maulana
“bersatulah hati” rangkap dikena
bersama-sama lah kita mengambil makna.

“Bersatulah hati” oh ... kaumku!
serba-serbi badan dan laku
kelakuan yang kejam janganlah dilaku
supaya kehidupanmu tidak kaku.

Bersatulah hati bangsaku di Malaya
baik miskin ataupun kaya
yang lemah itu berilah upaya
supaya mereka itu bersama-sama ria.

Bersatulah hati sunti perawan
godaan nafsu seyogia dilawan
bersihkanlah kehormatamu diselaputi awan
atau tergoda jembalang sawan.

Bersatulah hati kaum guru
berpecah-belah jangan diluru
buanglah tabiat seperti pemburu
supaya tidaklah meniru.

Bersatulah pembesar-pembesarku serata
jangan bersedap keindahan di kota
bangun dan dirikan semangat mahkota
terutama kaummu yang hidup melata.

Bersatulah hati oh... penganjur
janganlah asyik melintang memujur
anak-anak bangsamu segeralah anjur
dari sebelum semangatnya keras kejur.

Bersatulah hati pihak-pihak akhbar
perkara perselisihan usahlah dibiarkan

manfaatlah dan kebajikan seyogialah dikhabar
seruan dan dakyah segeralah mengibar.

Bersatulah hati ya!... wartawan
rakan sejawat setuju dikawan
sebaliknya pula jangan dilawan
kelak kemahuan dagang menawan.

Bersatulah hati penulis-penulis khas
zahirkanlah hati kemesraan ikhlas
berkhidmat di akhbarmu janganlah culas
rahmat dan kebahagiaan kaum dibalas.

Bersatulah hati dengan kaummu yang melarat
sucikanlah hatimu daripada berkarat
pikullah bebanan sesama berat
janganlah dibiarkan dirinya seorang bersyarat.

Bersatulah hati sesama Islam
muhibah nan! jangan ditimbul tenggelam
buanglah sengketa yang telah silam
zahirkanlah kemesraan luar dan dalam.

Bersatulah hati sesama lelaki
jauhi tuan berperasaan dengki
gunung kemajuan bersama mendaki
iaitu sementara umur dan baki.

Bersatulah hati sesama perempuan
adik kakak janda perawan
tujulah beramai ke taman kemajuan
cemburu sompong jangan lagi dikawan.

Bersatulah hati kedua-dua jenis
lelaki perempuan seyogia bermanis
riwayat kehidupan janganlah dibernis
serta jauhi menung di angkanis.

Bersatulah hati kaum janda
menyentil tembakau janganlah dipada

gunakanlah ilmu seberapa yang ada
berkhidmat kebangsaan terhak dilanda.

Bersatu hati kaum isteri
di kalangan akhbar silalah berperi
tunjukkanlah hikmat di taman suri
serta didikan putera-puteri.

Bersatulah hati penulis yang budiman
yang sentiasa bertelagah di akhbar taman
serukanlah adik kakak ibu dan paman
supaya masyarakat sentiasa aman.

Bersatulah hati wahai teruna
memadailah bersuka ke sini sana
jadikanlah dirimu hidup berguna
kalau menuruni! kehidupan tidak merana.

Bersatulah hati dayang dan awang
masa yang berharga jangan dibuang
ini hari – dunia wang
berniagalalah kamu waima bawang.

Sehingga inilah perawan rentikan
salah dan silap tolong maafkan
kepada saudara-saudara di kampung di pekan
terutama ke pengarang yang sudi menyiaran.

Warta Ahad, 2 Februari 1941

Rayuan Tanahair

Ngumba

Wahai! Malangnya nasibku bergelar pahlawan Tanah Semenanjung Berbangsakan Melayu. Umat nan masih tidur nyedar Kemuliaan dan ketinggianku haram kalau dijunjung Umatku lalai. Kaumku lena. Belum pun sedar-sedar.

Aku ini bumi Malaya. Telah tergadai terjual Hanya dewa pembesarku memegang Tanah Melayu Datuk nenekku tidak terpelihara. Dan tiada terkawal Dagang menipu dengan pujuhan yang merdu sayu!

Aduhai! Sakitnya badanku. Dipugar oleh si dagang Bangsa nan tidak belas ihsan dan timbang rasa Digali perbendaharaan. Emas dan perak dilebur didagang Tetapi aku, dan kaum bangsaku hidup dirundung seksa!

Sampaikah hatimu wahai umat! Biarkan aku semalang ini? Di genggaman si dagang. Bangsa lintah penghisap darah? Dia perlombong. Dia perniaga dan berkaum tani Melainkan aku. Kian hari semakin pupus dan parah!

Kalau engkau sebenarnya sayang dan cinta kepada bumiku Bangkitlah wahai pemuda. Harapan bangsa menuntut bela Singsinglah lengan. Kemaskan diri. Tampil mengaku Watan Semenanjung. Pusaka Melayu. Sejak dari purbakala.

Lamun tuan wahai kaumku tidak juga sedar dan insaf Betapa letaknya kemuliaan dan keselamatan tanahairmu Tergadailah aku ke tangan dagang. Terus melayang lesap Tanah Semenanjung nan cantik molek. Jangan haraplah kembali bertemu!

Idaman, 1 Mac 1941

Bangkitlah Kaumku

Perawan Kampung Kota Tinggi

Bangkitlah kaumku bangsa Melayu
bangkitlah pada mempersatukan hati
siramilah kebangsaan yang hampir layu
supaya segarnya kembang sejati.

Bangkitlah kaumku yang kaya-raya
bangkit pada tolong-menolong
bantulah bangsamu yang lemah upaya
supaya saksama Melayu terkalung.

Bangkitlah kaumku miskin hina
bangkit pada menghiburkan tulang
perkhidmatan anggotamu patut dibina
kelak kemajuan jauh menggalang.

Bangkitlah kaumku wartawan-wartawan
bangkit pada menajami kalam
seteru Melayu seyogia dilawan
supaya kemajuannya tidak tenggelam.

Bangkitlah kaum budiman penulis
bangkit pada menyeru bangsa
riwayat kebangsaan patut ditulis
Melayu tersebut lepaskan seksa.

Bangkitlah kaumku yang bijak-bijak
bangkit pada menunjuk mengajar
sama sendiri jangan berpijak
kelak terselamat daripada menjajar.

Bangkit kaumku pahlawan lelaki
bangkit pada mengawali watan
mercu kemajuan sama didaki
dagang nan jangan diberi sultan.

Bangkit kaumku puak pertanian
bangkit pada bertanam cucuk

kemakluman jalanimu berkoyan-koyan
tetapi jaga! dagang memperlecok.

Bangkit kaumku sekalian pemburuh
bangkit dari segala pekerja
anak cucumu seyogia dikerah
sekarang perusahaan boleh ditaja.

Bangkit kaumku jenis perempuan
bangkit pada bekerjasama
tidaklah semangat lelaki pahlawan
supaya kelemahan jauh mencengkerama.

Bangkit kaumku golongan ibu
bangkit pada mengelok didikan
mengasuhnya itu janganlah sebu
utamakanlah menanam semangat kebangsaan.

Bangkit kaumku golongan perawan
bangkit menyedia alatan ibu
hapus kecemaran kebersihan dikawan
jangan disimpan sebesar debu.

Bangkitlah kaumku penduduk bandar
bangkit memberhenti boros joli
fikiran nasihat cubalah diedar
kecermatan hidup elok dibetuli.

Bangkitlah kaumku penduduk kampung
bangkit membetul perkebunan kumahu
pusaka tuk nenek seyogia dikepung
pujukan dagang jangan tersesu.

Bangkitlah kaumku pihak nelayan
bangkit bersungguh menangkap ikan
punggahlah ke darat berkoyan
juallah sendiri di kampung di pekan.

Bangkitlah kaumku Melayu penjual
bangkit menjaga dari terlepas lagi

hakmu yang dapat kot dikawal
supaya tidak berlipat rugi.

Bangkitlah kaumku yang berjawatan kerajaan
bangkit mengukuhi sifat-sifat amanah
kamulah peti segala kerajaan
yang demikian janganlah sekali dipunah.

Bangkitlah kaumku pekerja akhbar
bangkit menggubah nasihat fikiran
seteru persengketaan jauhkan tibar
sesama Melayu jangan ditempiaran.

Bangkitlah kaumku yang baharu bermiaga
bangkit bermiaga serba perkara
teluluskan diri di mana yang kena
dari situlah Melayu menapak mara.

Bangkitlah kaumku bujang-bujang teruna
bangkit menghiasi perhiasan bapa
kota masyarakat akan terbina
kewajipan masyarakat jangan dilupa.

Bangkitlah kaumku pendeta lidar
bangkit menabur syarah dakyah
tiap-tiap Melayu berilah kalendar
tidak kemaraannya beroleh payah.

Bangkitlah kaumku guru-guru
bangkit mengasuh anak bangsa
simpang-perenang segeralah buru
mudah-mudahan terlepas sebarang seksa.

Bangkitlah kaumku yang janda-janda
bangkit pada menghormati diri
mengadun kesenangan biarlah berpada
di kalangan bangsamu hiburkan peri.

Bangkit kaumku pimpin penganjur
bangkit memenuhi segala pengharapan

bangsamu sedia menanti anjur
menanti memimpin ke jalan ke hadapan.

Bangkitlah kaumku di Malaya serata
bangkit berkhidmat sekadar upaya
tak peduli kaya waima melata
terhimpunlah sebutannya Melayu raya.

Bangkitlah kaumku yang kuat dakar
bangkit bekerja serta segala
buka langkah orakkan lingkar
tiliklah ke mana bangsamu terhala.

Bangkitlah kaumku seruan kutabur
perawan kampung menyeru berkoyan-koyan
lihat, lihat tanahmu yang subur
sedia menanti membalaq kebudian.

Bangkitlah kaumku syairku tamat
diharapkan juga kaumku memerhati
pengarang syair kekurangan cermat
ampun dan maaf perawan tuntut.

ayat-ayat dalam
peribahasa

Warta Ahad, 2 Mac 1941

Tanah Melayu

Hadhiri-al-Maarfi

Tanah Melayu syair berkata
tanahnya subur merata-rata
ternakan binatang subur serta
tempat dagang menumpang melata.

Anak negerinya hidup sejahtera
aman perintah tidak cedera
untung negeri seperti mutiara
umatnya banyak tidur cendera.

Negeri Melayu sememang aman
benihnya dari zaman-berzaman
nilaian negeri menjadi cengkaman
Nana dan Cina empunya ulaman.

Handalan tanah sudah berubah
himpitan dagang celaka bedebah
habis bukit runtuh ke lembah
hidup Melayu jadi tak cambah.

Melayu semuanya beragama Islam
masyhur negeri di serata alam
mulutnya baik busuk di dalam
menjadikan senang iblis menyulam.

Lakunya umat banyak yang nakal
lawannya dagang tak dapat disakal
lemahlah umat hidup yang bakal
luluh akhirnya jika dicekal.

Ingatlah sekarang ayuhai belia
atas negerimu bersifat kaya
ajarkan kaum jangan terpedaya
oleh dagang bersifat buaya.

Yom sekarang mari berdiri
yakinkan kaum dengan bersendiri

yang mana dagang jangan dicampuri Yahudi Cina atau Malbari.

Warta, utusan menjadi pembantu wirakan Melayu di ini waktu watan dijaga dengan bersatu wabak yang jahat humban ke batu.

Warta Ahad, 27 April 1941

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

— — — — —

Berjuanglah Wahai Penganjur

Ngumba

Berjuanglah tuan, wahai penganjur bangsaku Melayu
memimpin umat, ke taman bahagia, selamat dirgahayu
cubalah jampi, pulih hidupkan, semangat yang kuyu
dan, kembangkan kembali, bunga kebangsaan yang telah
layu!

Tuanlah wahai penganjur! Harapan umat Melayu semesta
tampillah ke muka, membela watan dan rakyat jelata
tegak memegang, bendera kebangsaan, nan indah juita
yang sedang berkibar, di hadapan istana, kesatuan kita!!

Jangan gentar, kepada ugutan, dan bahaya angkara
pahit dan sukar, memanglah tanggunganmu perwira
lajaklah terus, bahtera perjuangan, ke hadapan mara
budi, jasa dan korbanmu Ilahi nan kira!!

Selamat!! Berjuang, wahai pahlawan bangsa!
berjuang!! menebus keselamatan kaum dan nusa
hiduplah!!! perjuangan!!

Johor

Idaman, 1 Mei 1941

Tanahairku

Abu Samah

Aku menggubah tenaga baharu
untuk memenuhi tubuh dan hawa
mencinta Malaya tanahairku
tempat berjuang sukma dan jiwa.

Tanah Melaya tanahairku
tumpah darah tanah semati
tanah bahagia untuk bangsaku
makam pujaan sukma dan hati.

Oh Semenanjung tanah yang cantik
permai hidupmu di dalam bahagia
pujaan sukma setiap detik
di bawah langit tanah yang mulia.

Harapanku oh Semenanjung
bahagialah hidupmu di dalam aman
biar budimu rata dikunjung
di hati rakyat berbagai roman.

Biarpun kini ribut ulangan
kelam melewat tanahairku
aku menunggu di pinggir zaman
kembali kemegahan tumpah darahku.

Engkaulah oh! bumi yang indah!!
tanah putera bahagia baka!!
engkaulah bumi tanah penyudah!!
tempat berjuang menebus merdeka!!

Di zaman silam beta terangan
tumpah darahku cemerlang cahaya
bilakah nusa kembali gerangan
sebagai dahulu megah dan mulia.

Tanah Malaya! Tanah Malaya!!
tanahairku! tanahairku!!

tanah bahagia! tanah bahagia!!
tanah bangsaku! tanah bangsaku!!

Majalah Guru, Julai 1941

Marilah Kaum Bangsaku!

Haji Talib

Marilah kaum bangsaku! Himpunkan tenaga, untuk bersekutu
bangkit bersama, menahan bahaya, dagang melutu
gembirakan semangat, tunjukkan kebolehan, meninggikan
mutu
rebutkan lekas, bumi Malaya, kepunyaan kita, memang
tertentu.

Jangan lagi leka, singsing lengan, buat bakti
perahkan hasil, kerana Malaya, memang menanti
terutama pemuda, semangat berjuang, memang ada di dalam
sanubari
kalau tidak! dagang menolak, kita nak ke tepi.

Kaum bangsaku! Ayunkan tangan, menentang kemajuan
dengan gembira, bangkit berjuang, membela watan
watanmu menangis, watanmu meratap, di alam kesedihan
kerana dagang, berjaya dahulu mara ke hadapan.

Malaya asal, memang hak, kepunyaan kita
tetapi kita, tiada berpimpin dengan rakyat jelata
dagang di Malaya, sudah berkuat, umpama berkota
bangsaku Melayu, apa nak buat, apa nak kata?

Segamat

Idaman, 1 Julai 1941.

Idaman Mengidam

Yatim Piatu

Idaman mengidam kepada berpakaat
Muslimin Muslimat bersyarikat bersekutu
yang jauh pun ditarik dekat
bercantum hakikat menjadi satu.

Idaman mengidam kepada maju
kemuncak gunung tinggi upaya
jangan terpesong pedoman dituju
segala maksud tidak jaya.

Idaman mengidam kepada berhemah
berkasih sayang berkenal-kenalan
tua muda ramah beramah
meneguhkan muhibah tali simpulan.

Idaman mengidam kepada bersemangat
gerak-geri selalu bersedia
patut kenal sepit dan sengat
kemajuan hidup tidak terpedaya.

Idam-mengidam kepada amanah
tulus ikhlas sejati sebatи
bahasa Melayu jangan dipunah
bahasa tersua kepada mati.

Idaman mengidam kepada cerdik
barang ditegah tidak terburu
agama dan adat patut dididik
haram dan halal tidak keliru.

Idaman mengidam kepada jasa
usaha dan rajin jadi binaan
buatlah kebajikan setiap masa
lamun hidup dengan kesempurnaan.

Idaman mengidam kepada bakti
bagi memelihara hak kebangsaan

kemajuan patut diberati
harumlah bangsa dengan kemerdekaan.

Idaman mengidam kepada selamat
watan dan bangsa seisi negeri
iktisad hidup jagalah cermat
kemuliaan kesenangan kelak termeterai.

Idaman mengidam kepada tawakal
serahkan diri kepada Tuhan
niat bersih cita-cita pukal
nikmat akhir beroleh kelebihan.

Idaman, 1 Julai 1941

Semangat Kebangsaan

Ahmad Ismail

Semangat kebangsaan telah bergelora
sebagai gelombang di tengah segara
tiupan semangat sudah ketara
ke umat Melayu dengan bermara.

Melayu kini menubuhkan kesatuan
membicarakan bangsa yang jadi tak keruan
berdasar kebangsaan ialah haluan
memperbincangkan taraf Melayu dan kemutuan.

Kesatuan Melayu memakai siasat
semuanya halal bukannya sesat
menetukan hak-hak menurut firasat
menyempurnakan bangsa membaiki iktisad.

Hak Melayu Melayulah jaga
taraf Melayu Melayulah cek
mestilah Melayu juga memperharga
Melayulah juga mengorbankan tenaga.

Darah Melayu mestilah bersih
baharulah kesatuan tiada berselisih
nama kebangsaankekalkan masih
hidup pun damai sentiasa kasih.

Nama Melayu sememangnya perwira
lagi sempurna budi bicara
semenjak dahulu telah tertera
kemudian kini kenapa melara.

Nama Melayu hampir kehilangan
kebangsaan Melayu hampir berterbangan
tetapi kini tiada berhalangan
bangsa Melayu akan berkemenangan.

Kebangsaan Melayu telah berkobar
sebagai api minyak disebar

panji-panji Melayu akan terkibar
dengan menyerukan Allahu Akbar.

Seia sekata tiada akan dapat
selagi takrif belum dirapat
membersihkan takrif dengannya sifat
Melayu jati mestilah mempat.

Takrif Melayu telah nan laju
di sini kesatuan dibuat teraju
supaya sebangsa sama setuju
baharulah kita boleh nan maju.

Takrif Melayu memangnya berjalan
membuat ketetapan atau pengenalan
yang mana berdarah Melayu sejalan
supaya kebangsaan dasar kebetulan.

Jikalau kemajuan hendak dirasa
supaya Melayu gagah perkasa
darah kemelayuan mestilah paksa
baharulah sempurna bangsa dan nusa.

Manakala takrif ketat tersila
di sisi kesatuan tentu terbela
ketewasan kita tuntutlah bela
baharulah Melayu pulih sediakala.

Lamun tidak demikian gaya
kemajuan Melayu tak boleh dipercaya
bangsa Melayu di dalam merbahaya
sentiasa terbentang di mulut buaya.

Arab dan Keling membuat bencana
mengaku Melayu salah tak kena
bersongkok Melayu di sini sana
berbahasa Melayu walau di mana.

Walhal masakan menjadi Melayu
walaupun ia bersumpah merayu

meninggalkan bangsanya sedikit tak sayu
bolehkah terubuk mengaku puyu.

Segala kata-katanya jangan dipercaya
semuanya itu hendak dianiaya
mulutnya manis cuma pada gaya
kepada Melayu hendak diperdaya.

Sungai Ara

Utusan Zaman, 3 Ogos 1946

Oh Dagang! Sampainya Hatimu

Mimia Cha

Oh dagang! Sampainya hatimu!!
tidak kusangka demikian pekertimu
tak cukupkah wang penuh di petimu?
menuntut 'hak' apakah ertimu.

Kamu dah masyhur bangsa berdagang
datang ke Malaya sehelai sepinggang
pengadar digalas – bungkus dipegang
kamu tak bawa harta di pinggang.

'Hakmu' di Malaya tak ada sesaga
moyangmu tak meninggalkan emas bertelaga
ataupun wang penuh beraga!!
walaupun besi, perak, tembaga.

Tetapi lihat! Masa sekarang
jarummu sudah menjadi parang
pulak menunjukkan lakumu garang!!
demikianlah pekertimu! dagang pencurang!

Sedikit pun kamu tak kenangkan untung
hidup di negerimu seperti lotong
badanmu hanyut umpama puntung
datang ke Malaya membawa kantung.

Dengan Melayu kamu beramah!
meminta tumpang membuat rumah
tetapi! bila senang menjamah
pulak 'Melayu' kamu nak mamah.

Memang Melayu 'bangsa berbudi'
kurang gayung disuakan baldi
Melayu tak tahu dagang berbadi
lebih daripada hati Yahudi.

Melayu sangka kamulah taulan!!
bergurau jenaka di tengah jalan

bersenyum manis semasa bualan
tetapi Melayu kamu nak telan.

Oh dagang! Bangsa haloba!!
kamu menumpang membuat pancaroba
'khazanah Malaya' dah kamu tuba!!
tingallah 'kerak' Melayu meraba.

Oh bangsaku! Segeralah beringat
kita dah rasa dagang menyengat
lamun kita tidak bersemangat
akhirnya 'Melayu' dibuatnya pengat.

Perkara yang sudah itu sudahlah
semasa ini kita jagalah
semangat 'kebangsaan' segera tanamlah
kehidupan 'masyarakat' tak pecah-belah.

Kalau Melayu hati tak satu!
bersatu muafakat – bertolong bantu
kehidupan bangsaku azablah tentu
seperti kerakap di atas batu.

Cubalah perhatikan Melayu sekarang
negerinya 'lenyap' di tengah terang!!
bukannya lenyap lawan berperang!!
disebabkan oleh siasat kurang.

Oh bangsaku! Pembesar negeri!!
janganlah leka bersenangkan diri
cubalah toleh kanan dan kiri
'dagang' mendesak setiap hari!!

Oh kerajaan! Yang memegang kandil
janganlah dibiarkan dagang membedil
sekiranya kamu bersifat pengadil
timbangkan dengan neraca yang adil.

'Pintu Malaya' tutuplah rapat!!
jangan dibiarkan dagang merempat

yang ada ini pun tak cukup tempat
penuh di pekan – ke kampung melompat.

Janganlah berbudi kepada 'dagang'
hak Melayu habis dilagang
Melayu dibuat seperti panggang
kamu tertawa – bercekak pinggang.

Manatah 'janjimu' semasa dahulu?
nak jaga 'Melayu' hilir dan hulu
janji ibarat 'pokok dedalu'
cakapmu seperti angin yang lalu.

'Anak negeri' janganlah diseksa!
umpama orang berkahwin paksa
daripada 'berjodoh' dengan raksasa
baiklah tentu meminum raksa.

Kemahuan 'dagang' jika dilayan!
budi Melayu hilang berkoyan!!
lama-kelamaan jadilah demikian
hilanglah 'Melayu' ganti Malayan.

Kelang

Warta Ahad, 3 Ogos 1941

Darah Muda

Cintati

Di sini kita pujaikan mutu darah ya! Darah muda!
Darah yang merah. Bersih. Mempunyai kekuatan. Berlipat ganda.
Berkemahanan. Bercita-cita keras. Menghendaki sesuatu benda.
Selagi belum didapat, belum diperoleh – nama berhenti tidaklah
ada!

Syabas! Darah muda dipusakai oleh pemuda. Begitulah kita.
Kitalah yang bertanggungan menjaga tanahair di serata-rata.
Kitalah yang diharap oleh bangsa bergerak, bekerja berserta.
Dan kitalah pula yang diminta jadi penerang kecaburan pan-
dangan mata.

Kalau begitulah: Tanggungan. Harapan. Permintaan di segenap
hati
Apa kita buat? Apa kita taja? Biar sebulat sebatii??
Bangkit! Bangun! Tunaikan kewajipan sebelum kita mati
Baharulah gelaran ... darah muda ... berbau harum lekat sejati!!!

Idaman, 1 September 1941

Kedudukan Melayu di Malaya

Cintati

Malaya! Malaya!! Tempat tumpah darah 'Melayu' kamu bangsaku
Melayu! Melayu!! Putera sejati yang memang bumi bangsaku
dari zaman datuk nenek, moyang, sedia terpaku
tidak boleh didalih atau disangkal walaupun sebesar kuku.

Memang! Memang!! Melayulah turus tonggak di Malaya ini
bertuankan Melayu, taat setia serta gagah berani
di tawarikh dunia tertumpang, terlukis hingga ke zaman kini
termasyhur diketahui ke serata dunia oleh kebanyakan insani.

Tetapi mengapa? Ya mengapa?? Gah dan masyhur itu apa...?
... rupa-rupanya menepati kata pepatah: "indah khabar dari rupa"
sebabnya di bandar, di kota, di gudang, di kilang, di ladang,
itu siapa?
mana Melayu? oh Melayu! mengapa bersembunyi? mengapa
alpa?

Idaman, 1 September 1941

Indah Malaya

Belia Lenggung

'Indah Malaya' tidak terperi
makmur dan aman berseri-seri
penuh di dalamnya beberapa negeri
tumbuhannya subur selanjar selari.

'Indah Malaya' bukan setara
keramaian Malaya tidak terkira
banyak dagang datang mengembara
kepada Malaya tidakkan jera.

'Indah Malaya' indah Malaya
segala rakyat bersuka ria
baik miskin atau kaya
itulah Malaya dinamakan raya.

'Indah Malaya' sudah ternama
tidak baharu bahkan lama
perintah adil serta saksama
segala bangsa banyak bersama.

'Indah Malaya' lagipun ramai
semua rakyat aman dan damai
mencari nafkah sangatlah permai
baik saudara atau lamai.

'Indah Malaya' sudah disukat
pekerjaan kaum semuanya berkat
seperti menahan sebuah pukat
tertempuh ikan cerut melekat.

'Indah Malaya' sudah dikata.
di dalamnya banyak makhluk melata
khazanah pun banyak Malaya merata
di utara selatan penuh semata.

'Indah Malaya' sudah dipuja
timur dan barat sudah dikaji

baik lebai atau haji
kepada Malaya memang diuji.

Hingga ini kalam berhenti
salah dan silap memang diselimuti
kepada syair 'indah Malaya' pasti
tunjuk dan tegur janganlah nanti.

Warta Ahad, 14 September 1941

Sengsara Kaumku Melayu

Miba

Tatkala terkenang zaman yang silam
Melayulah tuan di Melayu alam
bebas merdeka luar dari dalam
senang sentosa siang dan malam.

Adapun zaman dikatakan itu
dagang tak bebas buat tak tentu
hajat dan kehendak walaupun suatu
wajib disembahkan kepada ratu.

Mereka tak boleh buat sebarang
mengikut rasa hati yang berang
kesalahannya jika diketahui orang
hukuman yang pedas dikatakan terang.

Keramaian mereka belum bertambah
seperti sekarang berjibah-jibah
ibarat sungai dikatakan 'bah'
bumi Malaya hancur dan rubah.

'Melayu' tenggelam dik mereka
merasuk ke barat ke timur pun juga
didesak dihimpit dipulas dipuk
tak salah dikata umpama puaka.

Siapa menyeru mereka ke mari
merangkak berjalan berlari-lari
meninggalkan tanahair sendiri
negeri kita didatangi terperi.

Kalau difikir dengan dihalusi
sebab-sebab keramaian mereka terjadi
dengan seperti kata dihalusi
kuli membuka Semenanjung berbudi.

Kuli dikehendaki bermacam kerja
pergunaan Malaya negeri yang muda

puteranya tidak dipimpin ditaja
diserunya dagang galak menggoda.

Dagang diseru timur dan barat
simpulan hak ditetas dikerat
asalkan Malaya dipandang khairat
biarpun puteranya miskin melarat.

Syabas!! Melayu hamba yang setia
kebaikan dirimu sudah terpedaya
adakah reda dirimu sesia
hidup terhina lemah upaya.

Oh nasib! Nasib!
apa boleh buat!! apa boleh buat!!
harga kemuliaanmu segeralah usik
tebuslah dia walaupun sedikit.

Wahai kaumku lelaki perempuan
baik pun belia atau perawan
istimewa kalau pendeta hartawan
jemputlah bekerja kerana kemajuan.

Terengganu

Warta Ahad, 21 September 1941

Terkenangkan Bangsaku

Putera Kolam

Duduk petang aku termenung
mengenangkan keindahan di zaman sari
nama Melayu di puncak gunung
kerana bangsaku bekerja sendiri.

Aku terkenang di zaman itu
semua pekerjaan di tangan Melayu
bangsa dagang belum bermutu
umpama pokok daunnya layu.

Dahulu bangsaku sangat garang
tidak peduli bencana sendiri
sampai mati dilawan berperang
tidak juga menyerah diri.

Tetapi sudahlah nasib bangsaku
hendak kalah dalam perjuangan
bukan satu-satu yang berlaku
musuh di negeri diberi kelapangan.

Sungguhpun begitu dilawan juga
biar tumpas jangan menanti
tidak berniat lari dan duga
akhirat sekali terpaksa berhenti.

Tetapi sekarang adakah begitu?
jauh api dari pemanggang
kerana bangsaku tidak sekutu
kain di tubuh dibawa ke pinggang.

Dengan sebab itulah sekarang
nama Melayu tidak termegah
bangsa lain lepas temberang
Melayu bukan pahlawan gagah.

Bangsaku Melayu bangsa yang sabar
bukannya satu bangsa pemarah

dagang berkata Melayu cabar
jarang sahaja bermuka menyerah.

Ritme versi 1943

lirik

Itu pun yang sudah terlampau sangat
kemarahannya naik seratus-peratus
kalau tidak tentulah bangat
sorot kembali perasaan meletus.

Kerana terjadi begitu sekali
ialah bahannya wang ringgit
tidak tahu keturunan asli
melainkan jasadnya sudah diungkit.

Apabila terkena sampai teruk
baharulah Melayu sedarkan diri
sekarang ini sedang mengaruk
kerana mengembalikan di zaman sari.

Had inilah 'putera' terkenang
mohon diampun mana-mana yang berterbangan
kepada encik-encik pembaca yang lanang
terutama pengarang yang empunya ruangan.

Warta Ahad, 28 September 1941

Oh Pemuda

Abrani

Oh mari pemuda taulanku
mengingatkan watan seperti dipaku
negeri kita datuk nenekku
itulah ingat dalam kalbuku.

Oh mari pemuda bersatu
membina muafakat wajib bertentu
kesatuan muda hendaklah disertu
banyak pelajaran ada di situ.

Oh mari ingatkan bangsa
membulatkan perundungan tak payah dipaksa
mencari ikhtiar memajukan nusa
membaiki iktisad yang asa.

Oh mari ingatkan saudara
di rantau di pekan apalagi di negara
bersatu hati berjalan mara
ke gunung kejayaan naik segera.

Oh mari pemuda di Segamat
mengorbankan diri masuk berkhidmat
kesatuan Melayu muda yang ada tersemat
membantu bersama-sama, hemat bercermat.

Oh mari taulanku di Segamat
masuk kesatuan dengannya gamat
kita berkehendakkan kemajuan yang sangat
mudah-mudahan hak bangsa terselamat.

Oh mari pemuda yang gamat
membangkitkan nama Segamat biar tergah
tiap-tiap di ... jangan mudah tertegah
jangan lebihkan kedegudegah.

Oh mari pemuda bestari
Segamat, Muar, Batu Pahat, Johori

bersatu hati berpegang jari
membela watan hak kita sendiri.

Di perenggan ini tamat diberi
meminta maaf kanan ke kiri
silap salah tidak sedari
al-maklum cetek pengetahuan terfikri.

Segamat

Warta Ahad, 28 September 1941

Seruan Pemuda

Mashur Malaya

Dengarlah pemuda Mashur berseru
mengeluarkan suara terburu-buru
kepada kaumku di segenap penjuru
di sepanjang hari hidupnya terharu.

Wahai pemuda bangkitlah kita
bersatu haluan bersemangat serta
tanggungan pemuda berat dikata
di sini bangsa rakyat jelata.

Oh! Pemuda kaum bangsawan
sedarlah tuan dagang berkuku
angkara mereka bermacam laku
kepunyaan kita habis disaku.

Ingatilah pemuda masa yang silam
kebangkitan kita masih berbalam
gah masyhur ke seluruh alam
tetapi sekarang habis menyelam.

Marilah pemuda berbuat jasa
kitalah yang menanggung nasib bangsa
kiranya kita membuang masa
alamat kecewa kita nan merasa.

Berkhidmatlah tuan di masa sekarang
korbankan diri yang berhati girang
kepada bangsa yang sedang mengerang
juga watan janganlah kurang.

Kitalah yang memegang semangat negeri
tanggungan pemuda jangan diingkari
perhambakan tenaga serta diri
untuk faedah bangsa sendiri.

Kaumku pemuda hulubalang negara
yang berkhidmat tentera bangkitlah mara

bersedia menentang musuh diburu
supaya kemenangan diperoleh segera.

Ayuhai! Pemuda hulubalang jati
pujalah semangat semat di hati
janganlah dibiarkan dagang bertiti
mendesak ke Malaya tidak berhenti.

Wahai! Pemuda Melayu raya
yang di bangku pelajaran sedang bergaya
tuntutlah ilmu sedaya upaya
rebutlah peluang hingga berjaya.

Kaumku pemuda marilah bersatu
berikhtiar kerana meninggikan mutu
kewajipan pemuda memanglah begitu
untuk bangsa yang dimaklumkan itu.

Had ini seruan direntikan
kepada pemuda Mashur hadapkan
bersatu bersemangat hendaklah disertakan
kecanggungan syair mohon dimaafkan.

Warta Ahad, Oktober 1941

Marilah Taja

Mustika

Marilah kita hilangkan duka
bermutu bahagian segera ditaja
tunjukkan baktimu setiap ketika
untung kesenangan dijual dijaja.

Mengikut aliran zaman sekarang
hidup bekerja sudahlah tentu
marilah kita tampil memarang
sesama Melayu hendaklah bersekutu.

Apa tuan fikirkan lagi
peperangan kita sudahlah hampir
usaha dan rajin itu didahagai
tenaga jasamu bunga diukir.

Marilah kita tiupkan serunai
serulah kaumku yang sedang leka
sifat pemalas wajib dicanai
kemuliaan hidup itu direka.

Ayuhai Awang bijak bestari
khianat dengki kelakuan dijauhkan
hendaklah ingat sebarang peri
gunung kecwa cepat runtuhkan.

Marilah kita segera nan tuju
dengan mendaki gunung dicinta
jikalau usaha baharulah maju
kata itulah jadikan kota.

Batu ujian jadikan geliga
dikupas dibelek serta diperhati
pergerakan kemajuan mesti dicek
tuanlah jadi orang berbakti.

Sesuai fikiran patut didendami
genggamlah nasib buruk dan baik

semangat kebangsaan sahaja didiami
perasaan dilagangi biarlah naik.

Marilah kerja dengan berdikit
umpamanya mendaki gunung kejayaan
kelak lama jadilah bukit
taat dan sabar buat persetiaan.

Mudah-mudahan ini maksud tercapai
timbangkan dengan budi bicara
nama hajat mesti disampai
buat melalui lautan dura.

Marilah taja sebarang kerja
perbuatan itulah jadikan saksi
pantasnya didengar dibuat sahaja
kejujuran seruku tidaklah basi.

Marilah taja pantun ditamat
mestika yang hilang segera dicari
mudah-mudahan kita beroleh rahmat
sekianlah seruku ayuhai bestari.

Muar

Warta Ahad, Oktober 1941

Ayuhai Watanku

M. Nurani

Ayuhai watanku! Semenanjung Malaya
tanah menzahirkan aku menjelma
bumi yang sama makmur dan kaya
hidup bahagia seumum sama.

Ayuhai watanku! Semenanjung yang permai
mengandungi umat berbagai bangsa
hidup sejahtera aman dan damai
tetapi sebaliknya Melayu tergesa.

Ayuhai watanku! Negeri Melayu
menzahirkan umat berbagai rupa
bila kukenang berasa sayu
bangsa Melayu hampir terhampa.

Ayuhai watanku! Malaya saksama
pandanglah anakmu apakah jadi
marilah bersatu bersama-sama
kata dan kota di dalam pundi.

Ayuhai watanku! Selatan utara
barat timur ada bersama
pandulah anak-anakmu berjuang mara
ke dalam masyarakat bangsa dan agama.

Ayuhai watanku! Dingin dan redup
umatnya sihat lagi sejahtera
tampillah kita di perjuangan hidup
di medan masyarakat kita bermaruah.

Aduhai watanku! Yang aman saujana
cantik dan permai serta hebat
kota kemajuan segera dibina
mutu bahagia segera dihambat.

Ayuhai watanku! Malaya negeri
tanah menzahirkan umat jelata

di masyarakat hidup segera hampiri
mudah-mudahan hasil maksud dicita.

Ayuhai watanku! Malaya desa
tanah tempat hidup bahagia
sementara jasad lagi sentosa
marilah kita taat dan setia.

Ayuhai watanku! Tanah yang mulia
kaya makmur lagipun subur
ayuhai kaum perawan dan belia
cita-cita berharga segera dihambur.

Ayuhai watanku! Malaya jati
Tanah Melayu nama terbilang
bersatu kata berjihati
bahtera kemajuan sama dijulang.

Ayuhai watanku! Malaya Semenanjung
Malaya terkenal serta ternama
kemajuan dikelek agama dijunjung
ke dalam masyarakat bersama-sama.

Ayuhai watanku! Semenanjung yang kecil
jauh menganjur ke laut selatan
jangan pandangkan bangsa terpencil
akhirnya lari masuk ke hutan.

Ayuhai watanku! Sekitar penjuru
mengandungi umat mulia bangsawan
kepada hartawan M menyeru
korbankan harta untuk kemajuan.

Bekuk

Warta Ahad, 16 November 1941

Sepuluh Wasiat Tanahair

Selat

Kalau engkau mengakukan aku
tempat tinggal hidup bersuku
mulialah aku dengan selaku
supaya zamanku lekat terpaku.

Didiklah aku dengan seerti
meskipun kamu akan mati
tetapi aku tetap pasti
kamulah kelak berganti-ganti.

Di dadaku berisi alam
tak lain ialah untuk kamu
gali cungkillah serta diramu
kejayaan bulat kejayaan tertentu.

Umurku panjang berlipat ganda
tidak pulak bertunda-tunda
hilang ini esok melanda
kamu tak kekal esok tak ada.

Anakku bukan sahaja Melayu
Cina Keling rata didayu
kecintai dia sebagai bayu
menggoncang semangat segala kayu.

Tetapi kamu hendaklah ingat
di manakah kamu tempat bersemangat
negeri kamulah tempat bersengat
kuasamu jangan dilapah jangat.

Lain orang hendaklah pandang
jangan biarlah masuk bertandang
alurnya itu lekas diadang
atau seterusnya harus ditendang.

Kemewahan aku juga dibela
jangan sedikit usaha dicela

kerana niatku engkaulah menyula
hak engkau bersara bala.

Di dalam perutku berisi emas
menjadi ubat dewasa cemas
jadikan dia barang-barang kemas
pungut olehmu janganlah cemas.

Kalau kamu buat tak bena
nama aku jangan dihina
kamulah sendiri orang yang lena
akhir hidupmu tidak berguna.

Warta Ahad, 16 November 1941

Marilah Bangsaku

M. Nurani

Marilah bangsaku mula direka
buat menyeru bangsaku tuan
teruna perawan adik dan kakak
binalah jalan untuk kemajuan.

Marilah bangsaku berjalan maju
di dalam masyarakat bangsa sendiri
maksud dan cita segeralah tuju
dengan sebaik-baik panduan cari.

Marilah bangsaku tua dan belia
mari bersatu kata sepakat
tidak dipilih miskin dan kaya
sebulat tujuan jaya berkat.

Marilah bangsaku Melayu Malaya
berjuang untuk menerima pusaka
watan kita makmur dan kaya
kenapakah kita masih leka?

Marilah bangsaku kita berdiri
untuk berjuang di masyarakat hidup
biarpun nun ke lautan duri
walaupun cuaca hampirkan redup.

Marilah bangsaku selatan utara
bersatu kata bekerjasama
jalan kemajuan berjuang mara
mudah-mudahan bahagia hidup saksama.

Marilah bangsaku Melayu rasa
kita bersatu untuk kemajuan
di masyarakat hidup berjuang mara
mudah-mudahan bertemu mutu ketinggian.

Marilah bangsaku kita bersatu
untuk jalan kesatuan bangsa

keraskan tenaga berhati batu
cekap dan cekal serta perkasa.

Marilah bangsaku janganlah gubar
menuntut pusaka yang sangat bahagia
panji kebangsaan sedang berkibar
kita berperang taat dan setia.

Marilah bangsaku kamu perawan
berdamping sama janganlah tinggal
bertaat setia bersetiawan
sama berdiri berkaki tunggal.

Marilah bangsaku! Kaum pemuda
dengan pemudi bekerjasama
jangan dibiarkan si dagang menggoda
bersatu kata berdasar agama.

Marilah bangsaku mengatur langkah
setapak ke setapak maju ke hadapan
masuk ke dalam golongan masyarakat
untuk cahaya gemerlap!

Marilah bangsaku kita nan mara
berjuang di medan masyarakat bahagia
timur barat selatan utara
di sekitar penjuru di Semenanjung Malaya.

Bekuk

Warta Ahad, 23 Disember 1941

Kota-kota Malaya

Pancaran Wau

Kota Malaya! Kota Malaya!
di tepi laut di daratan raya
terdiri bangunan bermacam gaya
penduduknya ramai ria bermaya.

Aku menjajah! Menjajah Malaya!
menyinggahi kota kecil dan raya
berdua dengan rakan sebaya
di sanubariku sebut dengannya ria.

Bertolak dari Kuala Lumpur
kota indah lagi masyhur
menuju arah ke Singapura
sukaria gelak bercampur.

Selamat kutiba ke Seremban
kulihat dagang memikul membeban
ada bercukin ada berkemban
belia Melayu bergasing cuban.

Selamat kutiba ke Melaka
negeri Melayu yang sudah saka
dialahkan Portugis yang besar puaka
kerana rajanya sentiasa leka.

Selamat kutiba ke Gemas
di waktu malam yang larut tumas
beralih tidur atau berkemas
penumpang ramai kurasa rimas.

Selamat kutiba ke Kluang
ke hujung tanah aku berpeluang
katanya terletak di tempat yang luang
susah dicari jarang bersuang.

Selamat kutiba ke Johor Bahru
ibu negeri kota yang aru

terbangun sebuah istana di penjuru
bersemayam sultanah gaharu.

Selamat kutiba ke Singapura
kota yang besar di Malaya negara
serba bangsa datang melara
kekayaan Malaya diidami kira.

Kupusing haluan kembali pipis
selamatkan tiba ke Kuala Lipis
di Pantai Timur haluan nipis
hutannya tebal berlapis-lapis.

Selamat kutiba ke Kota Baharu
di utara Kelantan di hujung penjuru
penduduknya Melayu yang tahan diharu
melawan dagang yang cuba menggaru.

Selamat kutiba ke Sungai Golok
kota kecil seumpama gelok
letak tempatnya tersangat elok
di tepi sungai selok-membelok.

Selamat kutiba ke Padang Besar
duduknya di utara Semenanjung yang besar
aku beralih bangun berkisar
kujenguk keluar melihat pasar.

Selamat kutiba ke Alur Setar
menjajahi Malaya sudah diputar
jauhnya beratus kilometer
dengan membawa sebuah gitar.

Selamat kutiba ke Bukit Mertajam
jauh kelihatan sawah menunjam
kebun kelapa berbujam-bujam
melalui lama berjam-jam.

Selamat kutiba ke Taiping
kulihat dagang bercompang-camping

menjual kuih menjual lempeng
Melayu nah? Segak menggayakan samping.

Selamat kutiba ke Ipoh
kota-kota Melayu sudah kutempuh
kepala pun pening badan pun lumpuh
ibarat emas kekurangan sepuh.

Kota-kota Malaya banyaklah ada
tetapi sayang berganda-ganda
melihat dagang mengada-ada
Melayu jadi porak-peranda.

Kota-kota Malaya! Tanah Melayu!
tanah kepunyaan orang Melayu
aku bersyair hatiku sayu
melihatkan bangsaku tak pulih layu.

Kota-kota Malaya! Tanah Melayu!
tamat ku syairi! kujajahi dia
dengan berkat Tuhan yang Kaya
di ruangan majalah disuntingkan dia.

Warta Ahad, 1941

**PUISI-PUISI ZAMAN PENDUDUKAN JEPUN
1942 — 1945**



Bisikan Jiwa

Shariff Naning

Zaman yang lampau kuingatkan
100 tahun kemelaratan
bangsaku terlupa kewajipan!
terhadap tanahair watan!

Pujangga bertubi-tubi menyeru
ingatlah tugasku!
jangan terkeliru
British membelit ... menipu.

Pujangga terkeluar bukan buatan
Ibrahim Yaakob Sri Pahlawan
diturut Ishak setianya handalan
tidak ketinggalan pahlawan Syonan.

Bangsaku tersedar!
harta pusakanya terhindar!
dibolot British ... dikendar
kononnya!!! ... sahabat handai?

Pujangga terus berkemuka!
disokong dibantu kaum bangsa
matahari terbit ... bercahaya!
British nan lari ... selamatlah Asia Raya.

Matahari Memancar, 20 Jun 1942

Oh Bangsaku di Muar ...!

Ninu al-Muari

Bangsaku di Muar cuba kuseru
sama ada lelaki atau perempuan
waima ia orang baru
supaya tidak ketinggalan seruan.

Bangsaku di Muar kuseru kata
mulalah sekarang bergerak mara
banyakkan bekerja sedikit berkata
supaya tidak terkena bora.

Bangsaku di Muar yang ada kuasa
pimpinlah bangsa dengan perasaan
bersatulah sekarang – inilah masa
supaya selamat darah bangsa.

Bangsaku di Muar kaum lelaki
segeralah bergerak ke hadapan haluan
buanglah perangi hasad dengki
supaya sampai ke medan kemajuan.

Bangsaku di Muar kaum perempuan
yang duduk di bandar di kampung serta
janganlah lengah memberi bantuan
supaya kemajuan diperoleh serta-merta.

Bangsaku di Muar pemuda-pemudi
bersatulah tuan seberapa gagah
persatuan itulah harap dikemudi
supaya ke pangkalan kemajuan disinggah.

Bangsaku di Muar muda – tua
bekerjalah tuan bantu-membantu
faedah besar akan disua
kerana itu sudahlah tentu.

Bangsaku di Muar yang ada pangkat
kawalkan watan – itu utama

supaya senang mendapat darjat
di medan kehidupan boleh bersama.

Bangsaku di Muar bangsaku Melayu
pimpinlah bangsa bersungguh hati
mara ke hadapan janganlah layu
supaya cita-cita boleh didapati.

Bangsaku di Muar yang berjawatan kerajaan
buatlah kerja dengan taat
pimpinlah bangsa ke tangga kejayaan
pada tiap-tiap masa dan saat.

Bangsaku di Muar yang sedang bermiaga
tetapkan hati – percayakan diri
buatlah perusahaan dengan tenaga
kejayaan tak payah lagi dikehjari.

Bangsaku di Muar Melayu sekalian
buat kerja bersungguh hati
buanglah, lupakan sifat kelalaian
tolong-menolong patut diganti.

Bangsaku di Muar mempunyai kesatuan
'KMM' namanya yang telah tentu
apabila kesatuan berhadapan haluan
barulah Melayu dikata bersatu.

Matahari Memancar, 1 Ogos 1942

Oh Malaya!!

Gadis Muar

1. Oh Malaya! Tanahairku kami berseru
negeri yang makmur aman lagi berbahagia
syukurlah kerajaan Nippon datang meluru
melepaskan Melayu daripada cengkaman British yang aninya.
2. Oh Malaya! Bertuahlah kamu masa ini
semenjak kerajaan Nippon datang memerintah di sini
menjalankan tadbir yang sempurna besar dan seni
panjangkanlah umurnya mudah-mudahan dikurniakan
Rabbani
3. Oh Malaya. Malaya sampailah perubahannya
bangsanya yang jati mula berjuang di lapangan hidupnya
mula mengubahkan kelakuan dan haluannya
jalan kemajuan yang sebenar-benarnya sedang ditempuhnya.
4. Berjaya berbahagia hendaknya mudah-mudahan
niat yang baik dan terang itu dikabulkan Tuhan
maju ke hadapan melangkah jalan kebajikan bertambah-tambah
Oh! Malaya makmurlah isinya dengan kelimpahan.
5. Masa sekarang langkahan yang baru mula ditaja
di lapangan hidup mulai berjuang dan bekerja
semangat kebangsaan zaman purbakala sentiasa dipuja
kemahuan hatinya keras umpama besi waja.
6. Oh putera-puteri Malaya negeri kenangan
doakan kerajaan Nippon berjaya di dalam peperangan
menjadi penaung kita di masa yang berpanjang-panjang
jasanya ditulis dengan dakwat emas buat kenang-kenangan.
7. Di sinilah kalam mula menyedari
ke hadirat pembaca yang arus bestari
setinggi-tinggi terima kasih ucapan diberi
muhibah yang berkekalan di hati termeterai.

Sinaran Matahari, 24 Ogos 1942

Bahasa dan Bangsa

Muhammad Hassan Abdul Wahab

Dari mana dikenal bangsa
ialah dari rupa bahasa
dijunjung tinggi sepanjang masa
kerana ia bertimbang nusa.

Dengan bahasa bangsa berjaya
dipandang tinggi serta mulia
jika kita mencuaikan dia
bangsa kita akan terpedaya.

Oleh bahasa bangsa ternama
disegani orang tidak percuma
segala perkataan mahu saksama
bahasa yang baik kita utama.

Bahasa juga memegang kuasa
buat mencemarkan nama bangsa
jika kita buruk bahasa
akhirnya kelak kita tersia-sia.

Bahasa boleh melemahkan pedang
menewaskan musuh yang masih gadang
bahasa pula bukan kepalang
patutlah kita menaruh pandang.

Oh bahasa, kamulah senjata
kepada kamu aku bercinta
dengan kamu aku meronta
buat menjaga bangsa dan nusa.

Sinaran Matahari, 24 Ogos 1942

Sinaran Matahari

Putera Melaka

Sinaran matahari
sudahlah menyinari
di waktu pagi
di Melaka jati.

Untuk Melayu Raya!
oh, Melaka
negeri pusaka
inilah ketika
menunjukkan baka
kepada Asia Raya!!

Kaum bangsaku
silalah bersatu
hendaklah dituju
perubahan baru
di bawah anjuran pemerintahan Nippon!!!

Sinaran Matahari, 24 Ogos 1942

Ibarat Kebangsaan

Abdul Abbas

Ayuhai yang mulia bangsaku
zaman ini zaman baru
kaya miskin satu
tidak berbeza barang sesuatu.

Inilah suatu peluang kita
ke medan kemajuan sama sekata
zaman baru cemerlang nyata
Asia Timur makmur rata.

Jangan dicita zaman yang lalu
bangsa kita arah tak tentu
kaya miskin tiada bersatu
kerana bangsa kita dalam belenggu.

Ada setengah yang tinggi pangkat
diri sendiri akan disekat
kepada bangsa yang rendah pangkat
kerana tiada taraf sama sepakat.

Pangkat tinggi pangkat rendah
sama juga dijadikan Allah
jangan dipandang di celah-celah
kelak menjadi pecah belah.

Pangkat yang tinggi jangan dihela
mesti dihela pada bangsa
supaya bulat langkah sekata
miskin kaya sama dirasa.

Ada setengah zahir berkata
seru kepada kemajuan bangsa
pada batin tiada sekata
khianat dengki sebilang masa.

Seperti bidalan segala desa
telah termaklum pembaca muhibah

hati kuman sama dirasa
hati gajah sama dilapah.

Sinaran Matahari, 10 September 1942

Kenang-kenangan

Ros Melaka

Ayuhai kaum umat Melayu
lelaki perempuan semua diseru
kecil besar lama dan baru
kaya miskin dikira satu.

Ke seluruh Malaya seruan dihalakan
kepada umat Melayu kita utamakan
buat memimpin sekalian rakan
moga-moga kelak menjadi peringatan.

Perasaan dengki patut dihapuskan
tamak dan loba patut dijauhkan
kerana ini punca keburukan
tiada pula mendatangkan kebajikan.

Ayuhai kaum di Malaya negeri
lelaki perempuan muda bestari
marilah kita bersatu hati
majukan perniagaan bangsa sendiri.

Inilah kali mula dibilangkan
Sinaran Matahari mula diterbitkan
di negeri Melaka tempat pilihan
untuk bacaan kaum dan rakan.

Patutlah kita bersatu fikiran
mendoakan umurnya kelak berpanjangan
untuk memenuhkan masa kelapangan
supaya kelak menjadi kenang-kenangan.

Sinaran Matahari, 10 September 1942

Oh Cinta!

Bahar Abik

Jika cinta yang sebenarnya
dalam perasaan ia timbulnya
tidak mudah alih tukarnya
walau apa yang menghalangnya.

Apakala cinta sejati
dari mata terus ke hati
tengkujuh kemarau bukan erti
mengharu cinta yang sejati.

Jika lamun benar cinta
tukar tidak benda mata
putih tulang putih mata
tetap menuju arah cinta.

Berani korban sudi derita
berpaling tidak lamun cinta
biar molek biar buta
lamun cinta tetap cinta.

Wahai teman serta rakan
cinta mari terus kotakan
Asia Timur Raya dilaksanakan
makmur bersama mari cintakan.

Suara Timur, Oktober 1942

Kesenian Alam ...!

Hamzah Tajuddin

Di kala pagi

Di bawah kolongan ... Lazuardi
udara berhembus ... seni
terbentang keindahan murni.

Di lapangan suasana raya
berterbangan ... unggas mergastua
berombak putih kabus suria
menyeri ... kecantikan maya.

Nun ... di celah daun menghijau
menyinari segenap rantau
menawan hati ... yang risau.

Di sana berduyun kelompokan insan
mengatur langkah ... menuju haluan
riang gembira ... perasaan
menempuh alam kesenian.

Di kala hari

Suria tegak membumbung tinggi
menerangi ... alam tajal
resam ... geram menusuk hati
menambahkan giat kemahuan diri.

Nun ... di pekan pesara
insan asyik membina negara
untuk kepentingan kaum dan bangsa
tak menghiraukan pancaroba.

Di sana ... kaki pergunungan
menguning padi di lapangan
lambaian daun yang kegemilangan
memanggil sateria ke perjuangan.

Di seberang ke lombong desa
dilingkungi gunung ... perwira

sunyi sepi ... di angkasa
dibawa aliran masa.

Di kala petang ...
Waktu suria mengayun turun
di pinggir laut ... nun
memancar sinaran ombak mengalun
mengasyikkan fikiran ... semangat tertegun.

Di pantai ... saujana pandangan
melambai layar ... berkembangan
dipuput bayu ... kepetangan
serasa takkan hilang dikenang-kenangan.

Lihat di sana ... tampak berbalam
di tengah lautan ... alam
alunan ombak timbul tenggelam
menerbitkan kesenian malam.

Oh ... alam rupawan
kecantikan yang rupawan
membangkitkan semangat kebudayaan
tak mungkin dapat kulupakan

Suara Timur, Oktober 1942

Suara Timur

Shomar Jaya

Sejurus berhenti peperangan di Malaya
suria keamanan memancarkan cahaya
saat sempurna ketika mulia
'Suara Timur' zahir ke dunia.

Untuk menghidupkan semangat baru
amanat 'Suara Timur' wajah ditiru
umat Melayu galak diseru
ugutan kelemahan lekas diburu.

Asia Raya mula dibina
anjuran Dai Nippon elok sempurna
andainya kita bena tak bena
akhirnya hidup serasa fana.

Rajinlah membaca 'Suara Timur'
rahsia mencapai kehidupan makmur
rebutlah keemasan di Asia Timur
rapat berdamping dengan Dai Nippon termasyhur.

Ambil ibarat jadikan teladan
apa yang sudah buat sempadan
angkara yang telah menimpa badan
adalah menjadi ukur dan padan.

Tibalah masanya kita bekerja
tegaplah pendirian sebagai waja
'TIMUR BAGI TIMUR' perkataan ditaja
tugaskan hati wahai remaja!!

Inilah masa peluang terbuka
ibarat rimba mula dibuka
insaflah wahai adik dan kakak
inginilah merebut kekayaan pusaka!

Masa hadapan menanti kita
menyuruh bekerja sekuat anggota

menyusun masyarakat, muafakat sekata
mudah-mudahan hidup bersukacita.

Uh, Melayu berbudi bahasa!!
usaha lah lagi berputus asa
orakkan kemesyilan, perjuangan dirasa
untuk keselamatan kaum dan bangsa.

Rakan dan sahabat mari membantu
rayakan *Suara Timur* majalah bermutu
ramuan pengetahuan disajikan tentu
rayuan fikiran Melayu sekutu.

Suara Timur, Oktober 1942

Permenungan di Tengah Malam

Amsal

Oh, bulan purnama raya!
tengoklah di celah-celah awan!
lengkongan kemakmuran Asia Timur Raya
sedang dibina bersatu haluan.

Oh, bulan penerang alam!
kau intailah di langit tinggi!
umat Asia bersatu faham
mencapai kemuliaan Timur asli.

Terangilah! Oh, bulan purnama!
dengan wajahmu yang bulat kuning jelita
bangunlah! insaflah! wahai pemuda
merebut kebahagiaan yang dicinta.

Pemuda-pemudi, insaflah tuan!
bersatu hati berpimpin tangan
Dai Nippon pemimpin Asia sekalian
marilah kita ikut, ditiru dan diteladan.

Suara Timur, November 1942

Sinar Bahagia

Asba

Hai orang muda!!
mengapa wajahmu kelihatan rawan
atau saja hatimu rewan
menahan gelora di dalam dada.

Oh, mengapa termenung selalu
karamkah pula di lautan cinta?
atau kandaskah di daratan bahagia??
di dalam ayunan hasrat rindu???

Lihatlah sinar dari paksina
pancaran bahagian dari suria
sinar puspa sinar bahagia
membawa semangat berona-rona.

Dengarlah siulan di rimba-rayu
kicauan unggas berdendang sayang
hidup gembira berkabung riang
untuk berjuang meraih bahagia.

Oh! Orang muda bangun segera
bangun berjuang untuk bangsa
mengejar bahagia untuk nusa
berjuanglah kita dengan gembira.

Suara Timur, November 1942

Penghidupan Baru

Mahmud Ahmad

Dahulu kita berseru-seru
datanglah kiranya penghidupan baru!
dia pun datang diantar peluru
kita pun sama dihambat diburu.

Bom di sini bom di sana
beberapa banyak jiwa yang fana
perbuatan itu kelihatan hina
tetapi sebaliknya kemakmuran dibina.

British, Belanda penghisap darah
itulah tujuan dipukul darah!
tetapi kerana tersalah arah
terkenalah kita luka berdarah.

Biarlah kita berkurban sama
asalkan kemakmuran dapat menjelma
apalah guna hidup percuma
tetapi kosong beberapa lama.

Kuasa Barat di negeri kita
ialah penyakit yang amat leta
lebih berbahaya daripada gusta
cucu-cicit turut menderita.

Dengan perkasa Nippon Heitaisan
kuasa Barat hilanglah kesan
sekarang kita janganlah bosan
terimalah benar ajar dan pesan.

Mestilah kita tampil dan mara
jangan peduli sukar dan dura
jika kita masih berpura
alamat selamanya akan sengsara.

Mulalah sekarang penghidupan baru
camkan benar merah dan biru

jika tak pandai segera berguru
jangan mengikut tabiat saru.

Suara Timur, November 1942

Fajar Asia

Pinang Muda

Fajar Asia nama gelaran
dalam Syonan tempat keluaran
tidak jemu mengeluarkan fikiran
menerangi pembaca dari kesamaran.

Majalah ini majalah pertama
dalam kebudayaan hendak diutama
termasuk kesenian jalan bersama
membangunkan semangat baru dan lama.

Makin sehari tiba ke sehari
adat Melayu semakin habis lari
sebab kebudayaan tidak dipelajari
cara Barat saja yang dikehjari.

Dengan adanya majalah *Fajar*
barang yang lari hendak dikehjari
supaya dapat umat belajar
segala apa yang sudah terlantar.

Memang niat majalah ini
berkhidmat bangsa Melayu sini
mengenalkan perkara yang serba-serbi
memperbaiki adat menjadi murni

Sebab masanya sudahlah sampai
adat istiadat hendak diurai
supaya umat jangan bercerai
bersatu teguh Sumatera Malai.

Fajar Asia, 25 Januari 1943

Tanahairku yang Cantik
(Tanpa Nama)

Indah permai melambai-lambai
tenang mengalir aman dan damai
terjauh dari taufan dan badai
di pantai tanah Sumatera dan Malai.

Oh, tanahair yang kucintai

Tanahair memanggil tua dan muda
bekerja rajin giat, gembira
di hari jatuhnya Singapura
berganti nama KOTA 'CAHAYA'

Oh, tanahair yang kucintai.

Fajar Asia, 15 Februari 1943

Pura Pustaka

Bachtiar Effendi

Gelap gelita
 gegak-gempita
 alam angkasa, di mata saya
 bila Belanda
 masih memerintah
 puspa pusaka, Indonesia.

Silu sembilu
 sayu sukmaku
 kerana kaumku, dalam terungku¹
 guru-gemuru
 seluru tubu
 kalbu berseru, tunggu pembantu.

Dendam dan duka
 derita dada
 menyeksa nyawa, meramas sukma
 masa Malaya
 masih merasa
 pahit perintah, bangsa Britania.

Senang sekarang
 cuaca cemerlang
 telah terbayang, di balik mambang
 datang ditimang
 di hujung pedang
 oleh hulubalang², Nippon yang garang.

Suka segala
 bangsa berwarna
 melihat Malaya, berganti nama
 terbuka tangga
 pura pustaka
 di muka mata, sedunia Asia.

¹penjara/ikatan.

²pahlawan.

Kita tak cuai
Malai sesampai
mesti mencapai, hidup yang permai
bawah benua
bangsa berbahagia
pahlawan perwira, Nippon diraja.

Fajar Asia, 15 Februari 1943

Melayu Muda*

Bachtiar Effendi

Matahari sudah terbit Asia
sampai masa buat kita berusaha
mencapai mendapatkan Malaya Raya
marilah sama-sama
bekerja buat Malaya
angkat tinggi darjat bangsa
tanahair tumpah darah
janganlah segan lemah
berkorban buat Malaya
mari bersama bekerja dengan Melayu Muda!

Matahari sudah terbit di Asia
terang lapang jalan kemajuan kita
menuju persatuan Malaya Raya
kaumku tua muda
inilah masa saudara
kerja keperluan bangsa
tanahair hingga mulia
janganlah pecah belah
antara sama sebangsa
mari bersama bekerja dengan Melayu Muda!

Matahari sudah terbit di Asia
mari ingat dengan kewajipan kita
menjaga kehormatan Malaya Raya
Malaya yang kucinta
kujunjung sangat mulia.

Mari kita sama jaga
hingga boleh tambah jaya
bersatu kita mara

*Lagu ini telah digubah oleh Jaafar Wiryodinomo untuk menyambut dan merayakan Hari Malai Baru.

menuju Malaya Raya
mari bersama kerja dengan Melayu Muda!

Semangat Asia, Bil. Khas, Februari 1943

Pemuda Malai

Husbana

PEMUDA, pemudi marilah bersatu
pekerjaan usahakan ... meninggikan mutu
pantas bekerja, jangan lena
putus asa tidak berguna.

ENGKAU merdeka bangkit lekas
engkau segera bangun lekas
engkau tidak lagi diberkas
engkau perlu berusaha jelas.

MENYINGSING lengan, melangkah bersama
mendirikan "Kemakmuran Timur Asia Raya"
mutiara Timur, pancaran bahagia
mengotak, mengorak semangatmu semua.

UNTUNG kamu hidup berbahagia
untung negaramu, nan suci di Asia
untuk kelapangan bagi puteramu
usaha dibuat janganlah jemu.

DALAM cahaya sinaran Timur
duduknya segala yang makmur
dadamu buka buat berusaha
duka dan suka jangan dikira.

AMBIL "senjata atau gaman"
aturkan segala yang tak aman
angkat tajak buat cangkuluan
apa yang perlu buat tanaman.

MATAHARI sudah terbit di Asia
masa buat kita berusaha
mari ingat dengan kewajipan kita
mendapatkan Malai Raya.

ANGKATLAH tinggi darjat bangsa
ambil cangkul buat bekerja

aturan baru segera dibawa
adalah satu keperluan kita.

LANGIT yang biru di atas kepala
lagi memayungi umat Asia
lambat-laun kita berusaha
lusia kita akan termulia.

ANGKATLAH tinggi darjat bangsa
ambil cangkul buat bekerja
aturan baru segera dibawa
adalah satu keperluan kita.

IMANMU tapi jangan tinggalkan!
insya-Allah kamu dikasihani Tuhan!
ingatlah kamu setiap masa
itulah tiang agama kita.

Semangat Asia, Bil. Khas, Februari 1943

Terbuka Pintu

Bachtiar Effendi

Gaduh
dan rusuh
baru
tersapu
dari seluruh, Tanah Melayu.

Lalu
terpadu
pintu
baru
bagi serata, umat bangsaku.

Terang
dan tenang
senang
membayang
di muka orang, seluruh kampung..

Inang
memandang
bujang¹
nak gadang²
dengan suara, orang yang girang.

Guru
sekutu
suruh
meluku,³
mengangkat mutu, Malai Baru.

Malu
dan silu
tentu

¹anak jantan.

²hendak besar.

³membajak.

mengganggu
jikalau kita, hendakkan maju.

Bimbang
dan bangkang
hilang
melayang
terbang membumbung, ke awang-awang.

Cadang
yang tenang
datang
menjalang
ke dalam dada, kita sekarang.

Waktu
dahulu
satu
sekutu
sangatlah jauh, bagi Melayu.

Mahu
bersatu
tentu
selalu
dapat gendala, oleh penghulu.⁴

Kembang
sepasang,⁵
dendang
sekarang
sesudah menang, Nippon yang garang.

Buang
belakang
tiang
yang tempang
supaya bisa, sambil peluang.

*British.

⁵bunga persatuan.

Mutu
Melayu
baru
bergaharu
sesudah mahu, kerja bersatu.

Tipu
menipu
atau
cemburu
sama sebangsa, harus dipalu.

Tampang⁶
yang datang
sedang
mengembang
masuk meresap, ke dalam tulang.

Inang⁷
kutimang
terang
gemilang
bawah kelola, Nippon yang garang.

Fajar Asia, 10 Mac 1943

⁶benih.

⁷ibu/tanahair.

Fajar Menyingsing

Ahmady Asmara

Ayam berkokok bersahut-sahutan
bayu bertiup lemah gemalai
bintang kejora tampak kelihatan
menyinari pembangun baru MALAI.

Berseri-seri di langit timur
suria tersenyum gilang-gemilang
umpama emas warna cemerlang
bayangan angkasa di kawasan makmur.

Unggas bernyanyi di dahan kayu
di kala bertiup hembusan kayu
murai berkicau bersayu-sayu
menyanyikan lagu bangunlah maju.

Lagu menyeru umatku MALAI
tuntutan telah tiba
mengajak berkerjasama
di waktu pagi yang lemah gemalai
menempuh alam pancaroba
menuju Lingkungan Makmur Bersama.

Dengan berpedomankan sinar cahaya
cahaya Asia yang terang bersinar
yang menyuluhi Asia Timur Raya
mencapai kemenangan yang sebenar.

Fajar Asia, 27 Mac 1943

Kewajipan Kita

Bachtiar Effendi

Segala
bangsa-bangsa
Asia,
terlepas kini dari ikatan,
dibela
Nippon Raya
perwira,
yang berhati suci serta budiman.

Sempurna
tolong benua
Asia,
tanah bangsa, sangat kucintakan.

Sesudah
kini kita
terbela
telah terlepas dari genggaman,
bangsa
Britania,
durjana,
yang tidak pernah kenal kasihan.

Apakah
kerja kita
ini masa,
apa kita punya kewajipan?

Segala
bangsa-bangsa
Asia,
Sekarang ini mesti unjukkan:
terima
kasih pada
pujangga.

Timur, Dai Nippon, hati pahlawan,
yang daya
berusaha

membina:
Asia Raya, sangat kucintakan.

Terima
kasih kita
semua,
hanyalah dapat kita buktikan,

berupa
kerjasama
berserta
bagi tenaga dengan setiawan.
Supaya
lekas bisa
berjaya:

Dai Towa, Lingkungan Kemakmuran.

Fajar Asia, 27 Mac 1943

Fajar Asia

Lomak

Fajar terbit laksana mempelai
alhamdulillah syukurlah Malai
bersih cemerlang tak dapat dinilai
pengingat kaum mana yang lalai.

Awaslah Fajar menyinsing pagi
anjuran cakerawala alamat meninggi
akan menyinar menunjuk ranggi
alam diterangi tiap-tiap bahagi.

Jernih dan bersih FAJAR ASIA
juru penyeru Asia Raya
jejak langkahnya moga-moga jaya
jampi hembusnya harap berbahagia.

Aduhai! Fajar terang bersinar
ajak dan seru biarlah tenar
anjunglah kaum ke mercu benar
hapuslah sekalian yang gila nanar.

Risalat yang kecil Fajar umpama
rahsia tujuan bekerjasama
rahmat dicucuri Tuhan 'Alima
rianglah Timur selama-lama.

Ampun dan pimpin kaum sejarar
ikhtiar tadbir aduhai Fajar
ambilah teladan Nippon segar
ikhlas setia menunjuk mengejar.

Setelah Fajar menunjuk rupa
sekalian ikhwani janganlah lupa
sambut dan bantu biar berapa
supaya Timur maju menerpa.

Inilah tempoh, inilah masa
ikhwan sekalian membuat jasa

ikatlah satu kaum dan bangsa
insya-Allah Timur sentosa.

Akhir kalam kami doakan
Allah jua kami pohonkan
asuhan Fajar barang diberkatkan
awal akhir di dalam kebajikan.

Fajar Asia, 27 Mac 1943

Hiduplah Malai Baru

(*Tanpa Nama*)

Asap yang gelap di udara
berubah menjadi terang cuaca
menandakan Malai tambah bahagia
disebabkan terlepas dari bahaya.

Perjuangan selesai keamanan menjelma
kemenangan berada di pihak kita
di bawah pimpinan Nippon perwira
British terhalau kesemuanya.

Di atas timbunan bangkai yang kalah
berdirilah Malai dengan gagah
dipandu umat kebal tabah
ke mana-mana tak mahu mengalah.

Terdengar suara sayup-sayup sampai
memanggil menyeru sambil melambai
umat Malai janganlah lalai
bekerja supaya cita-cita sampai.

Di timur berkibar si Hinomaru
melambai-lambaikan aturan baru
menggalakkan umat Malai bersatu
menuju haluan yang satu.

Umat Malai hendaklah tahu
terutama bangsa Melayu
dengan bantuan Nippon beranikan dirimu
berseru "Hiduplah Malai Baru".

Semangat Asia, Bil. 3, Mac 1943

Kuat Sebagai Besi Waja

(*Tanpa Nama*)

Tengoklah kemajuan Nippon yang maha tinggi
darahnya yang merah bersih mengalir giat sebagai sinaran pagi
oh! kami menjadi perisai tanahair yang dicintai
bersama melatih kemahuan yang kuat lagi suci
kuat sebagai besi waja.

Tengoklah air laut yang memecah di sekeliling pantai Nippon
tanahnya gemuk menghijau, kembang sakuranya cantik bersinar
oh! kesihatan kami terlimpah lagi terhimpun
dalam berlumba bekerja benar
kuat sebagai besi waja.

Tengoklah kuatnya negeri Nippon yang suci
tegap tangan, dadanya gemuruh gembira
oh! kemegahan kami yang tidak ada tandingannya lagi
rianglah kami dengan perasaan perwira
kuat sebagai besi waja.

Fajar Asia, 27 Mac 1943

Masih Berperang

Bachtiar Effendi

Asap menggelap di udara Malaya
masa Nippon baru datang
menyerang pertahanan tentera British
yang ditemberangkan garang.

Bom meriam
menderam di malam kelam
pelor tintis
angkasa, membawa api,
menghancurkan buku bangsa Britania
lebur kuasa orang putih.

Hebat, dahsyat kedua menyukat tenaga
ada yang menghunus pedang
bersicepat menebas atau menangkis
tak boleh buang peluang.

Bersidiam
bererti hendak bertilam
ujung keris
yang tetap membawa mati.

Tetapi tentera Nippon terus mara
kerana maksud suci bersih.

Sebab seldadu diraja dengan gagah
perkasa datang menyerang
dengan pukulan yang tak dapat ditangkis
British lari lintang-pukang
cabut macam
tentera tidak beriman.

Hingga habis
kubu yang dipuji-puji
tenggelam Singapura di mata dunia
Syonan-To timbul berseri.

Malai mulai menjadi aman sentosa
kerana Nippon sudah menang.

Tetapi peperangan belumlah habis
diraja masih berjuang.

Masih dalam
perkelahian, menghentam
bangsa British
hapuskan di muka bumi
habiskan pengaruhnya di Timur Raya
tidak bagi ia kembali.

Kewajipan kita seluruh Dai Towa
pada dewasa sekarang
bersedia berkorban, bantu mengikis
kuasa musuh yang curang.

Segala kesam
nan telah lama di dendam
pada British
lepaskan sepas hati
kewajipan Asia: BANTU DIRAJA,
DENGAN HATI SUCI BERSIH.

Fajar Asia, 29 April 1943

Di Pagi Hari

Juita Murni

Langit di timur terang kelihatan
menandakan hari telah pagi
ayam berkокok bersahut-sahutan
memberi selamat malam dah pergi.

Gilang-gemilang sinar suria
melihatkan cuacanya ke atas buana
membangunkan puteranya yang masih lena
untuk membina Asia Nan Raya.

Binatang rimba berlompat-lompatan
mergastua terbang kian ke mari
segala makhluk menunjukkan kegembiraan
atas timbulnya sang matahari.

Dengan bermandikan bola api
bersolekkan udara lemah-gemalai
bersatulah bekerja putera-puteri
buat kemajuan ibu pertiwi.

Semangat Asia, Bil. Khas, April 1943

Ibu dan Tanahair

Thaharuddin Alumad

Bukan harta
bukan benda
yang menjadikan kehendak bonda
ibu pertiwi tanahair kita.

Hanya pengorbanan
tiap masa
harta benda hattakan nyawa
supaya negara tetap sentosa.

Indah permai cuba pandang
gunung-ganang sawah ladang
kelapa melambai awan memandang
itulah negara nan kita timang.

Semangat Asia, Bil. 4, April 1943

Kepada Semangat Asia

Zuhara

Fajar sidik telah membayang
embun malam lenyap menghirap
seluruh jasad hening dan henyap
dibelai hembusan angin melayang.

Sayup terdengar gema menyeni
menggetarkan sukma segala insan
azan mendayu di masjid suci
muazzin memuji kebesaran Tuhan.

Tabir di timur telah terangkat
malam kelam telah menghilang
cuaca indah terang mengilat
watan bermandi cahaya cemerlang.

Dalam cerahan udara pagi
di sawang sinaran matahari timur
'Semangat Asia' timbul di Malai
seperti bintang menghambur nur.

"Semangat Asia" kesuma dewa
sepanut sakura kuntum utama
raksinya semerbak seluruh persada
jadi suntungan putera Asia.

Lanjut usiamu "Semangat Asia"!
mekarlah, semerbaklah wahai sakura
semoga restumu membawa pahala
penyuluh bagi puteri dan putera.

Semangat Asia, Bil. 5, Mei 1943

Di Telapak Ibu

Thaharuddin Ahmad

Ibu, bukakan rongga kalbu bonda
luangkan tempat bisikan anakanda
yang tetap bergelora dalam sukma
rasa tak kuasa menahan lama.

Masih terbayang ibu terikat
dirantai dibelenggu oleh si Barat
hendak membebaskan dan terniat
tapi, apakan daya tiada sempat.

Kedatangan perkasa suruhan Tuhan
ibu terbebas dari genggaman
beta melompatlah mara ke hadapan
dengan tujuan hendak berkorban.

Di telapak ibu gerangan syurga
tapi hairan putera umpama beta
masih ada yang lengah dan terlupa
bahawa bondakan masih belum berdaya.

Dah datang masanya wahai putera
mengabdi menjunjung titah bonda
supaya dia jangan kecewa
menunggu kita setiap masa.

Kalau tak kita yang berusaha
ibu pertiwi tak akan jaya
dalam lingkungan Asia Raya
menuju kemakmuran bersama.

Semangat Asia, Bil. 5, Mei 1943

Ke Taman Asia

Thaharuddin Ahmad

Jauh ke sana mata memandang
hanya lautan luas terbentang
riak beralun ombak gelombang
silih berganti jelang-menjelang.

Suria terbenam meninggalkan kesan
langit kuning kemerah-merahan
kelana termenung berhati rawan
memandang burung pulang sekawan.

Ombak memecah memukul tepian
menyentakkan beta dalam renungan
bayu berhemus menyampaikan pesan
pulanglah tuan menjenguk taman.

Di mana kembang beraneka warna
harum semerbak wangi baunya
di mana terserak kelopak sakura
itulah Taman Asia Remaja.

Ke sana haluan beta tujuhan
hasrat menyunting kembang pilihan
kembang ciptaan segala angkatan
muda remaja jangan ketinggalan.

Semangat Asia, Jun 1943

Editorial
Kolumnis
Artikel

Lagu Malaya Mara*

Bachtiar Effendi

Malaya o Malaya
tanahku yang dicinta
sekarang bergembira
kerana Nippon berjaya
wahai saudaraku yang sebangsa
gunakan ini masa
mendapat tempat muka
ini masa kita berusaha
mencuba naik tangga
ke tempat lebih mulia.

Malaya o Malaya
tanahku yang dicinta
mari kerja bersama
dengan Nippon diraja
tentu kita akan boleh jaya
kerana kaum kita
bangsa yang berbahagia
ada kita yang bijak laksana
ada yang hati taba
antara bangsa kita.

Malaya o Malaya
tanahku yang dicinta
kerana Nippon diraja
sedar dari terlena
baru tahu kita ini masa
berapa jauh kita
tertinggal dari muka
ayuh saudaraku sebangsa
marilah sama-sama
usaha serta mara.

Tetapi harus jaga
jangan putus asa

*Lagu ini digubah oleh Ja'afar Wiryodinomo.

jika dapat gendala
masa kita usaha
jika tidak lekas putus asa
di dalam satu kerja
bangsaku tentu mara
bangsa yang kujunjung sangat mulia
kubantu dengan doa
supaya lekas jaya.

Fajar Asia, 28 Jun 1943

Tanahairku

B.S. Tebing Tinggi

Di mana bakau tegak berdiri
di mana pasir putih berseri
di mana nelayan menenggang lagu
itulah dia pantai negeriku.

Di mana gunung menyapu awan
di mana penuh hijau-hijauan
di sanalah tumbuh damar dan rotan
tempat bapaku mencari penghidupan.

Di mana sungai turun mengalir
di mana ngarai duduk ternganga
itulah negeriku tanah pesisir
pusaka ayah berserta bonda.

Di mana padi lemah tergurai
ditiup bayu bagai terlena
itulah dia tanahku permai
tanah emas intan permata.

Di mana air terjun meluncur
di mana berserak air memancur
di situlah tempatku menggubah lagu
lagu hati gelombang rindu.

Ke sana oh jiwalah terpaut
ke sanalah tercurah suara hati
akan kutunggu sehingga maut
tandaku hendak berbuat bakti.

Semangat Asia, Bil. 6, Jun 1943

O, Malai ...!
Hs. Latif

O, Malai tanah kucinta
tanahmu subur kaya-ray
hutanmu jati penuh kayuan
lautmu penuh, permata intan.

Berbilang zaman bermasa-masa
Barat memeras hasil tanahmu
rakyat meratap hidup merana
ibarat yatim anak piatu.

Kini, O Malai kau bahagia
Nippon perwira datang membela
hiduplah, O Malai tanah pusaka
bahagialah, O Malai selama-lamanya!

Semangat Asia, Bil. 8, Ogos 1943

Tenaga Muda

R. Warganegara

Tertegun daku
sekali peristiwa
melihat betapa
alam berjuang.

Kayu menderu
angin menyerbu
 gegak-gempita
 gemuruh bahana.

Kilat dan petir
 sabung-menyabung
 kayu di rimba
 goncang-bergoncang.

Pohon besar
 serkah dan tumbang
 ranting dan dahan
 gugur ke bumi.

Akan tetapi
 pohon yang kecil
 mulia belia
 jangankan tumbang
 serkah pun tidak.

Demikianlah nyata
 lukisan tenaga muda.

Berita Malai, 1944

Bunga Harapan

M. Kidin

Sepantun kenanga kembang berseri
harum semerbak memenuhi taman
begitu umpama pemuda-pemudi
giat berjuang damai aman.

Di kampung sunyi Malai Raya
gadis bergiat penuh bahagia
di kota ramai sama gembira
pemuda berkorban menyerahkan daya.

Harapan kemajuan timbulah sudah
bersatulah bangsa di bawah cogan
dengan tersenyum bakti disembah
sama bertenaga memajukan watan.

Berita Malai, 1944

Lagu Tentera Pembela (Giyu Gun)*

Keimin Bnnka Sidosyo

Asia sudah bangun melawan musuh
membela diri sekuat tenaga
negeri sekutu harus mesti runtuh
biarpun kita mengorbankan jiwa.

Asia lama sudah sengsara duka
ditindas hebat berabad derita
Dai Nippon diri gagah dan perkasa
membela Asia melindungi kita.

Daripada budak sekutu lagi
biarlah kita binasa sama
sebagai lawan sejati kita mati
bersama tewas dalam Bharatayuda.

Tanahair kita menuntut bela
mengharap sangat mulai kembali
menanglah hai tentera pembela
supaya bangsa berbahagia lagi.

Majulah, majulah
tentera pembela
pahlawan Asia
dan Indonesia
Timur yang suci
mesti bahagia.

Fajar Asia, 15 Februari 1944

*Gubahan lagu ini pertama kali diperdengarkan di tanah lapang Ikida, Jakarta pada 11 November 1943.

Semangat Perwira

R.A. Karim (*Karimon-to*)

Melaka tanah Semenanjung
beratus tahun meratac tangis
seldadu Nippon datang mengunjung
menghalau keluar bangsa Inggeris.

15 Februari hari peringatan
1942 tahun yang penghabisan
Inggeris dihalau dapat kekalahan
Nippon membikin riwayat permulaan.

General T. Yamashita pahlawan utama
seldadunya gagah mengambil Singapura
sekarang adalah ulang tahun kedua
Malai Baru berhari raya.

General Percival pahlawan Singapura
harapan rajanya sudahlah musnah
seldadunya penakut tidak berguna
tidak bersyarat menyerah kalah.

Bangsa Melayu dermawan sakti
pahlawan Yamashita menjadi saksi
rakyat Asia bersatu hati
pahlawan Nippon wajib ikuti.

Wahai bangsaku perwira Asia
silalah tegak memegang jembia
menjaga tanahair pusaka kita
hartanya banyak tidak berkira.

Asia bangsa yang masyhur
ingatlah sejarah zaman leluhur
hidup merdeka lagi makmur
dari menyerah biarlah lebur.

Wahai Asia biarlah sabar
kita jangan bermata kabur

Asia Raya lingkungan lebar
kemenangan diharap janganlah lebur.

Nippon ada sejarah yang suci
tambo dimaterai di Gunung Fuji
laksana mestika telah diuji
sejarah dimulai Tenno Meiji

Wahai Asia jangan bercerai
ikatan kuat sebagai rantai
sehidup semati jangan berderai
memasuki Giyu Gun atau Giyu Tai.

Fajar Asia, 15 Februari 1944

Cinta Pemuda

A.S. Naga

O, pemuda!!!
pemuda pujaan masyarakat
pemuda kembangnya rakyat.

Tahukah dikau
di mana cinta ditambatkan?
kesetiaan harus diuratkan?

Insaflah dikau
kan harga tujuanmu?
kan nilai kewajipanmu?

Bukan....
bukan mencita gadis jelita
menyembah setia pujaan asmara.

Bukan pula....
berkorban untuk si 'dia'.
untuk memetik kuntum delima
tetapi ke sana....

Marilah bina
cintamu semula
kepada agama, nusa dan bangsa
menjunjung Asia Timur Raya.

Fajar Asia, 15 Februari 1944

Ros Kupuja
Masuri S.N.

Rose berkembang
memerah garang
jadi pujaan
setiap insan.

Disinari matahari
kian berseri
merekah wangi
memikat hati.

Jiwa pahlawan
memandang kembang
ingin berjuang
membela watan.

Harum tak terkira
rontok menyesal
bagaikan sateria
pulang ke asal.

Berita Malai, 5 September 1944

Perajurit Negara
Masuri S.N.

Berbaris berjejer, hebat bergaya
pergi bertempur, penuh darura
menyerah raga dengan sukarela
mencipta bahagia 'Asia Raya'.

Dengan semangat yang bernyala-nyala
tujuan hati tetaplah satu
menghancurleburkan bangsa penganiaya
pihak sekutu dirangkum tentu.

Berjuang, berjuanglah 'perajurit negara'
tunjukkan keperwiraan bangsa Asia
sanggup membela, turut bertempur
haram menyerah tak pernah undur.

Jangan bimbang, janganlah walang
teruskan menggempur pihak sekutu
bunga pujaanmu, mekar berkembang
menanti pulangmu sarat merindu.

Berita Malai, 12 September 1944

Darah Perjuangan Hang Tuah

Sharif Sukar

Hidup mati dua keadaan
itulah buah hasil perjuangan
dalam menunaikan panggilan kewajipan
menjunjung titah bangsa dan watan.

Pantang darahku mengaku kalah
selagi tubuhku masih berdarah
lebih mulia mati dari menyerah
supaya tanahairku hidup megah.

Hidupku hanya membayar kewajipan
menjaga diri mengawal watan
kerisku ini perisai pengakuan
tanahair kan mendapat perlindungan.

Darahku kan jadi cemeti
menghidupkan jiwa pemuda-pemudi
untuk bangkit memberi bakti
supaya hidup, hidup ibu pertiwi.

Berita Malai, 26 September 1944

Suara Azan

Rashid Taha

Bergema azan di waktu subuh
memuja Tuhan Rabbulizzati
menunjukkan jalan yang kutempuh
kepada Tuhan tempat berbakti.

Kurasa badanku dingin sekujur
tapi darahku mengalir panas
darahku berombak berdebar-debur
desakan jiwaku terasa benar.

Kudengar pula terompet berseru
memanggil pemuda supaya berbakti
aturlah barisan pemuda baru
tujuhulah tempat yang sedang menanti.

Kudengar genderang terus dipalu
tempik dan sorak beriring-iringan
perajurit maju sambil meluru
menghapuskan musuh menuju kemenangan.

Berita Malai, 3 Oktober 1944

Majulah Perang

Masuri S.N.

Berbunyi terompet di tengah padang
membahaha lela, di rumpun telinga
memupuk semangat hebat membana
memanggil insan maju berjuang.

Sekeliling alam rasa berserak
pabila terdengar suara teriakan
majulah terus membela watan
jangan undur walau setapak.

Wahai 'sateria' harapan nusa
teguhkan hati maju berjuang
jangan berpuas hasil yang ada
sebelum musuh musnah semua.

Tidakkah ingin wahai 'sateria'
namamu dikenang sepanjang zaman
sebagai pembela nusa tercinta
majulah berperang membela watan.

Berita Malai, 3 Oktober 1944

Marilah Bersatu

Masuri S.N.

Mari bersatu, wahai rakan
menyerah tenaga mengatur barisan
besar kecil, tua muda sekalian
berpadu teguh, menjadi ikatan.

Segala kerja sama dibuat
berat ringan sama dipikul
jangan pilih pangkat darjat
bekerjasama mengayun cangkul.

Bukan masanya berpecah-belah
satu ke barat, satu ke timur
tenaga semua perlu tersimpul
agar Asia menjadi makmur.

Wahai saudara bangsa Asia
tetapkan hati, menghadap derita
awal bermula, azab sengsara
kelak bertukar bahagia raya.

Berita Malai, 31 Oktober 1944

Membela Nusa

Masuri S.N.

Wahai adinda juita sayang
abang berangkat ke medan perang
masa menangis intanku sayang
kanda membela nusa gemilang.

Senangkan hatimu wahai adikku
belalah adik, medan belakang
kanda gembira, pergi berjuang
membayar derma, membela nusa.

Kanda berjuang, di medan perang
dinda bela, medan belakang
rasakan dekat, dinda di sisi
walau nyata, berjauh diri ...!

Jangan dinda menjadi bimbang
teruskan membina, garis belakang
kandakan nanti menjelang pulang
pabila usai, menang berperang ...!

Berita Malai, 21 November 1944

Bisikan Arwah Hang Tuah

Masuri S.N.

Di kala zaman baru ini
Ketika saat penuh perjuangan
Serasa tuan hidup kembali
Di tengah medan mengatur barisan.

Bagai bisikan datang menggema
Suara tuan di angkasa raya
"Biar beta, sudah tak ada
Namun semangatku tetap serta."

Demi mendengar bisikan halus
Suara seni, yang sangat kudus
Dari arwah pahlawan gagah
Kami pengikut berhati tabah.

Biar lawan banyak berbilang
Datang meluru menyerang kami
Kami ria, mati berjuang
Kerana membela, IBU PERTIWI.

Berita Malai, 19 Disember 1944

Mengenang Jasa*

Zubir Salam

Hari ini setahun yang lalu
tuan berpulang ke rahmatullah
setelah berjuang meninggalkan jasa
pengikutmu sentiasa terus mengenangmu.

Khidmatmu tetapkan tertulis dalam sejarah
sebagai bapa wartawan pahlawan pena
namamu kan tetap kami puja
sebagai perangsang dalam bekerja.

Pengikutmu ramai di seluruh Malai
meneruskan usahamu yang terbengkalai
membina Malai Raya yang permai
berbakti terus dalam kewartawanan.

Menyentakkan pena terus disuratkan
senjata bangsa mencapai kemuliaan
namamu kan kami tulis dengan tinta mas
sebagai perajurit pena bapa wartawan.

Selanjutnya terimalah salam bahagia
moga-moga Tuhan memberi rahmat kepadamu
dalam perjalanan kembali ke alam baka
menemui Tuhan Azzawajalla.

Aman sentosa menemui tujuan hidupmu
persenang-lenang duduk di syurga bahagia
sungguh berbahagia tuan berpulang
meninggalkan jasa tetap dikenang.

Berita Malai, 26 Disember 1944

*Untuk mengenang jasa Abdul Rahim Kajai.

Korban Sejati

Masuri S.N.

Belum bernama korban sejati
kalau hanya menderma kata
tunjukkan bukti perlihatkan bakti
berkorban untuk bangsa dan nusa.

Pandanglah dengan rasa insaf
pahlawan kita hebat berkorban
satukan diri masuk bersaf
sama berkorban membela watan.

Sungguh mulia di mata ramai
berkorban harta hattakan nyawa
namunkan tertulis terlalu permai
sebagai pahlawan bangsa harapan nusa.

Dalam mencapai tujuan murni
minta berkorban serahkan jasa
tak takut apa yang kan melintangi
asal berjaya tujuan mulia.

Berdagelan tegar sekali

dan berada

tidak ada guna kerana
dari adanya sel berkorban
menurun syahdu sel berkorban
tetapi menurun punya

tidak ada guna kerana
dari adanya sel berkorban
menurun syahdu sel berkorban
tetapi menurun punya

tidak ada guna kerana
dari adanya sel berkorban
menurun syahdu sel berkorban
tetapi menurun punya

tidak ada guna kerana
dari adanya sel berkorban
menurun syahdu sel berkorban
tetapi menurun punya

Berita Malai, 26 Disember 1944

Tempat Mengabdi
Masuri S.N.

Banyak orang bingung
bertanya ke sana ke mari
sampai ke ladang gunung
suara memecah sunyi.

"Di mana tempat, di hala mana
cuba tunjukkan, tolong arahkan
tempat mengabdi sekalian manusia
menuju cita tenteram aman".

Saya segera menyahut
tidak susah dicari
tempatnya dekat sekali
setiap saat kita memungut
faedahnya untuk diri
itulah ibu pertiwi.

Sudah terang di hati kita
di mana harus menabur bakti
tempat mana menanam jasa
tugaskan hati, keraskan jiwa
hanya satu ingatan suci
mengabdikan diri untuk nusa!

Berita Malai, 27 Mac 1945

Kepada Perajurit Tanahair
Masuri S.N.

Tiada daya beta sumbangkan
untuk suntingan gagahmu tuan
hanya serangkai kata sembaham
tanda meminta langkahmu pahlawan.

Terbayang semua di mata kami
kewajipan kamu di medan perang
dengan gagah serta berani
mara terus dalam berjuang.

Biar bahaya keliling badan
lain lelah menghambat tenaga
tiada peduli musuh melawan
sentiasa giat berjihad raga.

Sungguh murni kalbumu pahlawan
reda berjuang dalam mengabdi
untuk kebahagiaan bangsa dan watan
kamu sedia hidup dan mati.

Berita Malai, 4 Jun 1945

Niatku

Masuri S.N.

Ambur semarak tanahairku
indah permai gilang-gemilang
tanah tempat tumpah darahku
ke mana pergi tetap terbayang.

Datang niatan di dalam jiwa
sedia berkorban untuk ibunda
menyumbang bakti, menyerah dharma
sebagai putera kesuma bangsa.

Bukan harta yang kupinta
tidak pangkat yang kucari
hanya ikhlasku mulia semata
guna mengabdi untuk negeri.

Niatku terang nyata terserlah
tiada peduli halang rintangan
tanah ibunda tetap kupapah
walau jiwa bercerai badan ...!

Berita Malai, 13 Jun 1945

Bakti Putera Timur

Masuri S.N.

Beta lahir di timur
bumi nan luhur
tanah yang makmur
penuh ratna bertabur.

Beta putera Asia
sebagai kembang negara
penuntut bela
pengawal nusa bangsa.

Tiada reda sekali-kali
tanahair beta, dilumur Barat
biar tercerai roh tajalli.

Beta tepa, berbakti jihad
hanya inilah bukti hamba
sebagai putera, Asia Timur
mengawal menjaga, tanah persada
agar kekal, gemilang makmur.

Berita Malai, 13 Disember 1945



**PUISI-PUISI MENJELANG KEMERDEKAAN
1946-1957**

30

4

Memperingati Semangat Berperistiwa

Anum

1 Mac 1946 ialah saat berperistiwa
saat yang akan tercipta –
dalam sejarah bangsa kita
Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
mulai menjelma.

Peringatilah dia
wahai putera-puteri harapan bangsa!
catatkanlah dengan tinta emas
ke dalam buku sejarah
untuk pujaanmu silang masa.

Saat yang tak luput dari kenangan
saat kita menanam cita-cita dengan angan-angan
saat kita menyusun barisan
berjuang menuju kemenangan dan kebahagiaan
masa, oh masa! tibalah kamu kiranya
agar memenuhi impian pujangga
meningkat setingga demi setingga.

Melayu berparlimen
Melayu berkerajaan
Melayu raya – Melayu merdeka!
syairkanlah oh pujangga
lagukanlah oh penyanyi
agar memenuhi jiwa raga
menggerakkan sukma di dalam sunyi.

Demi sesungguhnya itulah pedoman
berjuanglah hingga tercapai idaman.

1 Mac ialah saat berperistiwa
Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
mulai menjelma.

Umat Melayu bersatu semua
bersetia, seja sekata, ingin berjasa

reda berkorban menyabung nyawa –
untuk kemuliaan nusa dan bangsa.

Majlis, 12 Jun 1946

Hiduplah Melayu!

Saidin Ahmad

- H. Hidupkanlah nama dan bangsa
- Y. Yang bersusah sepanjang masa
- D. Dapatkanlah sampai merasa
- W. Wajiblah membantah sentiasa
- P. Pada 'Malayan Union' yang dusta
- L. Lawanlah bersungguh-sungguh hati
- H. Hapuskanlah yang telah terjadi
- M. Marilah kita bersatu
- L. Lawanlah sepanjang waktu
- I. Insaflah akan dirimu
- Y. Yang sudah terharu
- W. Wahai bangsaku, hiduplah Melayu!

Majlis, 13 Jun 1946

Oh Pemimpin!!!

Ahmady Asmara

PERSEMPAHAN KEPADA DATUK ONN

Di ketika umat Melayu terbangun
mendengar seruan Datuk Onn
umpama tagar mendayu
menyeru kepada umat Melayu.

Tanah pusaka ibu pertiwi
bumiputera hendak mengetahui
adakah ibu akan dicemar
adakah bangsa asing hendak melamar.

Ke bangunan pemimpin yang perwira
iaitulah Datuk Onn terketara
ayuhai pemimpin utama
umat Melayu ingin saksama.

Pimpinlah kami dengan gagah
sampai kembali nama yang gah
bilalah! dengan cekang
bumiputera ada di belakang.

Ambillah gerakan penganjur bestari
membela bangsa di seluruh negeri
bagaimana pemimpin di dalam dunia
bekerja ke jurusan bahagia.

Pulau Pinang

Majlis, 18 Jun 1946

Darah Pemuda

Rosmah Zain

Darah yang mengalir dalam tubuhku
darah perjuangan dalam jantungku
untuk membela bangsa nusaku.

Darah yang mengalir merah berani
berjuang tak kira sana dan sini
untuk kebahagiaan nusaku rani.

Darah kebangsaan di hati tertentu
untuk perjuangan di sebarang waktu
membela nasib bangsa yang satu.

Darah perjuangan yang ada mesti
tidak beranjak sehingga mati
untuk mencapai cita-cita sejati.

Dengan darah membela bangsa
gadaikan nyawa menebus nusa
untuk mencapai aman sentosa.

Majlis, 20 Jun 1946

Kebangkitan Kaum Bangsaku

Abu Samah

Oh! Ketinggalan rupanya kaum bangsaku
di dalam gulungan kemajuan masyarakat
diayun dengan gelombang mimpi.

Silalah bangun saudara-maraku
carilah jalan untuk muafakat
kemajuan watan segera dihadapi.

Gunakan akal jalankan ikhtiar
beningkan otak cari fikiran
membina kemajuan cara bicarakan.

Kaum bangsaku jangan terbiar
kebangkitan kaum segera dijalani
nanti-menanti mesti jauhkan.

Jangan bangsaku leka bersuka
diselimuti gebar dengan kemalasan
dikelubungi penyakit segan dan malu.
bangkit-bangkit, dan segera bangkit, jangan leka
singsing tangan rebut kemajuan
merebut hak negeri kekasihmu.

Kaum bangsaku jangan berharapkan orang
berharapkan kepada pembesar dan raja
berharapkan kepada lembaga dan penghulu.

Raja pembesar dan penghulu
memandang rakyat umat jelata
sebagai anak dirinya sendiri.

Apakala kaum bangsanya maju
doa dan bantuan akan diserta
untuk mempertahankan hak dan negeri.

Kaumku, bangsaku, sedar sekarang
kemajuan bangsa lain berjalan terus

kita mesti mengejar untuk bersama.
hadapkan kaum kita di kalbu yang terang
jalan kemajuan beraliran lurus
bersatu muafakat berikat sama.

Mari-mari berpimpin tangan
sama sebangsa satu agama
satu watan satu negara.
pimpinlah iktisad di masyarakat kemajuan
kepada kebangkitan kaum dan bangsa
kepada bersatu-padu, satu bicara.

Mari, marilah lelaki perempuan
berikat kita satu tujuan
membina kemajuan bersatu hati.
apakala kita telah satu fikiran
telah bersatu anggota kemajuan
keharuman kaum dapat pasti.

Oh! Mari kita bersama
membina kaum watan dan negeri
membina pelajaran dan sekolah.
raja penghulu dibawa serta
bagi menjalankan negeri sendiri
kemajuan dunia akhirat kelak terserlah.

Akhir kalam saya berseru
kepada umat Melayu sekalian
yang satu bangsa satu agama
bersama kita jalan bersatu
buat membina kebangkitan watan
mempertahankan hak kaum dan bangsa.

Ulu Jempol

Majlis, 21 Jun 1946

Hidup Melayu

Ibrahim Abdullah

1. Goyang loceng di tiap-tiap benteng panggil segala tua dan muda hebahkan segera kanan dan kiri; hidup Melayu semboyan yang penting tetap Melayu di dunia ada tetap hidup mempunyai negeri.
2. Walau menempuh ombak mengalun menghempas mengayun siang dan malam layar tetap menuju pantai; sekalipun cara benang berpolon kusut tak tentu luar dan dalam tetapi sudah tentu antah ditampi.

Sehingga terbukti dengan nyata hak kita bagailah kita.

Di sanalah rahsia 'Hidup Melayu'
timbul perjuangan UMNO
di pentas keagungan maya pada.

Majlis, 24 Jun 1946

Oh Malaya ...!

Azti

Oh Malaya!
tanahairku
yang kucinta
tanah yang mulia
buat bangsaku
sebagai pusaka.

Oh Malaya!
tempat moyangku
bersukaria,
yang hidup mulia
di zaman lalu
penuh berbahagia.

Oh Malaya!
namamu gemilang
di sekotah alam
sebagai cahaya
fajar yang terang
memecah malam.

Tetapi....
oh Malaya!
nasibmu malang
umatmu jatuh terpendam
oleh bumimu kaya
datang pula jembalang
kepadamu ia mengancam.

Sungguhpun begitu....
oh Malaya!
kami pemuda
akan berjuang
kerana membela
nasib ibunda
untuk jasa yang akan datang.

"Hidup pemuda!" dan
"Hidup Melayu!"

Jasin

Majlis, 27 Jun 1946

Malaya Permai

Yusuf Rasyidi

Duduk pagi ataupun petang
di bulan purnama cuba amati
langitnya bersih terang terbentang
moga berak (berarak) menyayukan hati.

Di tepi pantai pasirnya putih
bercampur biru silang-bersilang
semua dipandang hatiku kasih
adakalanya hatiku walang.

Bukit dan gunung berbanjar-banjar
pohon dan rumput menghijau warna
moga dan awan berkejar-kejar
menyapu gunung jauh di sana.

Ke kampung Melayu cubalah kelih
pohon kelapa indah berseri
terkadang mata takkan beralih
sukar bandingan – payah dicari.

Layangkan pula pandangan tuan
ke sawah padi si kaum tani
membuat kalbu tidak keruan
mengucap syukur ke Tuhan Rabbani.

Marilah mari – cuba perhatikan
ke dusun Melayu tempat yang sayang
durian, manggis masak bergayutan
tupai dan burung merasa riang!!!

Petang hari udaranya sihat
moga berarak kuning dan merah
penduduk semua suka dan rehat
riangnya timbul ke muka mencerah.

Ke tengah segala laut yang tenang ...
lihatlah dia dengan teliti

berbagai rasa, berbagai kenang
datang menikam ke sudut hati.

Di bulan purnama cuba berjalan
malam umpama bertukar siang
kadang perasaan menjadi lilin
terkadang duka, terkadang riang.

Alangkah permai Semenanjung Melayu
di kampung di pekan di hutan paya
tidakkah kita berasa sayu
jika Melayu tidak berjaya!!

Semua kita wajiblah kasih
tanah Semenanjung permai dan indah
mari bersatu hati bersih
jangan berdengki tidak bersudah.

Majlis, 28 Jun 1946

Malayan Union Jikalau Datang

Hashim Gera

Demokrasi punya semboyan
Tanah Melayu jadi Malayan
ghaib Melayu jawa dan Boyan
hilang cupak dilindung tempayan.

Banyak sungguh kepandaian orang
pusing belit buat temberang
zahirnya manis batinnya curang
merampas milik harta orang.

Malayan Union jikalau datang
menghambat Melayu dari belakang
lari Melayu terbalik kuang
raja dan datuk lintang-pukang.

Habis kuasa raja negeri
tinggal lidah dengan gigi
pangkat diubah lalu diganti
jika tak salah seperti kadi.

Ayam mati di kepuk padi
itik lemas di dalam kolam
sangat hairan di dalam hati
luka biasanya bertambah dalam.

Wahai sekalian pembesar Melayu
kesalahan sekarang dari dahulu
kehidupan rakyat tak ambil tahu
benda yang busuk sudah berbau.

Orang Melayu yang tinggi pangkat
pungah dan sompong hidung ditongkat
bangsanya miskin malu didekat
tak mahu campur runding dan pakat.

Melayu miskin bertambah rendah
kepada Tuhan tangan ditadah

kerana sompong dengannya mudah
dari atas jatuh ke bawah.

Melayu yang kaya jadi hartawan
hatinya mencil tidak dermawan
mendung bangsa jalan kemajuan
harta disimpan lapuk cendawan.

Harta banyak tak tahu guna
menolong bangsa masyarakat dibina
akhirnya punah ke negeri fana
bangsa miskin hidup merana.

Lebai ketayap surau di kampung
mengajar Melayu di dalam bingung
doa dibaca tangan ditampung
tinggalkan dunia akhirat dikepung.

Akhirnya Melayu termakan upas
papa miskin licin terkupas
dunia lucut akhirat melepas
kudung ekor umpama lipas.

Parah pula rakyat jelata
sama sendiri selalu sengketa
hasad dan dendki kata-mengata
tak mahu muafakat tak bersekata.

Perkara yang sangat celaka dan karut
Melayu yang jadi tali barut
kerana hendak mengisi perut
bangsanya dijual diikat cerut.

Jikalau pembesar jual negeri
rakyat jelata apatah lagi
kerana kepentingan perut sanubari
akhirnya sama-sama menjadi abdi.

Hak Melayu terbang ke England
putih mata liur ditelan

lekat di rengkung jadi mengkalan
mati Melayu di dalam sesalan.

Wartawan Melayu boleh dipuji
membanting otak setiap hari
fikiran karangan selalu disaji
membangunkan Melayu yang hampir mati.

UMNO sudah terdiri
bangunlah kita bersatu hati
kepada dunia tunjukkan bukti
bangsa Melayu bukan abdi.

UMNO meruang
ke negeri Inggeris hendak terbang
mana dan maju berundur pantang
jangan putih mata biar putih tulang.

Malayan Union jika tak jadi
insaflah sekalian pembesar negeri
jangan memikirkan kesenangan diri
kemajuan rakyat silalah dicari.

Tanah Melayu hak Melayu
daripada bangsa zaman dahulu
bangsa yang cabul tak bermalu
harta orang diaku-aku.

Adat rakyat adalah raja
kerana raja rakyat jelata
seperti cincin dengan permata
umpama meriam di pintu kota.

Sampai di sini syair berhenti
dengarlah tuan dan hati-hati
jangan masuk ke kanan keluar di kiri
menyesal Melayu mendua kali.

Memang Kehendak Ilahi

Ahmady Asmara

Beranikah insan merobohkan....
bolehkah manusia mungkarkan....
kehendak Ilahi
melakukan sesuatu kepada hamba-Nya.

Tanah Melayu bersatu-padu
umat Melayu seja sekata
sehaluan menuju....
keperikatan yang telah tercipta.

Umat Melayu bersatu-padu
di dalam satu pertubuhan
yang kukuh teguh
menentang perubahan yang tiada digemari.

Masih adakah manusia yang mungkarkan
bahawa tuntutan Kebangsaan Melayu Bersatu
tidak berhak dan tiada kena masanya
bukankah sekaliannya kehendak Tuhan
hai insan yang cuba memecahkan
bukankah kamu idaman Ilahi ...?

Majlis, 4 Julai 1946

Perkembar*

Yusuf Rasyidi

'Perkembar' huruf yang ringkas
lebih terkenal UMNO
mencipta kemajuan diharap lekas
supaya bangsa tambah berjiwa.

'Perkembar' sudah dibina
meminta tenaga miskin dan kaya
sama mulia dan sama hina
di medan siasah harap berjaya.

'Perkembar' pusat persatuan
bekerja untuk membela nama
cerdik pandai bersatu haluan
kita rakyat diminta bersama.

Rakyat jelata memuja 'Perkembar'
umpama 'pembela' menegakkan tuntutan
diharap rakyat tidak bercabar
'Perkembar'lah jadi ikutan

Majlis, 4 Julai 1946

*Perkembar nama singkatan bagi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu

Hidup

Ahmady Asmara

Hidup-hidup selalu dipuja
pasti hidup rakyat dan raja
hidup di dalam apa sahaja
hidup bersemangat si besi waja.

Hidup marilah hidup mulia
hidup secara dituntut manusia
meninggikan taraf bangsa berjaya
hidup segenap Melayu raya.

Umat Melayu zaman sekarang
berani menuntut berterus terang
tiada reda menerima pencurang
dari kaum penjajah yang garang.

Segala corak yang akan diwarnakan
mestilah persetujuan rakyat diutamakan
kerana soal negara dipentingkan
kewajipan rakyat membelakakan.

Biar hilang jiwa yang asas
asalkan jangan hilang bangsa
atau tergadai tanah dan nusa
kepada penjajah terserah kuasa.

Hidup Melayu hidup semangat
semangat Hang Tuah keluarkan bangat
semangat pembela wajib diingat
inilah semua seyogia diingat.

Majlis, 4 Julai 1946

Rayuan Ibu Pertiwi

Hatam

Oh anak yang zahir dariku
pemuda-pemudi yang tegap sasa
mengapakah kamu biarkan daku
hingga menjadi rosak binasa?

Bukankah baka kamu semua
kupelihara dengan penat lelah
kuharap boleh mengorbankan jiwa
untuk menentang beberapa masalah.

'Kebun halamanku' luas dipandang
bijih timah, emas pun ada
mengapa kamu duduk berdendang?
orang lain datang melanda.

'Rumahku' cantik lagipun besar
kuharapkan kamu akan menjaganya
tetapi hatiku berasa gusar
orang lain pula 'tuannya'.

Hartaku banyak tidak terkira
kesenangan engkau, aku cadangkan
hatiku sayu wahai perwira
kamu miskin mencari makan.

Habislah semuanya dipunggah orang
diriku pula hendak dibaham
kamu semua hidup mengerang
mereka tertawa sambil berdeham!

Masukkanlah sedikit ke akal fikiran
wahai anakku muda teruna
'ibumu' kaya harta bertaburan
mengapakah kamu hidup merana?

Insaf, insaflah wahai tuan
janganlah asyik leka dan lalai

belalah aku biar ketahuan
jangan biarkan aku tersalai!

Bela dan bilakah aku ini
seperti kubela kawan segala
janganlah biarkan aku panas
dikoyak dibaham oleh 'senjata'!

Kalau ku hidup dengan selamat
segala 'binatang' berhembus pergi
sejahteralah kamu hingga kiamat
aku pun tidak tergusar lagi!

Majlis, 9 Julai 1946

Marilah Kita

M. Hashimi

Marilah kita

semak semula lembaran sejarah
di zaman Melayu gemilang cerah
tiga kerajaan Melayu yang makmur
memegang kekuasaan empayar Timur
keagungannya terdiri tegak perkasa gagah.

Iaitu....

kerajaan Majapahit di Jawa Madura
Sriwijaya berpusat di Palembang Sumatera
kemudian sekali muncul kerajaan Melaka masyhur.

Tetapi sedih....

lepas satu, satu, roboh dan hancur
akibat kedatangan penjajah Barat membuat angkara.

Sekarang!....

marilah kita tunjukkan kepada dunia
umat Melayu yang disangka tidak bermaya
masing sanggup menentang angkara murka
sedih memberikan jiwa raga mereka
mempertahankan hak tanah pusaka mulia.

Majlis, 10 Julai 1946

Filipina Merdeka

Roslan

Filipina tetangga tanah kami
tetangga sersia bangsa berwarna
kami se-Malaya bergirang hati
mendengar khabarmu telah merdeka.

Kemerdekaan Filipina kegirangan Malaya
kerana menurut jejak Indonesia
menyambut kemerdekaan yang mulia
selamat merdeka, selamat berjaya.

Betapa nan lagi lebih gembira
putera-puteri yang kesateria
yang berada di tanah Filipina
hidup mengecap tanah merdeka.

Oh! rakyat Melayu
ingin hidup di alam bahagia
ambilah teladan dari Filipina
rakyatnya bersatu hidup sempurna.

Majlis, 10 Julai 1946

Berjuang!

Hatam

- B Bangunlah wahai pemuda, pemudi
dari tidurmu yang lelap lena
pandanglah kepada yang telah terjadi
bangsa dan nusa telah terhina!
- R Rapatkan persatuan, dirikan barisan
berjuanglah dalam segala pergerakan
biarpun mati berhabis-habisan
kemuliaan bangsa jangan dilepaskan.
- J Jalankan pergerakan membela negeri
negeri Melayu kita yang punya
janganlah takut, janganlah ngeri
walaupun singa, mengeluarkan taringnya!
- W Walaupun menempuh lautan api
namun berjuang janganlah kurang
tak ada bangsa yang senyap sepi
boleh terlepas dijajah orang!
- U Untuk berjuang kerana negeri
hendaklah tekun, bersungguh hati
jangan undur barang sejari
walaupun akan menghadap mati!
- N Ngeri dan takut jangan disimpan
buangkanlah dia di lautan segera
tak ada 'pengayuh' dan 'sampan'
hanyutlah kita, azab sengsara!

Majlis, 13 Julai 1946

Oh Bulan

Hatam

Oh bulan di tepi awan
cahaya terang menyinari alam
waktu malam kusangka siang.

Oh mengapa hatiku rawan?
menyebabkan aku tak tidur malam
hingga badanku terhuyung-hayang.

aku duduk di tepi jalan
melihat orang bersiar-siar
pergi balik berduyun-duyun.

Waktu makan rasa termengkelan
nasibku terasa seperti terbiar
hatiku bergoyang berayun-ayun.

Seorang diri kududuk merampus
kerana badanku tidak selesa
tidak dapat kuhentakkan gaya.

Bilakah agaknya 'Malayan Union' mampus?
supaya kaumku senang sentosa
hatiku pun dapat berasa bahagia!

Majlis, 14 Julai 1946

Oh Bangsaku

Ismaun bin Mohd. Yunus

- A. Aku terkenang Panglima Hang Tuah
 - W. Wahai bangsaku hendaklah tabah
 - A. Ayunlah tenaga jangan gundah
 - B. Bilalah bangsa yang hampir rebah
 - N. Ngeri jangan cita selalu
 - S. Semangat Islam sudah dahulu
 - A. Allah perkenankan tujuan yang satu
 - K. Kemerdekaan bangsa tanahairku
 - W. Wallah demi Tuhan sumpahku
- Hidup Melayu!

Majlis, 14 Julai 1946

Tanahairku

Asmara Jaya

Malaya bumi yang suci
tanahair yang kucintai
negara yang cantik berseri
tempatku lahir ke bumi.

Kepada kau... tanahairku
kupersembahkan tenaga baktiku
kerana kau bumi pujaanku
ku pertaruhi jiwa-ragaku.

Aku rela
badanku hancur lebur
asal kau tetap luhur!

Kuingin
melihat kau merdeka
mengulangi kebesaran kerajaan Melaka!!

Majlis, 16 Julai 1946

Marilah Kaumku

Nuruddin

Marilah kaumku pada berpaktat
Muslimin Muslimat sama bersekutu
yang jauh ditarik dekat
bercantum hakikat menjadi satu.

Marilah kaumku kepada maju
kemuncak gunung tinggi upaya
jika terpesong pedoman dituju
segala maksud tidakkan jaya.

Marilah kaumku kepada berhemah
berkasih sayang berkenal-kenalan
tua muda ramah beramah
meneguhkan muhibah tali simpulan.

Marilah kaumku kepada bersemangat
gerak-geri selalu bersedia
patut kenal sepit dan sengat
kemajuan hidup tidak terpedaya.

Marilah kaumku kepada amanah
tulus ikhlas sejati sebatи
bahasa Melayu jangan dipunah
bangsa tersua kepada mati.

Marilah kaumku kepada cerdik
barang ditegah tidak terburu
agama dan adat mahu dididik
haram dan halal tidak keliru.

Marilah kaumku berbuat jasa
usaha dan rajin jadi binaan
buatlah kebajikan setiap masa
namun hidup dengan kesempurnaan.

Marilah kaumku buat bakti
bagi memelihara hak kebangsaan

kemajuan kaum patut diberati
haruslah bangsa dapat kemerdekaan.

Marilah kaumku sama-sama selamat
watan dan bangsa seisi negeri
iktisad hidup jagalah cermat
kemuliaan kesenangan kelak termeterai.

Marilah kaum bertawakal
serahkan diri kepada Tuhan
niat bersih cita-cita pukal
dunia akhirat beroleh kelebihan!!!

Ulu Jempul

Majlis, 18 Julai 1946

Mengenangkan Masa Akan Datang

Pena Muda

Di pasir yang putih aku berdiri
pandanganku tusak ke tengah lautan
sinaran bulan seri berseri
ombak menderu bersahut-sahutan.

Nun... jauh ingatanku melayang
bayu berpuput sepoi bahasa
keindahan alam nampak terbayang
badanku sejuk tak tentu rasa.

Jenuhlah sudah aku berdiri
di batu yang hampir aku dudukkan
menongkat dagu menggigit jari
bisikkan sukma kudatang merayukan.

Bangkit aku dari dudukku
terjalan lambat pergi dan datang
fikiran berkabut di kandungan hatiku
mengenang nasibku yang akan datang.

kudengar dunia dah sunyi senyap
agaknya makhluk dah habis tidur
bulan yang terang beransur lenyap
kususun langkahku lalu berundur.

Majlis, 19 Julai 1946

Memetik Bakti

Patamorgana

Sungguh berat tanggungan pemuda
pelindung umat, harapan bangsa
kerana itu, wahai pemudaku.

Berkemaslah saudara, siapkan diri
penuhkan dadamu dengan ilmu
ajarkan hati bercita tinggi.

Biarlah kita miskin harta
asalkan rohani kaya-raya
janganlah saudara berhiba hati.

Kerana papa tiada berwang
apa gunanya kaya jasmani
kalau jiwa bernasib malang.

Ingatlah wahai pemudaku sayang
bonda tiada mengharapkan wang
beliau menanti sembahana suci.

Dari pemudanya putera baru
marilah saudaraku memetik bakti
kita sembahana kepada ibu.

Majlis, 20 Julai 1946

Oh Ibuku!

Ramli Sahir

Oh ibu gembiranya hatiku
bila kupandang ke dalam taman
nampak sekuntum bunga yang merah.

Dia memandu umat bersatu
menarik segala rakan dan teman
bakal berjuang bermandi darah.

Oh ibu tidak kuukur
peristiwa ini dulu-dulunya
bunga mawar sanggup berjuang.

Kehendak dari Tuhan yang ghafur
mengubah nasib hamba-hamba-Nya
dari gelap ke tengah terang.

Ingatkah ibu zaman yang silam
di kala kabur menutup mata
di masa keadilan belum mendatang.

Di sudut dapur ibu terpendam
mulut ditutup pantang berkata
dilangkah dipijak pagi dan petang.

Oh ibu sudah terbayang di kalbuku
minta keemasan kita akan timbul
menilik pembahan di zaman kini.

Saudara-saudari tidak lagi bersuku
beban yang berat sama dipikul
mengembalikan daulat ibu pertiwi
berdamailah, bersatulah kita.

Menuju keadilan
kelak terbentanglah satu jalan
untuk keselamatan zuriat keturunan.

Penganjur

Putera Melayu

Pemimpin itu laksana bapa
penyedar kaum jangan alpa
faedah bangsa semua disapa
pekerjaan berat entah berapa.

Ngeluh melihat bangsa terhambalang
ngomel kepada sebangsa yang malang
ngalir darah berani hulubalang
negeri tidak kepada jembalang.

Nusa bangsa hendak dikekalkan
yang mundur hendak dijayakan
nasib bangsa hendak dibaikkan
neraka hidup hendak dielakkan.

Jaya maju itu dipuja
jika boleh seperti waja
janganlah lemah tinggal sahaja
jika pokok dibubuh baja.

Walau apa yang mengelirukan
warang senapang atau peluru
wah! telah sedia kubu
waktu sampai baru diburu.

Raja rakyat semua dipugar
rendah tinggi habis digegar
rumah kebangsaan dijaga dipagar
temuk mati kena bakar.

Majlis, 27 Julai 1946

Marilah Segera

Patamorgana

Di waktu bulan pertama raya
termenung aku di tepi jendela
berangan-angan khayal dan leka
mengenangkan nasib kaum bangsaku.

Serta tempat tumpah darahku
hampir-hampir hendak dipuput bayu
termenung aku sambil berangan
perkara yang baik akan dicari.

Untuk faedah negara dan bangsa
marilah kita berpimpin tangan
ayuhai pemuda-pemudi
kamulah dia harapan bangsa.

Pemuda harapan bangsa
membela hak rakyat jelata
pemudinya penolong pembantu
mari! mari dengan bersegera.

Berpimpin tangan bersatu bicara
membangkitkan pusaka hak Melayu
di tengah padang intan gemilang
penganjur penyiar telah berdiri.

Menyeru rakyat beratur berbaris
ia memimpin kaumnya ke jalan yang terang
membela hak watan negeri
daripada dipermainkan syaitan iblis.

Majlis, 9 Ogos 1946

Pucuk Kelapa

Patamorgana

Lihatlah pemuda, pucuk kelapa
semarak tanahair tercinta
melambai damai atas angkasa
lemah-longlai merayu sukma.

Mari saudara, marilah pemuda
bernyanyi memuji pucuk kelapa
marilah kita bersumpah setia
mencintai bumi tempat tumbuhnya.

Mari berjalan saudaraku pemuda
pucuk kelapa menggamit kita
jangan lagi duduk berhiba
pemuda sekarang mesti gembira.

Mari bersatu wahai pemudaku
pucuk kelapa menyeru maju
jangan lagi tafakur bermangu
bukan sifatnya pemuda baharu.

Majlis, 9 Ogos 1946

Pemuda

Ibrahim Abdullah

Siapakah itu pemuda?
ya, apa itu pemuda?
pemuda bentengan nusa
pemuda juga harapan bangsa.

Di mana-mana dunia tahu
yang tegak kepada bersendeng bahu!
tak lain tak bukan
ialah pemuda dunia akukan.

Pemuda, oh pemuda tercinta
perteguh agama, persuci jiwa
dalam pertarungan menuju cinta
agar langkahmu tidak kecewa.

Tinjaulah sejenak ke zaman datang
tilik penghidupan yang akan tiba
perjuangan keadilan pasti ditatang
jangan gelap teraba-raba.

Percantum diri di dalam gerakan
guna berjuang membela bangsa
semoga berjaya dapat diwarnakan
sebelum bangsa jadi binasa.

Jangan lupa wahai pemuda
memandang sekejap ke zaman purba
perhatikan bagaimana caranya roda
getap bergerak walaupun berpancaroba.

Tetapi, habai! wahai pemuda
biar ilmulah mengawan tinggi
biar pandai arif laksana
namun pelajaran tambahi lagi
berilmu banyak tetap berguna.

Juga

bukanlah ilmu sahaja perlu
semangat gembira tetap berguna
kedua sama percantum dahulu
untuk perjuangan di mana-mana.

Sehingga terbukti akuan dunia
kepada pemuda harapan bangsa
sekalian saudara pemuda belia
penuhilah itu seruan nusa.

Hidup Melayu!

Majlis, 13 Ogos 1946

Apakah Ertinya

Roslan

Bendera:

lambang persatuan
persatuan pokok
kemerdekaan.

Nyanyi kebangsaan:

menimbulkan semangat
semangat mendatangkan
cinta pada tanahair.

Bahasa:

jalan kemajuan
kemajuan pangkal
kemenangan.

Oleh itu:

pelihara dan jagalah
agar hidupnya
mulia dan bahagia.

Majlis, 16 Ogos 1946

Persembahan kepada Dol Said Pahlawan Naning

Asmara Jaya

Walaupun tuan telah berpisah
sekian lama telah pergi
menemui Tuhan Rabbul Izzati

Dah hancur badanmu dikandung tanah
tetapi kamu tetap dikenangi
jadi pujaan segenap hati!

Tuan pertahani darah dan jiwa
untuk membentengi ibu pertiwi
untuk mempertahankan kemerdekaannya.

Tiba... jiwamu tewas dengan perwira!!
di tengah medan darahmu ditumpahi....
oleh tangan yang bernoda jarinya!!!

Seluruh pusara digoyang gempa
seluruh syahidmu... oh... pahlawan Naning
pantulan sateria... junjungan umat...!
tetapi... semangatmu jadi lambang sateria
semarak jiwa yang hening bening...!!
rohmu... selamanya bersemadi rahmat!!

Majlis, 16 Ogos 1946

Pemuda Sateria

Asmara Jaya

Hamba pemuda harapan bangsa
hidupku semata untuk berjuang
di atas tenagaku yang perkasa
terletak nasib ibundaku sayang!

Hamba pemuda sateria
tonggak agung tanahairku
hambalah pembela ibunda
dari kecabulan yang harus berlaku.

Selagi hayat dikandung badan
ku pertaruhi diri kan ini
untuk berjuang membasmi penjajahan
dari tanahairku yang mulia suci!

Banjir darahku banjiran suci
darah pemuda sateria sejati
darahku berontak tak reda dijajahi
mengkobar semangatku berapi-api.

Biar jasmani lahirku hancur
ke pedati berkiri-kiri tulangku
asal kezaliman penjajahan lebur
barulah puas jiwa ragaku.

Jiwa murniku jiwa merdeka
jua pusaka Hang Tuah Laksamana
ku pasti sampai malapetaka
perampasan kemerdekaan ibu kencana.

Pada hari yang berperistiwa
genap setahun Indonesia merdeka
aku bersumpah, demi baih serua
darahku padahnya yang khianat bangsanya!

Majlis, 19 Ogos 1946

Semangat Perwira

Ramli Sahir

Demi gendang perang berbunyi
bom senapang berdentum-dentam
bersiang-siong peluru datang
dengan jiwa bernyanyi-nyanyi
perajurit tampil ke hadapan
kerana tanahair ditatang
di dalam asap yang hitam
di dalam udara yang keruh
di tengah-tengah kegelimpangan mayat
dengan gembira musuh dihentam
melanggar ke darat ke baruh
panasnya hati bagai disiat
tidak mengenal tewas
mayat-mayat dilangkahi
lautan darah direpang
barulah hatinya puas
berperang pun kerana digagahi
sekarang barulah hatinya senang
segolongan musuh telah terhapus
dari alam gemala.
kembalilah daulat yang sudah tertimbus
segera dan berirama semula!

Majlis, 20 Ogos 1946

Bangunlah Pemuda *Patamorgan*

Surat di dalamnya
dapat dilihat

Gempita suara atas angkasa
wahai kebangunan tanah tercinta
bangunlah pemuda, saudaraku sayang
dengarlah nyanyian girang-gemirang
marilah saudara berbimbingan tangan
mengayun langkah pulang ke taman.

Bersinar cahaya di ufuk timur
tanda bangsaku bangun tidur
insaflah saudara pemuda bangsaku
mari berbakti kepada ibu
gunakan ketika selagi ada
berbuatlah jasa semasa muda.

ombak berdesir lagunya merdu
ditangkah kasih alunan bayu
bangkitlah pemuda, saudaraku sebangsa
dengarlah panggilan tanah tercinta
jangan lagi duduk bermenung
marilah kita menyedari untung.

Majlis, 22 Ogos 1946

Siapakah Pemuda

Patamorgana

Tuan bertanya – siapakah pemuda
dengar jawabku, wahai budiman
pemuda ertinya bunga bangsa
benteng negeri semarak watan.

Jika remaja berbudi tinggi
lemah-lembut sifat pekertinya
itulah dia pemuda sejati
pemimpin umat, pembela bangsa.

Jika remaja berhati mulia
kemajuan keras, citanya tinggi
itulah dia pemuda bangsa
harapan kaum, payung negeri.

Jika remaja bersemangat remaja
imannya teguh, gagah berani
itulah dia pemuda jaya
penjaga amanah ibu pertiwi.

Jika remajanya berjiwa mulia
perasaan harum, hatinya suci
itulah dia pemuda utama
pembuat jasa penabur bakti.

Majlis, 22 Ogos 1946

Alangkah Indahnya

Zulkifli Muhammad

Alangkah permainya tanah pusaka
tumbuhan menghijau di gunung di padang
lautan bersinar kilau-kemilau.

Batang hari nan bersih laksana mestika
ladang dan sawah sayup dipandang
suria memancar berkilau-kilau....

Langitnya biru menambah permai
awannya nipis cuaca cerah
sederhana hawanya....

Tiupan udara lemah longlai
mengingatkan peristiwa yang sudah....
alangkah permainya....

Tetapi... wahai....
leka rupanya putera dan puteri
menyahut lambaian bonda
yang hampir hancur....

Leka khayal sebilang hari
hinggaan bonda tergoda....
lebur... dicebur....

Semboyan berdering-dering....
memanggil putera-puteri ke medan
membela kehormatan bonda mulia.

Tampillah lekas bertempik nyaring
biarlah melayang jiwa di badan
kepada bonda cinta setia....

Majlis, 26 Ogos 1946

Seruan Pemuda

Zulkifli Muhammad

Oh pemudi kenapa leka
bersolek berdandan berbagai-bagai
berlenggok-liuk senyum ketawa.

Lupakah dinda tanah pusaka
yang tergadai....
dengan maut dah bersua.

Lena benar dinda nan tidur
di atas geta hina-dina
diolek khayal-khayalan....

Hingga tak sedar kita dah mundur
sengsara dan hina
jauh ketinggalan....

Sekarang susunlah barisan dinda
membantu beta berjuang mara
bersama-sama menuju bahagia.

Membela bonda dari dinoda
membasmi segala mala angkara
hingga berjaya....

Sekiranya kita berdua ke muka
membayar hutang kepada bonda
dengan segala tenaga perkasa.

Selamatlah bonda dari petaka
pancaroba pun reda
hidup kita nan sentosa.

Majlis, 6 September 1946

Edaran Dunia

Zulkifli Muhammad

Lihatlah dunia berputar
berpusing beredara
menukar keadaan rupa
dari begini kepada begitu
menyedarkan yang alpa....
mengerakkan yang kaku....

Renunglah edarannya....
dengan matahari saksama
menjadi ibarat contoh
kepada pemerhatinya....
supaya beredar sama
dengan bekerja sungguh....

Tetapi kenapa?
bangsaku menonton dia
laksana bayang-bayangan
tak memberi kesan pengajar!
mereka asyik ria
dilambung angan-angan....
lupakan dunia beredar.

Sekarang... turutlah edaran dunia
menuju perubahan....
yang gilang-gemilang....
menemui mulia raya
mengecap nikmat Tuhan....
gembira nan girang....

Majlis, 10 September 1946

Melayu Tak Akan Hilang di Dunia *Asmara Jaya*

1. Bila dikenang zaman purba
zaman gemilangnya kerajaan Melaka
membuat keluar si air mata
menyirami riwayat bapa sateria
riwayat 'Hang Tuah' puji dikata
"Melayu tak akan hilang di dunia".
2. Setelah empat kurun terbenam
dalam ketiduran dan porak-peranda
baharulah matahari kesedaran bercahaya
menyinari 'Melayu' daripada kelam
membangkitkan 'Melayu bergerak mara'
"Melayu tak akan hilang di dunia"!!
3. Walaupun berlalu kecelakaan menimpa
tamat Jepun, yang lain menerpa
kita tetap hadapi dengan jambawa
berjuang terus tak mempeduli apa
perpaduan yang teguh kuat!
"Melayu tak akan hilang di dunia".

(Hidup Melayu dan tetap hidup selama-lamanya!)

Majlis, 19 September 1946

Kenangan kepada Panglima Hang Tuah

Mazida

Oh... panglima Hang Tuah
riwayatmu gilang-gemilang
semasa engkau masih ada
kejayaan pelik dalam sejarah
kedudukan bangsa tingkat cemerlang
tapi sekarang sudah ternoda
masa ini engkau tiada
dah meninggal dalam perjuangan....
jiwamu syahid dalam perwiraan
semasa menunai kewajipan
seturut syahidmu berupa jiwa
di medan pertempuran mempertahan kemerdekaan
oh... Hang Tuah berjiwa Sateria
rohmu selamanya disirami rahmat
kepada Ilahi minta diberkati
di tengah medan engkau kecewa
tubuhmu bermandi darah
kehilanganmu berkurun ditimpa duka....
sekarang... percayalah pada pemuda Malaya
menempah perjuangan dalam selamat
jejak langkahmu sedang diikuti
kesedaran... dan jiwa terus kecewa
menuntut umat kesaktian darah
dalam merebut Malaya merdeka.

Majlis, 24 September 1946

Malaya Subur!
Harun Aminurrashid

Dari jauh kalau ditinjau
seluruh Malaya tanahnya hijau
di sanalah peladang bersuka ria
tanahnya masyhur subur dan kaya.

Getah padi subur hidupnya
dicampak sahaja elok tumbuhnya
siapakah tak ingin melihat Malaya
tempat yang boleh berkaya-raya?

Hawanya sama sepanjang masa
senang hidup aman sentosa
memang Malaya subur tanahnya
pokok makanan senang tumbuhnya!

Malaya – subur – kaya
Melayu belum percaya?

Hiburan, November 1946

Marilah!

Harun Aminurrashid

Marilah saudara kita berjuang
jangan kira penat dan wang
semangat takut dan ragu lekaslah dibuang
sementara lapangan lagi terluang.

Marilah saudara kita bersatu
perubahan kaum tolong dan bantu
berdermalah kepada yatim piatu
pergerakan kaum masuk sekutu.

Marilah kita berpadu terus
di zaman nasib sedang tirus
hindarkan perasaan yang kurang lurus
supaya maju seperti harus.

Marilah kita berikat erat
buang kotor kikislah karat
bersatulah kita laut dan darat
supaya terangkat barang yang berat.

Marilah kita terus bergerak
kumpulkanlah segala tenaga yang terserak
himpunkan segala kekuatan yang berjarak
ke medan kemenangan kita beranak.

455
Hiburan, Disember 1946

Hiburan, Disember 1946

Tahun Baharu

Zulkifli Muhammad

Kian lama
Dikau kutunggu-tunggu
Agar semangat dapat kubaharui
Kini baharu dikau menjelma
Dalam udara perjuangan menderu
Bertambah keras sehari-hari
Cahayamu berkilau-kilau
Penyuluh daku bergiat
Di medan gelap-gelita saujana
Menuju kemerdekaan gemilau
Membawa rahmat umat
Bahagia raya nun di sana
Semoga jasa berganda
Disirami air semangat sateria
Diliputi udara jaya
Menuntut hak di maya pada
Memberi pengorbanan setia
Yakin mencapai sentosa ria

Oh ... angkatan baharu
Dengan semboyan genderang
Alamat 'Tahun Baharu' menjelang
Bangunlah bergerak maju
Tampil ke muka berjuang
Sepanjang Tahun Baharu gemilang.

Medan Masyarakat, Januari 1947

Menyeru Hidup

Setia

Mari kita menyebut hidup
hidup di dalam erti sebenar
mari kita menyeru hidup
hidup dalam negara bersinar.

Hidup watan negara Melayu
hidup selama kekal abadi
semakin hidup semakin maju
hidup maju mengandung erti.

Hidup subur semangat kebangsaan
menyubur gembira semangat di dada
semangat berjuang semangat berkorban
semangat perwira tahan dilanda.

Hidup pemuda harapan bangsa
hidup pemudi taulan perjuangan
berbakti kepada bangsa dan nusa
diharap bakti biar berpanjangan.

Hidup subur tubuh kesatuan
hidup tegap berdiri perkasa
berjuang terus di segenap di medan
membela agama, bangsa dan nusa.

Hidup Melayu kiri dan kanan
hidup berkhidmat sebilang hari
sempurna cita diangan-angan
menuju berdiri di kaki sendiri.

Ayuh!!...
mari kita menyebut hidup
hidup dalam erti sebenar
mari kita menyeru hidup
hidup dalam negara bersinar.

Hidup Melayu Merdeka!!

24 Februari 1947

Merdeka
Putera Melayu

Alangkah susahnya hendak merdeka
menempuh perjuangan serta petiaka
salah gaya menjadi neraka
bangsa dan watan habis neraka.

Harta tenaga mesti dikorban
jiwa-raga jua dihumpan
iktitad pengetahuan mesti dikuatkan
pertahankan negara jua disediakan.

Cerdik pandai mesti banyak
kerana menjadi sebagai pasak
tiada agung negara tegak
baharulah negara tahan lasak.

Begitu jua segala latihan
perniagaan perusahaan handal pilihan
serbaneka beroleh kejayaan
bersatu-padu mendaki kemerdekaan.

Kerajaan merdeka bukannya senang
bukan seperti kerajaan dayang
memerintah malam menganggur siang
tema cerita angan-angan terkenang.

“Hidup Melayu – terus merdeka”

27 Februari 1947

Cinta Pemuda

Zain

Oh, pemuda!!
pemuda pujaan bangsa
pemuda harapan bangsa
tahukah kamu!!
di mana cintamu
di mana kekasihmu
ingatkah mu!!
harga jiwamu
nilaian rohmu
sekali bukan!!
bukan cintakan gadis yang manis
bukan cintakan timbunan wang
sekali bukan!!
berkorban kerana dia
kerana hendak menyuntingnya
tetapi ke mana!!
cinta kepada agama
cinta kepada nusa dan bangsa.

1947
1947

1947
1947

Majlis, 28 Februari 1947

Penderitaan Kita

Zulkifli Muhammad

Berkurun-kurun penjajah memijak nusa
merampas merebut kekayaan negara kehormataan bangsa
kita tertindas jatuh gugur telentang tertiarap
kucar-kacir hina-hina terayap-rayap

Kemegahan dipuja hilang lenyap hapus pupus
darah diminum tulang dihisap hingga kurus
nusa luas riang ria kaya makmur
rosak terhempas susah pecah hancur lebur.

Bercerai-cerai rakyat murba merata ceruk
pecah-pecahkan kemudian perintah cita-cita busuk
atas penjajah menipu rakyat mendaya murba
menjadikan bangsa gah mulia budak hamba.

Pekik jerit ke sana sini menderita sengsara
mula hina sama terlantar terkatung-katung
dimain-main penjajah keji terlambung-lambung
berbagai rupa ragam penanggungan kita
lemah pena menggubah madah melukis kata.

Kini, walau di mana kita berdiri
biar berjauhan berlainan daerah rantau negeri
bersama berjuang bersungguh hati beramai-ramai
berteguh setia bersatu padu berikat simpai
menuju cita-cita kemuliaan bangsa dan tanahair
persada pusaka turun-temurun tempat terzahir.

Bangunlah putera-puteri serentak memalu tambur
menyedarkan bangsa melaksanakan cinta murni luhur
membela agama bangsa nusa kampung halaman
sedarah daging senasib untung handai dan teman
bersatu daya berpadu tenaga memutus ikatan
mengubah nasib 'azab penderitaan'.

Medan Masyarakat, Mac 1947

Perkembar

Mila

PERKEMBAR sudahlah ia menjelma
rata dunia terkenallah nama
tujuannya membela kaum dan watan
wujudnya sekarang pintalah kedapatan
berjaya PERKEMBAR menebus kuasa
waktu Mac Michael mengugut raja
hingga menurut kata paksa
nak dijadikannya Malaya, Malayan dipuja
kerana kita (rakyat) dah insaf sedar
bagi mengenangkan nasib yang akan datang
negeri nanti Malaya beredar
seperti Palestine jari haram petang
untuk membela hak dan pusaka
nah kita sudah bersatu padu
menunaikan kewajipan menentang penaka
lebih giat bersemangat tempoh beradu (berjuang) lawan
itulah berjuang dengan kata dimajukan
yang kecerobohan itu dapat ditolakkan
walau bagaimanapun hak kita dikembalikan
bukankah sudah dapat kita buktikan
rupanya inilah berkat bersatu padu
segala-galanya berkat setuju sefaham sekemahuan
orang bukanlah susah hendak memangkah
tetaplah kita bekerja Bersungguh-sungguh jangan bungkas
wahai raja ingatlah rakyat oh penganjur
pimpinlah kita sehingga berjasa meninggalkan bekas.
"Hidup Melayu"

Majlis, 1 Mac 1947

Mahligai Persatuanku "Perkembar"

Adi Mas

Malaya no 10

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
itulah mahligai persatuan bangsaku
pergerakan, perhimpunan kaum dan suku
bermuafakat, berunding bersatu-padu.

Ke sanalah tempat harapan bangsa
pembangun penyedar Melayu raya
kesimpulan bersatu seia sekata
menuju kemajuan bangsa negara.

Memang di sanalah istana persatuan
pemimpin berunding mencari paduan
menggerakkan Melayu menuju tujuan
dengan penuh semangat kemelayuan.

Bermuafakat berkat, bersatu setia
bermutu selamat, bersungguh berjaya
bergerak berjuang maju dan mara
menuju ke arah mahligai bahagia.

Runtunan hati wahai perwira
pemimpin nusa harapan bangsa
rentak tumpahkan nan sepenuh bicara
agar bangsa bergerak, berjaya.

Majlis, 18 Mac 1947

Datuk Onn Berdiri

N. Latif

Onn berdiri membela!
negara bangsa harta pusaka
hak yang halal di dunia baka
kekal abadi ke hari muka.

Di kabusan malam
Onn berdiri menyuluhi
di aluran denai ke arah jalan yang ditempuhi
dipenuhi duri

Di lurah yang dalam di bukit tinggi
ia tegak memegang kemudi
kemudian Onn berdiri melangkah
menuju ke tebing sana....

Dengan sikapnya berhati tabah
memimpin kabilah yang porak-peranda
sekarang... Onn berdiri di tebing bendera
mengibari panji lambangan kita
menjadi pujian di tiap masa
zaman berzaman kekal (terpanta)

Sesungguhnya juga!
membangkitkan semangat kesateria perwira.

Mari marilah kita! Sama berdiri
di sampingnya... Onn pahlawan sateria
buktikanlah semangat
menjadi kesateria di ibu pertiwi.

Majlis, 9 April 1947

Hiduplah Melayu, Hang Tuah

Hatam

- H. Hiduplah wahai bangsa Melayu
hilanglah segala lemah dan layu
celikkan mata janganlah kuyu
tentanglah segala taufan dan bayu.
- N. Ngeri dan takut patut dibuang
keraskan semangat, sedia berjuang
bersatu hati, kumpulkan wang
derma kebangsaan masih terluang.
- T. Tuntutlah pelajaran yang mana berguna
kepada bangsa, janganlah lena
betulkan yang salah, mana tak kena
supaya perdiriannya tegak terbina.
- W. Waraskan fikiran sihatkan badan
bersatulah seperti pisang setandan
yang mana kusut silalah dandan
kehidupan bangsa biar sepadan.
- A. Allah Taala kelak mengurnia
kepada bangsa yang berhati mulia
hidup selamat serta bahagia
hingga kepada akhir dunia.
- H. Hang Tuah empunya kata
meninggalkan wasiat kepada kita
“takkan Melayu hilang di mata”
di dalam hati sematkan serta
hidup Melayu!

Majlis, 20 Jun 1947

Angkatan Baru

Masuri S.N.

Berlapis barisan angkatan baru
melangkah gerak maju sedia
serentak lebur ikatan dulu
menetak putus belitan jiwa.

Bangun semua, para perwira
dari gunung terjun menurun
menuju laut idaman sukma
tiada peduli aral bersusun.

Sudah tekad di dalam hati
angkatan baru semarak watan
sudah sepakat di dalam bakti
rela derita sudi berkorban

Tiada lain ingatan datang
hanya satu bukanlah dua
angkatan baru tetap berjuang
sehingga nusa gemilang rupa....

Angkatan Baru
Masuri S.N.

Angkatan Baru
Masuri S.N.

Kencana, Julai 1947

Harapanku....

Adimasan

Wahai penganjur! Penaku mula mengatur kata
kepada tuan harapan nusa bangsa serata
kepada tuan juga diharap dan dipinta
mudah-mudahan Melayu dapat seja sekata.

Harapan kami kepada penganjur sungguhlah besar
ibarat gunung sudah gerak dan dikisar
diubah semua dari sen sampai ke kasar
diubah rupa, diubah corak, bertukar dasar.

Dasar mana yang menjadikan Melayu tidak nan maju
bahkan main bertukar rupa bertambah layu
ibarat kapas yang sangat kering ditiup bau
tak tentu arah dan ke mana hendak dituju.

Bukankah dahulu bangsa Melayu sangat termasyhur
di serata dunia terutama sekali di sebelah timur
mempunyai kuasa bersemangat tuanya bertambah makmur
kini Melayu menjadi bangsa yang sungguh mumur.

Oleh itu! Kepada penganjur kami harapkan
dengan sepenuh hajat di hati kami pohonkan
bergerak! berjuanglah! memimpin dengan penuh kesanggupan
hingga tercapai dan berhasil apa dihajatkan.
hidup Melayu – merdeka.

Majlis, Julai 1947

Itulah Pemuda...!!!

Syahba

Susah senang azab sengsara
tenang dan sabar setiap masa
berpantang mundur bahkan mara
itulah pemuda harapan bangsa.

Tidak gentar ataupun takut
walau dipulu ribut dan taufan
tidak berkisar menghadap ugut
itulah pemuda kasihan watan.

Tidak menghiraukan umpat dan keji
sentiasa dengan bersih hatinya
tidak suka caci-mencaci
itulah pemuda yang sebenar-benarnya.

Sombong dan takbur tak ada padanya
taat setia dengan saksama
sebarang kerja dengan telitinya
itulah pemuda kasihkan agama.

Huruf 'P' ialah pembela
'M' masyarakat meninggikan mutu
'W' watan itu dibela
dan agama Islam yang tentu.

Itulah pemuda tanggungannya pasti!
hidup mesti tunjukkan jasa!
biar mati asal berbakti!
itulah pemuda penghidup bangsa!

Majlis, Julai 1947

Kemerdekaan Malaya....

Zain

Sayup-sayup tabuh berbunyi
ayam berkокok bersahut-sahutan
merdeka – merdeka insan menyanyi
di nusa, di bendang, pesisiran hutan.

Noj bangun mengambil wuduk
bersaf-saf menunaikan sembahyang
ke hadrat Tuhan kita tawaduk
pantai kemerdekaan telah terbayang.

Fajar menyinsing di ufuk timur
cahayanya merah sinar atuman
kemerdekaan Malaya negeri yang makmur
penuh dengan permata intan.

Unggas terbang ke sana ke mari
tak tibau melambung tinggi
bergerak tahun bulan dan hari
kemerdekaan Malaya tak lama lagi.

Sekalian pedati memikul tenggala
menuju sawah bendang sendiri
kemerdekaan Malaya tercapai semula
merdeka – merdeka bangsa dan negeri.

Majlis, 5 Julai 1947

10 Julai

Mohd. Yusuf Bakar

Di tanggal 10 Julai
436 tahun yang silam
kesedihan yang tak ternilai
mencatatkan keburukan di sejarah alam
di atas robohnya kerajaan Melaka
hilanglah kemegahan Melayu raya
hilanglah kebebasan hidup merdeka
ditelan penjajahan zalim aniaya
marilah kita semua
tunduk ke bumi memejamkan mata
tafakur sejurus mengingatkan peristiwa
kejadian sedih yang tak dilupa
sambil berazam di dalam hati
tetap berjuang sampai mati
 sehingga datang kembali
kemegahan yang kekal abadi.

Majlis, 10 Julai 1947

Panggilan Tanahair

Ros Hamadi

Alangkah cantik serta permai
wahai umat Melayu!
tanahairmu Semenanjung bumi yang kaya
tanah yang subur dan berbudi
tempat jasad dan jiwamu yang abadi
engkau lihatlah langitnya yang sentiasa teduh
waras sihat dan bahagia
di bawah payungan engkau berada dengan sempurna.
iaitulah langit yang pernah menurunkan hujan
hujan yang berairkan emas mengalir di buminya
yang telah dikutip orang
tapi engkau oh!! umatku masih lena
tidakkah terfikir di kalbuku?
laut dikelilingku penuh dengan mutiara
mengapa kamu tidak berusaha mengambilnya
berikhtiar bagi memperolehnya
luaskah kamu memandang?
sudahkah kamu iri?
'orang lain' bukan umatku memperoleh nikmatnya.
cubalah kamu pandang di daratan sana
nun! gunung hijau-hijauan
tanah yang penuh rimba dan hutan
tetapi!
di sanalah penuh dengan intan berlian
yang hanyalah menanti tenaga kamu
menunggu titik peluh kamu
manakala kukenangi satu-persatunya
oh sedih – rawan – pilu!!
aku bergelar Tanah Melayu
tetapi umatku sengsara
tidur lenyak dinyanyi dengan
berbudi – berbudi – budiman!!
di manakah pemuda bersemangat waja?
di manakah wanita yang berhati murni?
yang berjiwa di zaman atom
yang bersedia untuk berkorban
yang memandang hidup 'hanyalah bekerja'

marilah jangan lengah
belakan!
didikkan!!
dan gunakan daku!!!
untuk umatku umat Melayu
di sanalah terlukisnya
bagi melaksanakan hidup bahagia
dan terciptalah
hidup Melayu – terus merdeka!

◎◎◎◎◎◎◎◎◎◎

◎◎◎◎◎◎◎◎◎◎

Majlis, 22 Julai 1947

Kaulah Pemudi

Syahba

Oh! Pemudi seri negara
peliharalah dirimu baikkan laku
penuhi dadamu akal bicara
untuk memuliakan kaum dan suku.

Dikaualah terletaknya segala kemuliaan
satu-satu negeri ataupun bangsa
rosak kau rosaklah kemajuan
mulianya kau mulialah nusa.

Dikaualah pemudi tersiar merata
jiwa pendidik pengasuh pembina
pembangunan semangat jiwa pencipta
bakal ibu yang sangat berguna!

Kaulah pemudi mestilah jaga!
sebagai kuntum bunga yang wangi!
kalau hidupmu sudah terduga!
busuklah taman ibu pertiwi!

Sekianlah wahai pemudi!
jangan selalu salah sangka
peganglah pedoman betulkan kemudi!
untuk menuju ke pulau merdeka!

Majlis, 30 Julai 1947

Oh Pemuda

Garisan Abang Sersing

Oh pemuda harapan bangsa
bangkitlah bergerak bangkitlah maju
menuju kemerdekaan hak pusaka
jangan nanti jangan tunggu.

Oh pemuda mempunyai semangat
semangat bercahaya di dalam dada
bangkitlah kita marilah berkhidmat
kepada watan dan bangsa.

Oh pemuda Malaya jati
marilah kita ambil teladan
semangat republik semangat yang suci
berjuang menuju hak kemerdekaan.

Oh pemuda marilah segera
bangkit menuju tangga merdeka
jangan ditempuh esok dan lusa
bangkit menuntut hak pusaka.

Oh pemuda yang berbahagia
berjuang kita menuntut hak watan
di zaman atom inilah masanya
salam merdeka saya ucapkan

oh pemuda harapan
bangkitlah bergerak bangkitlah maju
menuju kemerdekaan hak pusaka
jangan nanti jangan tunggu.

oh pemuda mempunyai semangat
semangat bercahaya di dalam dada
bangkitlah kita marilah berkhidmat
kepada watan dan bangsa.

oh pemuda Malaya jati
marilah kita ambil teladan
semangat republik semangat yang suci
berjuang menuju hak kemerdekaan.

oh pemuda marilah segera
bangkit menuju tangga merdeka
jangan ditempuh esok dan lusa
bangkit menuntut hak pusaka.

oh pemuda yang berbahagia
berjuang kita menuntut hak watan
di zaman atom inilah masanya
salam merdeka saya ucapkan

Majlis, 8 Ogos 1947

Darah Perwira

Khaidir Razali

Meski gugur
hancur ke bumi
harumnya tersebar
debu mantera.

Meski pecah
laksana ratna
cahaya membayang
di Nusantara.

Rianglah hati
gembiralah sukma
rantai terputus
lenyap sengsara.

Jambatan emas
terentang sudah
pertwi bahagia
bakti perwira.

ngku muzium
1947

Mastika, Ogos 1947

Hang Tuah

Ahmad Nordin

Hang Tuah pahlawan yang berkhidmat
handal berani gagah dan kuat
hilang di dunia meninggalkan semangat
harum namanya meninggalkan darjat.

Ayuhai pemuda turut olehmu
anjuran pahlawan zaman dulu
agar namamu puja tertemu
abad yang dicinta bertalu-talu.

Niat yang baik sangat berharga
negeri sendiri dikawal dijaga
nazar yang tunai sebesar tenaga
namamu tertulis di pintu syurga.

Gerak pahlawan patut digubah
gelarnya terbilang menjadi sejarah
girang hati menuju arah
kerana menuju ke jalan cerah.

Seru Hang Tuah yang bermaya
Melayu takkan hilang di dunia
berani berjuang dengan upaya
untuk kemerdekaan negara dan bangsa.

Medan Masyarakat, Ogos 1947

Gundah

Rosmera

Alangkah gundah hati Rajuna
duduk termangu di tepi pantai
terkenang nun jauh ke sana
ibu, adik, kampung dan handai.

Melihat lelayanglah terbang tinggi
pulang ke sarang di kala petang
terbayang kelana dulu begini
bersama ibu dari permatang.

Kian sedih hati memilu
air mata membasahi pipi
teringat padi kutanam dulu
tak dapat kutuai di waktu ini.

Cuma ke engkau oh! lelayang
kuharap menyampaikan berita ke sana
kepada ibu, adikku sayang
daku bersedih tak dapat bersama.

Kencana, September 1947

Oh ... Malaya Tanahairku

Abdullah Sanggura

Oh...Malaya tanahairku
aku sedia kembali membelamu
tetapi alangkah kecewanya
kerana masanya belum tiba.

Oh...Malaya kau tidak akan ke mana
masanya pasti tiba
terlepas dari segala bencana
bahagia raya dalam alam merdeka.

Oh...putera dan puteri Malaya seluruhnya
susunlah tenaga sekarang segiat-giatnya
kepada engkau terletaknya
nasib nusa, bangsa dan agama.

Tekad kita untuk kemerdekaan
jangan lengah jangan segan
terus maju walaupun penderitaan
tidak ada korban tidak ada kemerdekaan.

Oh...ibu pertiwi sabarlah dulu
di tanah seberang bertaburan pemudamu
siap sedia kapan perlu
kembali membela Malaya tanahairku.

Kencana, Mac 1948

Di Nyiur Melambai

Ghazali Hassan

Dalam saat tiap ketika
engkau melambai damai permai
mengukir kata madah seloka
indah-indah pancaran untai
dalam suka kurnia Ilahi.

Hati siapa tidak tertawan
jiwa siapa tindakkan rayu
memandang seni lambaimu nyiur
bergerak hati ke medan perjuangan
menuntut sumpah ibu ratu
tanahair yang indah makmur.

Dalam masa perjuangan sekarang
tenaga batin perlu kuat
semangat bernyala tiap ketika
hidup merdeka di alam gemilang
hak manusia seluruh jasad
hidup berkorban yang penuh jasa.

Jangan termangu lagi pemuda
jangan termenung lagi puteriku
ayah dan ibu lepaskan anak....
jangan diratap berhiba-hiba
medan berjuang ke sana tuju
roh dan nyawa tetap bergerak.

Jangan mati di kala hidup
hidup yang hampa sia-sia
jadi sampah di masyarakat
mari kita bersorak hidup
tanah moyang lalu dibela
kebesarannya engkau angkat.

Nyiur melambai dari Indonesia
menghimbau-himbau alam Melaka
tanah kebesaran Hang Tuah pahlawan

sambung riwayatnya Angkatan Muda
jangan digila rupa dan gaya
masa kini masa perjuangan.

Terdengar tempik meninggi sorak
sorak gembira yang merdeka
dalam kehidupan bahagia raya
wajah Melayu kian semarak
berbimbing tangan sudah semua
kemegahan datang dengan usaha.

Kencana, Oktober 1948

Pelita yang Tak Padam-padam

Keris Mas

Walau ribut taufan menderu
halilintar membelah menggegar bumi
walau gelap lembap membeku
di muka jalan medan bakti.

Namun pelita menyala juga
di dalam dupa hati nubari
bercahaya hidup bagai geliga
tak padam sampai abadi.

Kini engkau rebah ke bumi
besok aku diikat paksa
berganti-ganti kita pergi
sampai akhir keturunan bangsa.

Namun pelita tetap bernyala
berapi-api merah membara
menjadi suluh hasrat bangsa
tak padam sepanjang masa.

Walau jasad hidup merana
walau dihimpit ditindas ganas
pelita cinta kan hidup jua
menyinar jiwa hasrat bebas.

Mastika, Januari 1949

Hidup Bekerja

Hajah Zain Sulaiman

1. Marilah kita hidup bekerja mengumpul derma buat belanja kerana pelajaran gadis remaja jalan hidup kita nan taja.

Jawab beramai-ramai:
Melayu sedia berbakti
ke tanah iring sejati
bersatu-padu bersungguh hati
hiduplah bangunlah bangsaku!

2. Hidup bekerja satu tujuan membina jalan kemajuan menyeru bangsa kaum hartawan bantulah derma anak perawan!
3. Hidup bekerja mengikut peredar menyeru kaum di kampung bandar wahai penganjur tempat bersandar tolong bangunkan yang belum sedar!
4. Hidup bekerja bertolong bantu mengisi tabung derma yang tentu ibu Melayu tinggilah mutu baharu terbukti Melayu bersatu!
5. Hidup bekerja bertolong-tolongan lelaki perempuan berpimpin tangan beban yang berat jadilah ringan boleh terbang atas kayangan!

Hidup bekerja rela dan suka mengurus pelajaran gadis mestika seluruh Semenanjung Selat Melaka menuju jalan hidup merdeka!

Rakyat Bersatu

Hajah Zain Sulaiman

1. Rakyat bersatu menjadi asa kebangsaan Melayu itulah bangsa bersatu adat resam dan bahasa taat setia sentiasa.
2. Rakyat bersatu azam dan niat yakin percaya setiap saat rakyat atau raja – raja atau rakyat kebangsaan Melayu segar dan sihat.

Bangunlah bangsaku, hiduplah rakyatku, merdekalah negeriku.

3. Rakyat bersatu bekerjasama di bandar di desa di ladang di huma susah dan senang sama diterima jalan kemerdekaan tujuan utama bangunlah bangsaku, hiduplah rakyatku merdekalah negeriku.

Majlis, 21 Januari 1949

Jiwa Hamba
Tongkat Warrant

Termenung seketika sunyi sejenak
kosong di jiwa tiada penghuni
hidup terasa diperbudak-budak
hanya suara melambung tinggi.

Berpusing roda beralihlah masa
berbagai neka hidup di bumi
selagi hidup berjiwa hamba
pasti tetap terjajah abadi.

Kalau hidup ingin merdeka
tiada tercapai hanya berkata
ke muka maju sekata, maju kita
melemparkan jauh jiwa hamba.

Ingatan kembali kata sakti
dari bahang kesedaran berapi:
'di atas robohan Kota Melaka
kita dirikan jiwa merdeka'.

Utusan Zaman, 27 Mac 1949

Oh!!! Pujangga

Yahya al-Thani

Oh!! Pujangga besarnya bakti
memusingkan tenaga setiap waktu
untuk membantu kesiapan negeri
keadaan kita umat Melayu.

Oh!! Pujangga serta wartawan
ucapan dari anak negara
hidangan terima kasih kami sertakan
menyelamatkan kami dari ketara.

Oh!! Pujangga ulangan kali
tuan sebagai orang tua di rumah
kerana menasihatkan sekalian ahli
kelak jangan menjadi lemah.

Oh!! Pujangga bandingan lagi
sebuah perahu kita misalkan
tuan menjadi jurumudi
sekiranya lemah menjadi ketinggalan.

Oh!! Pujangga kami berseru
untuk membantu perdirian kami
tuanlah diharapkan menyokong bantu
memenuhi peratus tegap berdiri.

Oh!! Pujangga harapan kami
menumpahkan tenaga setiap ketika
kami berpekkik tidak berhenti
memohon hujan emas mestika.

Hiburan, 3 September 1949

Kehidupan

Ghazali al-Jadidi

Saudara!

di zaman pembangunan bangsa
menjadi insaf semata
kita pun saudara
berkhidmat jangan tiada.

Saudara!

tak termuat... apa!
kalau kata perjuangan
menggelegak sehari ke sehari
hatta budak pandai berdiri.

Tahu....

walhal kaum bangsa
sepanjang lunang kebangunan
akulah pembina katanya.

Malahan....

ke hadapan maju mara
memerhati bukannya masa
mahu sedia segera
laksanakan api cita-cita.

Hiburan, 15 Oktober 1949

Askar Melayu

Yazid Jaafar

Askar Melayu askar terbilang
dari dahulu sampai sekarang
bisa berjuang malam dan siang
tidak memilih musuh yang girang.

Askar Melayu askar perwira
pandai menggunakan sebarang senjata
di Bumi Malaya berdiri sedia
untuk menyelamatkan nusa dan bangsa.

Askar Melayu askar cemerlang
disongkok bersinar singa berjuang
di tengah-tengah sedia keris bersilang
itulah tandanya askar yang garang.

Askar Melayu taat setia
kepada agama ataupun bangsa
itulah sebab lengkap sedia
untuk mencegah sebarang bahaya.

Askar Melayu harapan bangsa
buat umat Melayu raya
semangat berjuang sentiasa ada
iaitu di hutan atau di rimba.

Askar Melayu askar bangsaku
marilah kita bantu-membantu
maju ke hadapan musuh dituju
tak takut mati kerana peluru.

Askar Melayu wahai pemuda
ialah askar kebangsaan kita
biar mati tidak mengapa
asal ada meninggalkan jasa.

Askar Melayu wahai pemudi
ialah askar kamu sendiri

kalau sekiranya semua kami dah mati
tempat kami kamulah ganti.

Janet Edward
1949

Hiburan, 5 November 1949

mais nenas & lemon
nasi ulu sayur
nasi goreng

roti nasi goreng 30.00
1/2 kg nasi
nasi ulu sayur
1/2 kg nasi

nasi ulu sayur
nasi goreng
1/2 kg nasi
nasi ulu sayur

roti nasi
1/2 kg nasi
1/2 kg nasi
1/2 kg nasi

Pusaka Datuk

Multalati

Zaman gemilang mencatat sejarah
sejarah Datuk Panglima Hang Tuah
pusaka datuk sebilah keris
sehelai bendera 'Sang Saka Merah Putih'.

Kalau Datuk gugur di medan
hilang di dunia tidak kelihatan
kamilah cucu datuk yang tinggal
menurut jejak Datuk Panglima.

Di atas runtuhan Kota Melaka
datuk hilang mengghaibkan diri
entah di mana datuk bertapa
mendengar segenap pekik pertiwi.

Tak seketika beta terlupa
atau terlalai mendiamkan diri
baik suka atau nestapa
cita-cita tetap menebus mulia.

Hiburan, 12 November 1949

Negaraku Malaya

Mohd. Nor bin Ahmad

Nun! Sejoreng tanah di Selatan Asia
tanahnya rata dan subur
iaitulah negaraku – Malaya
yang gah masyhur – makmur.

Kalau dipandang di sebelah timur
berpantai landai putih bersih
lautan tenang biru bersinar
hawanya segar udaranya bersih.

Di tengah laut bertaburan pulau
bengkang-bengkok teluk dan rantau
tebing ditumbuh kelapa menghijau
di sinilah medan murai berkicau.

Langitnya jika cuacanya terang
matahari memancar gilang-gemilang
mencurahkan rahmatnya pagi dan petang
bayu berpuput malam dan siang.

Nun!! Di tengah daratan – tampak kelihatan
banjaran gunung berderet-deretan
memujur dari utara ke selatan
kemuncaknya tinggi disaputi awam.

Jika dilihat di paya yang curam
memutih air terjun di paya
teratai berkembangan di dalam kolam
sebagai taman perhiasan negara.

Di sawah bendang luas terbentang
kampung desa, tersergam melintang
sungainya jernih hening tenang
di dalamnya banyak ikan berenang.

Pandanglah pula di bahagian barat
Selat Melaka airnya dalam

banyak pelabuhan boleh didapati
Sumatera yang jauh nampak berbalam.

Buminya penuh dengan kekayaan
besi, timah, logam yang bercahaya
getah, kelapa, pijang dan rotan
banyak hasilnya tidak terkira.

Demikianlah indahnya gambaran negara
kepunyaan bangsaku Melayu
tempat menumpahkan taat setia
menjadi pujaanku setiap waktu.

Hiburan, 31 Disember 1949

Sedar
Double S.

Kupandang kanan dan kiri
banyak kawan telah berlari
masing-masing dengan perjuangannya
dengan tidak kenalkan kecewa.

Mereka telah mula berbakti
terhadap bangsa dan ibu pertiwi
bekerja, berjuang saban hari
didorong cita-cita nan suci murni.

Tetapi... kini aku telah sedar
kiranya dosaku tersangat besar
masyarakat memekik pemudi tiang negara
tetapi aku tak pernah berjasa!!

Nah! Sekarang aku berjanji
akan hidup sebagai pemudi nan sejati
membela bangsa dan tanahair tercinta
bersama... pemuda-pemudi
angkatan muda.

Hiburan, 18 Mac 1950

Saya Berazam

Double S.

Saya berazam tahun ini
akan terus menabur bakti
guna kemajuan nusa dan bangsa
sebagai pemudi angkatan muda.

Biarlah, biar!!
aku terpaksa menghadapi segala halangan
musuhku ramai kanan dan kiri
yang hendak menghambat cita-cita
cita-citaku nan suci murni
tetapi
takkan ku berputus asa
jemu, juang jelak berjasa
kerana kutahu....
tiap-tiap orang yang menuju jaya
bukan senang ataupun mudah
sebaliknya derita dijadikan permainan.

Kalau di tahun yang lepas
perjuanganku banyak yang gagal
maka di tahun ini
aku melangkah dengan cermat
semoga perjuanganku berjaya.

Hiburan, 18 Mac 1950

/Nasib Orang Perjuangan

Rayuan Sukma

Dia seorang perjuangan
yang tidak mementingkan diri
hartanya, tenaganya hati jiwynya diserahkan
kepada ibu pertiwi.

Ya! Semuanya dikerjakan dengan ikhlas
putih bersih tiada berniat jahat
tidak berasa letih jemu dan malas
asalkan dia dapat menghambakan
diri kerana masyarakat.

Tetapi! ... Aduhai kiranya!
masyarakat tidak mengenang jasanya
diejek, dicemuh dan diketawakannya!
dan tiada siapa berani mendekatinya.

Sebab? Sekarang dia tak mempunyai harta
miskin merempat di kaki lima
kurus pucat tidak bermaya
hanya tinggal rangka.

Meskipun dia dibenci
tak ada yang ambil peduli
dia tetap meneruskan perjalanananya
menuju ke pantai bahagia ria.

Kerana di sudut hatinya
terselit satu cita-cita murni
dia ingin melihat di satu masa nanti
bangsanya dijulang tinggi.

Dia tak hairan kalau dia dicaci
dia tak hairan kalau dia dimusuhi
kerana dasarnya orang perjuangan
mesti merasai tampar kehinaan.

Dia percaya ...
segala-galanya akan berubah
mengikut peredaran masa.

Yang buta akan celik!
yang hina akan mulia!
yang papa akan kaya!
dan yang tertindas akan merdeka!

Hiburan, 22 April 1950

Rakan Seperjuangan

A. T. Othman

Dahulu, semasa hidupmu
masa bersuka dan duka
dengan senyumanmu nan berirama
di sampingku tak berkasar.

Kau selalu memuput perasaan
agar hidup menyembah bakti
di persada ibunda.

Umpama bunga sedang kembang
dipuja dan diharapkan
sayang kau telah pergi
tak kunjung pulang.

Kau melukiskan sejarah tanahair
gugur dengan tekad nan suci
bertabur uri
dik melati melimpah wangi
nama dan jasamu
ditulis dengan tinta emas
tak jemu dipandang mata
tak luput dari ingatan.

Indra Sumantri
Hiburan

quarrel - upah akal -
yang mengagumi hal-hal
yang berjaya
berjaya - seorang yang

menjadi seorang yang
dapat mencapai hasil
yang diinginkan atau yang

mengagumi - yaitu menyukai dan
memuji - yang mengagumi
- seorang yang dicintai
seorang yang dicintai
- seorang yang dicintai
- seorang yang dicintai

menjadi - atau adalah
- seorang yang
- yang dicintai
- yang dicintai

Hiburan, 13 Mei 1950

Kenanganku

Aishah

Di kala bayu bertiup
di kaki langit nan biru
lemah-gemalai
oh! menjadi aku kenangan.

Sungguh cantik pemandangan
di kala kau waktu petang
udara bersih nyaman
tetapi aku jua terkenang.

Di waktu siang ku terkenang selalu
tiupmu yang menderu-deru
menyuruh aku bangun
bergandingan bahu
seruanmu yang pertama kali.

Supaya aku bangun berdiri
membela ibu pertiwi
tetapi tak kupeduli
kini baru kuinsaf
waktu kau sudah pergi
tapi apalah dayaku
sebagai tak bermaya.

Hiburan, 17 Jun 1950

Pujangga Baru

Awam il-Sarkam

Datang, datang kau pujangga
ke taman puspa yang indah molek
kaubawa lagu baru
hingga meresap ke coraknya
biar terasa gelisah tetapi sentosa.

Jalar ke lembah panjat ke puncak
kacau air lama yang tak beriak
biar timbul daki pusaka usang
agar lagu lama hanyut di arus zaman
bawakan corak pujangga baru.

Pujangga baru insaf
tahu tempat duduk dan tempat pergantungan
tidak tersangkut di awang-awang
atau terbang ke langit tinggi
tapi berpijak di bumi, berkorban untuk pertiwi.

Bawa bangsamu ke taman sastera baru
dalam sajak bahasa tak jemu
bawakan keindahan, biar dia merasa indah
bawakan kegembiraan biar dia gembira
hingga dia merasa lazat sendiri
sampai berteriak kuat-kuat
meminta sesuatu yang baru
dari pujangga baru.

Mastika, September 1950

Kerbau Laga

Shafie Abdullah

Aku...jangan lagi kaugosok
untuk menanti lusa atau besok
aku sudah muak dan jelak
hidup sebagai boneka.

Di dalam kerlingan
di bawah jagaan
dan belaan kau yang rapi
aku tentu tak akan berpuas hati.

Sebilang masa
dari zaman purba
hingga ketika ini
aku sebagai kaulihat kini.

Memang
aku diberi hidup di dalam kemewahan
tetapi hanya di kulit
di dalam pula lain yang terselit.

Aku tidak bermegah
jika namaku diagungkan gagah
hanya untuk dia – tuan aku
yang pula menumpang di dalam gelanggangku.

Aku kerbau laga
masyhur lagi berharga
tetapi hidupku menjadi permainan
kepada kamu yang semata ingin kesenangan.

Ingat serta awasi
perkataanku bukan kosong tetapi berisi
aku ingin merdeka
tidak ingin menjadi kerbau laga.

Mastiqa, Oktober 1950

Untuk Perwiraku

Rayuan Sukma

Kepada roh yang melayang
Kepada jasad yang terbang
Kepada semangat yang insaf
Kepada pemuda-pemudi sejati
 Cintamu terlalu suci
 Keinsafanmu amat terpuji
 Semangatmu sangat mulia
Tanpa dan tetap aku tidak lupa
Gema semangatmu mutiara pilihan
Mercik ke seluruh tubuhku menjadi perhiasan
Kepada saudara-saudaraku yang lain engkaulah
teladan.
Aku berbangga dan bahagia meribamu
sepanjang zaman.
Gementar seluruh anggotaku
Di mana-mana kota sama-sama mengalunkan suara
Menyambut Hari Perwira
Pemuda pembangun sejarah kesateria.

Hiburan, 30 Disember 1950

Seribu Harapan

Masuri S.N.

Demi cahaya memancar dari segi harapan
membawa hati berani rasa akan menyiapkan
segala cita sekarang nanti mengukir menang
bergerak satu barisan gagah di mana penuh sokongan.

Ah, besar membawa nama, dada rela melapang
menunggu setiap yang mahu lalu, yang mahu menerjang
akan ombak tenaga dari seluruh persatuan
yang sejak mula bergerak penuh seribu harapan.

Siapa rela, siapa nanti pergi mara berbakti
sedang kawah panas dengan air membuaas ganas
siapa berani, siapa nanti sanggup bermain api
yang menyambar, membakar, menjilat apa yang melintas.

Lihat semua sikap tidak gentar dibual godaan
dengan membawa obor seribu sinar harapan.

Mastika, Mac 1951

Melaksana Cita-cita

Azam Murni

Cita-cita bukan angan-angan
Khayal juga bukan
Ya!! Manusia mengharapkan keberuntungan
Dengan sedaya upaya mereka
Hendak mencapai....
Kebahagiaan bangsa dan nusa
Sebelum sampai di sana
Lebih dahulu memang merasai
Dunia mengajar kita semua
Di dalam ribut kesengsaraan
Berbagai halang, rintangan, melintang di hadapan
Tak putus asa
Malu menempuh badai pancaroba
Itu pun sanggup mengharungi
Menetapkan hati, mengemudikan biduk ke haluan suci
Cekal dan tabah jiwa-raga
Buat melaksanakan cita-cita mulia
Untuk kemuliaan seluruh Nusantara.

Hiburan, 21 April 1951

✓ **Sekarang**
Pemuda Merdeka

Sungguh menjadi suatu keluhan
Dalam jiwa
Melihat masyarakat bangsa kucar-kacir
– simpang-perenang – menjolok mata.
Sungguh menjadi suatu ketidaksedapan
Di dalam hati – melihat:
Yang tinggi tetap dengan ketinggiannya
Yang rendah makin rendah dan diperendah-rendahkan
Yang kaya tetap dengan kekayaannya
Yang miskin makin miskin dan dipermiskin-miskinkan
Yang senang tetap dengan kesenangannya
Yang menderita tetap dengan penderitaannya dan dipermenderita-
taderitakan.
Maka sungguh menjadi suatu kewajipanlah
Kepada kita
Meleburkan segala yang berupa penindasan
Dan yang berupa ketidakadilan.
Dan sesungguhnya
Telah sewajarnyalah kita mesti
Sekarang juga mulakan menghapuskan
Segala kezaliman, ketidakadilan
Kepsulsuan dan ketidaksewajaran
Kerana kita adalah musuh segala itu.

Mastika, Julai 1951

Rela Membela

Burmy

Bila kuingat kukenang-kenang
sejarah kejatuhan di zaman bahari
rasa gementar sendi dan tulang
dunia yang luas kupandang sejari.

Kalau ku seorang pahlawan
rela kutampil ke muka
menghunus senjata menghadap lawan
agar kekalahan dapat dibela.

Walaupun musuh beribu kati
berani ku menempuh meluru
melintang lalu membujur mati
kutembak kubunuh dengan peluru.

Biarpun musuh bersenjata moden
lengkap dengan tank berwaja
namun ku tetap bertahan
berpantang undur sebelum berjaya.

Kiranya ku menemui bahaya
dalam perjuangan menegak pertiwi
syukur ku kepada yang Esa
kerana membela MERDEKA abadi.

Majalah Guru, 1951

Mari Menyanyi

Malihan

Marilah bangsaku! Mari menyanyi
Marilah nusaku! Mari menyanyi
Lagu kemerdekaan.

Marilah semua! Menyanyi
Merdeka! Merdeka! Merdeka!
Hiduplah bebas
Jiwa bebas dan bebas
Mari Menyanyi lagu kebangsaan
Memuja alam semangat
Darah mahu memancar laju
Di muka lautan hati
Yang dulunya beku.

Marilah bangsaku memuja lagu hidup
Merdeka! Hak Negara! Pasti merdeka!
Hak nusa! Hak bangsa! Mulia
Hapuskan corak hidup dulu
Tidak ada tingkatan
Dalam susunan masyarakat baru
Siapa juga sama, boleh merdeka, mari merdeka!
Tinggallah anggota yang takut menempuh pintu api
Jalan menuju istana merdeka
Marilah menyanyi! Lagu merdeka.

Mastika, Julai 1951

Sandiwara Hidup

S. Said bin S. Muhammad

Hidup di maya luas begini
berkecimpung penuh pelbagai dugaan
yang satu melepas pergi, lainnya menjelang datang.

Kau dan aku, juga semua manusia
dalam menegak hidup di maya –
menyusun tenaga,
tak kurang serangan hidup menggalang cita
datang bermuka, menjilat apa segala
jadi soal biasa.

Hidup ini
ya, penuh dengan sandiwara:
tragedi jua ria-ria hati
manusia menegak diri, melengking suara parau perlahan
jua hidup penuh kesangsian.
Tapi – tetap perubahan jadi
orang bisu membeku diri jadi tiada
kembali menyuarakan lagu-lagu menabah cita menentu jaya.

Siapa mau hidup diperhamba-hamba
siapakah tahan dengan paluan pertiwi minta bakti?
ah ... ini semua sandiwara hidup di maya lapang
sedang dugaan, derita, hina, mulia, kejadian saban hari.
kemenangan memulih rupa-rupa semua – kan merasa nyanyian
gembira.

Dalam hidup merupa sandiwara maya
sekali merentak langkah jaya, terus jaya, mencapai cita.
bukan hanya bayang-bayang cerita – semua ini kebenaran manusia
bangun berdiri, menyusun tenaga, dan perjuangan

Mastika, Disember 1951

Pujaanku

Gustam Negara

Aku dihalau dihincit
Dicampak jauh....
Kerana memuja pujaanku.
Tetapi aku tetap memuja
Terus memuja tidak jemu
Tidak mengenal jemu
Akhirnya....
Pujaanku bersemangat!
Kini aku pula dicemuh, dikeji.
Dikatakan aku orang kotor.
Memang di kelilingku penuh bergelumang kotor
Orang kotor, hati kotor, nafsu kotor.
Aku tak peduli....
Hatiku yang suci jujur
Bersemadi penuh tekad
Terus memuja pujaanku
Akhirnya
Pujaanku hidup
Ku percaya terus hidup.

Hiburan, 5 Januari 1952

Mara

Wan Chu

Lihat, kawan!

dalam panas matahari menyuluh bumi
sedang burung-burung terbang di angkasa mencari rezeki
dia – dengan penuh perasaan tenang berjalan mara
membungkus segala duka, mencipta tekad harapan jaya.

Dia pergi!

biarlah!! jangan dipertahan, kawan!!!
dia membawa tekad cipta maju
mengalami hidup di maya luas, dan laut memburu – pergi dan
kembali
laut-laut luas hampir tak bertepi
semua rasa tidak merupa sepi sangsi
pergi! pergi dan kembali girang –
pergi lantaran bakti, dan berjuang! berjuang!!
doa! agar hidup usaha jaya ada
tidak pasti terikat kuat dihentam penggalang masa.

Sekali rempuh jalan tak kira nanti
jeritan daya melonjak garang cita.
lepaskan dia pergi!
menyusun tenaga jaya, merupa tentu
dalam nyanyian lagu kemenangan
tanda menanda sergam menambah jiwa
sebab bukan pergi membawa hati dan jiwa mati.

Desakan masa zaman –

merupa cita kuat tak harus dipertekan.
biar dia menangkis apa saja, bolot segala kata kecewa –
benamkan pada masa, dan zaman sekarang
sebab hidup berjuang – sedang berjuang untuk bakti
buat bangsa, pertiwi yang meminta
nanti dia kembali!
membawa obor kemenangan, lagu kebangsaan ini
sedang sambutan anak bumi ria-ria hati
lepas dari sekatan, dan tindasan
dan semua rasa puas –

dari rupa ciptaan nyata
dalam masa peralihan, juga dengan jiwa sedar!

Mastiika, Mac 1952

✓ Ingatkah Kau?

Muhibah Asmara

Dari tiga tahun nan lalu
kau dan aku
menyambung tali asmara
tersimpul erat, simpul mati.

Ingatkah kau juitaku
di kala kita penuh ria gembira
kita berdua berjanji
akan menubuhkan istana bahagia, di alam raya?

Kini... itu istana nan kita idam-idamkan
telah terdiri dengan teguh
berjaya, berjaya!
hanya yang kuharapkan
di samping kita bercengkerama gembira riang
marilah pula kita perjuangkan
nasib bangsa dan negara tercinta
dengan semangat nan berkobar nyala
bak dian nan tak kunjung mati!

Hiburan, 11 Oktober 1952

✓ **Tanahairku**

Hiwah Johor

Gunung-ganang yang tinggi mengawan
kemuncak nan membiru kelabu
di mana langit diliputi awan
sungai nan mengalir menuju muara.

Di mana pantainya nan landai
ombak berpalun berdebur-deburan
di mana kelapa nan melambai longlai
pasir putih penaka hamparan.

Pohon-pohon menghijau warna
tegak berdiri hidupnya subur
di sana juga kiranya....
bunga-bunga kembang bertaburan.

Itulah dia tanahairku
tempat cintaku tertumpah
di sanalah tempat aku bersemadi
dalam menuju keredaan Ilahi.

Hiburan, 15 November 1952

Pemuda! Seruanku

Burmy

Kepadamulah wahai PEMUDA
Harapan PERTIWI di masa gelora
Andainya kamu berdiam diri
Kelak pertiwimu dicabul dijajahi
Kaulah PEJUANG
Kaulah PENGHALANG
Menahan pertiwi daripada terserang
Kalau hanya bangga mengaku
Akulah pemuda harapan bangsa
Akulah PERAJURIT, PERWIRA negara
Tetapi cuma bertopang dagu
Leka, lena dilamun bangga
Mungkinkah cita-cita akan tercapai?
Ayuh! Marilah wahai PEMUDA
Bersama kita maju ke muka
Berpimpin tangan, memandu cita
Agar tercapai 'MALAYA MERDEKA',

Majalah Guru, November 1952

Fajar Pembangunan

Rasmida

Dulu-dulunya
kau aku dan segala kita
hidup dalam suasana sepi
tidak ada obor sebagai panduan
untuk menerangi jalan melangkah maju
gelap pekat

Tapi! Sejak zaman pembaharuan menjelang
fajar harapan membayang nyata
membawa seribu rasa keinsafan
pun meliputi sekitar kita
hidup kaku sebagai dahulu
tidak bererti – dalam erti kata hidup!
kini, kita mengorak langkah baru
maju dan mara berjuang
hidup berbakti – menunjukkan bukti
mencapai ketinggian – kedaulatan bangsa!!!

Hiburan, 4 April 1953

Melangkahlah Sekarang

Masuri S.N.

Begini lama keadaan melebarkan
sayapnya. Daerah luas menjadi malap
bangkai-bangkai penuh diam tertiarap
kerana terlalu jenuh menunggu hari pergantian.

Apa yang diharap – malap
apa yang dinanti – sepi
pelita padam ketika bulan sembunyi
tercakar-cakar meraba dalam kegelapan hari.

Siapa yang menguasai keadaan ini
tidak didorong oleh kemahuan sendiri
kelihatan pasti perubahan berganti
bila telah jadi datuk tidak punya gigi.

Tanyalah siapa mahu
seribu tahun mundar-mandir jadi abdi
mengengsot-engsot bergerak, mengeluh-ngeluh berteriak:
lepaskan aku dari gua gelap mati
lepaskan – lepaskan aku dari keadaan ini
tiada berbintang dan penuh mimpi.

Siapa peduli siapa perhati
jika sendiri tidak bertindak
liar atau tidak liar bukan sekarang bikin hitungan
kerana keadaan ini minta segera diubahkan.

Mastika, Jun 1953

Tekad

Aishah Norida (Abdul Ghani Ishak)

Bila hati belum percaya
kepada kemenangan atau kekalahan
masih takut dan ragu-ragu
seribu berjuang kalah juga.

Bila tekad penuh kudrat
menyala semangat tak padam-padam
mara membawa senjata perwira
barisan gagah pahlawan sejati
ini tekad pasti bererti.

Utusan Zaman, 15 November 1953

✓Perjuangan yang Belum Selesai

(Kepada angkatan yang sedang berjuang di mana-mana saja)
Masuri S.N.

Angkatan ini telah dilengkapkan
padat padu dengan segala kepuhan
untuk satu arah yang telah dicita-citakan
tidak segan untuk menyapu apa yang dihadapkan.

Angkatan ini telah dilancarkan
tidak pakai pesta doa kemenyan syaitan
berandy tidak tumpah membasahi lautan
pita tidak putus digunting oleh tangan.

Di depan terbentang lautan biru menderu
gelombang menggila menggoncang jantung penumpang
hujan membasah – membikin suasana tak tentu arah
darah saja yang panas mempercepat saat berubah.

Berpanjang-panjang cerita menjelajah lautan
angkatan tambah kukuh oleh gema seluruh percubaan
raungan ombak malam mengaum – menerkam
memagut ketat pada leher insan yang segan menghadap alam.

Angkatan ini sekarang terus menyeberang
siang serupa malam mengacau seluruh perjalanan
tapi dapatkah godaan kejam merebut menang
dan seluruh angkatan tenggelam ke perut ikan?

Melihat jiwa dan tenaga yang telah digerakkan
yang sedar derita – seksa yang telah dipaksakan
angkatan ini tentu tidak akan membiarkan
dan tidak mahu hilang: sebelum merubah nasib insan
menuju ke arah syurga perdamaian
mengecap hak perikemanusiaan.

Utusan Zaman, 22 November 1953

Peduli Apa

Halim Anuar

Harapan yang kita pertaruhkan
sudah hancur – roboh bersama peribadi
kita berkecaci jatuh
dipijak oleh kaki kawan sendiri.

Sekarang kita tidak punya apa-apa daya
selain dari serpihan api jiwa
pusaka pahlawan yang bernyala.

Pabila kekosongan mengisi hidup sendiri
kita semua kehilangan peribadi
dan mengembara dengan rangka mati
menjaja kehormatan, menjual kemuliaan
dan apabila tua – satu-satu merangkak pulang.

Semua ini meminta pembaharuan segera
pada mereka yang dipertaruhi harapan
yang sekarang telah patah
penuh kecewa dan sengsara.

Kita masih punya kaki sendiri
pasti ada keberanian berdiri
walau di atas timbunan bara
atau merangkak di lorong beronak bisa.

Peduli apa pada mereka
yang kita pertaruhi seribu harapan
kalau begini tiupan melanda
mari kita bentuk peribadi tinggi
berdiri dan berharap pada diri
meminta sejarah kehidupan manusia baru.

Mastika, Disember 1953

Tunggu Apa

Abdul Ghani Rokambul

Semua hati telah dirabai kepercayaan
dan benak penuh mencari kepastian
pada hakikat kebulatan seluruh raga
untuk satu pada semua.

Bentuk dan isi tidak nyata kepalsuan
tokoh itu bikin orang berani berlari
kenyataan terukir dan kemujuran berlaga
selalu di mana-mana seluruh benua.

Siapa takut, tunggu
siapa berani, pergi
siapa sakit, bawa pulang saja.

Siap! Isikan nafas seribu
lekas! Orang yang mahu pergi
mari kita hantar dengan nyanyian merdeka.

Utusan Zaman, 10 Januari 1954

Dalam Zaman Demokrasi

/Noor S.I.

Demokrasi ini menguak segera
air murni menimpa bunga
marak api membakar senja
bisik bakti menegur jiwa.

Apa peduli musim berganti
melati layu di riba bumi
segenap langkah penuh erti
dalam menyembah seribu bakti.

Mari kita melompat cepat
tendangkan tembok kekotolan masyarakat
hambat semua ketololan menyekat?
kibarkan bendera perjuangan.

Penuhi segala ketenangan hati
tempuh gelombang menggunung tinggi
terus melangkah membawa erti
menuntut pengakuan 'pembebasan abadi'.

Utusan Zaman, 24 Januari 1954

Kami Anak Zaman Ini....

Masuri S.N.

Kami anak zaman ini
mewarisi tujuh keturunan papa sekali
dalam darah kami mengalir pasti
pusaka poyang sejak zaman bahari.

Kami mewarisi tradisi silih berganti
darah daging kami penuh budaya asli
dalam urat campur tulang berbaur langsung
kami hidup terus terang tiada canggung.

Kami mewarisi sejarah berabad silam
sejak kerajaan berdiri dan hilang tenggelam
apa yang tinggal pada kami hanya tulang-tulang
hampas debu dari picitan usang.

Kami sekarang berdiri teguh sekali
dalam dada penuh cita insaf sebatи
segala dendang dan tari telah kami lewati
kami masak dari segala kementahan kini.

Kami anak dari zaman ini
tidak mahu mengemis sesuap nasi
kerana bumi kami telah memahat janji
kami punya hak untuk hidup berdaulat tinggi.

Utusan Zaman, 31 Januari 1954

Mara

Sahara S.N.

Pagi-pagi hari, kan sampai
bunga sedang berkembangan
alamat banyak burung berterbangan
di angkasa raya
melihat keindahan alam raya.

Mara ku ke hadapan
berpantang mundur selagi tak berjaya
kumara setapak demi setapak
mencubakan pekerjaanku kerana....

Ku tak diam dan lena
memerahkan tenagaku
untuk bangsa – agama – seterusnya negara juga.

Mara ku ke hadapan
berpantang lena
memutuskan harapan serta bosan
selagi ada tenaga beliaku.
kugunakan hingga berkesan
awas! pemuda jiwa merdeka.

Majalah Guru, Februari 1954

✓ Putera Negara Malaya

Asas

Nun! Kelihatan fajar menyinsing
seorang pemuda bangun tidur
setelah tunai kewajipan pagi
dituju terus ke tempat kerja.

Masih lagi embun membasahi rumput
cahaya suria merah memancar
ia mendayung-dayung ke suatu hala
ia dapat riadah pagi.

Walau sehari sepuluh batu dayung *bicycle*
tetapi tetap tidak jemu dan bosan
kerana impikan negara Malaya
pelajaran dibantu untuk kemajuan
oh! kau mulia di tengah masyarakat.

Jadi pendidik dan pengaruh
membela bangsa, agama dan negara
ya! mu pembela Malaya MERDEKA
Malaya akui hidupmu sebenar-benar
PUTERA NEGARA MALAYA!

Majalah Guru, Februari 1954

Aku

Ibkar

Bila sudah sampai janji aku
tak meminta segala tangis
biarpun kau siapa
kerana aku juga manusia
aku tak kuasa menahan derita.

Biarlah aku pergi bermain api
biar ditembus peluru berbisa
segala itu kewajipan aku
kan aku 'PEMUDA'.

Segala itu aku rasa hilang sekali
dilari oleh letusan revolusi
bagi aku terbakar atau sebarang tidak jadi
asal cepat dapat berdiri
menuju kebebasan sejati.

Majalah Guru, Februari 1954

Ribut-ribut Sahaja

Hasnan Shuib

Masalah rumit-rumit halus-halus dihadapi sekarang
dalam sama sandar-menyandar
segala alam siasah kita rumit beku, rakyat

Kenapa perselisihan ini wujud lagi
orang atas kita bertegang urat merah
membenarkan faham masing

Bidas-mebidas sudah jadi alat berkuasa
memburukkan kawan seangkatan.

Apabila muktamad pergelutan menguasai
yang ingin memusnah sama-sama
rakyat ramai ingin tahu
arah ke mana kiblat perjuangan.

Orang atas-atas ini memang gila-gila
nama dan ringgit yang diperjuang
dikata untuk keselamatan bangsa
tetapi kejam sebenarnya bohong.

Kita akan sama mengkaji lagi
usul-usul yang dikemukakan dalam
kebenaran dan hak – untuk mereka
yang jujur membela bangsa.

Majalah Guru, Februari 1954

✓Tidak Untuk Menyala

Kamal

Kita biarkan marak api padam-memadam
tidak berbara – tidak hangat membakar jiwa
apa guna membara hangat menyala –
sekejap padam sekejap menyala?

Kita tidak mahu berapi
memanaskan jiwa masyarakat sahaja
kita mahu itu jasa
keinsafan membakar di tasik jiwa.

Tidak guna menyala sahaja
merasakan panasnya badan melepuh
kita mahukan ini tanda darah mengalir di jasad pemuda.

Kita mahu darah mengalir
tidak mahu menyala membara
kita mahu darah mengalir
korban suci untuk ibunda.

Pahang

Majalah Guru, Februari 1954

Semua Mesti Berani

(Kepada Alias)

Zulastry

Jangan tanya siapa yang berani mulai
tenggelam merenang arus berkocak
lemas di air mata tangis menyala
dalam gerak merentak belenggu.

Kita semua mesti berani mulai
antara pergolakan ombak cita
ada seribu gaya dan seribu tenaga
pada persatuan yang sudah tersedia – dan mara!

Jangan tanya-tanya lagi:
“Siapa yang akan berani mulai”.

Dugaan

Halim Anuar

Engkau dilempar di bumi sunyi
merangkak di sekeliling pagar berduri
rasa pedih terseksa budi
dihimpit kenangan tiada berhenti.

Tapi kepercayaan pastilah ada
sumpah perjuangan janji pengorbanan
darah daging untuk bangsa
jiwa harta untuk negara.

Kembangkanlah semangatmu di daerah sunyi
bentuk peribadi tinggi murni
pelihara api di jiwa suci
selalu menyala mengatasi segala.

Nanti datang fajar menyinsing
engkau kembali bebas segera
itulah hadiah perjuangan cita
masyarakat baru negara merdeka.

Mastika, Mac 1954

✓ **Ke Sinar Nan Cerah**
(Untuk KPGMS)
Hambar

ANGKATANINI:

Paduan dari beberapa angkatan
memegang amanat bangsa dan watan
tak gentar menempuh walau lautan
tak takut dijemur, direndam, dibelantan.

BERTUJUAN:

Sebagai tentera: pertahankan negeri
pemodal dan tani: pertahankan ekonomi
angkatan seni pertahankan masing-masing seni
tetapi angkatan ini mengatasi segala ini.

UNTUK ANGKATANINI:

Kepada kaulah 'hal' angkatan gagah!
nasib bangsamu telah terserah
supaya bangsamu mulai dan gah
pimpinlah dia ke sinar nan cerah.

Kelantan

Majalah Guru, Mac 1954



Awas! Bangsaku!

Kura Mas

Siang malam sentiasaku terkenang
akan janji sakti di terang bulan
untuk kebahagiaan bangsaku
tetapi kini hampa kudapati
janji tinggal janji.

Bangsaku diseliputi dik debu derita
miskin, papa, hina-dina, menderita
adakah bangsaku hendak dikurung dalam gelap-gelita?

Kebolehan bangsaku sama setara
biar dicuba, diuji tetap berjaya
tetapi sayang

Tiada pemimpin yang jujur
sanggup untuk menebus penderitaan
kerap kali mereka terpedaya dengan kata bermadu
lupa segala kewajipan terhadap bangsanya
bangsaku sedang dibawa ke tempat gelap-gelita
patutkah kita turuti lagi?
awas! bangsaku jangan terpedaya.

Majalah Guru, Mac 1954

✓ **Ikutlah
Salmy**

Oh dindaku
izinkanlah kanda pergi
nun ... ke hujung tanahair
untuk mencapai negara merdeka.

Kanda berjanji akan kembali segera
selepas perjuangan reda
kau tinggal janganlah berduka
doakanlah kanda agar berjaya.

Tetapi dinda
andainya kanda mati
di medan perjuangan
janganlah kau menangis.

Kalau kau betul setia
ikutlah jejak-jejak kanda
gantilah tempatku itu
berjuanglah hingga berjaya

Majalah Guru, Mac 1954

Rantai 10 Huruf

Pangeran Derma

Kawan!

mengapa diam berjiwa kaku, beku dan mati?
mati di dalam hidup
dalam suasana sekarang
yang riuh dengan pekikan MERDEKA
yang terang dan panas
oleh OBOR-OBOR perjuangan nyalaan rakyat.

Lihat!!

itu bapa-bapa perjuangan membawa obor dan senjata-senjata
itu anak-anak bumi ini dalam barisan
bergerak pantas ke gelanggang perjuangan
dengan tekad keras dan keyakinan 'pasti berjaya'
tekad ini yang hidup, akan hidup dan terus hidup.

Kawan!!!

ini bumi tempat kawan dan aku
"dilahirkan, dihidupkan dan dimatiakan"
bumi yang memberi segala-galanya untuk menghidupkan
dan menyukarkan
bumi yang nanti memeluk mayat-mayat aku dan kawan.

Menangis, menangis dan sudah lama menangis
minta lepaskan
dari ikatan rantai 10 huruf.

Kawan!!

Itu anak-anak masyarakat "masyarakat yang memeluk aku dan
kawan"
tertindas, ditindas, derita dan terkorban
anak-anak yang pekak tetapi dengar, buta tetapi nampak
sudah panas meluap-luap dalam ikatan rantai 10 huruf itu
tetap meluru, memecah 'alat pembungkus penderitaan'.

Apa... kawan!!!

tidak sanggupkah, mati dalam pelukan masyarakat perjuangan
tidak sanggupkah, tulang-belulang hancur kerana itu?

dengan memegang obor terpasang, menyala merah
merentas di maya terang, menyuluh kegelapan perjuangan
agar segala mayat-mayat nanti
kembali suci ke dalam pelukan ibu sejati
menanti saat satu, roh menghadapi Ilahi.

Majalah Guru, Mac 1954

Pedati Ini Tetap Berjalan

Aishah Norida (Abdul Ghani Ishak)

Dalam kabus sepagi ini
di tengah embun memutih kapas
melangkahlah kaki meredah sejuk
menarik pedati menuju zaman.

Kukuh tangan mengayun cemeti
bila pedati hampir terhenti
kerut-kerut roda berputar
pedati usang tiada tenaga

Bila kaki melangkah lambat
datang lagi cemeti menyebat
cepat kaki mara melangkah
bilur badan menerbitkan darah.

Kalau hanya menonton saja
senyum senang membelai rasa
tiada sakit pernah terasa
tiada sebatan membeliti dada.

Demikianlah bandingan rakyat murba
sebagai pedati setiap masa
menanti tenaga gagah perkasa
entahkan sampai entahkan tiada.

Utusan Zaman, 14 Mac 1954

Jasa
Halim Anuar

Kita pemuda, kawan
dalam dada ada api
api menyala menjolok awan
tanda kita berani.

Jangan kautanya aku:
berani bagaimana itu?
tanyalah pada dirimu:
berani sampai ke mana aku?

Kita pemuda, kawan
alat pembakar, penyuci noda
yang membalut, menyelimut kesucian
seluruh negara dan bangsa.

Jangan kautanya lagi
apakah bonda benar ternoda
jiwamu sendiri mengerti
seluruh kita sama serasa.

Kita pemuda, kawan
ada api menyala
api menyala tinggal bara

.....

.....
kita pemuda zaman ini.

Utusan Zaman, 14 Mac 1954

✓ Matlamat yang Dituju!

Matlob

Pemuda ... pemuda ...!!
segera bangun! jangan diam membenggu
khayal dengan fikiran melayang ... kini
tahun 54 ... tahun yang bersejarah
tahun yang menetapkan kedudukan kita
tahun yang membawa perubahan besar.

Pemuda dan pemudi
bangun! sedar!! insaf!!!
bangun dengan fikiranmu!
sedar akan kebodohan dan kecuianmu!!!
insaf keadaan negaramu!!!

Sekarang
tumpukan segala tenagamu
tumpukan segala hasratmu
tumpukan segala tekadmu

Segera bangun
mara ke hadapan, maju perlahan-lahan
dengan sikapmu yang tenang dan yakin
bangun, mara, maju!!!
menuju matlamat ... berkerajaan sendiri.

Batu Pahat

Suara Umno, 15 Mac 1954

Ke Medan

Anuar Waspi

Atasan – tani – buruh
berduyun-duyun menuju ke arah satu
wajah disiram air malu
jiwa dipaku rasa insaf
diri disedut darah ke kuala
taufan perjuangan memupuk semangat
memekik-mukau gesa ... “Merdeka”.

Mendung hitam menyelubungi awan
cahaya gelap silih berganti
perwira kian berkemas diri.

Demi tapak ke tapak
dari datar mendaki
sumpahan setia tak bisa kembali
sembari berjuang memberontak terus
perintah kolonial ditentang hebat
pisahkan dia!!!! rampas punyaan kita!!!

Terengganu

Suara Umno, 15 Mac 1954

Kalau Berani Juga

Noor S.I.

Antara api nyala menjulang
tulang-tulang longgar mencari garis
kemenangan
antara ombak cita dalam lautan
ada yang berenang mara ke depan
persatuan itu sudah tersedia
seribu gaya dan seribu tenaga
sekarang sedang mulai segala keberanian
menyusun gerak meretakkan belenggu
– kebanggaan

Siapa yang berani mulai – pergilah dulu
bawalah andang – terangi segenap penjuru
siapa yang berani mulai – pergilah sekarang
sebelum apimu nyala merata janganlah pulang
siapa yang berani jadi orang perjuangan
sediakanlah diri, berkubur bersama persatuan.

Utusan Zaman, 17 Mac 1954

Pengakuan Sudah Diberi Zulastry

Keadaan ini sudah lama bermula
unggun telah marak menyala – menerangi segala
tapi kita masih anak-anak – selalu meraba dan menjerit
sekuat suara:

“Siapa yang berani mulai – siapa yang akan mendahului?”

Dalam merenangi laut tak bertepi ini
aku mengaku dengan rasa jujur:
sekarang sedang berlengkap – menanti musim
semua sedia untuk mulai.

Kita jangan menaruh keraguan
kita semua punya hak di bumi ini.

Pengakuan sudah lebih keras dilaungkan
dan kita masih lemah membuat pertimbangan
dalam sunyi mengata tiada sumber merempuh medan
sedang beribu teman kita tewas menjadi korban.

Dalam mengharungi gelombang menggulung tinggi
kita semua mesti berani
di depan telah ada kepala
jangan hanya memerhati sunyi.

Mastika, April 1954

✓ Keluhanku

Rosnam Kalam

Lima kurun yang silam
bintang bangsaku bergemerlap
terkenal scantero dunia
bergema sambutan jajahan takluknya.

Nah! Bangsaku
makmur, bebas, aman dan maju
hulubalang kesateria beribu-ribu
semua berpadu kukuh menjadi satu.

Oh! Beberapa kurun hingga kini
bangsaku ... jatuh tidak berbunyi
lantaran perbuatan manusia nan berkuku besi
diancam, ditindih, dihimpit segenap segi.

Tetapi kini, wahai pemuda dan pemudi
bangunlah ayuh!
marilah membela watan dan bangsaku
lepaskanlah daripada cengkaman kuku besi
kalau kita lalai dan leka lagi
kau disumpah dikeji oleh negara dan bangsamu
kerana hidup kau sebagai penderhaka
nanti
akibatnya dibalas dengan seksa.

Majalah Guru, April 1954

Kau Berjanji

Jasney Asmara

Sesudah kita bertemu muka
aku duduk menghadap jendela
mengenangkan janji-janjimu
dengan perasaan nan sedih gembira.

Segala-gala janji-janjimu itu
tetap menjadi ingatan hidup
sebagai penawar ataupun racun
rupanya kau berjanji palsu.

Aku sentiasa termenung gelisah
untuk menegakkan janji-janjimu itu
adakah kau masih ingat
sebagaimana yang kaujanjikan itu.

Mengapa! Kau pandai berkata-kata
tidak menurut apa yang kaukata
sebagaimana selalu diucapkan
oleh pengajur nan sejati

Majalah Guru, April 1954

Jiwa Merdeka

Tomo Malaya

Mahu itu darah!... mengalir bak banjir
memenuhi dada ibu pertiwi
sahaja sifatku mendada mencari mati
nekadku mahu membunuh, biarpun terbunuh
untuk menciptakan segala keadilan yang berperlembagaan
keranaku, dan beratus-ratus tahun mengidam
mangsa-mangsaku sekarang ialah bangsa-bangsa haiwan.

Sekarang aku bebas lepas, bertugas mencipta merdeka sejati
aku ada sekarang! pada jiwa-jiwa insan yang jadi buruan
penjajahan
sahaja aku nanti saat pembalasan kepada kebuasan dan kekejaman
itu ibunda.

Dari Tuhan yang Maha Kaya, serta yang Maha Esa
untuk menciptakan Malaya merdeka
di tangan putera-putera dan puteri-puteri yang berjiwa merdeka.

Majalah Guru, April 1954

Berkas ...! Bunuh ...!

Amsab R.

Berkas mereka!

suruh masuk ke dalam pintu besi
pengkhianat ... pembodek imperialis
ibu pertiwi dijajah – dilanyak
rakyat jelata diancam.

Bunuh mereka!

racun agama, bangsa dan tanahair
mengaku dia Islam
tetapi anti hukuman Tuhan
insaflah kaum bangsaku
bersatu-padu menegak pertahanan depan
berkas mereka ...!... bunuh mereka
baharu tercapai kebebasan dan kemerdekaan.

Majalah Guru, April 1954

Berjuang

Mahmud Joh

Biarupun kita dicaci dinista
namun kita tetap berjuang
peduli apa
kita mesti mara maju ke muka
sifatkan semuanya itu penawar
penyuluh di masa gelap-gelita
penyokong agar jangan roboh
penegak semangat perjuangan
sekali kata tetap kota
berjuang tetap berjuang
ayuh! segera maju
jangan toleh kiri dan kanan lagi
jangan ragu-ragu dalam berjuang
buangkan semangat bosan
kita tak sanggup lagi dikongkong
kita tak ingin lagi dijajah
kita ingin dan sanggup bebas MERDEKA
berilah kami kebebasan!
berilah kami KEMERDEKAAN!
kami tetap memperjuangkan.

Majalah Guru, April 1954

Ke Arah Kemerdekaan

Affrini Adham

Keadaan yang sebenarnya telah banyak memusnahkan ah! apakah? hidup ini, pada dengan janji semata? menghadapi sesuatu dengan hanya menerima kehampaan meraba percuma segala yang tiada pada kenyataan oleh pergantian waktu yang kian nyata menjauhi kita membawa bersamanya, hitungan sejarah nan mengabui mata.

Antara satu lagi cara perhitungan baru yang belum selesai pekikan 'Merdeka' sudah tak dapat disumbat lagi antara suatu lagi caranya perjuangan – berhabis-habisan pengertian 'demokrasi' telah benar mendarah daging seluruhnya bukanlah asing buat kita lagi dalam tindakan mengakhiri tujuan dalam perbuatan mengembalikan kesejahteraan peralihan dan perdamaian kesatuan – cita-cita kebangsaan kebangkitan dan kemerdekaan.

Ribuan batu jauhnya, pergantian menjauhi kita ribuan rindu masanya, perhitungan sejarah mengabui mata namun – kebulatan usaha dan cita-cita terus juga bertenaga.

Jiwa ini, masih mahu hidup seribu tahun lagi hasrat merdeka!! memuncak darjahnya – 100 ribu degri ke arah kemerdekaan negara – ciptaan kita yang tulen dan abadi. dengan ketetapan: kemerdekaan itulah matlamatnya perjuangan kita sekarang ini! nan mati-matiann!! kita perjuangkannya selama ini!!!

Suara Umno, 1 April 1954

Minta Jawapan

Halim Anuar

Tergerak oleh keinsafan
aku bangun mencari tujuan
sesekali marah semangat perjuangan
aku mahu seorang mati di medan.

Pabila berulang-ulang demikian
semangat dan keinsafan terasa mesra
jiwa berkata: peduli pada berita
pada seksa yang menekan
pada seluruh hati dan badan.

Tetapi kota yang kita bina
tak pernah sempurna.

Kalaupun menjulang tinggi
semangat yang ingin berbakti
kalaupun sebak keinsafan di dada
untuk terus mengembara
aku bertanya juga
bagaimana syair akan digubah
alam sepi menyembunyikan kisah
bagaimana kita akan bertindak
kalau tuntutan ditolak
atau diberi permainan anak-anak?

Utusan Zaman, 11 April 1954

Lembu Kurus

Hasbima

Gigi goyang meraba rumput-rumput kering
musim telah tiba – bergelora
tulang satu-satu – bawa rangka berjalan
keliling kandang sendiri – tiada daya lagi.

Lalat dan nyamuk bernyanyi ria
menghisap baki-baki darah di luar tulang
pada yang tiada daya
di kandang sendiri – menanti mati.

Ramalan sudah pasti sekarang
semua sedia untuk menerkam
melilis daging celah-celah tulang
tanduk dipulas untuk dibuat tetuang.

Kalau cuma jiwa menyala merah
sedang daya kosong – tiada bergerak
satu sambungan dongeng lama
membawa padam bara menyala.

Berilah pengakuan siapa pembela
penuhkan tulang dengan daging semula
memberi sumber kudrat daya
dan akan terserlah semua cahaya menyala.

Itulah pembela berjasa
harapan tanahair dan bangsa.

Utusan Zaman, 25 April 1954

✓Jejaklah ke Bumi

Halim Anuar

Kalau terlalu terbang ke angkasa
berkata: kita tidak pernah menyesal
tidak menunggu sebarang cahaya
kita semua mara ke depan.

Siapa berani membenarkan
tampil ke depan membuat kenyataan?
lihat, lihatkanlah barisan kita
selalu lari dari segala percubaan.

Aku tahu hasrat jiwa
pada kita sama sahaja.

Aku penuh keraguan
pada peribadi bangsa sendiri
menyala sebagai lalang dibakar
dan padam menyembunyikan diri.

Jangan kautanya siapa
kita semua sama saja.

Kita hidup di zaman ini
berubah cara luar biasa
tidak perlu banyak bicara
mara ke depan ke tengah medan.

Tetapi kita hanya berkata
atau setingkat lagi percaya.

Sebenarnya aku terlupa
di mana kita berdiri
dan kau pura-pura tak tahu
di medan apa kita berbakti.

Mastika, Mei 1954

Lambang Kota Melaka

Burmy

Tertegun gagah gerbangmu
di pinggir negara Hang Tuah
disaputi limut mercup
menandakan kota besejarah.

Biar orang bangga
mengagung-agungkan sejarah perwiraanmu di abad nan
silam
gerbangmu dijadikan lambang negara
untuk mengabui seluruh 'alam'.

Tapi aku tidak rela
aku tidak memberi DEPAKTO kepadamu
sebagai lambang negaraku sejati
tidak ... tidak ... tidak ... sekali-kali.

Wahai kawan!
jangan keliruan!
itu bukan pusaka HANG TUAH hulubalang perkasa
bukan pusaka MANSUR SHAH raja nan termegah
dan, bukan pusaka BENDAHARA SERI MAHARAJA
bukan! Bukan!
bukalah, lembaran sejarah!

Itulah simbol penjajahan,...kawan
nan mencengkam kukunya di ibu pertiwi kita
sejak EMPAT SETENGAH ABAD nan silam

Ayuh! marilah putera perwira negara
marilah seluruh patriot bangsa
bersama membasmi lambang nan palsu
dari persada pertiwi tercinta.

Majalah Guru, Mei 1954

Penjajahan

(*Kepada Pangeran Derma*)

Amin

Saudara, berapalah gagahnya huraian kata
merupakan sajak pembangun jiwa
untuk sedar bangun merdeka
dirasai sebilangan kecil sahaja.

Kini kan banyak yang masih lena –
berfoya ke sini berfoya ke sana?

Kau menjerit dalam sajakmu
membongkar segala keluhan kalbu
akur aku dengan pendapatmu
sama sahaja tak rela dibelenggu.

Rantai 10 – perlu diserang?
cuma oleh kau dan aku
campur sejentil *sympathy* kawan
meredah merempuh kepungan kawan.

Kau berani akukah berani
menghadap senjata perjuangan ini?
sedangkan tikaman yang dirasa kini
datang dari golongan sendiri
sama sahaja kita sangsi.

Majalah Guru, Mei 1954

Kekurangan

Kamal

Bila menjerit petani di ladang
serentak mogok buruh di kilang
bangun pemberontak anak negara
itulah dia tanda yang nyata
kita sama mengalami kekurangan
kerana teruk ditekan derita.

Kekurangan layanan dari pemerintah
kekurangan pembelaan dari majikan
semua menyebabkan beberapa tentangan.

Kita kan dapat menutup kekurangan
dengan syarat jaminan segera
tidak dicengkam sesuatu kuasa
kekurangan dibasmi dengan membangun.

Pahang

Majalah Guru, Mei 1954

Kepada Dia

Shaharil Manaff

Sedu-sedan esak tangismu
rentikan seketika mengenang suasana
bukankah ibu dalam gelora
diamuk faham bebas merdeka.

Kau menangiskan aku yang pergi
mengenang sejarah terukir indah
peluk dan senyuman rindu
memaut kalbuku kalbumu.

Adik ... aku pergi berbakti jauh
rasa rindu menikam hati
rasa bangga meliputi jiwa
aku mahukan Malaya merdeka.

Harapanku kini cumalah satu
rentikanlah segala esak tangismu
ukirlah senyum di bibir manismu
aku kan ikut jejak kakanda
hingga berdebu jasad dilanda
bisikkanlah ini pada hatimu.

Majalah Guru, Mei 1954

Kerahan Manusia

Compass A.

Sudah berapa lama kaukira
kepala manusia yang jadi kerahan
untuk sama-sama menegakkan penjajahan?
berabad-abad langkah terhambat
perjuangan tersekat – langkah terhambat
terhambat dilaknat
turunan demii turunan
jadi orang tebusan – diperhambakan.

Sekarang aku kaukerah kembali
berlari mesti – menuju mati
bukan mengabdi untuk pertiwi
malah menegak penjajah berkuku lagi.

Kaubilang dalam mengenang – kenapa
kerahan-kerahan manusia kita selamanya
dilancarkan dengan paksaan?
sakitnya sama-sama dirasakan
kerana kita anak jajahan!

Majalah Guru, Mac 1954

Memuja Cita

Hasnan Supardi

Menderam bunyi deru air meluncur
dengan nyanyian mengastua memuja alam
terasalah pada hati ingatan luhur
kupuja negaraku ... kuserahkan semua padanya
hingga detik-detik nyawaku padam di lenyapkan Tuhan.

Tiap terkenang dideru air
tiap terdengar nyanyian burung
termenunglah aku mengenang suasana
bilakah lagi tercapai cita
cita dilancarkan tekad perjuangan.

Hanya ... menungan ini mengenang lagi
ke arah mana mara menyerbu
mengajak kawan tak gentarkan mati
ke sanalah pula memuja cita.

Majalah Guru, Mei 1954

Patriot Bunga Bangsa

Petra Salmi

Pemuda!!!
di mana dan ke mana kau ...!???
tidakkah kau insaf dan sedar...!
yang ibu pertiwimu sedang merintih pedih
kerana
telah sekian lama ia dibelenggu dan dirantai
dik suatu kuasa yang membuta tetapi kuat
kini
ia merintih lagi dan meraung sekuat-kuat suaranya
memanggil ... pemuda ...! pemuda!!!
ia telah terseksi dan dinodai beberapa lama waktunya
segala yang menjadi hak batinnya semua dirampas dan diperhabisi
oleh manusia lembut tetapi kuat dan kejam...!
kendatipun demikian ...!
suaranya masih bergema, meraung-raung ...!
pemuda! pemuda! pemuda!
hancur dan leburlah itu belengguan dan rantai-rantai wahai
pemuda!!!
agar ibu pertwi lepas merdeka
untuk kau merasai kenikmatan yang terlekat di badannya pula
tapi pemuda ...!

Awas dan hati-hatilah kau bila mara dan mara
kerana...itu rantai, kuat dengan muslihat-muslihat dan hantu-
hantu!!!
tapi...jangan pengecut!!!

Mara terus mara ... gempur ...!!!hancur ...!!!
biar hancur jasadmu bersama-sama letusan peluru musuh
asalkan ibu pertiwimu tetap merdeka
kerana ... kaulah patriot bunga bangsa!!!

Butterworth

Suara Ummi, 15 Mei 1954

Azam dan Cita-cita

Amrasetia

Kita mesti hidup
hidup yang mempunyai erti kata
penuh dengan azam dan cita-cita
selagi nadi berdetik di dada.

SEKIRANYA
kau hidup tidak bercita-cita
sama juga seperti unta...kuda
hanya hidup untuk makan
siang malam menggalas beban.

KERANA
cita-cita tak memilih tempat
meskipun kita hina melarat
namun azam dan cita-cita murni
tetap kekal bersemadi ... abadi.

KALAU
sekiranya kau orang perjuangan
yang cinta kepada kemerdekaan
ataupun pendidik umum
tanamkanlah benih keazaman.

PENDETA BERKATA
kalau hilang harta dan nyawa
bukan bermakna hilang
tetapi ... hilang cita-cita
separuh mati.

Merdeka!

Perak

Majalah Guru, Jun 1954

Kini
Amin

Dahulu bong pidato atas podium
parau gagah bunyi suaramu
lantang menusuk kalbu
pendengar
tempik sorak, hinggar-binggar,
rakyat segar
kau memang jaguh siasah.

Bong jadi anti penjajah
bong obor harapan rakyat
bong penghidup jiwa yang mati
bukan mati dalam kuburan
tetapi mati oleh tekanan.

Kini suaramu sepi
kau diangkat jadi alat
berpakaat
memerintah di sana menghukum di sini
menekan cita-cita rakyat jelata.

Gajimu besar, keretamu berkilat
pengaruhmu agung langkahmu menghambat
kau memijak kepala rakyat.

Itulah dasarmu ... dan kawan-kawanmu
besar pengaruh rakyat kaubunuh.

Pahang

Majalah Guru, Jun 1954

✓ **Masyarakat Merdeka**

Johari Alias

Aku anak masyarakat
kau anak masyarakat
semua orang anak masyarakat.

Aku hidup mahu pertolongan sendiri
aku mahu pertolongan kau
kau mahu pertolongan dia
dia mahu pertolongan aku
semua mahu pertolongan semua.

Yang aku mahu hidup bebas seperti kau
kau mesti lepaskan aku!
mesti lepaskan aku!

Kalau nanti ku meronta
kakiku menerjang ke muka
kerana aku manusia – seperti kau juga.

Aku telah menolong kau sekian zaman
tetapi kau berkeras menguasai dan menekan.

Biarlah ... aku tahu hidup bermasyarakat
masyarakat yang bebas MERDEKA.

Johor

Majalah Guru, Jun 1954

Menungan di Pagi Hari Raya

Abkas

Lihat keindahan alam aku – Semenanjung Tanah Melayu
tanahnya tinggi berliku-liku
lurah berbukit indah bercahaya, penaka permata
disinar cahaya di pagi Hari Raya
bangga hatiku, mengorak senyum tanda gembira
angin bertiup lemah-lembut, membisikkan kata
“lihat negaramu indah subur
tanah pusaka ibundamu nan asli
dipuja rakyat beribu-ribu juta
tetapi sayang keluh hatiku berkata
kini penjajah yang berkuasa bermaharajalela
negaraku nan subur jadi hak mereka
menindas rakyat jatuh sengsara
ya!... buta hati buta mata — menderita
tetapi semangatnya, tak akan padam – tetap menyala
membakar jiwa meluap-luap ingin membela bebas merdeka
waspada ... itulah angkatan pemuda
semangat bersatu-padu meluap-luap tumpah
membanjiri tanah tumpah darah
berjuang dengan apa sahaja ... tak banyak bicara
biar putih tulang jangan putih mata, sebagai sumpahan
kini Hari Raya tiba, namun perjuangan teruskan juga
agar tercapai cita-cita merdeka!!!

Perak

Suara Umno, 1 Jun 1954

Ilmu Hisab Politik

(*Tanpa Nama*)

Islam + Parti Negara = menapak

Melayu + Cina + India + Serani = Parti Negara

Parti Negara + MP = penjajah

Parti Negara - penjajah = kosong

Parti Negara + penjajah = 100% pengabdian

Raja-raja - Parti Negara = 100% kedaulatan

Raja-raja + Parti Negara = patung

Onn + Kamal + Fuad + Gantang

+ Mahmud + Malik + Rashid + Syed Kadir + Shamsuddin

+ Datuk Hamzah + Tengku Hamzah = maha fitnah.

Suara Umno, 1 Jun 1954

Setapak Lagi

Halim Anuar

Hidup hanya yang bergerak
yang bererti – bergerak ke depan
tanda berani merempuh duri
kemudian api dan mati.

Ikutilah dengan seluruh jiwa
bawa berlari ke dunia nyata
kemudian banyak akan merasai derita
tidak mengapa, kita mau berjasa.

Biar semangat diuji
di hujung besi menyala api
besi dan api tak menghairankan lagi
janji dan budi saja yang dihormati.

Kami juga manusia biasa
tau membalas – sanggup berjasa
rela mati di dalam bara.

Utusan Zaman, 6 Jun 1954

Jangan Undur Wahai Barisan Pemuda Melayu

Shaaba

Ayuh berbaris, melangkah, maju menuju Malaya merdeka
mendaki, menurun bersama lelah
peluh membasahi penat
duduk seketika memikir.

Bangun pagi ... terhuyung-hayang melangkah
matahari menyinari
terasa dahaga, lapar menyerbu
maju bersama ke depan ... nun di sana
oh! masih jauh.

Jiwa lemah ... jatuh... kerana kemerdekaan negara
terhempas ... tergelimpang
tenaga tidak musnah
hendak mundur kewajipan
maju masih jauh
menempuh hutan duri.

Panas pedih, tenaga berkumpul
berbaris melangkah maju bertindak
gerakan tenaga, mula menimbus ke hadapan
sudah dekat hampir sampai
meraba bersama ... mencari
walaupun merangkak ... akhirnya sampai merdeka, merdeka.

Temuh, Perak

Suara Umno, 15 Jun 1954

Berjuang Terus

M. Ghazali Bidi

Berjuang terus berjuang
hingga tertulis kata
"Merdeka Abadi"

Oh! Banyak nian dia berjuang
menempuh susah dan derita
belum juga berjaya

Tetapi!.... Jangan putus harapan
berjuang terus! terus
dan terus mencipta!....

Biar sampai menderita dengan beberapa dugaan
seakan-akan sampai musnah
sampai mematah-matah tulang.

Kau mesti terus
kerana setiap perjuangan tak akan berjaya
selagi belum, menempuh penderitaan bermatian.

Itulah sebagai pengorbanan cita-cita murni
yang kau, aku dan seluruh rakyat
"Merdeka Abadi" itulah idamannya

Suara Umno, 15 Jun 1954

Kemerdekaan Abadi

M. Ismail al-Rashidi

Kemerdekaan ...? Ya ...! Pasti dituntutti
walau dengan apa cara ... nan
tak mungkin membawa jalan buntu
ayuh ... maralah wahai pemuda-pemudi
untuk terciptanya kemerdekaan itu
pasangkanlah tenaga, fikiran dan perasaan.

Sama-sama mencari itu dia
bagi mencapai bolehnya kemerdekaan tidak palsu
lihatlah saudara-mara ... kita
nun ... di sekeliling jihad kita
kan semua mereka telah riang bergembira
dengan senang ... dan
mencari perdamaian untuk hidup selama-lama
tapi ... kita? bersabarlah!
Tuhan ...? ya...! Ia bersama-sama kita
Ia selalu menolong di pihak nan benar
kita tak mungkin khuatir lagi ...! teruslah
berjuang untuk kemerdekaan negara abadi.

Terengganu

Suara Umno, 15 Jun 1954

✓Pergi dan Kembali

Noor S.I.

Sekarang ini keriuhan bersorak
suara melonjak mencari petak
denyutan jantung cepat bergerak.

Suara anak-anak memenuhi sekitar
bisik bapa: "Anakkku, sabar!"
di antara tekanan kuasa melebar
dalam bulatan kandang yang melebar.

Anak-anak zaman mulai bergerak
menendang seribu larangan bapak
lahir dari semangat yang tak pernah retak.

Kita semua pasti berani
meninggalkan bapak dijajah budi.

Beranikan hati meretak kekangan
bersama kita mara ke depan
di medan bakti memperjuangkan kedaulatan
kembali dengan sorak kemerdekaan.

Utusan Zaman, 27 Jun 1954

Lepaskanlah Aku

Yu Mamat

Selagi tanganmu mencekik leherku
suaraku yang lantang ini tetap kaudengar
selagi kaki tanganku masih kauikat
seluruh anggotaku akan meronta-ronta
sebab itulah kukatakan: lepaskanlah aku
tidakkah kautahu
aku ini manusia seperti juga kau
kalau kau punya hati dan perasaan
demikian pulalah aku
kau mengaku diri kau budiman?
tapi kau tamak dan haloba
kaukata kau pemimpin dunia?
tapi anggotaku masih kaubelenggu
oh, di manalah keadilan itu
aku tak sabar menanti
berilah aku kebebasan sekarang
sekarang juga
sebab aku benci pada segala pengabdian.

Merdeka, 1 Julai 1954

Aku Bersimpati

Amin Afandi

Aku bersimpati
kepada kau menganjur sejati
pengorbananmu nan suci murni
sungguh mulia dan berbudi
pangkat kebesaranmu
kesenangan dan kemakmuran
tidak kauhiraukan
tertinggal pun jauh
hanya untuk berbakti
membasmi segala kekejaman
terhadap ibu pertiwi
tegas kau sedang mengorbankan segala-galanya
nyata sebagai buktinya
namun masih ada lagi manusia kejam
ingin memperkosa
perjuanganmu yang mulia
tapi tak mungkin berjaya
lantaran pidatamu yang bersakti
menawan segenap sanubari
ada yang tak peduli
tetap bersimpati!!!!
dengan perjuanganmu yang suci
Malaya merdeka tetap kekal abadi.

Singapura

Merdeka, 1 Julai 1954

✓ Umno Hari Ini

Matlob

Perjuangan UMNO hari ini semakin ke tengah
kita di dalam kegentingan wang, wahai ahli-ahli dermawan hulur-
lah derma
kita berjuang terus-menerus walau banyak rintangan dugaan yang
menjelma
kalau lurah dituruni, hutan dirempuhi, gunung didaki, sungai di-
seberangi
kalau lautan diharungi, galangan dilangkahi, dugaan dilepasi,
musuh diketepi
demikian hebat perjuangan UMNO hari kita nan bergerak ke
hadapan
dengan jalan teliti dan berhalus-halus menuntut hak kebebasan
dari belenggu penjajahan yang kejam pedih, ke tengkuk ditekan
darah meleleh
ditebuk perut diambil hasil, diperah, dikorek dan dihabisi
kini kita berkehendakkan kemerdekaan dengan perlombagaan
mengapa? disekat dan ditahan?????
belum boleh memegang teraju negeri. Pemerintahan negara
merdeka kelak!
oh!
bila? nantilah keluar dajal yang bermata satu itu!
UMNO sekarang tiada mahu menanti lagi kerana telah sampai
masanya
ya! kita berjanji
kalau pilihanraya yang kita tuntut tiada dihasilkan, kita pulaukan
kerajaan
kita tiada mahu lagi bekerjasama dengan kerajaan –
kita tarik ahli-ahli kita dari majlis-majlis mesyuarat – tetap!
merdekakan aku! demikian jeritan rakyat yang bersemangat!
tetap merdeka!

Batu Pahat

Merdeka, 1 Julai 1954

Mengenang Jasa Tunku

Anak Pak Daud

Sedang suasana amat mengkelamkabutkan
dalam gelap-gelita yang menakutkan
sejuk menusuk – membaluti bumi
bergema ratokan tulang-tulang sendi.

Seluruh rakyat mencari perlindungan
di sana sini di dalam kesibukan
terdengar ratapan, jeritan, pekikan
agar ada orang melemparkan pertolongan.

Dalam suasana sedahsyat itu
terbit suatu cahaya lampu
terkelip-kelip memburu hantu-hantu
memandu rakyat mencari pintu.

Rakyat keluar satu demi satu
ke cahaya terang tempat yang dituju
tinggal lampu tetap di situ
masih lagi melawan hantu-hantu

Cahaya itu Tunku Abdul Rahman
penganjur rakyat mewakili zaman
sedang menuntut hak kemerdekaan.

Ayuh!! Pemuda-pemudi
kepada UMNO – MCA kita berdiri
bangkanglah keras penyata pilihanraya
sokongilah Tunku sehingga jaya.

Merdeka, 1 Julai 1954

Untuk Malaya Merdeka

Asmahan

Aku masih kagum
bilakah Malaya merdeka
andainya begitu
mengapa pula?

Bangsa kita masih diam dan kaku
kukatakan satu seruan!
berjuang dan terus berjuang
wahai rakanku bangsa Melayu.

Agar terciptanya
kemerdekaan Malaya nan sejati
sekiranya masih kita berdiam diri
mungkin penjajah terus menindih.

Tindisan nan membawa erti
agar bangsa kita terus kaku dan mati
jangan biarkan ... ayuhlah!
bentuklah wahai bangsaku.

Sebuah Malaya merdeka
hapuskanlah penjajah itu
supaya ia keluar dengan segera.

Kedah

Majalah Guru, Ogos 1954

Wahai Pemuda-pemudi

Pena Zu

Wahai pemuda-pemudi angkatan baharu
perkhidmatanmu untuk rakyat telah tiba
bukti, bukan masanya berteriak keadilan ...?
rakyat puas sudah
dengan sandiwara yang di balik tabir,
rakyat puas sudah
kemanisan madu, (pujukan penjajah) akibat racun ...!

Wahai pemuda-pemudi angkatan baharu
di mana simpanan perasaan keinsafanmu ...!
jiwa rohani dan jasmanimu ...!
yang menguasai segala kekuasaanmu ...?

Mengerti ...?

udara Malaya semakin gelap pekat ...
hawanya panas-panas sebagai api menyala-nyala
kembalikanlah semangat wajamu
seterusnya menghindarkan pengkhianat bangsa
bekerja keras-keras, menghapus batu-batu api
takkan timbul cahaya sang suria
sebelum musnahnya awan yang gelap
takkan sejuk hawa batu api
sebelum musnahnya parasit bangsa.

Bersedia lah mengembalikan hak-hak rakyat
dan kebebasan rakyat
buktikanlah cita-cita rakyat Malaya
agar negara berdaulat yang abadi.

Merdeka ...!

Majalah Guru, Oktober 1954

Tuntutlah ... Pemuda

Nor Hana

Hidup Malaya seruan bangsa
sambuti pula seruan MERDEKA
marilah pemuda sateria bangsa
menuntut hak pusaka kita.

Marilah pemuda sateria
korbankan tenaga untuk negara
menuntut pusaka bangsa kita
dari penjajah Malaya.

Kini umat kita sedar
menderita, di bawah kongkongan penjajah
bersatu-padulah wahai pemuda
berjuang menuntut pusaka bangsa.

Berkorbanlah wahai pemuda
dengan aliran darah PAHLAWAN bangsa
menuntut pusaka yang dipuja
segenap lapisan bangsa kita.

Berjuanglah pemuda
dengan PENJAJAH DI MALAYA
agar kita bebas, bebas pemuda
dari pemerintahan lain bangsa.

Wahai pemuda sateria
tumpuan bangsa dan negara
tuntutlah pemuda itu pusaka
agar kita segera MERDEKA.

Taiping

Majalah Guru, Oktober 1954

Manifesto Palsu

Burmy

Masih teringat-tingat lagi di telingaku
manifestomu nan mendayu-mendayu itu
ketika kau mencari sokongan rakyat murba
kauhamburkan janji-janji nan bermadu.

Kononnya "aku berjuang untuk menegakkan kedaulatan
rakyat,
sanggup sehidup semati bersama-sama rakyat jelata
biar terkorban jiwa asalkan merdeka tercipta
dan rela mati minta mayatmu dikapankan dengan bendera
UMNO"

Tetapi kini ternyata
kau mengingkar janji
hanya "Manifesto Palsu"
rakyat kaujadikan sebagai batu loncatan
untuk menegakkan kepentingan dirimu.

Nah! sekarang!!
aku rakyat jelata dan anggota-anggota masyarakat semua
telah sedar, insaf dan mengerti
segala rentak tari dan dendang-dendang lagumu itu
tak mudah dipengaruh dan diabui lagi
sekali terkena ingat selamanya
merdeka!!!

Merdeka, 15 November 1954

Aku Menangis

Taharim

Dalam alam memeluk sunyi
awan mega berarak lalu
hatiku gembira ria
teringat semula sejarah nenek moyangku
yang sejati berbangsa Melayu
berabad-abad hidup penuh kegembiraan
menegakkan bendera cogan katanya
“MALAYA TANAH AIR KU”
“PUSAKA BANGSA MELAYU”.

Tetapi kini aku menangis! Menangis!... Menangis!
tiang penegak bendera ditebang hancur
panji-panji cogan kata dibakar hangus
asap harum menggelap di angkasa
abu berterangan dihembus bayu
hilang ghaib tak nampak lagi
bekasnya membakar jiwaku

AWAS! AWAS!

Segeralah bangun wahai kawan
ubatkan penyakit lemahmu
sapu air mata
mari! mari! kita tegakkan semula
dengan tiang yang tegap perkasa
kibarkan panji-panji cogan kata nenek kita dahulu.

Pagarkan dia dengan pagar besi
binakan dia dengan teguh
pujakan dia sepanjang masa
segera tunaikan kehendaknya
mara terus mara ... lagi mara
agar kita hidup subur ... ria gembira
pulih bagai sediakala

M E R D E K A !

Melati Pertiwi

Moshba

Tak mahu aku dipetik, dicium, dihidu
dengan sekehendak jiwa dan nafsu
yang hanya semata-mata menjadi korban palsu
sebagai anak-anak Hawa yang selalu tersemu
aku pemudi zaman ini
mahu jadi serikandi sejati
tak mahu aku direngkok di dalam pagar sebagai abdi
sekarang aku katakan aku cinta kemerdekaan
penuh tekad dan seribu harapan
mahu mara dan merevolusi perjuangan
memusnah segala pagar-pagar jajahan
yang membelenggu aku dan kawan-kawan sebagai anak jajahan
aku katakan lagi:
aku rela mati menjadi debu di bumi
kiranya pertiwiku lepas dari cengkaman besi
dan sekarang siapa berani mari kita pergi
menjejak duri dan bara api
peduli angkara dan mati
kita hanya hidup sekali
di mana kita akan berbudi dan berbakti
jangan takut menempuh mati
ayuh! kawan-kawanku Melati Pertiwi
kobarkan semangat Fatimah serikandi sejati
kalau sebenarnya kita mencintai ibu sendiri – ibu pertiwi

Merdeka, 1 Disember 1954

Menuju ke Zaman Kemerdekaan

Ahmad Hj. Hussain

Setapak demi setapak

... mara ke hadapan! namakan undur pantang sekali!!!
melalui padang perjuangan, dengan jiwa kasihkan watan
melepuh kaki menempuh batu! duri dan onak menghalangi
pulak!!!

keringat mengalir membasahi tubuh

bumi kering, berbayu tidak

benda dituju jauh lagi?????

perasaan hampa merentang datang???

tetapi! jiwa bersemangat perjuangan!!!

namakan kalah, mengaku tidak

biar punah merasai badan

tetap berjuang! tetap berkurban!!

sehingga tercapai harapan murni

hasrat tetap berkobar-kobar dengan amal disertai

taik dapat, taik berhenti! perjuangan tetap terus

menuju ke zaman kemerdekaan, untuk watan persada kami.

Batu Belang

Merdeka, 1 Disember 1954

✓Biarlah Aku Berjiwa Merdeka

Delima Hamidi

Berjiwa merdeka adalah tulus mulia
namun roh tetap suci murni
rasa kebatinan tidak tergoda
lidahku kelu daripada mengeji sifat alam semula jadi
alangkah senang-lenang jiwa merdeka
jiwa yang tiada terkongkong dari belenggu abadi
hidup di maya pada di bawah desiran angin
tiupan bayu berhasrat mulia menuju penghidupan
mengikut aliran zaman
berjiwa merdeka terjauh daripada segala hasutan
terpisah daripada sompong angkuh membesarkan diri
ampu-mengampu berkehendak sanjungan bersadur
hidup kesenangan di bawah desiran angin penganiayaan
di seluruh jasad mengalir darah jasad
oh! sungguh dahsyat, barang dijauhkan Allah
oh! biarlah aku miskin, melarat derita sengsara
asal tiada menindih menzalimi bangsa.

Merdeka, 1 Disember 1954

Kepada Orang Perjuangan

Othman Ngah

Namun berjuang!
pasti berjuang!
biarkan jasad kau menerima kurungan
atau hancur berketi-keti
namun berjuang!
pasti berjuang!!
biarkan anak kau menjadi yatim
atau isteri kau menjadi janda
namun berjuang!
pasti berjuang!!!
untuk menciptakan negara merdeka
sanggup meninggal adik dan kakak
demikian juga ibu dan bapa
sekianlah besar hasrat merdeka
pemuda-pemudi aku serukan
pada tuanlah harapan watan
atau agama bangsa dan nusa
barulah tepat – tidak didusta
pemuda-pemudi harapan bangsa.

Marang

Merdeka, 15 Disember 1954

Merdeka

Musa

Bergema teriakan merdeka!!!
bagai halilintar di atas langit
tangan berserta angkat ke atas
menunjukkan semangat sedang berkobar-kobar
tua – dara dan anak-anak kecil
ikut sama menyebutkan merdeka
dari mulut terus ke hati
kerana apa?
hendakkan lekas merdeka
itulah tuntutan umat Malaya.

Muar

Merdeka, 15 Disember 1954

Penganjur

Burmy

Kaulah pemimpin rakyat jelata
laksana gembala di Sahara tandus
mencari air, mencari rumput
untuk kehidupan gembalaan nan kurus.

Di musim panas
kering-kontang
di tengah-tengah samudera pasir
dingin simon turut mengganas
debu melayang, berterbangan
gembalaanmu lari mundar-mandir
melindungi diri di balik tubir.

Kau, tetap setia, jiwamu, tetap tabah
sanggup menempuh segala derita
asalkan gembalaanmu hidup mewah.

Begitulah sifatnya penganjur sejati
tidak mundur menghadapi bahaya
sanggup berjuang, sehidup semati
bersama-sama rakyat jelata
untuk menciptakan MALAYA MERDEKA

Majalah Guru, 1954

Puncak Cita

M. Ghazali

Suatu puncak gagah indah
dalam liputan awan memutih
damailah manusia yang tiba ke situ
titik keadilan dan kemerdekaan.

Tapi kita masih di perbatasan jauh
dengarlah dendang yang kaku
dan janji-janji yang selalu berganti
dengan kepalsuan yang bersalut budi.

Tahun berlalu dan masih bisu
lagu yang membosankan telinga
nampak 'dia' enak-enak bercengkerama
bulan bercahaya dan puputan bayu
mata memerhatikan bintang di langit biru.

Kita terus kecewa
dan dia menikmati bahagia kita.

Itulah penindas manusia
yang akan kita tentang dengan penuh tenaga.

Utusan Zaman, 13 Februari 1955

Pemuda Bangsa

(Untuk alu-aluan Kongres Pemuda Melayu)

Harun Aminurrashid

Engkau pemuda
Engkau belia
Engkau remaja
Tenaga besar bercita-cita tinggi
Tiang negara pelopor bangsa.
Tidak kenal surut
Biarpun maut mengancam
Takut, kecut, musuh kamu
Berfoya-foya, berasmara hanya biasa.
Titah ibu pertiwi diterima bangsa
Sabda dijunjung jalan ke syurga
Inilah pemuda bangsa.

Hiburan, April 1955

Pengembara yang Mengaku Zulastry

Hamba pengembara dari daerah murba
sebentar kembali dari bertapa
kaucuba kembangkan mata dan telinga lebar
dan ini sebuah kisah aku bicara.

Kau selama merasa kepicikan pada serba
kau selama dikilas oleh tenaga raksasa
kau selama terkepung diri
kau selama menyanyi di daerah mati
hamba telah mendalam – lebih mengerti
dan datang ini untuk mencapai isi.

Sekali ini kita bina segala harapan
– meminta hak dengan keadilan –
dan kau bentuklah sebuah jaminan
“juaklah hamba ke depan – jadi kepala jalan”.

Hamba pengembara melonjak dari daerah murba
pantas melompat – cerdas membela
dan “juaklah hamba”.

Mastika, Jun 1955

Marilah Kawanku ...!!

M.S. Ramzi

Marilah kawanku ...!!
lihatlah keindahan persadamu
tanahnya subur sejak dulu
tanah pusaka peninggalan ibundamu
kawanku ...!!
kasihkanlah persadamu itu
persada nan dipuja oleh rakyat beribu-ribu
dengan bersatu, berdisiplin boleh mengangkatkan mutu
menungkanlah wahai saudara ...!!
si penjajah ingin lagi bermaharajalela
di persada kita nan kaya-raya
menindaskan rakyat hingga kian merata
adakah kawanku ... akan dibiarkan begini?
tidak ... kawanku! kita mesti bersatu hati
menuju ke jalan memperbaiki
kawanku! mari kita menyahuti seruan ibunda pertiwi
kawanku! berjuanglah dengan membina mutu bangsa
tunaikan kewajipan dengan semangat perwira
lenyapkan si penjajah dari persada kita
sebab kita ingin hidup merdeka!!

Kelantan

Malaya Merdeka, 28 Julai 1955

✓ **Mahu Sama Bebas**

Ahmad bin Hj. Yusuf

Perasaan jemu dan ingin mundur bukan jadi perhitungan lagi
bagi pemuda-pemuda perintis jalan ini ...
dan pemuda-pemuda serikandi.

Kalau darah-darah ini masih mengalir di seluruh tubuh
apakah ertiinya hidup kaku membeku sebagai patung?
patung-patung yang hanya jadi rebutan anak-anak.

Mahukah saudara atau saudari???
hidup kita ini tak lebih dari patung yang kita lihat di almari?
tidak ...! tidak ...! tak mahu bukan?

Kita bukan patung
dikurung mahu terima
dicampak menahan sahaja!!!

Kita ...! Oh! Kita sama seperti dia!!!
mahu hidup lepas — mahu bebas ... dari sebarang belengguan
mahu hidup aman — mahu damai ... dari perkelahian, kekacauan
pendek kata:
kita mahu — kebaikan, keamanan dan kemerdekaan!!!

Tarom

Malaya Merdeka, 28 Julai 1955

Ingin Kemerdekaan

Roslan bin Sulaiman

Aku dan kawan-kawan semua
ingin lepas, bebas dari belenggu penjajahan
sudah jemu aku ditindas, diperas dan diperhamba

Lepaskan aku! Lepaskan aku! Oh penjajah
aku bukannya haiwan, mahu ditawan
aku manusia biasa seperti kau juga
tapi mengapa aku masih dijajah?

Marilah bangun pemuda dan pemudi
marilah berkorban segala-galanya
untuk mendapatkan kemerdekaan sejati
jangan hanya hidup berserah diri.

Pengerang

Malaya Merdeka, 28 Julai 1955

✓Untuk yang di Luar Pagar

M. Ghazali Yaidi

Jikalau sebenarnya kau tak suka
ataupun tak mahu campur
duduklah di luar pagar berdiam diri
lihat dengan mata — dengar dengan telinga.
tetapi mengapa berada di luar pagar
melari diri dari perjuangan dan pengorbanan
tidakkah kaudengar suara jeritan tanahairmu
meminta pembelaan, pengorbanan, perjuangan darimu
wahai kawan-kawan — yang di luar pagar
tulikah kau — pekakkah kau ...!!!
bangsa dan negaramu sedang meratap
memohon kau berjuang — berkorban melepaskannya
dari segenap himpitan penjajah
yang tak punya perikemanusiaan
sedarlah!... marilah kawan-kawan!
kita perjuangkan dengan mengatur langkah
jangan hanya pandai berkata — mengaku dan
kononnya orang perjuangan
tetapi semuanya palsu — berdiri di luar pagar perjuangan.

Malaya Merdeka, 28 Julai 1955

Penganjur Tiga Serangkai

Pemuda Wanma

Penganjur dipanggil tiga serangkai
umpama bakul ada berbingkai
tipu muslihat berbagai-bagai
manusia yang hidup menjadi bangkai.

Dilantik konon jawatankuasa pemandu
pemuda kebangsaan hendak ditandu
ke mana dibawa sudah terhidu
busuk laksana tahi ayam candu!

Borhan Ishak bekas PKMM
Onn Setiausaha Parti Negara
baharu sembahu dari demam
kemudian siasat menjadi juara.

Diadakan kongres seluruh pemuda
di Kuala Lumpur tempat berada
penganjur bersyarah menepuk dada
ibu pertiwi sudah ternoda.

Borhan bersyarah jika disemak
perkataan bersemangat enak dan lemak
tetapi ada perasaan tamak
laksana duri di dalam semak.

Di dalam kongres peluang dipulun
hadis dan firman semua dibalun
semangat pendengar berombak beralun
mencari kesempatan menjadi calon.

Ishak pula pemuda dipakat
pilihanraya yang hampir dekat
kemenangan satu parti mesti disekat
kononnya tidak memberi berkat.

Dipanggil pemuda seluruh negeri
menyatukan tenaga hendak dicari

rupanya menjaga faedah sendiri
pemuda sekarang jangan ditukari!

Bong dahulu bong PKMM
bong sekarang baharu bangkit demam
kemewahan kesenangan sudah dimamam
mulut bercakap sudah tergamam.

Syarahan Onn pula disaji
janganlah Melayu caci-mencaci
hasad dengki mesti dicuci
supaya tercapai kemerdekaan yang suci.

Lain dikata lain dibuat
ini fasal orang meluat
partinya tak dapat sokongan kuat
kongres pemuda cuba dibuat.

Onn pandai berpura-pura
supaya muslihatnya tidak ketara
mempengaruhi pemuda hendakkan suara
supaya mencalon Parti Negara.

Pemuda tahu pendirian Datuk
rakyat tak mahu lagi dikatuk-katuk
polis penjajah untuk mengetuk.

Ada akhbar cuba mengampu
orang ramai hendak ditipu
makanan beracun madu disapu
kerana pengaruh gambar laufu*.

Tujuan kongres sudahlah nampak
juara siasah mencari tapak
pemuda kebangsaan bukan tak nampak
gantang yang besar dikatanya cupak.

*gambar harimau wang

Ingatlah sekalian pemuda bangsa
janganlah terburu tergesa-gesa
supaya perjuangan selamat sentosa
dikurniakan Allah Tuhan yang Esa.

Malaya Merdeka, 28 Julai 1955

Damai

(*Tanahairku dan dunia*)

Tongkat Warrant

Sisa hidup ini hendak kita pelihara
juga tanah, pohon dan buah-buah
juga tulang, daging dan darah
jangsan suara jadi parau di musim kemarau.

Tapi tanah kami sudah kerecikan api
lama bermula, tidak hilang sampai kini
dan meski tawaran damai sudah diberi
orang masih tidak peduli!

Pohon getah dan tanah mengandung bijih
rebutan manusia daerah asing
kita gali kubur dan masuk berdiam di dalamnya!

Damai – seruan dan tawaran
damai – untuk tanahairku dan kemerdekaan
damai – untuk dunia dan kesejahteraan!

Mastika, Ogos 1955

Aku Siapa? *Harun Aminurrashid*

Semenjak yang kutau,
Kudengar orang lain mengatakan aku:
Bangsa Melayu,
Aku diajar menyebut nama Allah
Dari kecil lagi aku diasuh oleh orang tuaku
Supaya dapat mengucap dua kalimah syahadat
Tak pernah ku diingatkan apa agamaku
Tetapi orang tuaku pernah selalu menyebut kita orang
Melayu anak negeri ini.

Aku ada pernah mendengar bangsa Cina 'masuk' Melayu
Aku terasa 'Melayu' itu besar dan berkuasa
Orang tuaku marah kalau ditanya apa agamanya
Beliau tetap menjawab "Aku bangsa Melayu".
Setelah aku mengerti
Melayu itu tetap Islam
Mempunyai sifat pahlawan, jujur dan mulia
Aku pernah disuruh menjadi 'Malayan'
Tetapi jiwaku berpendirian
Biarpun bumi 'kan lebur
Tulang dagingku hancur
Aku tetap berbangsa Melayu, yang telah diamanahkan oleh
orang tuaku,
Tidak akan dapat dijual beli, atau ditukar ganti hingga abadi.

Belia, 19 Ogos 1955

✓Yang Hidup dan yang Mati

S.M.Ghazali Talib

Kita hidup di tanah pusaka penuh neraka
rangka-rangka kaku penuh debu tidak terkira
salak anjing, ngadui sakit penuh berlaga
kematian dan kemusnahan berlaku di mana saja.

Ribuan suara dalam suatu jeritan yang sama
bergerak ke arah cita merdeka penuh bisa.

Sekali bergerak sekali terentak digulung ombak
tekanan luar penuh tenaga mencekak rasa
jasad kering dibungkus sisa-sisa daging
teriakan menggema juga – nyaring melengking.

Sinar mula tampak di ufuk timur
suara rakyat bergegar di mana-mana
tanah pusaka kita pusakai semula.

Utusan Zaman, 21 Ogos 1955

✓Sikap Pura-pura

S. Tamin

Bunga-bunga gugur atas pusara
sudah layu lesu disinar suria
menangis pada si mati
yang telah biasa kenal derita
selama dia hidup atas dunia.

Cuba tanya pada hartawan
atau pelindung-pelindungnya kaum penjajahan?
apa derita dirasai si mati
sebelum ajal memeluk diri?

Mereka mati kerana ajal
tidak mati ditekan derita
beginikah teman?
hidup dalam zaman kebebasan?
tanya Onn ... dan tanya Abdul Rahman
atau diktator-diktator yang menjalankan peranan
MENGEKALKAN PENJAJAHAN

Majalah Guru, Disember 1955

Malaya Pasti Merdeka

Affrini Adham

Keseluruhan dari keadaan dan kenyataan
keseluruhan dari kesanggupan dan kebenaran
keseluruhan dari kemungkinan dan kepastian
perpaduan – perdirian – pengorbanan dan perjuangan
– telah benar-benar membangunkan kepercayaan
– telah benar-benar menimbulkan harapan
bahawa kemerdekaan yang sekalian lama kita perjuangkan
telah dekat – mendekati kita
telah tegas dan nyata
terbayang di hadapan mata
Malaya! Pasti merdeka.

Kita pasti merdeka!
kita adalah manusia berbangsa dan bernegara!
kita bukan boneka!

Kita pasti merdeka
di atas "hak pertuanan" kita
selaras dengan kemerdekaan di mana-mana
sebagai manusia-manusia lain yang berbangsa dan punya negara
Malaya pasti merdeka –
di atas keseluruhan – hak-hak kenegaraannya.

Malaya Merdeka, 1955

Sekali Berjuang Tetap Berjuang

Demak

scribd

Suasana senyap sepi
setelah dia letih penat
Keringat mengalir meleleh

Dalam suasana samar-samar terang
dia termenung mengenang
kenangan terus ke lambang perjuangan
sekali berjuang tetap berjuang.

Tiap PEMUDA WAJIB
tiap PEMUDI TERBABIT
ambil bahagian aktif (*active*)
dalam lapangan POLITIK.

Ayuh! Bangunlah kalau ingin
sedarlah kalau mahu
bergeraklah kalau boleh
ke arah tujuan satu
“SEKALI BERJUANG TETAP BERJUANG”.

Gemas

Majalah Guru, Februari 1956

Aku dan Rakan Perjuangan

A.S. Ally

Kau – aku
bukan musuh-musuh merdeka sejati
juga musuh-musuh merdeka sejati
jangan tersalah menyangka aku buta
tak punya tugas untuk merdeka
aku tetap berdiri
selagi berdenyut nadi-nadi
untuk kemerdekaan ibu pertiwi
yang sedang dibelah bagi
sekarang aku undur teratur
bukan pengecut takut
hanya bersedia untuk bekal-bekal mara
ubat alat bedil senjata
"Untuk melaga jiwa sama jiwa, menebus merdeka".

Nah
sekarang aku datang kembali
kita beradu mati di bumi
pada tempat kita pijak kini
tidak pada dada kekasih – aku mati
aku mati kerana pertiwi
sampai rata jasadku di bumi
guna melepaskan belenggu hari ini.

Majalah Guru, Mac 1956

Sekali Merdeka Tetap Merdeka

M. Ismail

Terukir kata dari beta sisa derita
lama berduka kerana bisa menghidap luka
pedih rasa menjadi hamba berabad lama
lulang pusaka tiada harta hidup sengsara.

Hasrat beta pada merdeka memuncak rasa
merdeka negara mulia bangsa bahagia murba
pusaka kita – harta benda serta budaya
hak bersama tiada beza sama rata.

Kini bersama memberi bakti
angkat kepala tegak berdiri
rela mara menempuh api
gagah perkasa merempuh segala
tiada mengira direntang senjata
sekali merdeka tetap merdeka!

Utusan Zaman, 4 Mac 1956

✓Darurat

Dahlia M.A.

Lama sudah keadaan ini
banyak sudah kami alami
akibat darurat rakyat mlarat
langkah tersekut syarat.

Lapan tahun berlalu sudah
keadaan ini belum berubah
banyak insan rebah-rempah
darah merah tumpah melimpah.

Rakyat jelata minta merdeka
tiada rela dijera derita
undang-undang darurat tamat segera
bila kuasa di tangan kita.

Pertahanan negeri di tangan Inggeris
bererti darurat tiada habis
modal asing dipelihara juga
bererti rakyat terus sengsara.

Merdeka negeri tiada erti
jika tiada serta ekonomi
merdeka negeri dan ekonomi
baru merdeka mempunyai isi.

Mastika, April 1956

Untuk Lagu Kebangsaan Tanah Melayu

Hasbiha

Kekal Merdeka

Negeri Melayu, bangsa Melayu
turun-temurun, teguh berpadu
raja, rakyat, sama bersatu
negara kita, Tanah Melayu.

Negara merdeka, mulia, kita, bersama
Allah lindungkan segala, mara bahaya
Tanah Melayu aman sentosa
Kekal merdeka sepanjang masa.

Perak

Majalah Guru, Mei 1956

Jangan Percaya, Kasihku

Musa Jalil

Jika pada waktu pagi mereka membawa berita sedih
Jika berkata mereka:

dia sudah lemah, terhuyung-huyung dan rebah;
Janganlah percaya, kasihku,
berita itu palsu,
Dan lebih palsu dia yang mengatakan aku begitu.

Darah bendera kita tumpah mencurah
Menyala seperti merkusuar, memberi alamat
Maka berhakkah aku rebah, atau merangkak?
Maka berhakkah aku menjadi lemah?

Jika pada tengah hari mereka membawa berita sedih,
Jika berkata mereka:

dia pengkhianat – menjual negerinya;
Janganlah percaya, kasihku
Hal itu tiadakan berlaku,
Dan berdebah dia yang mengatakan aku begitu.

Bila pertempuran berlaku bedil kuambil
Berjuang aku untukmu dan negeriku
Tak setia kepada nusa? Tak setia kepadamu?
Jadi kepada siapakah di alam ini aku setia?

Jika pada waktu malam mereka membawa berita sedih,
Jika berkata mereka:

dia sudah musnah, Musa sudah mati;
Janganlah percaya, kasihku
Hal itu tiadakan berlaku,
Dan rendah budi orang yang mengatakan aku begitu.

Dari tanah kita jadi, ke tanah kita kembali
Tapi tak seorang dapat mengebumikan lagu pemenang.
Jika pejuang yang berani, aku pergi tidur,
Siapakah pula yang dapat berkata Musa sudah mati?

Titisan Darah di Tanah Indah

A. Samad Said

Moyang kami yang papa mesra berbudi bahasa
mati terantai kakinya, tercelik hampa matanya
tanah pusaka raya indah subur merata
untuk kita warisnya – penyambung cerita derita.

Untaian masa bertunda memucatkan warna muka
ulangan cahaya bahagia menjelma tiada ke gua
kami masih berbahasa masih berbudi juga
sedang tangan raksasa mencekik bengis mangsanya.

Dalam taman hak kami berkembang puspa yang wangi
aneka ragam jenisnya menghiasi persada bonda
biar bersatu segalanya erat berpadu sejiwa
biar semerbak baunya mengharumi seluruh benua!

Kami berbudi bahasa penuh ikhlas di dada
tiada rela berjela cerita neraka selaksa
kami berbudi bahasa mesra hati asasnya
siapa saja derhaka kami ancam nyawanya!

Dalam taman hak kami berkembangan puspa yang wangi
segar sihatlah puspa jernih tenang warnanya
dalam taman hak kami berkembangan puspa yang suci
rumput liar bernoda kami ragut akarnya!

Moyang kami yang papa mati terantai kakinya
kami titisan darahnya pelebur cengkaman rantainya
moyang kami yang mesra tercelik hampa matinya
kami titisan darahnya pencurah bahagia ke matanya!

Mastika, Jun 1956

Jiwa Merdeka

A.S. Amin

Perasaan tertekan di dalam dada
penjajahan mencengkam segala daya
rakyat miskin dari desa ke desa
dan dendam menyala membakar jiwa.

Tunas muda terkulai patah
tumbuh lagi benih di tanah
api di sekam tiada kelihatan
kelak menyala membakar hutan.

Tanjung Malim

Mastika, Julai 1956

Berjuanglah

Pena Merdeka

Pemuda, pemudi bangsaku
marilah berbimbing tangan
bersatu-padu
laksana lidi satu ikatan
berjuanglah! berjuanglah! bangsa Melayu
untuk hidup bebas dan merdeka!
hai! bangsaku!
kau semua seperti aku juga
kau perlu bangun
masyarakat, tanahair dan agama
mengharap-harapkan kamu
wahai bangsaku, bangsa Melayu
bangunlah kembali
tunjukkanlah kemegahan bangsamu
untuk memperkenal seantero
aku berseru:
"Wahai bangsaku ...!
pantang undur sebelum berbakti"
jangan undur, meskipun perjuangan pertama
biarpun darahmu melimpah mengalir
pasti mara – terus berjuang!!

Perlis

Majalah Guru, Julai 1956

Cetusan dari Hati

A.S. Amin

Bila kemerdekaan sudah tercapai di dalam tangan
sendiri

isilah kebebasan berfikir pada jiwa segenap rakyat ini

kerana ia sumber sinaran mengecap abadi

dan berpaduan bangsa menelurkan cukup kepastian
suci.

Kemungkinan larut sepuluh tahun menempuh

gerbangan

orang luar berteriak, mencari pegangan,

penjajahan budi berjela menjalar segenap ruangan

dan kita termangu tanpa perhitungan.

Bila kemerdekaan sudah tercapai di dalam tangan
sendiri

berilah penuh kebebasan berfikir di dalam segenap segi

dan kita bersama membina Malaya abadi.

Tanjung Malim

Mingguan Pedoman, 21 Julai 1956

Lagu dari Rakyat

A.S. Amin

Cahaya kemenangan telah bersinar di ufuk timur
rakyat sedar melangkah dengan keinsafan sendiri
keyakinan tidak mahu lagi berikat janji
dan semua ini di dalam usaha berhari.

Kalau kau masih mempunyai budi tinggi
berilah kembali segala jajahan yang kau miliki
rakyat masih kasih pada aman dan damai.

Ini semua membawa denyutan segala
ini semua membuat mendalam rasa
ini semua membakar hati murba.

Kalau kau masih mempunyai budi mulia
berilah kembali segala jajahanmu pada bangsanya
Asia yang akan datang mahu bebas merdeka.

Tanjung Malim

Mingguan Pedoman, 4 Ogos 1956

Kepulangan Perahu Layarnya

A. Samad Said

Langit cerah di daerah ini ada kemesraannya di malam hari
perahu-perahu layar bersaingan di kaca ombak pecahan bulan
dan gadis manis yang kemanjaan menungguan kepulangan
kekasih sayang
ah, di matanya kemarau cahaya, di hatinya kemarau cinta

Angin datang begitu mesra, ombak pula begitu manja
perahu-perahu layar yang bertunda semakin dekat ke teluk
rindunya
dan gadis manis yang menunggu hatinya terlalu terharu:
"Ada hendaknya terunaku pulang dari pelayaran itu!"

Perahu-perahu layar berlabuh semuanya menari-nari di ombak
manja
pulanglah kelasi-kelasi membawa pengalaman dan hatinya sendiri
tapi gadis manis yang kemanjaan masih mencari kekasih sayang
tiada, tiada terjumpa ia, perahu-perahu layar kosong semuanya.

Puncak sedu dilaluinya, dihempaskannya seluruh hatinya
dan terus ia merintih pilu: "Kanda, sampai hatimu,
dalam pelayaran ini pun kanda masih belum pulang juga
terjumpakah kanda kekasih baru di pulau lain yang indah terlalu?"

Dari jauh terpandang olehnya perahu layar menuju ke arahnya
berlariyah ia ke lidah pantai melonjak ria sepenuh hati:
"Kanda, engkaukah yang pulang? Engkaukah kandaku sayang?
Kenapa begitu lama? Terlalu kemaraulah hatiku sudah!"

Perahu layar berlabuh mesra dan keluarlah kekasih hatinya,
"Dinda Melati mengapakah di sini menunggu kanda seorang
diri?"

Antara sedu di menara rindunya gadis manis lembut bersuara:
"Menunggumu, kanda. Kepulanganmu terlalu lambat, mengapa?"

"Di laut ombak terlalu buas, taufan dan hujan terlalu ganas
mereka menguji kewajaan kanda, tapi kanda tenang menghadapi-
nya
dan dalam ombak, taufan dan hujan, kanda dengar satu pekikan:
"MERDEKA!" bergegar-gegaran. Kanda pulang untuk ke-
merdekaan!"

Langit cerah di daerah ini ada kemesraannya di malam hari
perahu-perahu layar berlabuh tenang di kaca ombak pecahan
bulan
dan gadis manis yang kemanjaan tenggelam dalam pelukan sayang
ah, di matanya penuh cahaya, di hatinya penuh cinta!

Mastika, September 1956

Tidak Mengenangkan Jasa

Seri Jelur

Aku ini manusia biasa
manusia seperti lain juga
mengandungi perasaan dan cita-cita
namun apakan daya
kecil aku dipelihara dijaga oleh ibunda
dewasa diperintah aku ke tengah persada
berkhidmat di dalam hutan belantara
untuk faedah bangsa dan nusa
berkhidmatlah aku dengan hati yang putih
tidak mengenal lelah dan letih
sebelah pahaku patah – serpih
hutan belantara kusapu bersih
begitu pun kejujuran hati
di dalam perjuangan yang tak mengenal mati
keluar aku di tengah ibu pertiwi
maki – hamun dapat kukecapi
manusia mana bisa menahan air mata
kapan mengenangkan nasib – hidup menderita
tenaga kuberikan untuk bangsa dan nusa
racun juga balas dia

Kelantan

Majalah Guru, Oktober 1956

Rindukan Malaya yang Merdeka

Kaman

Kenangan silam menjelma lagi
zaman cemerlang di negara suci
merdeka hidup aman megah ... memerintah sendiri
wah! alangkah bahagia hidup begini???

Tetapi ... betapa sedih dan perit
jiwa kita memendam sakit
pusaka kita dirampas... dimilik bangsa tak berbudi
kita dibutakan ... untung faedah dibawanya pergi.

Tinggal kita lena dinyanyikan ... umpama mulut disuap pisang
punggung kita dicucuk duri.

Namun begitu ... kita insaf ... sedarkan diri
kita tak sanggup dicerca ... ditipu lagi
atau hak-hak kita dimilik sampai mati
kita tetap menuntut ... walau apa jadi

Nah! Masa yang dinanti ... dirindui akan
... muncul kembali

Saat ... gemilang 31 Ogos tahun hadapan ini
kita tunggu ... agar hilang rasa rindu hati
tetapi ... mungkinkah bahagianya kita nikmati?

Majalah Guru, Oktober 1956

Tanahair

Tongkat Warrant

Engkau, tanahku, pemilik perut yang berbudi
penampung hujan, penyedut sinar matahari
engkau lahirkan anak-anakmu; semaiyan petani
tidak pernah berhenti engkau lakukan
tidak pernah berhenti petani-petani membelai-belaimu.

Engkau, tanahku, ibuku yang murni
jasamu berjuta-juta tak terperi
tenagamu dalam perutmu yang tak mati-mati
aku kepunyaanmu dan kau kepunyaanku

Engkau, emakku, merasakan juga segala yang keji-keji
perutmu pernah ternganga dibongkar hitam besi
mukamu diinjak-injak oleh mereka yang tak peduli
anak-anak yang kaulahirkan selalu dicuri.

Engkau, ibuku, pernah pula memangku pahlawan-pahlawan
bermandi darah dalam perjuangan kemerdekaan
sujud dalam kakunya meminta perlindungan
dan ibuku, kautenggelamkan mereka dalam dakapan.

Engkau, ibundaku, tenang menghadapi semua keadaan
dan kami, putera-puteramu, bertegang dengan paluan-paluan
kebencian dan penuh kemurkaan
untuk sebuah negara seindah bulan
untuk suatu masyarakat seadil timbalan

Negara baru sedang kami cipta
masyarakat baru sedang kita bina
tiada penjajahan, tiada kekejaman di dalamnya
penuh kemakmuran penuh, kebahagiaan isinya!

Inilah tujuanku, kami angkatan ini
bersama buruh bersama kaum tani!

Mastika, Disember 1956

Pada Tanah yang Indah

A. Samad Said

Dalam mata yang bersih merayap cahaya yang jernih
aku sama menagih kemerdekaan kekasih
dalam dada yang mesra tenang telaga cinta
aku janji setia membela tanah pusaka.

Kira ribut mendurja mengancam tanah yang indah
setapak tiada kurela untuk melutut kecewa
biar peluru selaksa mendendam liar mangsanya
untuk kekasih pusaka hatiku tetap rela.

Dalam hari berlari berbaja kasih di hati
azam besi berumbi: melebur penjajah di bumi!
dalam rindu berpadu, hitam dendam terpendam
aku terlalu merindu fajar cemerlang menjelang.

Hati ini seluruh kasihkan kekasih sepenuh
beri janji yang teguh hingga badanku luluh!

Utusan Zaman, 16 Disember 1956

Bertindak

Nahmar Jamil

Kita yang mudah tertipu oleh bunga kata
kita yang belum tahu apa akan jadi di akhir tiba
sekali terasa sepinya harapan yang lama menunggu hampa
sekali tersentak sedar menggurislah dalam buku pengalaman.

Sekarang mereka berada di kerusi tinggi
dan kita pada menanti segala kemungkinan
lebar telinga memasang, liar mata mengawasi
nyata antara janji perbuatan jauh tidak sejalan.

Kenanglah dalam kenangan pada 'peristiwa' dulu jadi mimpi
di mana telah kita memulia puja dan besar hati sekali
menyangka sambil berteriak-teriak dengan penuh irama gemuruh
"Inilah negeri demokrasi ...????

Dan meranalah kita yang jadi mangsa korban
oleh bertambah tekanan, hancur seluruh kehidupan
pada mereka, manusia-manusia belang yang tidak punya hati
timbang
serentak bertindak telanjang terajang biar menjerit telentang.

Kangar

Mingguan Pedoman, 19 Januari 1957

Irama Hati

(Kepada bapa Burhanuddin al-Helmi)

Abhan

Darah, hati dan seluruh anggota yang ada
tidak pernah marak melonjak merasa segirang ini
bila bapa kembali menjelma lagi
menjejak tanah pusaka – kesan sisa neraka.

Tanah ini pernah bapa jejak lama dahulu
dan kami masih kecil tiada tahu suatu
kemudian bapa tinggalkan, pergi masuk pagar berduri
kami besar panjang – tiada hala pasti.

Darah, hati dan seluruh anggota ini
pernah mencair menggelegak panas di suatu hari
dan kemudian beku semula kerana tiada penguasa
lantas sejuk kaku seluruh anggota yang ada.

Bapa sendiri pernah berada dijulang menara
meniup nafiri murni, menyanyi lagu istimewa
kemudian turun semula kerana dianggap merbahaya
dan kami sedar bapa tidak pernah menderhaka.

Lagu yang bapa gubah dan nyanyikan
menyerap ke darat, hati dan tulang kami
demi atas nama insani kami teruskan
walau suara serak parau kerana tiada senyuman.

Dan kini bapa kembali semula menemui kami
kasih kami kepada bapa mengerat lagi
“Tiup, tiuplah kembali nafiri murni baring sekali”
dan kami menyanyi bersama dalam rentak irama asli.

Ya – darah, hati dan seluruh anggota yang ada
tidak pernah marak melonjak merasa segirang ini
bila bapa kembali menjelma lagi
menjejak tanah pusaka – kesan sisa neraka.

Mingguan Pedoman, 19 Januari 1957

Pusaka Tercinta

Suria Negara

Tanah ini tanah pusaka datuk nenek kami
kamilah waris yang suci wajib membela
hingga ke akhir zaman kami jadi pemilik sejati
maka demi darah dan nanah datuk nenek kami yang melimpah-
ruah ke tanah
membangun dan mempertahan kedaulatan negara ini sampai
tubuh jadi arwah
kami bersumpah darah dan nanah kami jadi persembah
darah dan nanah datuk nenek kami yang tumpah ke tanah dalam
perjuangan menentang penjajah
tidak gundah menegak negara rela tubuh jadi arwah
pecah sumpah sateria "menerima penjajah atau menyerah kalah!!!"
begitu tinggi budi nenek kami menyemarak semangat berani
kepada kami
maka kami junjungi cita-cita suci mereka sateria sejati
sekali negara ini bangun berdiri kekal merdeka kami pertahan
sampai mati!!!

Parit Buntar

Mingguan Pedoman, 9 Februari 1957

Teruskanlah!

S. Nuri

Dengan harapan dan hati berdebar tanah tercinta
Mengikut langkahmu yang telah mengesan di bumi Malaya
yang rindukan damai dan merdeka.

30 tahun yang lalu tuan telah catatkan di dahi bayi cinta merdeka.
Bagi fajar, dia kini telah jadi samsu membakar, walau api itu
asal dinyalakan dipadam lagi.

Bibir rakyat semua – lah basah dengan ucapan merdeka
Hutani-hutan yang lebat itu – lah lembap dik darah dan air mata.
Setia pada pesan pahlawan Melaka, "Tidak Melayu hilang di
dunia".

Tuan canangkan "suara Malaya Merdeka" dari negara kakanda
Diharapkan adik abang ini kembali ke pangkuan ibu bersama-
sama.

Suara itu mengeruh kota London, bikin penjajah asam muka
Dia disambut agar jangan masuk lagi
Tetapi hasrat rakyat terjajah, "patah segera tumbuh, hilang
segera diganti".

Teruskanlah putera bangsa!
Ketuklah dengan pedang kasihmu hati tiap bangsa, tanamkan cinta
damai padanya.

Teruskanlah, teruskan!
Biar anjing-anjing itu menyalak sekuat suara
Memfitnah
Rakyat menanti merdeka sejati, hentinya derita manusia dikuda
manusia
Bawalah bumi Malaya ini bersertamu.

Mingguan Pedoman, 9 Februari 1957

Titik Kepastian

M. Ghazali

Lebarlah dada mendengar berita yang datang
dari perantauan daerah salju menyejuk tulang
berseri muka untuk menuju fajar gemilang
keselamatan, kemakmuran dan keagungan bakal menjelang.

Mengalun kepercayaan di hati tiadalah sempadan
dalam melangkah mencari erti tapak kemerdekaan
peduli apa pada seluruh nyawa tertekan
hanya menimbang pada budi yang diberikan.

Dalam jangkaan belum ada tanda kepastian
pertemuan untuk hidup mulia di hari depan
entahkan menghulur tangan di hati penuh rela
atau madu hanya seteguk mencerut muka.

Tiada jerat telah sedia tabir perbandingan
tiada terlihat pada kubur tiada bernisan
kami anak murba jemu meresaprasakan
daerah papa bukan itu takdir Tuhan.

Utusan Zaman, 10 Februari 1957.

Semboyan

(Untuk bapak S.M Azhari Ketua Satu Parti Rakyat Kalimantan Utara)
Seri Brunei

Ada daerah penuh pusaka terpendam
Ada insan terduduk membeku diam
Diperkosa, diperah dijadikan loncatan dan tindasan
Lemah-longlai memendam dendam dan geram
Disepit ketat diawas rapat
Sikit sungutan haram tak dapat
Berleluasa sepanjang zaman
Sampai hati kepuasan dan kantong kepenuhan.

Dalam geram penuh terpendam
Bapa muncul memimpin insan membeku diam
Bapa tunjuk, bapa tuntut hak suci
Yang lemah dan beku bergerak sama membimbang jari
Akibatnya bapa terasa tragedi
Dan disumbatkan bapa dalam lingkungan duri
Tapi! Hak suci tetap suci!!!
Tuntutan bapa berlanjut lagi!...

Bapa dan kawan, mahu pemerintahan demokrasi
Dan melemparkan perasaan mengabdi
Hak kami! Milik kami berikan kembali!
Suara serak merayu lagi.

Kami benci pada perabdian dan dijadikan loncatan
Perasaan pertuanan kami tegakkan
Kami bangun berpapah kedepahan
Berserta bapa menyusun barisan mula berjalan ...

Kami akui bapa pejuang pelopor
Di daerah tenang aman dan makmur
Dan menjagakan insan berselimut tidur
Terus maju dan pantang mundur.

Mingguan Pedoman, 2 Mac 1957

✓ Kehampaan

T. Pertwi

Sunyinya daerah ini serupa malam membisu
lagu-lagu kenangan silam tiada lagi kedengaran
hanya satu-satu suara sayu menambah rindu
berhimpit sakit segenap jiwa yang merindui ketenangan.

Kelmarin ada obor menyinar
merapati daerah jalan yang masih bertualang
disertai suara sopan pada berbudi:
"Kami mahu berbudi dan berbakti".

Pada hati penghuni daerah jalan terbiar
terlukis seribu kuntum mengandung madu
semua taruh percaya dan beri ikrar:
"Kembali keagungan serupa dulu".

Tapi kini daerah itu masih begitu
padang lapang dikotori lalang jalan
pemandu dulu tiada lagi menjenguk pandang
dan tinggallah kehampaan dan kerinduan bertakhta di kalbu.

Kuala Terengganu

Mingguan Pedoman, 2 Mac 1957

Nyanyian Pahlawan

(Untuk terunaku yang bertugas di perkhemahan)

Nor B.D.

Retak itu sudah lama melebar
hasrat murni sudah lama tersebar
tetapi, ada insan melalui dertak itu
kepalanya ditimpa batu – tersungkur dalam debu.

Bangun dan cepat-cepat berdiri mencekal hati
tingkis berlari – mengejar bakti
dalam lari terikat ke jerat pemburu bersembunyi.

Kendatipun!!!!....
dalam dada ada darah hangat membawa api
membawa jiwa, memancar, sinar harapan tinggi
di hati penuh terisi kepercayaan murni
biar sengsara membunuh jiwa memaku mati.

Dan terus cipta hasrat murni dengan gema
nyanyian pahlawan menembusi gelap memburu cahaya.

Mingguan Pedoman, 9 Mac 1957

Antara Manifesto dan Janji-janji *(Untuk mereka yang menang dalam pilihan)*

Salmi

Dulu, belum lagi mereka duduk di kerusi-kerusi bahagian nan tinggi mengawan
dan masih perlu pada sokongan untuk kemenangan
lahirkan saja janji-janji yang boleh menawan
supaya semua orang tertawan.

Ini "manifesto" kami kawan!!!!
manifesto yang akan menuju kemerdekaan
dan segala yang tercatat dalam manifesto ini
akan dapat menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan.

Kini, mereka telah menang dalam pilihan
hilang segala manifesto yang menuju kemerdekaan
dan nafikan segala janji-janji yang pernah dilahirkan
kerana itu tidak lagi menjadi tujuan.

Guna apa dulu manifesto kawan!!!!
yang penuh dengan seribu cerita kemenangan dan kebahagiaan
atau untuk memancing undi bagi mendapat kemenangan
dan menipu rakyat agar memberi sokongan.

Perak

Mingguan Pedoman, 16 Mac 1957

Kenangan Pada Medan Darah

(Pada peristiwa 13 dan 14 Februari 1942)

Ariiffin Mahmud

Dari darah yang melimpah-ruah di tanah bonda
detik sejarah ditulis dengan tinta berdarah
dari perjuangan yang tiada tunduk menyerah kalah
detik membuktikan sumpah dan kepahlawanan bangsa.

Dari pertempuran yang memakan banyak korban
mereka gugur sebagai kesateria dan bunga bangsa
jadi kenangan dan perlambang pada angkatan ini dan akan datang
peniup semangat pada kawan-kawan setaman menerus per-
juangan.

Dari hati yang tiada harapan bertemu kemenangan
tetapi azam dan cinta membawa semangat berlawan
walau yang datang beralat lengkap – bertenaga raksa
namun bonda dipertahan sampai pada titisan darah penghabisan.

Sejarah yang tenggelam di lima belas tahun yang silam
kini digulung – dikenang dan diperingat kembali
pahlawan-pahlawan yang gugur dikenang sepanjang zaman
darah dan nanah mengalir – menjirus semangat tambah bernyalा.

Pada 13 dan 14 Februari yang selalu menjelang
sejarah ini akan dikenang – diingat berulang-ulang
pahlawan-pahlawan yang gugur disanjung – diperingat sebagai
lambang
angkatan-angkatan ini tetap tegak pada sumpah pejuang.

Itu kenangan pada pahlawan yang gugur di medan depan
itu kenangan pada benteng di banjaran Bukit Pasir Panjang
seluruh hati dan jiwa tunduk tafakur pada kenangan di medan
darah
seluruh bangsa merasa megah pada semangat-semangat gagah.

Sabah menjelang musim sejarah berdarah ini
kami kenang yang melimpah penuh suci.

Mingguan Pedoman, 16 Mac 1957

Harapan Doa Ibunda

Rahmud Johor

Ibunda

telah beratus tahun kau dipenjara dalam negara
selama itu kau lesu tak berdaya.

Ibunda

telah berabad kau ditunggang sebagai alat mencari bahagia
sekian lama kaki kau dirantai dengan besi khursani.

Sebelum ibunda diikat erat:

cahayamu menyinar di sekitar buana
budimu menjadi lambang perjuangan
dan pusakamu menjadi kenyataan.

Tapi, setelah ibunda dibelenggu
dibelenggu oleh manusia zalim:
kuat kuasamu dikawal dengan kukuh
harummu disiram dengan sebusuk-busuk minyak
pusakamu dirampas dan diagih-agihkan.

Ibunda

ingatkah kau dengan sejarah yang tak lapuk ini?
remukkah hatimu bila mengingatkan sejarah ini?

Ibunda

kini usah kau berduka lagi
kami telah bangkit dari lena
hanya harapkan doa ibunda.

Kami berjanji ibunda:

selagi darah kami mengalir
kami tak putus berjuang
untuk merampas semula pusakamu.

Mingguan Pedoman, 16 Mac 1957

✓ Maraklah Api Kesedaran!!!

Suria Negara

..... Ini api yang terus membias ganas dan marak
membakar dan menghangus segala pusaka usang di tanah jajahan
sampai panji lama musnah dan panji baru tertegak
dan negara jajahan menerima kembali kemerdekaan dan ke-
daulatan.

Seluruh tenaga bergerak dalam barisan kebebasan menuju ke-
merdekaan
bergerak serentak dalam kenyataan tertegak terus tiada tumbang-
tumbang
barisan kemerdekaan tiada musnah demi penjelmaan sebarang
kemungkinan
perjuangan rakyat kian marak selagi penjajahan masih
berkembang.

Nyalaan api kesedaran semarak terus memusnah segala kepalsuan
menghangus dan melebur perlombagaan usang kebencian anak
murba
seluruh negara kedaulatan rakyat terbangun negara di zaman
kesedaran
menggongcang dan menggulingkan penjajahan dalam seluruh
negara manusia.

Tekad rakyat dalam perjuangan kemerdekaan tiada akan
terpadamkan
sebagai api marak ia membakar dan menjilat ganas
menghapus sebarang rupa penindasan dan penjajahan di benua
insan
bangunlah sekalian negara kedaulatan dan kecintaan rakyat
bebas!!!!

Parit Buntar

Mingguan Pedoman, 16 Mac 1957

Madah dari Kecapi Hati Anakanda

(Untuk ayahanda Dr. Burhanuddin)

Arifin Mahmud

Dari tanah datar yang kekeringan ini bapa bergerak
mencari tenaga – perpaduan dan kebulatan dari seluruh lapisan
dan bergerak pada garisan penentuan – garisan pembebasan
membela bangsa – membela agama – membela negara.

Pada kami anak-anak yang pernah di dunia neraka
masih bernyala semangat tetap percaya pada bapa
pada kami anak-anak yang berdiri di belakang ayahanda
tetap bergerak pada bertujuan pada tumpuan mencari kebebasan.

Sudah lama bapa dan kami dipisahkan
dan kini kita bertemu kembali di medan perjuangan
tiup! tiuplah lagi bapa api ini sampai membakar
kami tetap pada ikrar – tabah – setia – rela sampai lebur.

Pada mereka yang mencaci bapa dari segala jurusan
kami berseru tarik kembali itu cacian
kami anak-anaknya lebih kenal bapanya dari tuan-tuan
dan kami sudah tahu pilih antara kaca dan intan.

Pada ayahanda yang kembali dari medan perkurungan
kami mengharap seksaan lama jadi titisan
pada ayahanda yang melangkah ke medan perjuangan
kami tetap pada sumpah penuh kesetiaan.

Ada berita dibawa angin ribut
ayahanda dikata pemimpin pembelot
ayahanda dikata serupa dengan binatang-binatang jalang di hutan
oh! mereka semua syaitan pembawa perpecahan.

Biar! Biarlah mereka meronta-ronta – mencemuh-cemuh
ayahanda dari segala jurusan
mereka kenal ayahanda – tetapi sengaja melupakan sejarah-sejarah
perjuangan
itu dasar mereka – masuk bakul angkat sendiri
seribu kegetiran itulah penawar di sepanjang perjalanan.

Pada ayahanda yang kembali ke medan perjuangan
tiupan – tiuplah api ini tambah membakar lagi
pada mereka yang mencaci ayahanda dari jurusan
kami cabar – “tarik kembali itu cacian!!!”

Itu madah dari kecapi hati anakanda
untuk ayahanda yang kembali membawa sinar cahaya!!!

Mingguan Pedoman, 23 Mac 1957

Kami Rakyat

Suria Negara

Kami rakyat sajalah yang tahu peri seksanya hidup di bawah penjajahan
kelahiran kami sebagai hamba tebusan berjuang mati-matian untuk kepentingan orang
kami rakyat miskin sajalah yang dapat merasakan segala seksa tindasan
seluruh pancaindera kami sendiri pun mahu dimatikan dari hidup cemerlang.

Mengerti kami hidup kesejahteraan kami ditukar dengan hidup kepalsuan
terpaksa kami dan keluarga menjalani hidup penuh tangisan dan ngerang
oleh penjajahan kami sudah dimatikan sebelum ajal dari Tuhan maka harapan jadi sumbang tiada mendapat penghargaan dan pertimbangan.

Bumi kami penuh kekayaan tetapi bukan untuk kami anak jajahan kami dijadikan buruh di panas matahari dengan diupahi sedikit wang
kekayaan perusahaan terpulang ke pihak majikan dan sidang penjajahan
tinggallah kami dalam kepapaan mewarisi hidup haram di julang terang.

Banyak korban di antara kami dalam perjuangan menuntut hak keadilan
ada pahlawan kami mati di tiang gantung dan gugur di medan perang
pusaranya di bawah pohon kemboja kami belai sebagai kekasih kecintaan
pun khemah tahanan belumlah sunyi dari keluarga kami yang bernasib malang.

Aduhai dikau orang yang berbudi pernah memekik cinta pancasila kemanusiaan

puaslah kiranya melihat korban kami rakyat miskin hidup
dirundung malang
berilah kami kemerdekaan di dalamnya penuh nikmat kesejah-
teraan membela kehidupan
akan kami kenangi kasih tuan itu selagi alam dijulang malam siang.

Parit Buntar

Mingguan Pedoman, 23 Mac 1957

Kisah oleh Sepanjang Zaman
(Kenangan khas pada adik yang gugur)
Suria Darma

Wahai dinda, dengarkanlah cerita beta
Di pagi kusam datang ke pusara menemui dinda
Beta rindu peluk nafsu kekucup bibirmu
Tanah yang begini subur, jiwaku hampir lebur
Sejak peluru menembusi. Kau mati jasmani
Kenapa manusia hidup dendki – berkelahi?
Ada sekelompok manusia berkata "Tak usah bikin senjata".
Tapi mayat terus bergelimpang dihantar perang!
Ada orang hilang kekasih. Orang hidup merintih
Walau zaman selalu berputar, kisah derita tak beredar
Demikianlah sayang, kisah beralang
Tidurlah dinda pusarapuri – abang nak pergi berjuang lagi
Menuju cita-cita bangsa, pada bumiku nan mulia.

Mingguan Pedoman, 23 Mac 1957

✓ Mengapa Begini?

(Untuk mereka-mereka yang terlupa)

M.S. Yatim

Ketika pekikan "merdeka", mula bergema memecah sunyi
kami turut sama bergerak – berjuang menyambut panggilan
dengan penuh semangat, bangkit meminta pembelaan untuk
kebebasan
agar segera lepas bebas dari segala ancaman dan cengkaman.

Akhirnya tibalah saat bahagia
awan hitam yang dulunya menutupi pandangan
kini telah tertukar membawa cahaya harapan
kami diberi janji akan menerima kemerdekaan
dan khabar ini kami sambut dengan penuh kegembiraan.

Tetapi
segala kebahagiaan yang kami harapkan
mungkin hanya akan jadi impian
di mana manusia yang dahulunya turut bergerak – memimpin
berjuang bermati-mati
memandang kami dengan penuh kasih sayang. Berbudi pekerti
kini telah bertukar sikap menjadi garang dan bengis
bapa kami dituduh komunis kami dianggap sebagai pengemis.

Mengapa manusia ini jadi begini?
tidakkah mereka-mereka mahu menginsafi
bahawa kami dan dia sama serupa dicipta Ilahi
insaflah wahai manusia yang dulunya berbudi!
kami dan kamu sehaluan – punya nafsu dan kemahuan
kami mahu kemakmuran dan kami mahu kebahagiaan.

Mingguan Pedoman, 30 Mac 1957

Hasrat

(Bukan semata untuk ukuran penyata Rida)

Suria Negara

Di mana-mana pun mengerti kami bahawa tenaga kami mesti kami beri ia tiada bercerai dengan negara demi apa bentuk hidup kami apakah miskin apakah cacat melangkah kami dalam barisan rakyat suci budi tiada berhenti-henti kami berikan demi hidup belum dijelang mati.

Untuk kebangunan bersama apa pun bencana hidup kami kepunyaan negara tiada pada pun dengan darah dan nyawa kami menjadi derma siapa lagi mesti mara berbakti selain kami rakyat kecil juga takdirlah cedera kami atau mati samalah semuanya untuk membina sejahtera.

Ini suatu lanjutan hidup kami lahir dan pergi bersama cita-cita demi ada negara dan bertapaklah bangsa maka kamilah menjadi hamba

besok atau lusa kami pun hidup juga bersama-sama orang biasa jadi akankah kami biarkan hidup kami lanjutan hidup papa juga.

Kalau kami waris yang suci telah membangun semula negara kami adalah hak ketentuan kami sendiri untuk menentukan bentuk perlembagaan nanti

dan sesungguhnya kamilah jua yang lebih tahu kemahuan hidup kami

maka kamilah pencipta suci yang boleh menyusun membentuk perlembagaan kami.

"Pertama mahu kami negara dan bangsa kami terjamin selamat selama-lamanya"

kerana inilah sebuah sahaja negara dan bangsa kami ada di maya kedua mahu kami hidup kami sebagai rakyat biasa penuh sejahtera ketiga dasar luar negeri kami tiada terikat di mana-mana blok dunia.

Sebuah perlombagaan yang asing dari tekad perjuangan kami selama ini
dan ia tidak dicipta oleh seratus persen tenaga kami sendiri
akan tidaklah dapat kami terima sebagai "Perlombagaan Kerajaan" negara kami
lebur ia sebagai perlombagaan tanah jajahan kebencian murba di seluruh negeri.

Hidup kami hak kami mencipta apa corak perlombagaan negara kami
kami tiada mesti takluk di bawah kuasa mana-mana suruhanjaya luar negeri!!!
kami hidup akan mencipta kedaulatan suci asing sendiri di negara kami
melangkah kami di barisan rakyat untuk negara kamilah sendiri hamba abdi.

Mingguan Pedoman, 30 Mac 1957

✓Pertama dan Terakhir

A. Samad Said

Jauh kita berjalan
mendukung semua kepercayaan
pertama dan terakhir
sekarang kita sampai
ke puncak tiada tercapai
keazaman pantang cair.

Kita bersua hati
mengisi setiap janji
pertama dan terakhir
tiada hari kiranya
hingga bernanah dada
sumpah tiada termungkir.

Gemuruh kita bersorak
bumi dan langit retak
pertama dan terakhir
berani kita bergerak
darah dan daging serentak
hingga ke saat akhir.

Padu kita berhasrat
hingga bumi kiamat
pertama dan terakhir
kuat jantung berdetak
untuk berpaling tidak
biar di gelegak air.

Rela kita mengangkat
cita bangsa berdaulat
ke puncak murni berukir!

Mastika, April 1957

Selamat Belayar

Mas Mawi

Terpeta di mata pusaka bonda
terbara api menghangus rasa
pada perantau yang mengacu
membawa kemarau ke segala danau.

Bertiup angin mengombak awan
belayar kapal membelah gelombang
malam menyerkup bersama taufan
terkoyak layar sepanjang lautan.

Walau jiwa didera derita
tiada sinar menembusi kamar
ketabahan sampai ke bulan juga
sekalipun pudar di bintang samar.

Bertaut semula haluan yang patah
belayar menyongsong ke pulau teman
mencari pelabuhan tempat yang mesra
untuk kebahagiaan sepanjang zaman.

Selamat belayar
Ya, selamat belayar

Fikiran Rakyat, 12 April 1957

Bonda

Manja

Berbenih juga kemesraan di hati
sekali terbaja di dada kami
pagi bersih bersama kasih
bonda di sujud juga.

Ke mana dibuang sayang tertanam
tangan siapa begitu bisa
kalau terasa betapa seksa
mengapa rindu dibenam.

Sudah terlangkah kaki di senja
dada yang luka tak terhibur lagi
mawar kubuang ke dasar luruh
tanganku berdarah kembali.

Anakku kalau kau lahir
pekiplah sekuat petir
bonda!

Fikiran Rakyat, 10 Mei 1957

Janji

Wijaya Asmara

Janji!

Bosan kami kepada janji

Peduli kepada mereka yang hanya melaung sehebat gajah

Persetan kepada janji yang indah pada rupa

Dan apa diharapkan pada manusia mengakui pembela.

Persetan!

Kalau bicara sekadar umpan murba

Persetan!

Kalau rencana hanya landasan penyenyak kepala

Persetan segala – jangan mempercayai mereka!

Fikiran Rakyat, 17 Mei 1957

Tenang

Salmi Manja

Pagi dan sinar muda kembali
hari semalam hidup di jernih suci
meminta kasih hanya bonda seorang
jika terbuang dagang, duhai hati membimbang.

Sekali daun garing gugur terbaring
tak usah dikesal pada musim dingin
bila retak purnama jangan merintih di malam panjang
atau melepaskan sedu disabit bulan.

Mari, mari tenang datanglah bersarang
sama berdoa di permukaan datang
ini seruling ditiup, duhai membelah cumbu
lagu kemerdekaan di tanah ibuku.

Fikiran Rakyat, 24 Mei 1957

Antara Pidato dan Janji-janji

Ariffin Mahmud

Antara impian-impian yang tidak punya kenyataan
meletus rasa kebencian – meluap panas di jiwa
antara pidato dan janji-janji yang bertaburan
hati ini pecah dan memerah dada.

Antara cinta dan cinta ke tanah indah
ada jambatan menghubung semua daratan
tanah ini terjajah lama
dan jambatan patah di awan muram.

Antara kesempatan dan keluangan yang mengisi masa
tidak dihirau akan teriak menuntut hutang
suara serak – dada berderak – kami merasa
sekali mandi, kami mandi, tiada kepalang!

Antara pidato dan janji-janji yang bercabang
dendam kami yang menjalar payah menghilang.

Perak

Fikiran Rakyat, 31 Mei 1957

✓ Sebuah Harapan

Hasni Jaya

Dalam kesengsaraan menimpa diri
keluhan menjalar menusuk hati
kami terbiar di daerah ini
antara tangga-tangga hidup dan mati.

Satu-satu nafas melepas pergi
di dalam hidup merupa mati
kerdipan mata layu – sayu
dan kesengsaraan terus berlagu.

Pada kami – buruh, nelayan dan petani –
hidup ini sudah kepuddaran erti
kami terhempas dan tertindas
di padang tandus yang panas!

Hanya satu harapan kami
(dalam zaman segemilang ini!)
semoga tercapai segera
kedamaian dan keadilan yang berbahaya!

Ipo

Fikiran Rakyat, 31 Mei 1957

Khabar dari Dada

Mesra Hati

Khabar dari dadaku yang lebar terdedah
jauh menjalar menyuburi semua di daerah
meminta dengan tolong dan darah yang merah
kemerdekaan membawa bahagia ke murba derita.

Semua rakyat akan melonjak sepenuh hati
bila terpenuh segala yang diminta urat nadi
semua rakyat akan bertindak di hujung api
bila kosong kemerdekaan di lunak pagi.

Kawan dan semua nafas yang ada sekarang
kau waris zaman merdeka – hari cemerlang
kalau kosong tanganmu di jernih malam
kotor segala dada dan pagi semua kelam!

Fikiran Rakyat, 28 Jun 1957

Bangun – Maju – Merdeka

Ibu Zain

Bangun – bangun pemudi pemuda
sahut panggilan pertiwi ibunda
korban segala apa yang ada
ilmu tenaga harta benda.

Bangun pemuda bangun pemudi
lancutkan rantai ikatan abdi
tanah pusaka semula jadi
maju merdeka kekal abadi.

Pemuda tetap harapan bangsa
pelopor merdeka gagah perkasa
gerak serentak di bandar di desa
hapuskan pengaruh penjajah berdosa.

Wahai puteri tiang negara
perintah ibunda sahut segera
mari berjuang di samping putera
mendidik membina sanak saudara.

Merdeka bangsa merdeka negeri
merdeka bahasa jiwa sendiri
adat resam baharu dan bahri
budaya bangsa hidup berseri.

Puteri-puteri Melayu baka
tuan waris tanah pusaka
bakal pemerintah negara merdeka.
sekali merdeka tetap merdeka!

Majalah Guru, Ogos 1957

✓ **Tanah Melayu Kekal Merdeka**

Ibu Zain

Tanah Melayu tanah merdeka
bangsa Melayu punya pusaka
penuh bernaung sahabat handai
tinggal bersama aman dan damai
Tanah Melayu kekal merdeka!

Tanah Melayu kekal abadi
tanah pusaka semula jadi
satu bangsa satu negara
satu bahasa tutur dan cara
Tanah Melayu kekal merdeka!

Tanah Melayu tanahairku
tanah pusaka dari bangsaku
indah permai kaya dan makmur
tinggi berdaulat gagah dan masyhur
Tanah Melayu kekal merdeka!

Tanah Melayu tanah bertuah
tanah pusaka kaya dan makmur
kujaga kujunjung setiap masa
tanahku, negeriku, agama dan bangsa
Tanah Melayu kekal merdeka!

Rajaku, menteriku, bangsaku semua
memerintah negeri adil saksama
bangsa dan kaum rakyat jelata
hidup bersama seia sekata
Tanah Melayu kekal merdeka!

Merdeka bangsa merdeka negeri
merdeka bangsa jiwa sendiri
agama dijunjung dunia dijaga
Tanah Melayu kekal merdeka!

Majalah Guru, Ogos 1957



✓ LAMPIRAN

SENARAI NAMA PENA

- | | |
|---------------------|-------------------------------------|
| A.S. Amin | - Adnan bin Haji Abdul Rahman |
| A. Samad Said | - Abdul Samad bin Mohammad Said |
| Abahmad | - Awang bin Ahmad |
| Abin Kidin | - Muhammad bin Haji Kidin |
| Adi Mas | - Abdul Rashid bin Muhammad |
| Affrini Adham | - Ahmad bin Ariffin |
| Ahmady Asmara | - Ahmad bin Ismail |
| Aishah | - Muhammad @ Ahmad bin Haji Hussain |
| Amin | - Muhd. Amin bin Jadi @ Abdul Hadi |
| Anum | - Abdul Samad bin Ahmad |
| Asmara Jaya | - Wan Kadir bin Ismail |
| Awam il-Sarkam | - Abdul Wahab bin Muhammad |
| Bayu | - Abdullah Sani bin Raja Kecil |
| Burmy | - Borhan bin Mohd. Yamin |
| Cintati | - Muhd. Yusuf bin Awang |
| Compass A. | - Mohd. Amin bin Jadi @ Abdul Hadi |
| Gustam Negara | - Harun bin Mohd. Amin |
| Hajah Zain Sulaiman | - Zainon bin Sulaiman |
| Halim Anuar | - Awang Ahmad bin Saad |
| Harun Aminurrashid | - Harun bin Mohd. Amin |
| Hasbima | - Hassan bin Muhd. Ali |
| Hashim Gera | - Hashim bin Gera |
| Hasnan Supardi | - Mohd. Amin bin Jadi @ Abdul Hadi |
| Hasni Jaya | - Abdul Khalid bin Haji Abdul Hamid |
| IBHY | - Ibrahim bin Haji Yaakob |

Ibu Zain	- Zainon binti Sulaiman
Jasney Asmara	- Jazamuddin bin Baharuddin
Kamal	- Kamaluddin bin Muhammad
Keris Mas	- Kamaluddin bin Muhammad
Kumasi	- Kumasi bin Haji Dainuri
M. Ghazali	- Mohd. Ghazali bin Abdul Samad
M. Kidin	- Muhammad bin Haji Kidin
Malihan	- Awang Ahmad bin Saad
Manja	- Abdul Samad bin Mohd. Said
Mas	- Muhd. Ariff bin Ahmad
Mashur Malaya	- Shaharum bin Hussain
Masuri S.N.	- Masuri bin Salikun
Matlob	- Mokhtar @ Muhammad bin Taib
Misbaha	- Muhd. Salleh bin Haji Awang
Musa Jalil	- Muhd. Nor bin Yusof
Nahmar Jamil	- Na'man bin Haji Mohammad Rawi
Ngumba	- Embong bin Yahya
Noor S.I.	- Ismail bin Haji Omar
Pancaran Wau	- Muhd. Wahi bin Long
Pangeran Derma	- Muhd. Nor bin Yusof
Penulis Khas Tanjung	- Harun bin Mohd. Amin
Malim	
Putera Melaka	- Mohd. Yusof bin Harun
Rasmida	- Abdul Khalid bin Haji Abdul Hamid
Rayuan Sukma	- Kalsum binti Haji Sa'adon
Roha	- Rosdi bin Haji Hashim
Roslani Ashikin	- Abdullah bin Hussain
Rosmera	- Munir bin Ali
Salmi Manja	- Saleha binti Abdul Rashid
Suria Negara	- Suhami bin Haji Muhammad
Syahba	- Shabuddin bin Ahmad
Tomo Malaya	- Mohd. Amin bin Jadi @ Abdul Hadi
Tongkat Warrant	- Usman bin Awang
Yalazagh	- Ghazali bin Abdul Rahman
Zamroed	- Abdullah bin Hussain
Zain	- Mohd. Wahi bin Long
Zulastry	- Salleh bin Daud

BIBLIOGRAFI

BUKU

1. Nasionalisme:

- Kedourie, 1974. *Nationalism*, London: Hutchinson Universiti Library.
Kohn, Hans, 1965. *Nationalism: Its Meaning and History*, New York: Van Nostrand Reinhold Company.
Roff W.R., 1967. *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

2. Sejarah dan Politik:

- A.M. Iskandar Haji Ahmad, 1973. *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Abdul Latiff Abu Bakar, 1977. *Ishak Hj. Muhammad: Penulis dan Ahli Politik Sehingga 1948*, Kuala Lumpur: Penerbit University Malaya.
_____, 1984. *Abdul Rahim Kajai: Wartawan dan Sasterawan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Roff. W.R., 1972. *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals (1876-1941)*, London: Oxford University Press.

3. Kesusastraan Umum:

- Ali Haji Ahmad, 1966. *Puisi Baharu Melayu (1942-1960)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
_____, 1971. *Asas Menganalisa Sajak*, Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti.
_____, 1971. *Perintis Sajak-sajak Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti.
Anis Sabirin, 1973. *Mengenal Puisi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
J.U. Nasution, 1965. *Asmara Hadi Penyair Api Nasionalisme*, Jakarta: Gunung Agung.
Kamaruzzaman Abd. Kadir, 1982. *Nasionalisme Dalam Puisi Melayu Modern 1933-1957*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Masuri S.N., 1971. *Sajak-sajak Melayu Baru (1946-1961)*, Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti.
_____, 1968. *Puisi Modern*, Singapura: Penerbitan Pustaka Nasional.

- Mohd. Yusof Md. Nor, 1985. *Rampaisari Puisi Warisan*, Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti.
- Umar Junus, 1970. *Perkembangan Puisi Melayu Modern*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, 1980. *Sikap dan Pemikiran Dalam Puisi Melayu Modern*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

4. Antologi Sajak:

- A.S. Amin, 1965. *Damai*, Kuala Lumpur: Penerbitan Federal Berhad.
- A. Karim Abdullah dan Abu Zaki Fadzil, 1975. *Gema Suci-Gugusan Puisi Alam Prof. Zulkifli Muhammad*, Petaling Jaya: Pustaka Budaya Agency.
- Amir Hamzah, 1963. *Buah Rindu*, Bt. Karya Publication Limited.
- _____, 1969. *Nyanyi Sunyi*, Zaman Baru Sdn. Bhd.
- M. Ghazali, 1977. *Bunga Merah (Sajak-sajak 1955-1964)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masuri S.N., 1975. *Awan Putih*, Singapura: Penerbitan Pustaka Nasional.
- _____, 1962. *Warna Suasana*, Singapura: Oxford University Press.
- Noor S.I., 1963. *Rakaman Roh - Sajak-sajak Pilihan 1953-1961*, Kuala Lumpur: Marican & Sons Berhad.
- Pyan Husayn dan Suhaimi Haji Muhammad, 1981. *Embun Pagi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, dan Ismail Ahmad, 1978. *Puisi Zaman Jepun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ruhi Hayat, 1967. *Dendang Dari Neraka*, Kuala Lumpur: Penerbitan Gelora.

RENCANA

- Abdul Latiff Abu Bakar, 1981. "Ibrahim Hj. Yaakob: Kegelisahan dan Impian Seorang Pejuang Melayu", dalam *Imej dan Cita-cita* (Kumpulan Kertas Kerja Hari Sastera 1980), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, 1984. "Akhbar, Desentralisasi dan Persatuan Negeri Melayu", dalam *Monograf Sejarah Masyarakat Melayu Modern*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- _____, 1985. "Penglibatan Penulis dan Wartawan dalam Politik Malaysia", dalam *Nasionalisme Dalam Persuratan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, 1980. "Akhbar Melayu dan Penubuhan Persatuan-persatuan Negeri Melayu, 1926-1941", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- _____, 1981. "Abdul Samad Ahmad: Perihal Puisi Nasionalismenya", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- _____, 1981. "Satu Analisis Terhadap Pemikiran Datuk Burhan Md. Yaman di Dalam Puisi Nasionalismenya", dalam *Jurnal Sejarah Melaka*, 1981.
- _____, 1983. "Puisi-puisi Harun Aminurrashid yang Bertemakan Nasionalisme (1929-1939)", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

_____, 1983. "Mohd. Jadi – Penulis Puisi Kebangsaan Sebelum Perang Dunia II", dalam *Jurnal Sejarah Melaka*, 1983.

PILIHAN AKHBAR DAN MAJALAH

A. 1907-1941:

1. *Al-Hikmah* (1934-1941).
2. *Al-Ikhwan* (1926-1931).
3. *Dewasa* (1931).
4. *Idaman* (1940-1941).
5. *Lembaga Malaya* (1934-1938).
6. *Lidah Benar* (1929-1935).
7. *Majalah Guru* (1924-1941).
8. *Majlis* (1931-1941).
9. *Malaya* (1926-1931).
10. *Pancaran Pena* (1939).
11. *Persahabatan* (1936).
12. *Sahabat* (1939-1941).
13. *Saudara* (1928-1941).
14. *Temasek* (1930).
15. *Utusan Melayu* (1907-1921) dan (1939-1941).
16. *Utusan Zaman* (1939-1941).
17. *Warta Ahad* (1935-1941).
18. *Warta Jenaka* (1936-1941).
19. *Warta Malaya* (1930-1941).
20. *Warta Negara* (1929-1931).

B. 1942-1945:

1. *Berita Malai* (1944).
2. *Fajar Asia* (1943-1944).
3. *Matahari Memancar* (1942).
4. *Semangat Asia* (1943-1944).
5. *Sinaran Matahari* (1942).
6. *Suara Timur* (1942).

C. 1946-1957:

1. *Belia* (1955-1956).
2. *Fikiran Rakyat* (1957).
3. *Kencana* (1947).
4. *Majlis* (1946-1955).
5. *Mastika* (1946-1957).
6. *Malaya Merdeka* (1955-1957).
7. *Masyarakat* (1950-1955).
8. *Merdeka* (1954-1955).
9. *Melayu Raya* (1950-1955).

10. *Mutiara* (1948-1957).
11. *Mingguan Pedoman* (1956).
12. *Panduan Rakyat* (1945-1950).
13. *Sinaran* (1950).
14. *Suara UMNO* (1950-1954).
15. *Utusan Zaman* (1947-1957).